

PERTIMBANGAN MORAL SEBAGAI PENGANTARA
DALAM HUBUNGAN ANTARA EMOSI MORAL DAN
IDENTITI MORAL TERHADAP TINGKAH LAKU
PROSOSIAL PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

SATHISH RAO A/L APPALANAIDU

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

PERTIMBANGAN MORAL SEBAGAI PENGANTARA DALAM HUBUNGAN
ANTARA EMOSI MORAL DAN IDENTITI MORAL TERHADAP TINGKAH LAKU
PROSOSIAL PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

SATHISH RAO A/L APPALANAIDU

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Sathish Rao a/l Appalanaidu

No. Matrik: S2027896

Nama Ijazah: Doktor Falsafah (Psikologi Pendidikan)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”): Pertimbangan Moral sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Emosi Moral dan Identiti Moral terhadap Tingkah laku Prososial Pelajar Sekolah Menengah.

Bidang Penyelidikan: Psikologi Pendidikan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 19/03/2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 19/03/2024

Nama

Jawatan

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penulisan kajian ini. Sokongan dan bimbingan kalian amat saya hargai dan disanjung tinggi.

Sekalung apresiasi dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada:

Penyelia tesis saya, Dr. Siaw Yan Li dan Profesor Madya Dr. Vishalache Balakrishnan atas segala ilmu, bimbingan, tunjuk ajar dan motivasi yang diberikan sepanjang pengajian saya. Ilmu pemikiran akademik yang dicurahkan telah membentuk saya untuk menjadi seorang ahli akademik yang berdaya kritis dan bermanfaat kepada dunia pendidikan. Malah, sokongan emosi daripada kedua-dua penyelia telah memberi inspirasi kepada saya untuk meneruskan perjuangan saya untuk menyiapkan tesis ini.

Profesor Madya Dr. Mohd Zailani Mohd Yusof, Dr. Azni Yati Kamaruddin dan Dr. Norzalina Noor atas segala kerjasama dan bimbingan yang diberikan untuk pengesahan instrumen kajian saya.

Profesor Dr. Bahaman Abu Samah yang tidak jemu memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada saya terutamanya penganalisan Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM-AMOS). Terima kasih Prof. kerana mengajar saya menghargai setiap analisis statistik.

Penghargaan turut ditujukan kepada Profesor Emeritus Dr. Daniel Brugman dari Utrecht University, Netherlands atas sumbangan ilmu psikologi moral beliau kepada kajian ini dan membantu untuk menilai artikel pengkaji untuk penerbitan.

Seterusnya, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah memberi peluang melalui Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) kepada saya untuk menyambung pengajian Ijazah Kedoktoran saya dan sokongan penuh untuk menyiapkan tesis ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pihak Pengurusan Universiti Malaya (UM) atas segala kerjasama dalam memudahkan urusan pengajian terutamanya pihak pengurusan Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan semua pihak pengurusan sekolah negeri Selangor termasuk guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam proses pengumpulan data kajian ini. Tanpa anda kajian ini tidak akan mendapat hasilnya.

Semua rakan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Amanah dan kakitangan dari Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kementerian Perpaduan Negara (KPT). Sokongan dan kerjasama anda semua amat dihargai.

Kepada sahabat baik saya James Devan Arokisamy, Seshagri dan Mohamad Syafiq, ucapan terima kasih tidak cukup buat anda kerana jasa kalian tidak ternilai. Terima kasih sahabat kerana menjadi telinga mendengar, bahu berpaut dan sentiasa bersama saya di saat duka dan bahagia.

Akhir sekali, buat kedua-dua ibu bapa saya dan ahli keluarga saya, cita-cita saya untuk menggapai ijazah Ph.D tidak tercapai tanpa segala pengorbanan, sokongan dan dorongan anda. Saya tidak dapat membalas anda dengan apa-apa untuk semua yang anda telah lakukan untuk saya sepanjang hidup ini. Namun begitu, saya cuba membalas budi anda dengan segulung ijazah ini. Terima kasih kepada dua talian hayat saya.

Ibu Bapa yang dicintai, Appalanaidu Sinniah & Vijaya Letchumi
Kakak dan abang disayangi

Khas buat Jeevitha Ramalingam, percintaan yang bermula di saat permulaan Ph.D sehinggalah bergelar sebagai suami isteri di penghujungnya. Terima kasih sayangku untuk bertahun-tahun segala rasa cinta, sayang dan rindu. Kau melengkapi kekuranganku dan mengimbang kelebihanku. Aku dedikasikan tesis ini buat percintaan kita.

Universiti Malaysia

**[PERTIMBANGAN MORAL SEBAGAI PENGANTARA DALAM HUBUNGAN
ANTARA EMOSI MORAL DAN IDENTITI MORAL TERHADAP TINGKAH
LAKU PROSOSIAL PELAJAR SEKOLAH MENENGAH]**

ABSTRAK

Peningkatan penglibatan pelajar sekolah menengah dalam tingkah laku tidak bermoral telah memberikan cabaran yang tinggi kepada sistem pendidikan Malaysia yang komited melahirkan pelajar sebagai modal insan yang memiliki perkembangan moral yang seimbang. Masalah kematangan pertimbangan moral pelajar boleh menjadi punca tingkah laku pelajar keluar daripada landasan moral. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis kesan pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Kajian ini turut meninjau tahap, hubungan dan pengaruh emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral terhadap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar. Selaras dengan itu, Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM) dicadangkan dalam kajian ini. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk deskriptif, korelasi dan juga komparatif sebab-akibat dalam proses penganalisan. Seramai 393 pelajar tingkatan empat di negeri Selangor terpilih sebagai sampel kajian melalui persampelan rawak berkelompok pelbagai peringkat. Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan empat instrumen iaitu Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu, Skala Identiti Moral, Pengukuran Refleksi Sosiomoral dan Pengukuran Kecenderungan Prososial. Kajian ini mendapati pelajar sekolah menengah mempunyai tahap kecenderungan emosi moral ($M = 5.29$, $S.P. = 0.87$) dan pembentukan identiti moral ($M = 4.58$, $S.P. = 0.75$) yang tinggi. Malah, skor kematangan pertimbangan moral pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap matang ($M = 67.51$, $S.P. = 13.73$) dengan jumlah 69.9% di tahap matang dan selebihnya 30.1% masih berada di tahap tidak matang. Bagaimanapun, keseluruhan

pelajar menunjukkan kecenderungan yang sederhana untuk bertingkah laku prososial ($M = 3.67$, $S.P. = 0.63$). Ujian korelasi Pearson mendapati kesemua pemboleh ubah mempunyai hubungan signifikan antara satu sama lain. Dapatan model berstruktur melaporkan identiti moral ($\beta = 0.294$, $p = 0.001$) dan pertimbangan moral ($\beta = 0.291$, $p = 0.028$) meramalkan tingkah laku prososial pelajar secara signifikan, manakala emosi moral ($\beta = 0.135$, $p = 0.098$) tidak meramalkan secara signifikan. Akan tetapi, emosi moral ($\beta = 0.211$, $p = 0.001$) dan identiti moral ($\beta = 0.325$, $p = 0.000$) berjaya meramalkan pertimbangan moral pelajar secara signifikan. Sumbangan model PPMPSM terhadap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar adalah sebanyak 22% dengan kesan 0.88 keseluruhan. Model ini merumuskan bahawa identiti moral merupakan pengaruh terbesar dalam meramalkan kecenderungan tingkah laku prososial. Malah, pertimbangan moral didapati memainkan peranan penting dalam memberi kesan pengantaraan penuh dan separa masing-masing ke atas hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar. Justeru, Model PPMPSM ini diterima dan padan dengan data yang dicerap. Kesimpulannya, kajian ini secara teorinya menyumbang kepada ilmu bidang perkembangan moral menerusi pengintegrasian domain moral seperti identiti, emosi, kognitif dan tingkah laku dalam satu model kajian PPMPSM untuk memberikan penjelasan yang lebih holistik tentang keberhasilan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Secara praktikalnya, kajian ini memberi maklumat kepada pemegang taruh yang berkait bahawa pertimbangan moral penting untuk diangkat sebagai kemahiran yang wajib dididik untuk mencapai kemenjadian pelajar.

**[MORAL JUDGEMENT AS MEDIATOR IN THE RELATIONSHIP BETWEEN
MORAL EMOTION AND MORAL IDENTITY TOWARDS PROSOCIAL
BEHAVIOUR AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS]**

ABSTRACT

The recent increase of secondary school students' involvement in immoral behaviour poses a major challenge to the Malaysian education system, especially in producing secondary students as human capital with balanced moral development. A lack of maturity in students' moral judgement may be the cause of their behaviour violating moral standards. Therefore, this study aimed to analyse the mediating effect of moral judgement in the relationship between moral emotions and moral identity on students' tendencies towards prosocial behaviour. This study also examined the level, relationship and influence of moral emotions, moral identity and moral judgement on prosocial behaviour tendencies among secondary school students. In this study, a Multiple Mediation Model of Secondary School Students' Moral Judgement (PPMPSM) is proposed. In this quantitative study, a descriptive, correlational, and comparative cause-effect design was used for analysis. A total of 393 form four students from Selangor State were selected as the study sample through multi-stage random sampling. Four instruments were used to collect data using the Guilt and Shame Proneness Scale, the Moral Identity Questionnaire, the Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective and the Prosocial Tendencies Measure-Revised. The results show that secondary school students have high levels of moral emotions ($M = 5.29$, $S.D. = 0.87$) and moral identity ($M = 4.58$, $S.D. = 0.75$). The overall level of the students' moral judgement is mature ($M = 67.51$, $S.D. = 13.73$), with a total of 69.9% of the students reaching the mature level and the remaining 30.1% still at the immature level. However, majority of the students showed moderate prosocial tendency ($M = 3.67$, $S.D. = 0.63$). The Pearson correlation test revealed that all variables

were significantly related. Structural modelling revealed that only moral identity ($\beta = 0.294, p = 0.001$) and moral judgement ($\beta = 0.291, p = 0.028$) significantly predicted students' prosocial behaviour, while moral emotion ($\beta = 0.135, p = 0.098$) did not. However, moral emotion ($\beta = 0.211, p = 0.001$) and moral identity ($\beta = 0.325, p = 0.000$) significantly predicted students' moral judgments. The PPMPSM model contributes to students' prosocial behaviour tendencies with an overall effect of 0.88 at 22%. This model found that moral identity had the greatest impact on students' prosocial behavioural tendencies. Most importantly, moral judgement played an important role in mediating the relationship between moral emotion and moral identity on students' prosocial behaviour, both fully and partially. Thus, this PPMPSM model is accepted and consistent with the observed data. Finally, this study contributes theoretically to the knowledge of moral development by integrating moral domains such as identity, emotion, cognition and behaviour into a PPMPSM study model to provide a more holistic explanation of prosocial behaviour in secondary school students. In practise, this study provides information to relevant stakeholders that moral judgement is an essential skill to prioritise in order to produce knowledgeable and competent students with high moral standards.

ISI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iv
Abstract	vi
Isi Kandungan	viii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Jadual	xv
Senarai Singkatan	xviii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Tujuan Kajian	22
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Persoalan Kajian	23
1.7 Hipotesis Kajian	24
1.8 Kepentingan Kajian	26
1.9 Batasan Kajian	29
1.10 Definisi Operasional	30
1.10.1 Pelajar Sekolah Menengah	30
1.10.2 Emosi Moral	31
1.10.3 Identiti Moral	33
1.10.4 Pertimbangan Moral	34
1.10.5 Tingkah Laku Prosocial	35
1.11 Rumusan	36
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	38
2.1 Pengenalan	38

2.2	Konsep Kemoralan dan Perkembangan Moral	39
2.3	Perkembangan Moral dari Perspektif Perkembangan Kognitif	44
2.4	Pertimbangan Moral	53
2.4.1	Dimensi Pertimbangan Moral	57
2.4.2	Kematangan Pertimbangan Moral	63
2.4.3	Hubungan Pertimbangan Moral dengan Tingkah Laku Prosocial	66
2.5	Tingkah Laku Prosocial	68
2.5.1	Dimensi Tingkah Laku Prosocial	73
2.5.2	Hubungan Tingkah Laku Prosocial	77
2.6	Emosi Moral	80
2.6.1	Dimensi Emosi Moral	85
2.6.2	Hubungan Emosi Moral dengan Tingkah Laku Prosocial	93
2.6.3	Hubungan Emosi Moral dengan Pertimbangan Moral	96
2.7	Identiti Moral	100
2.7.1	Dimensi Identiti Moral	105
2.7.2	Hubungan Identiti Moral dengan Tingkah Laku Prosocial	110
2.7.3	Hubungan Identiti Moral dengan Pertimbangan Moral	113
2.8	Rumusan Tinjauan Kajian Lepas	116
2.9	Latar Belakang Teori Kajian	120
2.9.1	Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994)	121
2.9.2	Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984)	127
2.9.3	Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019)	136
2.10	Kerangka Teoretikal Kajian	142
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	146
2.12	Model Cadangan: Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)	148
2.13	Rumusan	150
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		152
3.1	Pengenalan	152
3.2	Reka Bentuk Kajian	152

3.3	Lokasi Kajian	154
3.4	Populasi Kajian	156
3.5	Persampelan	156
3.5.1	Saiz Sampel	157
3.5.2	Kaedah Persampelan	162
3.6	Instrumentasi	165
3.6.1	Demografi	166
3.6.2	Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu (Cohen et al., 2011)	166
3.6.3	Skala Identiti Moral (Black & Reynolds, 2016)	172
3.6.4	Pengukuran Refleksi Sosiomoral (Brugman et al., 2007)	176
3.6.5	Pengukuran Kecenderungan Prososial (Carlo et al., 2003)	183
3.7	Penterjemahan dan Kesahan Instrumen Kajian	190
3.7.1	Penterjemahan Instrumen Kajian	191
3.7.2	Kesahan Kandungan Instrumen Kajian	193
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian dan Kajian Rintis	195
3.9	Penganalisan Faktor Pengesahan (CFA)	197
3.9.1	Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu	200
3.9.2	Skala Identiti Moral	201
3.9.3	Pengukuran Refleksi Sosiomoral	204
3.9.4	Pengukuran Kecenderungan Prososial	206
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	208
3.11	Teknik Penganalisan Data	210
3.11.1	Analisis Awalan	212
3.11.2	Analisis Deskriptif	215
3.11.3	Analisis Inferensi	218
3.12	Rumusan	230
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		231
4.1	Pengenalan	231
4.2	Analisis Awalan	231

4.2.1	Kehilangan Data dan Sampel Tidak Fokus	232
4.2.2	Ujian Kenormalan Data Univariat	232
4.3	Analisis Deskriptif	233
4.3.1	Demografi Sampel	233
4.3.2	Tahap Emosi Moral	235
4.3.3	Tahap Identiti Moral	236
4.3.4	Tahap Pertimbangan Moral	237
4.3.5	Tahap Tingkah Laku Prosocial	238
4.4	Pengesahan Model Pengukuran	239
4.4.1	Penilaian Kesepadanan Model Pengukuran	240
4.4.2	Penilaian Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran	245
4.4.3	Andaian Pemodelan Persamaan Berstruktur	247
4.4.4	Analisis Korelasi Hasil Darab Momen Pearson	249
4.5	Penilaian Model Berstruktur	252
4.5.1	Penilaian Kesepadanan Model Cadangan	253
4.5.2	Pengaruh dan Sumbangan Keseluruhan Model Cadangan	254
4.5.3	Penganalisan Kesan Pengantaraan	260
4.5.4	Rumusan Analisis Model	263
4.6	Rumusan Pengujian Hipotesis Kajian	264
4.7	Rumusan	266
BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		268
5.1	Pengenalan	268
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	269
5.2.1	Emosi Moral	269
5.2.2	Identiti Moral	273
5.2.3	Pertimbangan Moral	276
5.2.4	Tingkah Laku Prosocial	279
5.3	Hubungan Konstruk dalam Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)	282
5.3.1	Hubungan antara Emosi Moral dengan Pertimbangan Moral	282

5.3.2	Hubungan antara Emosi Moral dengan Tingkah Laku Prosocial	285
5.3.3	Hubungan antara Identiti Moral dengan Pertimbangan Moral	288
5.3.4	Hubungan antara Identiti Moral dengan Tingkah Laku Prosocial	291
5.3.5	Hubungan antara Pertimbangan Moral dengan Tingkah Laku Prosocial	294
5.3.6	Pengaruh Peramal Tingkah Laku Prosocial dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah	297
5.3.7	Pengaruh Peramal Pertimbangan Moral dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah	302
5.3.8	Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)	307
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	311
5.4.1	Kematangan Pertimbangan Moral Pelajar	311
5.4.2	Kecenderungan Tingkah Laku Prosocial Pelajar	314
5.4.3	Peranan Emosi Moral dan Identiti Moral	316
5.4.4	Sumbangan Keseluruhan Model PPMPSM	318
5.5	Implikasi Kajian	320
5.5.1	Implikasi Teoretikal	321
5.5.2	Implikasi Praktikal	326
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	334
5.6.1	Reka Bentuk Kajian	334
5.6.2	Pemboleh Ubah Kajian	336
5.6.3	Lokasi Kajian	337
5.6.4	Penganalisan Data	337
5.7	Penutup	339
	RUJUKAN	342
	LAMPIRAN	381
A	Jadual Penentuan Saiz Sampel Cohen (1992)	381
B	Pengiraan Saiz Sampel dengan menggunakan <i>A-priori Sample Size Calculator for Structural Equation Models</i> (Soper, 2022)	382
C	Kebenaran Penggunaan Instrumen <i>Guilt and Shame Proneness</i> (GASP)	383

D	Kebenaran Penggunaan Instrumen <i>Moral Identity Questionnaire</i> (MIQ)	385
E	Kebenaran Penggunaan Instrumen <i>Sociomoral Reflection Measure- Short Form Objective</i> (SRM-SFO)	387
F	Kebenaran Penggunaan Instrumen <i>Prosocial Tendencies Measure, Revised</i> (PTM-R)	389
G	Soal Selidik Kajian	390
H	Lembaran Pengiraan Skor Kematangan Global Instrumen <i>Sociomoral Reflection Measure- Short Form Objective</i> (SRM-SFO)	408
I	Kebenaran Penggunaan Item dari Instrumen <i>Prosocial Tendencies Measurement, Chinese Version</i> (PTM-C)	409
J	Pengesahan Penterjemahan Instrumen Kajian oleh Pakar Penterjemah A dan Kelayakan Penterjemahan	412
K	Pengesahan Penterjemahan Instrumen Kajian oleh Pakar Penterjemah B dan Kelayakan Penterjemahan	414
L	Pengesahan Penterjemahan Instrumen Kajian oleh Pakar Bahasa	416
M	Pengesahan Kandungan Item Instrumen Kajian oleh Pakar Kandungan A	417
N	Pengesahan Kandungan Item Instrumen Kajian oleh Pakar Kandungan B	418
O	Jadual Pemurnian Instrumen Kajian Berdasarkan Komen Pakar	419
P	Jadual Penambahbaikan Instrumen Kajian Selepas Kajian Rintis	421
Q	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada BPPDP, KPM	423
R	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada JPN Selangor	424
S	Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah	425
T	<i>Boxplot</i> untuk setiap Pemboleh Ubah Kajian	426
U	Matriks Kovariansi Residual Piawai	429
V	Pengesanan <i>Outliers</i> dengan menggunakan Jarak Mahalanobis	430
	SENARAI PENERBITAN	431

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Ringkasan Perbezaan Aliran Pemikiran Penyesuaian Sosial dan Fungsionalisme	90
Rajah 2.2	Kerangka Teoretikal Kajian	143
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Kajian	146
Rajah 2.4	Model Cadangan (Model Input 1): Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)	149
Rajah 3.1	Teknik dan Prosedur Persampelan Rawak Kelompok Pelbagai Peringkat	164
Rajah 3.2	Gambaran Keseluruhan Proses Analisis Data Kajian	211
Rajah 4.1	Model Pengukuran Selepas Pengubahsuaian	245
Rajah 4.2	Model Berstruktur (Model Cadangan: Model Output 1)	255
Rajah 5.1	Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM).	320
Rajah 5.2	Implikasi Praktikal Kajian	326

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Peringkat dan Tahap Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1976)	131
Jadual 2.2	Tahap perkembangan sosiomoral Gibbs (2019)	139
Jadual 2.3	Tahap Perkembangan Psikososial, Erikson (1959-1998)	124
Jadual 3.1	Senarai Daerah dan Bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Harian Biasa di Negeri Selangor	155
Jadual 3.2	Bahagian-Bahagian dan Jumlah Item dalam Instrumen Soal selidik	165
Jadual 3.3	Dimensi, subskala dan item bagi instrumen Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu	168
Jadual 3.4	Subskala dan item bagi instrumen Skala Identiti Moral	174
Jadual 3.5	Bidang Nilai bagi Instrumen Pengukuran Refleksi Sosiomoral	178
Jadual 3.6	Subskala dan item-item bagi Instrumen Pengukuran Kecenderungan Prosocial	185
Jadual 3.7	Latar Belakang Kelayakan Pakar Penterjemah dan Pakar Bahasa	192
Jadual 3.8	Latar Belakang Kelayakan Pakar Bidang	193
Jadual 3.9	Skor Persetujuan Cohen Kappa di antara Dua Pakar Bidang	195
Jadual 3.10	Kebolehpercayaan Nilai Alpha Cronbach Instrumen Kajian	197
Jadual 3.11	Ringkasan Petunjuk Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Kajian	199
Jadual 3.12	Analisis CFA Tertib Pertama Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu	200
Jadual 3.13	Kesahan dan Kebolehpercayaan Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu	201
Jadual 3.14	Analisis CFA Tertib Pertama bagi Skala Identiti Moral	203
Jadual 3.15	Kesahan dan Kebolehpercayaan Skala Identiti Moral	204
Jadual 3.16	Analisis CFA Tertib Pertama bagi Pengukuran Refleksi Sosiomoral	205

Jadual 3.17	Kesahan dan Kebolehpercayaan Pengukuran Refleksi Sosiomoral	206
Jadual 3.18	Analisis CFA Tertib Pertama bagi Pengukuran Kecenderungan Prosocial	207
Jadual 3.19	Kesahan dan Kebolehpercayaan Pengukuran Kecenderungan Prosocial	208
Jadual 3.20	Teknik Penganalisan Statistik Berdasarkan Persoalan Kajian Deskriptif	215
Jadual 3.21	Penentuan Interpretasi Min Skor bagi Pemboleh Ubah Emosi Moral	216
Jadual 3.22	Penentuan Interpretasi Min Skor bagi Pemboleh Ubah Identiti Moral	217
Jadual 3.23	Penentuan Interpretasi Min Skor bagi Pemboleh Ubah Tingkah Laku Prosocial	217
Jadual 3.24	Penentuan Interpretasi Min Skor Kematangan Global bagi Pemboleh Ubah Pertimbangan Moral	218
Jadual 3.25	Indeks Kesepadanan Model (Goodness of Fit) dan Tahap Penerimaan Model Pengukuran	221
Jadual 3.26	Ringkasan Petunjuk Ujian Kesahan Diskriminan	222
Jadual 3.27	Andaian Penilaian Kenormalan, Outliers dan Kemultikolinearan Data Multivariat	223
Jadual 3.28	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	225
Jadual 3.29	Teknik Penganalisan Data Berdasarkan Hipotesis Cadangan Kajian	229
Jadual 4.1	Profil Sampel Kajian	234
Jadual 4.2	Tahap Emosi Moral	235
Jadual 4.3	Tahap Identiti Moral	236
Jadual 4.4	Tahap Pertimbangan Moral	237
Jadual 4.5	Tahap Tingkah Laku Prosocial	238
Jadual 4.6	Konstruk dan Indikator dalam Model Cadangan (Model Input 1)	240

Jadual 4.7	Indeks Kesepadanan Model Pengukuran Sebelum Pengubahsuaian Model	241
Jadual 4.8	Nilai Beban Faktor (<i>Standardised Regression Weights</i>)	242
Jadual 4.9	Indeks Pengubahsuaian (MI)	243
Jadual 4.10	Indeks Kesepadanan Model Pengukuran Sebelum dan Selepas Pengubahsuaian Model	244
Jadual 4.11	Matriks Pepenjuru Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Kajian	247
Jadual 4.12	Ujian Kenormalan Data	248
Jadual 4.13	Korelasi antara Pemboleh Ubah Kajian	251
Jadual 4.14	Indeks Kesepadanan Model Berstruktur (Model Cadangan Input 1)	254
Jadual 4.15	Pengaruh Konstruk ke atas Tingkah Laku Prosocial Pelajar (Model Cadangan Input 1)	256
Jadual 4.16	Kesan Keseluruhan Model Cadangan	259
Jadual 4.17	Kesan Pengantaraan Pertimbangan Moral dalam Hubungan antara Emosi Moral dan Tingkah Laku Prosocial	262
Jadual 4.18	Kesan Pengantaraan Pertimbangan Moral dalam Hubungan antara Identiti Moral dan Tingkah Laku Prosocial	263
Jadual 4.19	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian	265

SENARAI SINGKATAN

AGFI	: <i>Adjusted Goodness of Fit</i>
AMOS	: <i>Analysis of Moment Structures</i>
AVE	: <i>Average Variance Extracted</i>
BPPDP	: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CFA	: <i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CFI	: <i>Comparative Fit Index</i>
CR	: <i>Construct Reliability</i>
CV	: <i>Convergent Validity</i>
DCQ	: <i>Dimensions of Conscience Questionnaire</i>
DF	: <i>Degree of Freedom</i>
DIT	: <i>Defining Issues Test</i>
DIT 2	: <i>Defining Issue Test 2</i>
DSKP	: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EDA	: <i>Exploratory Data Analysis</i>
ERI	: <i>Ethical Reasoning Inventory</i>
FPK	: Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GASP	: <i>Guilt and Shame Proneness Scale</i>
GFI	: <i>Goodness of Fit Index</i>
IBM SPSS	: <i>Statistical Packages for Social Science</i>
JPN	: Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	: Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	: Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MCT	: <i>Moral Competence Test</i>
MIQ	: <i>Moral Identity Questionnaire</i>

MJI	: <i>Moral Judgment Interview</i>
MJI	: <i>Moral Judgement Test</i>
N	: Sampel
NFI	: <i>Normed Fit Index</i>
OECD	: Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi
PBD	: Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	: Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PDN	: Rasa Malu - Penilaian Diri Negatif
PdPR	: Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PPMPSM	: Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah
PPD	: Pejabat Daerah Pendidikan
PTLN	: Rasa Bersalah - Penilaian Tingkah Laku Negatif
PPP	: Panduan Panel Pakar
PPPM	: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTM-R	: <i>Prosocial Tendencies Measure-Revised</i>
r	: <i>Correlation Coefficient</i>
RMK	: Rancangan Malaysia Ke
RMSEA	: <i>Root Square of Error Approximation</i>
SEM	: <i>Structural Equation Modelling</i>
SMK	: Sekolah Menengah Kebangsaan
SRM	: <i>Sociomoral Reflection Measure</i>
SRM-SF	: <i>Sociomoral Objective Measure-Short Form</i>
SRM-SFO	: <i>Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective</i>
SRMR	: <i>Standardised Root Mean Square Residual</i>
SROM	: <i>Sociomoral Objective Measure</i>
SSDM	: Sistem Sahsiah Diri Murid
TLI	: <i>Tucker-Lewis Index</i>

TOSCA-3; : *Test of Self-Conscious Affect-3*
UM : Universiti Malaya
UPSI : Universiti Pendidikan Sultan Idris
VIF : *Variation Inflation Factor*
vs : *Versus*
 α : Alpha
 β : Beta

Universiti Malaya

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara, salah satu aset yang terpenting yang boleh menjamin sesebuah masyarakat yang madani ialah golongan remaja. Mereka perlu dididik dan dibentuk dengan acuan yang terbaik serta dibekalkan dengan identiti diri yang ideal untuk melahirkan modal insan yang berkualiti kepada masyarakat, bangsa dan negara. Oleh itu, sebagai pewaris kepimpinan negara, tumpuan haruslah diberikan kepada golongan remaja segenap dari aspek perkembangan diri mereka dan harus dilakukan dengan sebaik mungkin serta perlu berterusan.

Secara amnya, remaja merupakan satu tempoh peralihan dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa yang dihadapi dengan perubahan biologi, morfologi, fisiologi, kognitif, psikologi dan juga sosioemosi (Escorza & Ornelas, 2018). Oleh sebab itu, remaja mengalami perkembangan dari segi daya pemikiran, ketegangan emosi, tingkah laku yang lebih responsif dan rasa ingin tahu yang tinggi untuk mengimbangi perubahan ini. Kesemua perubahan dan perkembangan ini memberi impak yang besar kepada pembentukan nilai diri remaja dan dipamerkan melalui tingkah laku moral yang dipersetujui oleh masyarakat.

Maka untuk kekal berada pada landasan yang betul, remaja sejak kecil lagi didedahkan dengan set-set peraturan, norma-norma masyarakat dan sistem nilai moral yang merangsang mereka untuk menilai niat dan tindakan sendiri dan orang lain (Li et al., 2020). Alam persekolahan menengah juga adalah satu transisi yang membentuk dan mengembangkan kesedaran diri moral dan pengalaman moral secara meluas dalam

kalangan pelajar sekolah menengah yang rata-ratanya golongan remaja (Ovcharova, 2019). Hal ini kerana remaja menghabiskan sebahagian besar masa mereka di alam persekolahan terutamanya ketika berada di peringkat menengah (Nurulhuda et al., 2020). Selaras dengan perkembangan fizikal dan psikologi, remaja berperanan sebagai pelajar sekolah menengah untuk membentuk sistem moral dan nilai diri yang menjadi panduan untuk berfikir, beremosi dan bertingkah laku moral apabila melangkah dari satu tingkatan ke tingkatan lain selaras dengan usia mereka (Turiel & Banas, 2020).

Namun begitu, sebarang kegagalan penyesuaian diri ketika di alam persekolahan menengah boleh merisikokan pelajar dalam keadaan kekeliruan dan juga ketidakpastian. Permasalahan ini mengundang kepada penghasilan tingkah laku tidak bermoral (Sengsavang, 2018) yang berkemungkinan berakhir dengan tingkah laku delinkuen mahupun juvana. Cabaran ini boleh menjadikan remaja atau pelajar sekolah menengah bukan lagi dianggap sebagai aset sebaliknya liabiliti dan tanggungan kepada negara. Oleh itu, tingkah laku moral perlu dipupuk sejak kecil lagi dan diberikan pengukuhan terutamanya ketika remaja bergelar sebagai pelajar sekolah menengah untuk melahirkan modal insan yang seimbang.

Secara asasnya, tingkah laku moral dilihat sebagai perbuatan positif yang menepati kehendak sosial dan moral (McLaren et al., 2021). Dari perspektif psikologi moral, tingkah laku moral merujuk kepada tingkah laku berniat yang merangkumi tingkah laku prososial yang memberi kesan positif dan tingkah laku antisosial yang memberi kesan negatif (Boardley, 2020). Tingkah laku prososial adalah tingkah laku sukarela yang bertujuan untuk membantu dan memberi manfaat kepada orang lain. Terdapat beberapa bentuk tingkah laku prososial dalam kalangan remaja termasuk kesukarelawanan, altruisme, berkongsi, bekerjasama, terlibat dalam kegiatan kebajikan dan komuniti (Boles

et al., 2006). Tingkah laku prososial juga ditentukan dengan normal sosial tempatan dan jangkauan budaya dalam sesebuah komuniti. Oleh itu, bagi ketetapan Malaysia, tingkah laku prososial digambarkan sebagai tindakan dan tingkah laku yang bermoral, berbudi bahasa, menggalakkan keharmonian, kerjasama dan kepaduan sosial (Kaur et al., 2019).

Sebaliknya, tingkah laku antisosial digambarkan sebagai tingkah laku yang membahayakan dan mengganggu ketenteraman sosial serta bertentangan dengan norma sosial Malaysia. Antara tingkah laku antisosial yang berkait seperti serangan fizikal, vandalisme, buli, kecurian, jenayah dan delinkuen (Abdullah et al., 2015; Low et al., 2018). Jika tingkah laku moral ini tidak diurus dengan baik, ia meninggalkan kesan negatif berpanjangan. Oleh itu, perkembangan tingkah laku prososial di zaman keremajaan adalah amat penting kerana ia mempunyai pengaruh signifikan kepada diri dan sosial remaja (Kaur et al., 2019). Malah penekanan terhadap perkembangan tingkah laku prososial berfungsi sebagai langkah pencegahan kepada pelbagai tingkah laku antisosial yang lazim dalam kalangan remaja berbanding dewasa.

Namun begitu, usaha melahirkan remaja bertingkah laku moral dan prososial ini semakin mencabar lantaran wujudnya pelbagai isu dengan tingkah laku remaja. Laporan masalah tingkah laku pelajar sekolah menengah kini bukan sahaja melibatkan kegiatan masalah disiplin di sekolah tetapi turut merangkumi tingkah laku tidak bermoral yang lebih ekstrem. Pelbagai kes melibatkan remaja yang pernah dicatatkan dalam jurnal juvana seperti pengedaran dadah (Raja Noraina, 2022), terlibat kumpulan kongsi gelap dan militan (“Pelajar mula berjinak ekstrem”, 2019), memukul guru (Ahmad Ismadi, 2022), membunuh rakan asrama (Mohd Zalani, 2022) dan penyeludupan manusia (Umavathi, 2022). Tambahan pula, penangan perkembangan teknologi telah menggalakkan lagi tingkah laku antisosial tanpa kawalan apabila remaja terlibat dalam kes penipuan *online*,

merakam dan menjual aksi lucah di laman sosial, buli siber dan ucapan hina dan benci (Muhammad Adnan et al., 2019). Masalah ini menunjukkan keadaan sebenar fenomena tingkah laku remaja hari ini yang mengundang kebimbangan negara.

Rentetan daripada isu-isu tersebut menunjukkan bahawa tingkah laku moral semakin menipis dalam diri remaja hari ini dek kerana remaja sudah kurang mengamalkan tingkah laku prososial dalam kehidupan harian mereka (Fatin Nabilah et al., 2017). Malah, Nurulhuda et al. (2020) menyatakan pelajar sekolah menengah di Malaysia mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku prososial yang rendah kerana sikap individualistik yang semakin menguasai diri tanpa mempedulikan tentang individu lain di sekelilingnya. Masalah ini sering kali dikaitkan dengan golongan remaja dan mereka sentiasa menjadi tumpuan kerana alam keremajaan dilabelkan sebagai satu proses yang berisiko dan penuh tekanan yang (Zimmermann et al., 2022).

Walau bagaimanapun, masalah tingkah laku moral dipercayai hasil daripada kegagalan atau ketidakmatangan perkembangan moral (Kiriakidis, 2018). Perkembangan moral yang lemah merencatkan remaja untuk bertingkah laku prososial dan menyukarkan keberhasilan tingkah laku moral secara menyeluruh (Patrick et al., 2018). Dalam pada itu, perkembangan moral adalah kunci kepada pembentukan tingkah laku moral dengan mengelakkan diri dari tingkah laku antisosial dan mengamalkan tingkah laku prososial (Hao & Wu, 2019) Justeru, perkembangan tingkah laku prososial perlu ditinjau dari perspektif perkembangan moral. Dalam pada itu, konsep perkembangan moral didasari oleh tiga domain moral utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor yang berperanan mengimbangi tingkah laku moral manusia secara holistik dan menyeluruh (Bajovic & Rizzo, 2021). Ketiga-tiga domain moral amat berkait rapat antara satu sama lain dalam pembentukan tingkah laku prososial.

Perkembangan moral manusia terhasil dari salah satu cabang falsafah moral iaitu etika normatif yang dihasilkan oleh tokoh falsafah moral seperti Kant (1785, 1959), Bentham (1780), Hume (Reed & Vitz, 2018), Rawls (1971) dan berperanan menentukan sifat dan tindakan mana yang baik atau buruk dan betul atau salah dan perlu atau tidak perlu secara moral. Penentuan baik dan buruk adalah berdasarkan pemikiran, pemahaman dan penaakulan yang mendalam dan menerusi beberapa pengalaman hidup yang memberi pengajaran untuk hidup bersama. Dengan ini, seseorang individu memperoleh keupayaan untuk menyelesaikan masalah moral dalam kehidupan seharian akan menggalakkan perkembangan moral dalam dirinya melalui pembentukan tingkah laku moral yang bersifat prososial (Aminuddin et al., 2020).

Selaras dengan itu, pada abad ke-21, bidang perkembangan moral mula diteliti secara mendalam dengan memberi tumpuan kepada dimensi moral kognitif (Garrigan et al., 2018). Hal ini kerana dimensi moral kognitif adalah asas untuk pemprosesan, penilaian dan penentuan baik dan buruk; betul dan salah; wajar dan tidak wajar; adil dan tidak adil sesuatu keputusan yang dibuat (Forsyth, 2020; Edwards & Carlo, 2005). Dalam pada itu, pemprosesan kognitif yang dibimbing oleh kepercayaan, nilai dan prinsip moral peribadi membantu perkembangan manusia untuk bertingkah laku secara moral dan menghasilkan kesan positif (Forsyth, 2020). Moral kognitif kanak-kanak mula berkembang secara berperingkat apabila mereka membesar dan mula mencapai kematangan dalam penghasilan pertimbangan moral (Kohlberg, 1984). Ini merupakan satu topik yang penting untuk dikaji dalam kajian ini kerana pertimbangan moral dipercayai memberi impak kepada kecenderungan tingkah laku prososial secara menerus.

Konsep perkembangan moral kognitif yang direalisasikan oleh Kohlberg (1984) dalam kajian dan teorinya telah memberi keutamaan kepada perkembangan pertimbangan moral secara berperingkat terutamanya untuk golongan remaja. Kohlberg menyatakan bahawa penghasilan pertimbangan moral mampu menjustifikasikan prinsip dan pegangan diri terhadap kemoralan yang dimiliki. Oleh itu, Kohlberg percaya apabila pertimbangan moral seseorang meningkat dan matang selaras dengan usianya, maka individu tersebut mempunyai pemahaman yang mendalam tentang dirinya, kemoralan yang dipegang dan juga hubungan interpersonal yang sekali gus menatijahkan kepada tingkah laku yang bermanfaat kepada individu lain (prososial). Idea ini dijelaskan menerusi teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1984) dengan menggunakan tiga aras progresif iaitu aras pra-konvensional, konvensional dan pasca-konvensional.

Kohlberg (1976; 1984) menyatakan bahawa remaja mula beralih satu aras ke aras pertimbangan moral yang lebih tinggi apabila menunjukkan kematangan dalam mengenal pasti, menilai pertimbangan yang rasional dan menentu serta menilai darjah kebaikan dan keburukan sesuatu tindakan serta memberi perhatian kepada kesan-kesan daripada tindakan yang diambil. Kematangan pertimbangan moral berstruktur ini memberi impak signifikan kepada keberhasilan tingkah laku yang positif kepada orang lain (Patrick et al., 2018; Lapsley, 2015). Dalam pada itu, pertimbangan moral dilihat sebagai satu kemahiran penting yang perlu dididik dari zaman awal kanak-kanak dan penekanan harus berlaku di peringkat remaja kerana daya pengaruh amat tinggi dalam pembentukan tingkah laku prososial (Bartels et al., 2015). Oleh itu, peranan pertimbangan moral perlu dirungkai dan ditinjau secara empirikal dalam mempengaruhi tingkah laku prososial remaja.

Walau bagaimanapun, pengaruh pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial adalah satu fenomena yang sangat kompleks. Berdasarkan teori Kohlberg (1984), terdapat laluan langsung antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial. Memang tidak dinafikan bahawa terdapat pelbagai kajian yang membuktikan bahawa perkaitan statistik yang signifikan dan kuat antara pertimbangan moral dengan tingkah laku moral (Bajovic & Rizzo, 2021; Graber et al., 2018), namun perhubungan antara dua konstruk ini tidak boleh dijelaskan dengan abstrak dan jelas hanya dengan pendekatan kognitif semata-mata. Hal ini kerana kajian lepas menunjukkan bahawa laluan pengaruh pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain (Chang et al., 2019).

Hal ini kerana Blasi (1983) menyatakan bahawa tingkah laku moral atau prososial memerlukan seseorang itu melihat nilai moral atau pertimbangan sebagai identiti yang menggambarkan diri mereka sendiri dan mempunyai rasa bertanggungjawab. Manakala Tangney et al., (2007) juga menekankan bahawa emosi yang tidak seimbang boleh merencatkan proses perkembangan moral dan memberi kesan kepada tingkah laku prososial. Dalam pada itu, pertimbangan moral berkemungkinan mempunyai perkaitan dengan tingkah laku prososial menerusi faktor identiti moral (Blasi, 1983) dan emosi moral (Hoffman, 2000). Oleh itu, bagi meningkatkan pemahaman antara jurang pertimbangan dan tingkah laku, wujud faktor-faktor psikologi moral lain yang mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku prososial (Gibbs, 2019; Hertz & Krettenauer, 2016) dan perlu dianalisis daya pengaruhnya.

Sebagai contoh, remaja berkembang bersama dengan pengaruh ibu bapa, keluarga, sekolah, rakan dan agen sosial lain yang mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku mereka (Charles et al., 2018; Escorza & Ornelas, 2018; Safder & Hussain, 2018).

Namun, faktor psikologi moral seperti emosi moral dan identiti moral turut dipercayai mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pertimbangan dan tingkah laku prososial (Kaplan & Tivnan, 2014; Kretteneur & Johnston, 2011; Lapsley, 2015). Tinjauan kajian lepas juga mendapati faktor identiti moral dan emosi moral berfungsi sebagai sistem kawal selia dalam mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku prososial (Krettenauer, 2020; Paramita et al., 2022; Zhang & Zhang, 2021).

Walaupun kesemua faktor tersebut mempunyai keberkaitan dengan tingkah laku prososial, kewujudan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam interaksi emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial menunjukkan kepentingan peranan pertimbangan moral dalam meneguhkan tingkah laku prososial pelajar (Cantarero & Szarota, 2017; Nikdel et al., 2018). Kajian empirikal Ding et al. (2018) dan Garrigan et al. (2018) menunjukkan bahawa identiti moral dan emosi moral membimbing pertimbangan moral dan seterusnya, bertindak sebagai daya penggerak yang membawa kepada pembentukan tingkah laku prososial. Ini bermakna pelajar mempunyai kecenderungan tinggi untuk terlibat dalam tingkah laku prososial apabila emosi moral dan identiti moral merapatkan jurang pertimbangan-tingkah laku. Dalam konteks Malaysia, Nurull Hayati et al. (2020) menyatakan oleh kerana pertimbangan moral meneguhkan tingkah laku prososial secara konsisten, maka sebarang faktor yang lain yang mempengaruhi tingkah laku prososial mampu diperantarakan oleh pertimbangan moral.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pertimbangan moral adalah satu bidang kajian yang amat penting dalam konteks perkembangan moral pelajar. Pertimbangan moral adalah domain moral kognitif yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku moral pelajar. Walaupun perkembangan moral

merangkumi domain lain seperti emosi, pemikiran dan tingkah laku, tetapi pertimbangan moral yang membimbing tingkah laku moral ke arah prososial. Pertimbangan moral seharusnya menjadi tunjang kepada perkembangan moral kognitif seseorang dan berkembang secara berperingkat untuk menjadi insan bermoral. Maka, kajian ini memfokus kepada pengaruh pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah yang rata-ratanya adalah golongan remaja dan meninjau peranan pengantaraannya dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial. Malah, kajian ini berperanan untuk menjelaskan lebih lanjut dalam latar belakang kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku prososial.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO, 2021) mentakrifkan pendidikan sebagai hak asasi setiap individu untuk sepanjang hayat dan akses tersebut perlu dipadankan dengan kualiti yang sewajarnya. Berdasarkan takrifan UNESCO, jelas bahawa pendidikan adalah untuk semua tanpa mengira jantina dan status dan mendapatkan pendidikan berkualiti adalah asas untuk mewujudkan pembangunan lestari. Oleh kerana pendidikan berkualiti adalah wahana yang penting sehingga ia diangkat sebagai salah satu Matlamat Pembangunan Lestari atau '*United Nation's Sustainable Development Goals*' (UN SDG) 2030 yang perlu dicapai oleh semua negara.

Dalam mencapai pendidikan berkualiti, Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi atau '*Organisation for Economic Co-operation and Development*' (OECD, 2018) adalah satu badan antarabangsa yang menyeru bahawa sistem pendidikan setiap negara perlu memobilisasikan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai secara

holistik. Salah satu Kompetensi Transformasi pendidikan yang ditekankan oleh OECD adalah pengambilan tanggungjawab iaitu pendidikan perlu memastikan pelajar dapat menunjukkan rasa tanggungjawab dan pencapaian kematangan moral dan intelektual setelah menamatkan pembelajaran. Dalam pada itu, pertimbangan moral dilihat sebagai salah satu kemahiran yang penting untuk pelajar sekolah menengah mencapai kematangan moral melalui sistem pendidikan yang holistik (Stey et al., 2013; UNESCO, 2021). Kemahiran pertimbangan moral ini dilihat sebagai satu kualiti kognitif yang mempersiapkan pelajar untuk mempunyai waras pemikiran yang seimbang dan memiliki tingkah laku bermoral dalam menghadapi cabaran dunia luar.

Dalam struktur Malaysia, kemahiran pertimbangan moral, sebenarnya telah sebatik dalam kehidupan seharian dan juga melalui pendidikan formal yang bermula dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa (Balakrishnan, 2009). Dalam aspek pendidikan, pembentukan golongan muda yang seimbang dari segi perkembangan moral secara dasarnya bermula dari pra-sekolah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi. Hal ini adalah bagi memastikan wujud kesejajaran dari segi perkembangan moral selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Justeru, FPK yang diwujudkan bukan sahaja bertujuan melahirkan pelajar yang berkualiti, malah bertindak memanusiakan manusia sebagai modal insan yang seimbang (Abd. Shatar, 2007). Keberhasilan modal insan ini turut merangkumi elemen perkembangan moral yang menekankan domain kognitif, emosi dan tingkah laku moral. Elemen perkembangan moral ini diserap masuk dalam semua kurikulum pendidikan formal bagi memastikan amalan tingkah laku moral dan prososial dapat diaplikasikan dalam alam kerjaya, seterusnya, dalam kehidupan seharian mereka (Balakrishnan, 2009).

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula memberi tumpuan kepada pembelajaran abad ke-21 untuk jangka masa panjang dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi tahun 2013-2025 khusus untuk pendidikan prasekolah hingga lepas menengah. Salah satu matlamat PPPM 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) adalah melahirkan pelajar yang holistik dengan mempunyai kemahiran kognitif yang berkualiti (KPM, 2013; KPM, 2022). Sepanjang pelaksanaan pelan tersebut, KPM telah melancarkan pelbagai inisiatif seperti sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan pembudayaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran abad ke-21 dengan tujuan melahirkan modal insan yang berkualiti. Menurut laporan tahunan PPPM bagi tahun 2021 (KPM, 2022), pembangunan karakter dan kemahiran abad ke-21 seperti berfikir kritis, kreatif dan inovatif dan kemahiran menaakul diberi keutamaan tinggi bagi membolehkan pelajar membuat pertimbangan moral dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah dan penilaian secara logik dan rasional. Ini secara langsung memupuk kemenjadian pelajar dengan meneguhkan kemahiran pertimbangan moral dalam diri mereka.

Kini, KPM telah menggubal Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) kepada pelajar sekolah menengah bermula tahun 2017 dengan tujuan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Reformasi kurikulum baharu ini adalah selaras dengan hasrat PPPM 2013-2025 untuk membolehkan pelajar bersaing hingga ke peringkat global dengan memberi tumpuan pada aspek-aspek kemahiran dan kompetensi yang boleh memenuhi keperluan UNESCO, OECD dan FPK. Selari dengan perubahan kurikulum, penekanan aspek perkembangan moral terutamanya kemahiran menaakul dan pertimbangan moral menerusi semua mata pelajaran yang dipelajari adalah amat penting menjamin perkembangan potensi secara menyeluruh dan diperkukuhkan di peringkat sekolah menengah (KPM, 2016). Pelan ini mampu membentuk profil pelajar yang

mempunyai daya berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif selain mampu menangani setiap masalah kompleks dengan keputusan moral (Muhammad Khairulrijal et al., 2020).

Selaras dengan reformasi kurikulum, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah diwujudkan (KPM, 2016) untuk mengintegrasikan kurikulum dan kemahiran dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (KPM, 2019). Pengintegrasian ini merupakan satu transformasi pendidikan kerana pembelajaran pelajar bukan lagi berasaskan pentaksiran sumatif semata-mata iaitu ujian, peperiksaan, penghafalan dan pengajaran yang bersifat satu hala (Ilhavenil & Nor' Aidah, 2018). Malah, pengintegrasian ini mampu mengukur pembelajaran pelajar secara formatif dan mengesan perkembangan pelajar secara menyeluruh dari sudut kognitif, afektif dan psikomotor (KPM, 2019). Melalui pengukuran domain kognitif pula, kemahiran pertimbangan moral memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dan menyelesaikan sesuatu isu atau masalah secara praktikal, menjangka kesan-kesan mendatang daripada pertimbangan dan menghasilkan tingkah laku seperti yang dituntut.

Dalam usaha melahirkan pelajar sekolah menengah yang mempunyai pertimbangan moral yang seimbang dan tingkah laku moral yang menyeluruh, domain pengaruh lain yang harus dipertimbangkan (Kaplan & Tivnan, 2014). Dalam pada itu, emosi moral adalah salah satu domain yang membentuk kualiti afektif untuk memotivasikan keberhasilan kognitif dan tingkah laku prososial pelajar. Selaras dengan domain afektif dalam tiga dimensi perkembangan moral, emosi moral juga turut diberi tumpuan dalam PBD secara menyeluruh untuk mewujudkan penyuburan pemikiran dan pengambilan keputusan yang bermoral dan menggalakkan perlakuan yang bermoral (KPM, 2019). Domain emosi moral menjadi keutamaan dalam pemupukan perkembangan moral dalam

diri setiap pelajar sekolah menengah di Malaysia untuk kekal berada pada landasan kemoralan yang betul.

Walaupun bagaimanapun, menurut Perdani (2019), sistem pendidikan Malaysia hanya memberi tumpuan kepada emosi yang lebih bersifat positif dan kurang menekankan emosi-emosi bervalen negatif yang mempunyai fungsi penting dalam mengawal selia tingkah laku pelajar. Pemupukan domain emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah perlu seimbang antara positif dan negatif. Pengalaman yang wujud hasil daripada emosi positif mahupun negatif mampu mengubah proses pertimbangan moral seseorang dan juga rentak tingkah laku prososial seseorang (Krettenauer et al., 2014). Antaranya adalah emosi moral yang berkait dengan rasa bersalah dan malu. Tangney et al. (2007) dan Septiana (2017) menjelaskan bahawa emosi moral rasa bersalah dan malu yang tinggi dalam diri mempunyai pengaruh yang signifikan dalam membuat pertimbangan moral.

Namun begitu, Nurhayani (2016) menjelaskan bahawa emosi rasa bersalah dan malu bukannya domain emosi negatif yang perlu di jauhi. Sebaliknya, jika kedua-dua emosi ini dipupuk dengan cara terbaik, ia berfungsi sebagai pendorong untuk membuat pertimbangan yang selaras dengan moral dan membantu mengelakkan tingkah laku tidak bermoral (Knez & Nordhall, 2017). Senada dengan itu, Nur Mohammad Hadi (2019) menyatakan bahawa sifat bersalah dan malu daripada melakukan sesuatu yang menyanggah adab, tatasusila dan kerukunan masyarakat merupakan satu sifat yang amat terpuji dan benteng remaja daripada terjebak ke dalam krisis moral dan masalah tingkah laku moral. Justeru, adalah penting untuk melihat peranan emosi moral rasa bersalah dan malu dalam meningkatkan perkembangan moral pelajar sekolah menengah.

Selain itu, dalam melahirkan pelajar sekolah menengah yang seimbang dan menguasai kemahiran abad ke-21, KPM juga telah menggariskan beberapa Profil Murid untuk pelajar sekolah menengah dapat bersaing di peringkat global. Antaranya adalah berdaya tahan, pemikir, mahir berkomunikasi, kerja sepasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, prihatin dan patriotik. Dalam pada itu, pembentukan identiti yang didasari oleh pegangan moral boleh mewujudkan profil pelajar yang berdaya moral dan berprinsip dalam membuat keputusan dan tindakan (Lapsley, 2015). Kemoralan mula sebatik dalam diri pelajar ketika zaman remaja dan mula membentuk identiti moral (Moshman, 2011; Schipper & Koglin, 2021). Hasil pengintegrasian ini, identiti yang selari dengan moral mempengaruhi pertimbangan moral dan memotivasikan pelajar untuk terlibat dalam tindakan yang bermanfaat kerana mereka merasakan ia adalah satu kewajiban dan tanggungjawab untuk berkelakuan yang sejajar dengan nilai-nilai moral dipegang (Carlo, 2014; Mascolo & Fischer, 2015). Apabila identiti pelajar berpusatkan kepada moral, keinginan untuk hidup beradab secara konsisten dapat dimotivasikan (Hardy & Carlo, 2011). Justeru, kewujudan identiti moral dalam diri pelajar dapat membentuk profil diri mereka dalam menghadapi cabaran dunia luar. Jelasnya, identiti moral menggalakkan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan mengelakkan tingkah laku antisosial secara serentak (Hertz & Krettenauer, 2016).

Berdasarkan perbincangan di atas, sistem pendidikan Malaysia berhasrat untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan mencapai potensi diri dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Justeru, pemupukan kemahiran pertimbangan moral adalah satu aspek penting dalam pembentukan perkembangan moral kerana ia membentuk pelajar untuk membuat sesuatu tindakan berpandukan kepada peraturan dan juga nilai universal (KPM, 2016). Selaras dengan hasrat tersebut, kepentingan emosi moral dan juga identiti moral perlu diberi keutamaan bagi memastikan pelajar mempunyai kesedaran membuat

pertimbangan moral yang sesuai, tepat dan konsisten. Kesepaduan pertimbangan moral, emosi moral dan juga identiti moral menggalakkan perkembangan moral yang sempurna sehingga wujud produk terakhir iaitu pembentukan tingkah laku prososial yang bermanfaat kepada diri sendiri dan masyarakat sejagat.

Oleh itu, dalam memastikan pelajar sekolah menengah sebagai modal insan yang memiliki tingkah laku moral dan prososial yang seimbang melalui sistem pendidikan yang sedia ada, peranan pertimbangan moral dengan faktor pemotivasi moral seperti emosi moral dan identiti moral harus diteliti dengan lebih lanjut dari aspek permasalahan sebenar. Hal ini berkepentingan untuk memastikan pertimbangan moral yang dibina oleh pelajar mempunyai landasan kefahaman yang jelas mengenai darjah kebaikan dan keburukan setiap pertimbangan dan tingkah laku moral yang dihasilkan (Lei et al., 2018). Rentetan daripada itu, jelas menunjukkan wujud keperluan untuk meneroka berkaitan dengan kematangan pertimbangan moral dan juga keberhasilan amalan bertingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kesinambungan serta kelangsungan sesebuah negara dan bangsa adalah bergantung sepenuhnya kepada generasi muda (Nor Jumawaton et al., 2018). Di Malaysia, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), sehingga tahun 2021, kanak-kanak bawah umur 18 tahun dianggarkan berjumlah 9.13 juta orang, manakala 2.61 juta adalah golongan remaja yang berumur 13-17 tahun. Berdasarkan statistik ini jelas menunjukkan bahawa golongan bawah umur 18 ini meliputi jumlah penduduk yang ramai dan mempunyai sumbangan besar kepada percaturan kemajuan sosial negara.

Sebagai aset negara, kerajaan komited melaksanakan pelbagai dasar dan usaha bagi memastikan usaha ke arah pemantapan pembangunan sosial dan nilai bagi golongan remaja dan juga pembentukan nilai. Menerusi Rancangan Malaysia (RMK) Ke-10, ke-11 dan ke-12, Malaysia mengorak langkah untuk memberi penumpuan khusus kepada pembangunan sosial remaja untuk mempercepatkan pembangunan modal insan kelas pertama yang seimbang dan menyeluruh. Malah, golongan remaja juga turut diberi tumpuan dalam Dasar Belia Malaysia (Kementerian Belia dan Sukan, 2015) dengan menetapkan matlamat untuk memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia yang berasaskan kepada pemikiran, emosi, kerohanian dan fizikal. Justeru, hasrat RMK-12, RMK-11 dan RMK-10 diserap masuk dalam sistem pendidikan Malaysia yang menuntut sekolah untuk melahirkan pelajar sekolah menengah mampu mencapai kemahiran berfikir aras tinggi dan mempunyai daya pemikiran, emosi dan tingkah laku yang seimbang.

Namun begitu amalan dan kehendak RMK dan pendidikan, keberhasilan pembangunan sosial remaja tidak selari dengan matlamat yang digariskan. Ketidakseimbangan ini memberikan cabaran kepada pembangunan Malaysia khususnya dalam aspek pembangunan sosial remaja (Ahmad Marzuki et al., 2017). Hal ini kerana kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial semakin serius merebak, melarat dan malah semakin meningkat tahun demi tahun (Absha Atiah & Mohd Isa, 2019). Tingkah laku sosial yang tidak bermoral ini membawa kebimbangan dan menjadi cabaran yang besar kepada pendidikan dan masa depan negara Malaysia kerana sesebuah negara amat bergantung kepada generasi muda terutamanya remaja (Fatin Adha et al., 2020).

Senario ini kelihatan selari dengan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2020) yang melaporkan jumlah remaja yang terlibat dalam kes jenayah sejak lima tahun lepas (2016-2020) adalah seramai 25,848 orang dengan peningkatan kes secara purata sebanyak 2% setiap tahun. Malah, Polis Diraja Malaysia (PDRM, 2021) melaporkan seramai 25,339 remaja terlibat dan ditangkap atas kes juvana sejak lima tahun lepas (2017-2021) dengan penurunan ketara pada tahun 2020 dan 2021. Walau bagaimanapun, gejala negatif dalam kalangan remaja kini menjadi lebih ekstrem dan berada di luar kawalan (Afiq Ariffin, 2019). Di peringkat sekolah menengah pula sebanyak 132, 068 kes salah laku disiplin pelajar telah dicatatkan bagi tahun 2017 (Harits Asyraf, 2018). Tambahan pula, daripada 402 sekolah yang dikenal pasti oleh KPM (2017) sebagai 'hotspot' masalah disiplin dan penyalahgunaan dadah, sebanyak 397 sekolah adalah sekolah menengah yang melibatkan pelajar sekolah menengah.

Oleh itu, pelbagai inisiatif dari pihak kerajaan telah dilakukan untuk membetulkan masalah tingkah laku remaja melalui agenda pembinaan karakter yang positif. Pihak KPM menerusi institusi sekolah telah menggalakkan perekodan amalan baik pelajar ke dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) (KPM, 2016; Raja Noraina, 2019), Kempen Ponteng Sifar (Michael Ubam, 2019) dan Modul Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM) (KPM, 2018). Melalui usaha ini, memang tidak dinafikan bahawa ramai pelajar sekolah menengah telah pulih dari kemelut masalah tingkah laku sepanjang persekolahan mereka, namun masih terdapat ramai pelajar sekolah menengah yang tercicir dan menghadapi masalah tingkah laku yang amat serius seolah-olah budaya pemberontakan terhadap peraturan dan nilai murni menjadi satu trend dan ekstrem.

Jika senario ini berterusan, hasrat negara dalam mendepani pembangunan sosial remaja mula menghadapi keruntuhan dan membantutkan kesemua perkembangan negara dalam mencapai kesejahteraan sosial. Ini mewujudkan persepsi kepada segelintir masyarakat bahawa generasi muda hanyalah liabiliti berbanding aset kepada negara (Nor Jumawaton et al., 2018). Meskipun isu ini dilihat sebagai masalah yang serius, namun persoalannya, apakah yang mempengaruhi tingkah laku remaja ini? Walaupun pelbagai usaha diambil, mengapa remaja masih tidak dapat menentukan baik dan buruk dan betul atau salah tindakan mereka?

Beberapa kajian-kajian lepas di luar negara menunjukkan tingkah laku tidak bermoral dan delinkuen adalah akibat daripada keterbantutan proses perkembangan moral yang terhasil dalam diri remaja (Escorza & Ornelas, 2018; Risser & Eckert, 2016; Schipper & Koglin, 2021). Masalah ini menjadi semakin serius apabila remaja mula hilang kompas moral untuk membezakan apa yang betul dan salah serta baik dan buruk untuk tindakan mereka di sekolah mahupun di luar sekolah. Escorza dan Ornelas (2018) menyatakan keupayaan untuk menilai baik dan buruk sesuatu tindakan amat berkait dengan pertimbangan moral yang dipelajari sejak dari zaman kanak-kanak sehingga remaja. Akan tetapi, jika proses pertimbangan moral ini menghadapi gangguan, maka ia boleh mewujudkan konflik tingkah laku yang tidak diingini oleh masyarakat dan komuniti dan meninggalkan kesan berpanjangan dalam hasil tingkah laku remaja.

Di Malaysia juga berlaku masalah yang sama apabila beberapa siri kajian membuktikan bahawa tingkah laku tidak bermoral dikaitkan dengan masalah pertimbangan moral yang rendah dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan ia semakin menjadi serius (Gui et al., 2020; Mohammad Khairulrijal et al., 2020). Walaupun komponen pertimbangan moral diberikan keutamaan sebagai salah satu kemahiran penting dalam sistem

pendidikan Malaysia, namun ia tidak berhasil seperti yang dijangkakan tambah lagi dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang hanya tertumpu kepada pembelajaran kandungan mata pelajaran. PdPR mengehadkan proses penyuburan kemahiran pertimbangan moral yang sepatutnya diajar dan dibimbing secara eksplisit dan implisit (Norehan & Mahaliza, 2021). Masalah ini boleh mengundang kepada kerencatan dalam membina pertimbangan moral yang selari dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Memang tidak dinafikan faktor dan sumbangan pertimbangan moral ini dikaji secara meluas untuk pelbagai peringkat pendidikan terutamanya di luar negara, namun di Malaysia, penilaian pertimbangan moral kurang ditinjau dari semasa ke semasa (Gui et al., 2020; Mohd Zailani, 2012) terutamanya di peringkat sekolah yang menjadi punca kepada masalah tingkah laku moral. Hal ini kerana kewujudan jurang kelompangan di antara pertimbangan moral dan tingkah laku prososial (*judgement-action gap*) yang ketara (Ding et al., 2018; Han et al., 2021; Walker, 2004). Malah, dalam mendepani peredaran teknologi dan pendidikan, pola perlakuan remaja berkemungkinan besar berubah dengan lebih drastik dan perlu diberikan perhatian amat serius.

Tambahan pula, rasa tidak bersalah dan tidak malu terhadap tingkah laku negatif telah mengundang persoalan mengenai kesan emosi moral terhadap pertimbangan dan tingkah laku prososial remaja (Perdani, 2019; Rullo et al., 2021). Emosi moral rasa bersalah dan malu seharusnya menjadi benteng remaja daripada terjebak ke dalam krisis moral kerana sifat bersalah dan malu melakukan sesuatu yang menyanggah adab, tatasusila dan kerukunan masyarakat merupakan satu sifat yang amat terpuji. Namun, kehilangan sifat ini akan menyebabkan remaja berani melakukan kesalahan secara terang-terangan baik

di khalayak ramai. Malah, banyak kes delinkuen yang melibatkan remaja bermula dengan ketakhadiran sifat bersalah dan malu (Krettenauer, 2020).

Selain itu, remaja pada peringkat umur ini sering dikaitkan dengan krisis identiti atau kekeliruan fikiran kerana mereka sedang dalam proses mencari arah tuju. Isu krisis identiti selalunya merangkumi persoalan imej dan personaliti seperti hilang pedoman hidup. Dalam pada itu, identiti diri remaja mula terhakis apabila mereka tidak lagi berpegang kepada nilai-nilai moral dan menganggap nilai-nilai tersebut tidak mencerminkan diri dan identiti mereka (Septiana, 2017). Sebenarnya identiti moral berperanan memotivasikan tingkah laku prososial kerana zaman keremajaan adalah tempoh terbaik untuk pengintegrasian kemoralan dengan identiti. Akan tetapi ia mula rapuh akibat pegangan moral yang lemah dan memberi kesan negatif kepada proses perkembangan pertimbangan moral (Patrick et al., 2018).

Namun, berdasarkan kes-kes dan statistik yang dibincangkan, emosi moral dan juga identiti moral seharusnya perlu diberi perhatian dalam meninjau impak dan kesannya terhadap pertimbangan moral dan tingkah laku moral. Walaupun pengaruh faktor-faktor pemotivasi moral ini dikaji secara intensif di negara serantau, namun di Malaysia masih tertumpu kepada penilaian dan penyelesaian domain kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi remaja sahaja (Nur Shyahirah & Noremy, 2020; Zarinah & Rozana, 2018) berbanding dengan pertimbangan moral dan tingkah laku moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Keperluan ini perlu diteliti kerana peranan pertimbangan moral bukan sahaja mempengaruhi tingkah laku moral tetapi ia juga sebagai pengantara.

Memandangkan trend masalah tingkah laku moral semakin ketara di Malaysia sedangkan kajian tentang perkaitan pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial di Malaysia sangat sedikit (Nurulhayati et al., 2020). Maka kajian ini berkepentingan untuk mengisi jurang kelompangan (*judgement-action gap*) dengan menilai peranan emosi moral dan identiti dalam mempengaruhi tingkah laku prososial serta fungsi pertimbangan moral dalam memperantarakan dalam hubungan ini. Sebarang penemuan baru tentang pengaruh pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Malaysia mampu menyumbang kepada pertambahan ilmu. Berdasarkan kajian lepas yang terhad maka kajian ini menggabungkan pemboleh ubah yang penting untuk memerihalkan sejauh mana emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral memberi kesan terhadap perkembangan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Oleh itu, kajian ini perlu meninjau konstruk pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial. Walaupun pertimbangan moral mempunyai daya pengantara yang tinggi di antara faktor-faktor psikologi dan sosial dengan tingkah laku prososial (Muhammad Khairulrijal et al., 2020), namun ia masih perlukan pembuktian data empirikal dalam konteks Malaysia (Nurull Hayati et al., 2020). Maka, kajian ini juga berperanan untuk memenuhi kelompangan tersebut dengan memberikan sumbangan kepada bidang kajian tersebut. Berdasarkan kesemua permasalahan yang ditinjau jelas menunjukkan kepentingan untuk meneliti sumbangan faktor emosi moral dan identiti moral terhadap pertimbangan moral dan tingkah laku prososial. Penyelidik percaya bahawa kepentingan ini adalah satu keperluan untuk memenuhi kelompangan yang wujud dalam arena penyelidikan psikologi moral di Malaysia.

1.4 Tujuan Kajian

Berdasarkan tinjauan permasalahan kajian, tujuan utama kajian ini adalah untuk menyelidik kesan pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Di samping itu, bagi menyokong tujuan utama kajian ini, penyelidik juga meninjau tahap, hubungan dan pengaruh antara emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial.

1.5 Objektif Kajian

Menerusi matlamat kajian di atas, kajian ini dijalankan bagi mencapai enam objektif berikut:

1. Memerihalkan tahap emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
2. Menganalisis hubungan antara emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
3. Menganalisis pengaruh emosi moral dan identiti moral terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.
4. Menganalisis pengaruh emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.
5. Menganalisis pengaruh pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.
6. Mengkaji pengaruh pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

7. Menguji ketepatan indeks kesepadanan Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM).

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian di atas, persoalan-persoalan kajian yang ingin dijawab oleh kajian ini ialah:

1. Persoalan Kajian 1
 - 1.1 Apakah tahap emosi moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
 - 1.2 Apakah tahap identiti moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
 - 1.3 Apakah tahap pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
 - 1.4 Apakah tahap tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
2. Persoalan Kajian 2
 - 2.1 Adakah terdapat hubungan antara emosi moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah?
 - 2.2 Adakah terdapat hubungan antara emosi moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?
 - 2.3 Adakah terdapat hubungan antara identiti moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah?
 - 2.4 Adakah terdapat hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?
 - 2.5 Adakah terdapat hubungan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?

3. Persoalan Kajian 3
 - 3.1 Adakah emosi moral mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah?
 - 3.2 Adakah identiti moral mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah?
 - 3.3 Adakah emosi moral mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?
 - 3.4 Adakah identiti moral mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?
 - 3.5 Adakah pertimbangan moral mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?
4. Persoalan Kajian 4
 - 4.1 Adakah pertimbangan moral menjadi pengantara dalam hubungan antara emosi moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?
 - 4.2 Adakah pertimbangan moral menjadi pengantara dalam hubungan antara identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah?
5. Persoalan Kajian 5
 - 5.1 Adakah Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM) memenuhi ketepatan indeks kesepadanan?

1.7 Hipotesis Kajian

Kajian ini telah membahagikan hipotesis kepada tiga kumpulan berdasarkan persoalan kajian tiga hingga enam. Hipotesis teras dan sub-hipotesis kajian dibina berdasarkan pembahagian berikut;

1. Pengukuran Hubungan:

H1.1: Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

H1.2: Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

H1.3: Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

H1.4: Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

H1.5: Terdapat hubungan signifikan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

2. Pengukuran Pengaruh:

H2.1: Emosi moral secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

H2.2: Identiti moral secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

H2.3: Emosi moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

H2.4: Identiti moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

H2.5: Pertimbangan moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

3. Pengukuran faktor pengantara Pertimbangan Moral:

H3.1: Pertimbangan moral mengantara secara signifikan dalam hubungan antara emosi moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

H_{3.2}: Pertimbangan moral mengantara secara signifikan dalam hubungan antara identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini signifikan dari aspek sumbangan pengetahuan dan praktikal kepada bidang psikologi moral terutamanya untuk golongan akademik, KPM dan juga sekolah. Dapatan kajian ini berkemungkinan menggambarkan isu-isu moral yang terdapat dalam ketetapan tempatan dan boleh digeneralisasikan kepada lain-lain ketetapan yang hampir sama. Oleh kerana sumber kajian yang terhad dalam bidang perkembangan pertimbangan moral dan amalan tingkah laku moral terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia, kajian ini bertujuan untuk memberikan informasi tambahan dengan data-data empirikal yang tepat dalam bidang ini. Hasil kajian ini yang memberi tumpuan kepada tahap, perhubungan dan pengaruh emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Justeru dapatan kajian ini berkeupayaan untuk memberi input dan kesedaran kepada pihak pengurusan sekolah tentang kepentingan peranan mereka dalam memantau, menilai dan memperbaiki pertimbangan moral pelajar dan mencegah pelajar dari awal menerusi program-program intervensi yang melibatkan pengukuhan amalan tingkah laku moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kedua, kedua-dua faktor yang mempengaruhi pertimbangan moral yang dikenal pasti dalam kajian adalah berkaitan dengan tingkah laku prososial yang wujud dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pengenalpastian sumbangan setiap faktor mungkin dapat membantu secara umum komuniti akademik dan bukan akademik untuk memahami secara mendalam isu dan peranan yang harus dimainkan. Walaupun kajian-kajian lepas di Malaysia hanya mengetengahkan konsep pertimbangan moral dan tingkah laku moral

dan prososial sebagai model, namun masih kurang pembuktian secara empirikal. Justeru, kajian ini menunjukkan kepentingan empirikal menerusi model cadangan yang dicadangkan dalam kajian ini.

Sebagai contoh, pengaruh faktor emosi moral juga turut memberi gambaran bahawa betapa pentingnya untuk mengukur tahap emosi bersalah dan rasa malu yang berfungsi sebagai benteng daripada tingkah laku antisosial. Malah, krisis identiti moral yang dihadapi oleh pelajar pada masa kini memberi penjelasan bahawa betapa pentingnya pemupukan identiti yang mencerminkan nilai kemoralan yang dipegang. Selaras dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi, pertimbangan dan tingkah laku prososial pelajar mula mencetuskan pelbagai pola yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang bervariasi mengikut keadaan semasa. Ini memberi kerelevanan kepada kajian untuk menguji faktor-faktor tersebut sebagai salah satu pemboleh ubah kajian untuk kepentingan masa kini. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh menjelaskan bagaimana emosi moral bersalah dan malu, identiti moral dan pertimbangan moral mempengaruhi tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Kajian ini juga dikembangkan dari kajian-kajian lepas dengan mengukur pertimbangan moral sebagai satu faktor pengantara yang penting. Walaupun faktor pertimbangan moral dipengaruhi oleh dua faktor yang dikenal pasti, namun sumbangan faktor pertimbangan moral sebagai pengaruh besar terhadap tingkah laku prososial tetap menjadi perhatian penyelidik. Lebih-lebih lagi peranannya sebagai pengantara antara hubungan emosi moral, identiti moral dengan tingkah laku prososial perlu dikenal pasti menerusi kajian ini. Akan tetapi, 'proses' kewujudan isu moral ini juga harus diteliti dengan lebih mendalam. Maka, dapatan kajian ini boleh menjelaskan cara faktor-faktor pemotivasi moral (emosi moral dan identiti moral) mempengaruhi pertimbangan moral dan secara

tidak langsung memberi kesan kepada amalan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah dengan mengambil kira isu-isu moral terkini.

Dapatan kajian ini juga berkepentingan untuk mengukuhkan badan pengetahuan mengenai pengaruh pertimbangan moral dan keberkesanannya dalam membentuk tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Sumber ini penting sebagai rujukan tambahan selain rujukan kini yang terhad. Malah, dapatan kajian ini menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik terutamanya dalam bidang psikologi moral ataupun psikologi pendidikan. Kajian lanjutan boleh dijalankan pada masa depan untuk mengenal pasti lebih mengenai faktor-faktor signifikan yang berkemungkinan menyumbang kepada amalan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar dan juga melibatkan pelbagai kumpulan responden yang berbeza dalam kajian ini.

Bagi kepentingan praktikal pula, dapatan kajian ini boleh berperanan sebagai sumber input kepada pembangunan dan pementapan polisi dan program untuk pembangunan sosial remaja dari aspek perkembangan moral secara menyeluruh. Hal ini kerana kajian ini merangkumkan ketiga-tiga dimensi moral yang penting dalam melahirkan modal insan yang seimbang iaitu emosi moral (afektif), pertimbangan moral (kognitif) dan tingkah laku moral atau prososial (tingkah laku) dan ditambah dengan dimensi baru iaitu identiti moral (identiti). Pertama, kajian ini mempunyai nilai kepentingan kepada ahli dan pakar psikologi, psikiatri, kaunselor dan guru sekolah kerana psikologi moral juga mempunyai sumbangan besar dalam membangunkan karakter dan kualiti dalam diri remaja.

Selain itu, dapatan kajian ini juga penting kepada warga sekolah dan kementerian yang melibatkan pembangunan sosial remaja kerana hasil kajian ini memberi gambaran secara holistik mengenai tahap kematangan pertimbangan moral remaja Malaysia dan dari situ,

ia membantu untuk melihat ruang untuk penambahbaikan atau cadangan program dan intervensi baharu yang bersesuaian dengan perkembangan sosial semasa. Selaras dengan cadangan model kajian yang menetengahkan kepentingan pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah, kajian ini memberi input kepada pihak penyelidik dalam menyediakan sistem pengajaran yang lebih komprehensif dan berkesan dalam mengawal selia penguasaan kemahiran pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.9 Batasan Kajian

Terdapat beberapa pembatasan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini hanya melibatkan pelajar sekolah menengah yang berumur 16 tahun yang sedang menuntut di tingkatan empat di beberapa sekolah yang terlibat di negeri Selangor. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi lain seperti golongan kanak-kanak atau orang dewasa. Kedua, responden kajian juga tidak dipilih berdasarkan jantina dan beberapa kumpulan umur secara spesifik kerana fokus kajian tidak melibatkan kedua-dua faktor demografi. Kajian ini juga tidak menumpukan perhatian kepada sesuatu etnik tertentu, sebaliknya kajian ini melibatkan pelajar berumur 16 tahun dari pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama. Ini adalah kerana responden yang pilih dapat mewakili peringkat umur 16 tahun yang merupakan kategori pertengahan remaja.

Ketiga, dari segi kaedah pengumpulan data kajian, kajian ini bergantung sepenuhnya terhadap respons yang diberikan oleh responden menerusi instrumen soal selidik yang diedarkan kepada para responden. Oleh itu, ketepatan kajian adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Keempat, pengkaji menganalisis kajian ini hanya memfokuskan kepada dua faktor iaitu emosi moral dan identiti moral yang dijangka mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah

laku prososial. Kelima, dari aspek penganalisan data kajian, kajian ini mempunyai batasan dalam mengukur setiap konstruk secara komprehensif. Batasan kajian ini adalah untuk memahami hubungan dan pengaruh setiap konstruk secara keseluruhan berbanding menganalisisnya secara berasingan untuk setiap dimensi. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan kekompleksan objektif kajian dalam mencapai kesepadanan model yang dicadangkan.

1.10 Definisi Operasional

Bagi memastikan perbincangan dalam kajian ini difahami secara jelas, terdapat beberapa istilah penting yang perlu dihuraikan definisinya dari segi konseptual dan juga operasional mengikut konteks kajian ini. Berikut adalah istilah berikut:

1.10.1 Pelajar Sekolah Menengah

Menurut KPM (2017), pelajar sekolah menengah secara konseptualnya didefinisikan sebagai pelajar yang mendapat pendidikan menengah di sekolah menengah Malaysia. Pelajar sekolah menengah ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu menengah rendah dan menengah atas. Pelajar menengah rendah terdiri daripada pelajar-pelajar berumur 13 hingga 15 tahun (Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga) yang memperoleh pendidikan menengah rendah dan mereka diberikan pendedahan luas untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan seimbang. Pelajar menengah atas pula terdiri daripada pelajar-pelajar berumur 16 hingga 17 tahun (Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima) yang menuntut pendidikan menengah atas. Pendidikan menengah memberikan peluang kepada pelajar untuk menjurus kepada pengkhususan berdasarkan minat, bakat dan kebolehan pelajar dalam bidang akademik, agama, teknikal, vokasional, sukan atau seni dan

menyediakan mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi atau alam pekerjaan.

Secara operasional, kajian ini melibatkan pelajar sekolah menengah atas yang berumur 16 tahun sahaja iaitu pelajar Tingkatan Empat merangkumi kedua-dua jantina. Pelajar-pelajar ini sedang menuntut pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) harian biasa. Tinjauan teoretikal Kohlberg (1984) menjelaskan bahawa kumpulan pelajar ini berada pada peringkat remaja tengah dan berkongsi ciri-ciri kematangan pertimbangan moral bersifat konvensional yang bermula seawal umur 12 sehingga 18 tahun. Dengan mengambil kira perspektif ini, kajian ini melibatkan pelajar tingkatan empat yang berumur 16 tahun.

1.10.2 Emosi Moral

Secara konseptual, emosi moral ditakrifkan sebagai keamatan tindak balas emosi (melibatkan nilai moral) terhadap sebarang tingkah laku moral (atau tidak bermoral) yang melibatkan kepentingan atau kebajikan seseorang atau masyarakat (Haidt, 2003). Tangney et al. (2007) menjelaskan bahawa emosi moral dilihat sebagai emosi kesedaran diri (*self-conscious emotions*) yang memotivasikan individu untuk membuat keputusan dan berperilaku secara moral (Avramova & Inbar, 2013). Antara emosi moral yang bervalen negatif ialah malu, bersalah dan keji, manakala emosi yang bersifat positif ialah kenaikan, kesyukuran atau sebarang pengalaman moral yang relevan dengan kebanggaan dan empati. Dalam kajian ini, penyelidik memilih emosi moral rasa bersalah dan malu yang dialami oleh pelajar apabila berhadapan dengan pelanggaran moral dalam kehidupan seharian mereka.

Dari sudut operasional, kajian ini menggunakan konstruk emosi moral bersalah dan malu yang diukur menggunakan instrumen emosi kesedaran diri yang bernama *Guilt and Shame Proneness Scale* (GASP; Cohen et al., 2011). Instrumen ini dibahagikan oleh dua dimensi iaitu rasa dimensi bersalah dan dimensi rasa malu. Dimensi kecenderungan rasa bersalah diukur dengan menggunakan dua subskala iaitu Rasa Bersalah - Penilaian Tingkah laku Negatif (PTLN) dan Rasa Bersalah - Pembaikan, manakala dimensi kecenderungan rasa malu diukur dengan menggunakan dua subskala iaitu Rasa Malu - Penilaian Diri Negatif (PDN) dan Rasa Malu - Penarikan Diri.

Dimensi Rasa Bersalah - PTLN menggambarkan tentang penilaian negatif seseorang terhadap tingkah laku mereka. Dimensi Rasa Bersalah - Pembaikan pula dirujuk sebagai kecenderungan tindakan yang tertumpu kepada membetulkan atau mengimbangi pelanggaran. Bagi Dimensi Rasa Malu - PDN, ia menggambarkan perasaan buruk tentang diri sendiri, manakala dimensi Rasa Malu - Penarikan Diri menjelaskan kecenderungan tindakan yang tertumpu kepada menyembunyikan atau menarik diri daripada orang ramai. Skor setiap subskala dalam dimensi rasa bersalah menunjukkan kecenderungan pelajar rasa bersalah terhadap tingkah laku negatif mereka dan memperbaiki tingkah laku mereka. Manakala skor setiap subskala dalam dimensi rasa malu kecenderungan pelajar malu terhadap diri mereka dan menarik diri daripada orang ramai. Skor keseluruhan konstruk emosi moral rasa bersalah dan malu dalam kajian ini dapat memberi maklumat mengenai kecenderungan pelajar sekolah menengah mengenai tahap rasa bersalah dan malu mereka terhadap tingkah laku dan diri mereka.

1.10.3 Identiti Moral

Identiti moral secara amnya merujuk kepada darjah kemoralan individu penting kepada identiti dirinya (Hardy & Carlo, 2011). Matlamat pembangunan identiti moral adalah pengintegrasian diri dan moral yang menggabungkan nilai dengan sistem motivasi dan emosi (Lapsley, 2015). Identiti moral terhasil selari dengan perkembangan kemoralan individu. Dengan erti kata lain, semakin membesar, semakin mengembang identiti diri dan kemoralan yang akhirnya membantu menghasilkan identiti moral. Dalam kajian ini, identiti moral merujuk kepada kepentingan nilai-nilai moral yang ditunjukkan oleh pelajar sekolah menengah sebagai identiti diri mereka. Dalam erti kata lain, keupayaan pelajar menggambarkan identiti mereka dengan nilai moral yang dipegang.

Dari sudut operasional, konstruk identiti moral wujud sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku moral secara langsung (Aquino et al., 2009, 2011; Gholamzedehmir, 2015). Identiti moral diukur menggunakan *Moral Identity Questionnaire* (MIQ; Black & Reynolds, 2016) dengan mempunyai dua subskala penting iaitu diri moral dan integriti moral. Subskala diri moral mengukur kepentingan pelajar dalam mengenal pasti nilai-nilai moral yang rapat dengan konsep sendiri. Manakala subskala integriti moral pula mengukur keinginan untuk membuat niat dan tindakan konsisten dan kepentingan pelajar meletakkan nilai untuk bertindak mengikut prinsip moral. Skor keseluruhan kedua-dua subskala identiti moral tinggi menunjukkan kekuatan identiti diri pelajar lebih dekat atau sama dengan kemoralan sejagat (Ding et al., 2018). Justeru, konstruk identiti moral dapat memberi gambaran mengenai kekuatan diri dan integriti moral dalam diri pelajar sekolah menengah.

1.10.4 Pertimbangan Moral

Bartels et al. (2015) mentakrifkan definisi pertimbangan moral sebagai satu keupayaan untuk menilai dan menentukan darjah kebaikan dan keburukan melalui satu standard baik (kebiasaannya norma dan peraturan masyarakat) dan mengambil kira kesan-kesan mendatang melalui tindakan, motif, niat dan perwatakan yang akan digambarkan melalui pertimbangan tersebut. Colby dan Kohlberg (1987) percaya bahawa pertimbangan moral mempunyai tahap-tahap tertentu yang perlu dicapai oleh seseorang untuk mencapai kemoralan dan tahap-tahap ini menjadi penentu kepada keupayaan dan penguasaan seseorang dalam menyelesaikan masalah dalam isu-isu moral. Dalam kajian ini, pertimbangan moral dirujuk sebagai keupayaan pelajar untuk mempertimbangkan darjah kebaikan dan keburukan sesuatu keputusan yang dalam situasi moral dengan mengambil kira kesan dan tindakan daripada keputusan tersebut.

Secara operasional, konstruk pertimbangan moral yang digunakan dalam kajian ini diukur dengan menggunakan *Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective* (SRM-SFO; Brugman, Basinger & Gibbs, 2007). Instrumen ini mengukur tahap pertimbangan moral secara menyeluruh kerana ia bersifat unidimensi (*unidimensional*). Tahap pertimbangan moral ditinjau berdasarkan empat bidang nilai. Pertama, kontrak sosial kebenaran dan perhubungan; yang berkaitan dengan penghormatan perjanjian yang terhasil dalam sosial seperti berjanji dan bercakap benar. Kedua, perhubungan menggambarkan tingkah laku membantu dalam kehidupan seharian. Ketiga, kehidupan; yang berkait keprihatinan hidup dan nyawa dan pemeliharaannya. Keempat, harta benda, undang-undang dan keadilan; yang berkait dengan menghormati harta benda, pematuhan kepada undang-undang dan pendakwaan dan hukuman jenayah oleh hakim. Keempat-empat bidang nilai mewakili tahap pertimbangan moral yang selari. Justeru, skor konstruk pertimbangan moral keseluruhan dalam kajian ini menggambarkan sama ada pelajar sekolah menengah

mempunyai tahap pertimbangan moral yang matang (skor tinggi) atau tidak matang (skor rendah).

1.10.5 Tingkah Laku Prososial

Tingkah laku prososial merupakan suatu ruang lingkup perbuatan yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada seorang individu atau lebih berbanding dengan memberi manfaat kepada diri sendiri. Antara contoh tingkah laku prososial adalah seperti membantu, mendamaikan, berkongsi, bekerjasama, melaksanakan kebajikan dan aktiviti perkhidmatan komuniti (Kaur et al., 2019; Kruglanski & Stroebe, 2012). Tingkah laku prososial sering dikaitkan dengan tingkah laku moral yang menggambarkan tingkah laku yang positif dan menepati kehendak moral (Patrick et al., 2018). Dalam kajian ini, tingkah laku prososial merujuk kepada tingkah laku yang dilakukan dalam keadaan sedar dan berniat untuk membantu dan bermanfaat untuk orang lain.

Dari sudut operasional, konstruk tingkah laku prososial yang digunakan dalam kajian ini diukur dengan menggunakan *Prosocial Tendencies Measure-Revised* (PTM-R; Carlo et al., 2003) yang mempunyai enam subskala iaitu emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam. Pertama, subskala emosi merujuk kepada tingkah laku yang bertujuan membantu orang lain dalam keadaan emosi. Kedua, subskala keperluan adalah tingkah laku yang bertujuan membantu orang lain dalam keadaan kecemasan. Ketiga, subskala tanpa pengetahuan dirujuk sebagai kecenderungan untuk membantu orang lain tanpa diketahui bantuan atau pembantu. Keempat, subskala pematuhan adalah merujuk kepada tingkah laku yang bertujuan membantu orang lain atas permintaan. Kelima, subskala altruisme yang merujuk kepada tingkah laku yang membantu orang lain tanpa mengharapkan ganjaran. Keenam, subskala awam merujuk kepada tingkah laku yang membantu orang lain di hadapan kehadiran orang lain. Berdasarkan jumlah

keseluruhan enam subskala, skor yang tinggi menunjukkan kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah berada pada tahap tinggi dan sebaliknya.

1.11 Rumusan

Secara ringkasnya, matlamat utama kajian ini adalah untuk meninjau kesan pengantaraan pertimbangan moral terhadap hubungan antara emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Objektif kajian dan persoalan kajian menekankan keperluan asas untuk meneroka dan mengukur emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dari aspek tahap, hubungan, pengaruh dan juga pengantaraan. Malah, keseluruhan bab satu ini memberi gambaran menyeluruh mengenai impak dan kesan emosi moral, identiti moral pelajar sekolah menengah terhadap pembentukan dan perkembangan pertimbangan moral dan tingkah laku prososial.

Kajian ini penting kerana berdasarkan tinjauan literatur lepas menunjukkan bahawa emosi moral rasa bersalah dan malu dan juga identiti moral memberi kesan ke atas proses perkembangan pertimbangan moral pelajar dan juga keberhasilan tingkah laku moral pelajar ke arah prososial. Malah, berdasarkan permasalahan dan juga tinjauan kajian lepas, peranan pertimbangan moral dipercayai mempunyai fungsi pengantara dalam menghubungkan emosi moral dan identiti moral terhadap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Sehubungan itu, dapatan kajian ini diharap dapat memberi input kepada pemegang taruh seperti pihak pengurusan sekolah, guru-guru, golongan akademik, KPM dan para penyelidik supaya merancang secara kolektif dan mengambil langkah yang bersesuaian untuk dalam meningkatkan kemahiran pertimbangan moral dalam diri pelajar sekolah

menengah untuk menghasilkan tingkah laku moral yang menyeluruh dan melahirkan insan bermoral yang bukan sahaja seimbang dari aspek kognitif, emosi dan tingkah laku, malah dari aspek pembentukan profil identiti moral pelajar yang lebih dekat dengan pegangan moral.

Universiti Malaya

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membicarakan perkara yang berkaitan dengan topik kajian dan tumpuan diberikan kepada sorotan kajian. Beberapa kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian ditinjau dan dapatan setiap kajian dibincang secara analitikal dan kritikal. Perbincangan bab ini dimulai dengan konsep kemoralan dan juga perkembangan moral dari perspektif kognitif. Diikuti dengan itu, bab ini memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu: (1) penjelasan definisi pemboleh ubah kajian; (2) dimensi pemboleh ubah kajian; dan (3) perhubungan di antara pemboleh ubah kajian. Bagi menjelaskan tiga aspek utama ini, tinjauan kajian literatur telah dibincangkan, dikupas dan dianalisis dari segi kepentingan dan kerelevanan kajian.

Antara teori yang diberikan pengutamaan dalam kajian ini adalah Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984), Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019) dan Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994). Teori-teori ini digunakan untuk menjelaskan peranan setiap pemboleh ubah kajian dan hubungan terhadap pemboleh ubah kajian lain. Dengan itu, kerangka teoretikal dan konseptual kajian dihasilkan untuk menjelaskan keseluruhan kajian.

Pada akhirnya perbincangan bab ini, pengkaji mencadangkan satu model pengantaraan iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM). Model ini dicadangkan untuk meninjau dan menilai kesan pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

2.2 Konsep Kemoralan dan Perkembangan Moral

Perkembangan moral sering berkait dengan kemoralan antara satu sama lain. Terdapat tiga komponen kemoralan yang menjadi tunjang kepada pembentukan dan perkembangan moral iaitu pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral. Bagaimanapun, sebelum membincangkan perkembangan moral dan komponen-komponen kemoralan, penjelasan mengenai konsep kemoralan itu perlu dijelaskan terlebih dahulu. Hal ini kerana pertimbangan moral dan tingkah laku prososial merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam komponen kemoralan.

Istilah kemoralan pada dasarnya bermaksud temperamen, sifat, nilai, adab dan tingkah laku wajar yang menggambarkan perbezaan niat, keputusan dan tindakan manusia di antara yang baik (betul atau patut) dan yang buruk (salah atau tidak patut) (Long & Sedley, 1987). Haidt dan Kesebir (2010) pula berpendapat kemoralan sebenarnya menggambarkan perkara yang 'baik', 'berbudi luhur', 'betul' atau 'beretika' untuk manusia bertindak. Jelasnya, istilah kemoralan dapat dirumuskan sebagai kemoralan sebagai kumpulan atau rangkaian kepercayaan, nilai norma, perintah, larangan dan reka bentuk yang wujud dalam kehidupan seseorang, kumpulan, kelas sosial, negara atau persekitaran budaya dalam tempoh masa tertentu untuk membimbing tindakan mereka (Ozlem, 2004). Oleh itu, kemoralan adalah kepercayaan moral, pandangan dan sikap yang menjadi asas kelangsungan hidup manusia yang stabil, harmoni, dihormati dan diterima dalam komuniti.

Walaupun penjelasan kemoralan di atas diterima pakai secara umum, namun penyelidik zaman kini menggunakan interpretasi baru dengan menggunakan teori-teori klasik dari tokoh falsafah untuk mentafsirkan fungsi dan peranan kemoralan dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, Shadnam (2015) berpendapat ahli sarjana sosiologi Durkhiem melihat

kemoralan sebagai satu sistem peraturan perilaku dan tindakan yang dipersetujui oleh masyarakat, diterima pakai dalam pendapat umum dan mengikat individu bersama dengan masyarakat. Malah, dari perspektif deontologi Kant, kemoralan dirujuk sebagai satu set panduan norma mengenai cara manusia harus memperlakukan antara satu sama lain termasuk keprihatinan terhadap nilai saksama, kesejahteraan orang lain, kesetaraan dan keadilan (Killen & Smetana, 2015).

Bagi Reed dan Vitz (2018), perspektif Hume terhadap kemoralan dapat dijelaskan sebagai keupayaan manusia untuk bersimpati, menunjukkan belas kasihan dan berempati yang dilihat sebagai motivasi untuk bertingkah laku prososial (Reed & Vitz, 2018). Bagi Hume, kemoralan didefinisikan oleh emosi-emosi tersebut kerana kemoralan bukan sahaja berfungsi sebagai satu set tatakelakuan, tetapi turut merangkumi emosi-emosi yang sewajar untuk berkelakuan baik. Dari sudut psikologi moral, Kohlberg (1984) dan Gewirth (1978) berpendapat kemoralan adalah satu set keperluan yang wajib untuk menentukan baik (atau betul) dan buruk (atau salah) sesuatu tindakan dengan mengambil kira norma, undang-undang dan etika (Haidt, 2013; Killen & Smetana, 2015). Definisi kemoralan ini sedikit sebanyak menyentuh kepentingan prinsip moral dalam membuat keputusan yang rasional untuk bertindak.

Freud seorang psikoanalisis pula berpendapat bahawa kemoralan adalah satu kesedaran yang terhasil daripada perkembangan superego iaitu struktur minda yang membimbing perlakuan manusia secara tidak sedar (Gabinetti & Özler, 2014). Pada pandangan Freud, manusia secara tidak sedar bermotivasi untuk mengelakkan pengalaman yang bersalah dengan berkelakuan yang konsisten dengan larangan dan pedoman superego (Eriksson, 2014). Oleh itu, kemoralan adalah persepsi mengenai penghayatan nilai dan juga tindak balas emosi.

Dewey (1938) telah menggunakan kemoralan melalui konsep pengalaman manusia yang tiada batasan. Dewey beranggapan aktiviti moral bukan merupakan satu kegiatan yang asing dalam kehidupan manusia, tetapi aktiviti moral adalah sebagai satu percubaan berdasarkan penyelidikan yang adil dan lebih kepada akibat sesuatu tindakan. Selain itu, Dewey (1977) menyatakan kemoralan bukanlah sesuatu perkara yang khusus atau wujud sebagai satu entiti tersendiri dalam pengalaman manusia. Kemoralan wujud secara sepadu dan terangkum dalam semua kegiatan atau tindakan manusia. Oleh itu, kemoralan perlu difahami dan didekati secara meluas dari pelbagai sudut dan perspektif.

Walaupun mempunyai tafsiran yang berbeza-bebeza, namun kebanyakan sarjana bersetuju bahawa kemoralan adalah perlakuan individu terhadap orang lain dengan mengambil kira norma persekitaran dan mencerminkan niat dan motivasi untuk bertingkah laku. Tambahan pula, setiap definisi kemoralan yang diperincikan mengikut bidang masing-masing membantu membina komponen moral yang menyeluruh dan bersepadu. Carlo (2014) dan juga Arsenio (2014) menyatakan bahawa penggabungan konsep pemikiran, emosi dan tingkah laku adalah penting untuk penjelasan kemoralan yang lengkap dan menjadi asas kepada pengintegrasian komponen kemoralan.

Dalam pada itu, Wilson (1973) telah memperkenalkan empat komponen kemoralan yang menjadikan individu tersebut bermoral iaitu berfikir mengenai orang lain, memiliki emosi seperti empati dan kasih sayang terhadap orang lain, memahami fakta tentang keadaan atau situasi seseorang dan membuat keputusan untuk bertindak secara bermoral. Wilson menegaskan bahawa keempat-empat komponen kemoralan ini adalah satu gabungan universal yang membimbing manusia untuk menjadi '*morally educated person*' dan kekal berada dalam landasan moral serta sentiasa seimbang dalam membuat keputusan dan bertindak. Namun begitu, Rest (1984, 1986) pula muncul dengan model empat komponen

kemoralan yang menerangkan perkembangan moral manusia melalui proses psikologi. Ia adalah sensitiviti moral, pertimbangan moral, motivasi moral dan perwatakan moral. Walaupun keempat-empat komponen tersebut bersifat psikologi, namun Rest (1986) percaya bahawa komponen kemoralan tersebut membantu individu untuk melakukan interpretasi terhadap sesuatu situasi yang memerlukan tindakan wajar, berkeupayaan untuk membuat pertimbangan, memberi prioriti terhadap nilai moral yang dipegang dan mempunyai ketabahan yang mencukupi dalam menghadapi situasi moral.

Dalam konteks di Malaysia pula, Chang (2002) menyatakan bahawa sistem pendidikan Malaysia telah menggunakan perspektif psikologi dan perspektif falsafah moral untuk mata pelajaran tertentu bagi memastikan pelajar-pelajar di Malaysia berkembang secara menyeluruh. Menurut beliau, penggunaan perspektif falsafah moral mampu memberikan pelajar makna, sebab dan pengertian tentang gambaran dan idea mengenai tindakan yang betul, benar, baik dan patut dilakukan oleh seseorang individu dalam kehidupan seharian mereka serta dalam hubungan dengan orang lain. Manakala, perspektif psikologi moral meluaskan kefahaman pelajar tentang tingkah laku dan perkembangan kapasiti manusia (dari segi kognitif mahupun afektif) dalam membuat pertimbangan moral.

Justeru, Model Insan Menyeluruh iaitu *Whole Child Model* yang telah diperkenalkan oleh Lickona (1991) telah diadaptasikan dalam huraian sukatan pelajaran (KPM, 2000; Abd. Shatar, 2007). Model ini merujuk konsep kemoralan menyeluruh yang boleh dijelaskan dalam tiga dimensi moral yang penting iaitu pemikiran moral (kognitif), emosi moral (afektif) dan tingkah laku moral (psikomotor). Ketiga-tiga dimensi adalah bertujuan melahirkan insan bermoral dan mencapai tahap kematangan moral secara menyeluruh.

Malah, Kochanska dan Aksan (2006) juga menggunakan pendekatan yang sama untuk membina komponen kemoralan tetapi dalam bentuk komponen kesedaran moral. Komponen kesedaran moral ini merangkumi moral kognitif yang lebih tertumpu kepada pemahaman tentang peraturan dan akibat mengingkar, emosi moral yang bersifat rasa bersalah dan tingkah laku moral yang patuh kepada peraturan. Ketiga-tiga komponen ini menghasilkan perkembangan moral yang seimbang apabila wujudnya kesedaran dalam diri manusia.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa definisi kemoralan yang dibentuk di atas mencerminkan pelbagai pendekatan teori dan tradisi yang berperanan membimbing pembinaan konstruk, pengukuran, deskripsi perkembangan dan juga kesimpulan yang jelas dari pelbagai bidang. Konsep kemoralan yang terbentuk melalui pelbagai dimensi adalah asas untuk pemahaman perkembangan moral (Killen & Smetana, 2015). Malah, komponen kemoralan tersebut menyentuh konsep perkembangan moral (Sakhilah, 2009) iaitu proses penilaian dan penyiasatan tingkah laku seseorang sama ada baik atau buruk dan betul atau salah akan berkembang secara berperingkat dengan bantuan kemoralan. Walau bagaimanapun, definisi kemoralan sahaja tidak mencukupi untuk pembentukan insan bermoral. Perubahan dan perkembangan diri membuka ruang untuk perkembangan moral yang seimbang dan menyeluruh (Khatibi & Khormaei, 2016).

Kesimpulannya, kemoralan adalah tunjang kepada pembentukan perkembangan moral dalam diri manusia. Seseorang individu yang berpegang kepada prinsip kemoralan tertentu tidak akan kekal berada pada tahap kematangan yang sama, malah berlaku proses atau evolusi perkembangan dari segi kognitif, emosi, tingkah laku dan sosial (Santrock, 2021; Upton, 2012). Penggunaan pelbagai komponen untuk membentuk konsep kemoralan adalah berdasarkan kepada kesesuaian, ketetapan dan juga pegangan aliran

moral. Oleh itu, perkembangan moral perlu dibincangkan secara lebih mendalam dari sudut psikologi moral untuk menghasilkan insan bermoral yang seimbang dan menyeluruh.

2.3 Perkembangan Moral dari Perspektif Perkembangan Kognitif

Manusia membentuk kemoralan berdasarkan interaksi antara satu sama lain (Dahl & Killen, 2018), malah sejak awal kehidupan lagi, manusia mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan unsur kemoralan seperti membantu, dibantu, mencederakan dan dicerdakan (Hammond et al., 2017). Dalam erti kata lain, sejak kecil hingga dewasa, setiap manusia akan melalui pengalaman moral yang merangkumi isu-isu moral yang menguji sistem kemoralan yang dipegang oleh individu tersebut. Dalam proses ini, individu tersebut mula mengambil kira dan menilai norma dan nilai moral mahupun undang-undang yang dipercayai secara kritikal (Dahl, 2016). Apabila individu tersebut mula memahami, berfikir, meluahkan perasaan ataupun emosi dan mempertimbangkan tindakan berdasarkan set kemoralan tersebut, maka mula menghadapi kematangan dalam kemoralan (Dahl & Killen, 2018).

Berdasarkan situasi di atas jelas menunjukkan bahawa kemoralan yang dipegang dan dipercayai tidak akan kekal berada pada keadaan yang sama, malah mula mengalami perkembangan moral secara berperingkat (Killen & Smetana, 2015). Dalam pada itu, perkembangan moral dapat dijelaskan sebagai terbitan, perubahan dan pemahaman kemoralan sejak kecil hingga dewasa (Turiel, 2018). Dengan berlakunya perubahan perkembangan moral, seseorang individu dapat mengenal pasti dan memahami isu-isu moral yang berbeza dan dapat mengendali isu moral tersebut apabila berlaku semula dengan membina kemahiran untuk membantu dirinya untuk membuat keputusan yang terbaik untuk bertindak (Campbell et al., 2010). Bagi Garrigan et al. (2018), apabila

komponen kemoralan seperti pertimbangan moral, emosi moral dan tingkah laku moral mengalami perubahan prospektif mahupun retrospektif, maka integrasi perubahan antara ketiga-tiga komponen ini dianggap sebagai perkembangan moral.

Sejak seabad yang lalu, bidang perkembangan moral telah dipelopori oleh falsafawan, para sarjana, pemikir yang berpengaruh dalam falsafah kemoralan dan juga perkembangan kognitif serta sosialisasi (Narvaez, 2019). Pendekatan perkembangan moral kognitif kepada kematangan manusia merupakan salah satu perspektif teori yang mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan manusia, khususnya terhadap perkembangan moral (Forsyth, 2020). Begitu juga dalam kajian ini iaitu perspektif perkembangan moral kognitif dijadikan sebagai pegangan untuk meninjau kematangan moral pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Menurut Ovcharova (2019), kajian perkembangan moral pada asasnya tertumpu kepada proses manusia mengasimilasikan diri mereka dengan norma, peraturan dan juga kekangan dan mula memberikan tumpuan kepada keberhasilan melalui perlakuan. Selepas berlaku evolusi asimilasi ini, pelbagai teori dari pelbagai cabang falsafah telah muncul untuk memenuhi konsep perkembangan moral. Kajian-kajian awal teoretikal dan empirikal abad ke-20 lebih menumpukan kepada tiga aspek konseptual iaitu pertimbangan moral (cara seseorang membuat keputusan dalam situasi moral), perasaan moral (perasaan yang wujud dalam situasi moral tersebut) dan tingkah laku moral (tindakan yang diambil untuk menghadapi situasi moral).

Menurut Molchanov (2013), terdapat tiga kumpulan yang menjadi pengasas kepada pembentukan konsep perkembangan moral. Kumpulan pertama adalah dari idea Piaget dan Kohlberg yang memberi memfokuskan aspek kognitif dalam perkembangan moral

dengan mengutamakan prinsip keadilan sebagai asas kepada pembentukan pertimbangan moral (Kohlberg, 1984; Piaget, 1965). Turiel melalui teori pelbagai domain menjelaskan pendekatan domain adalah salah satu kaedah moden yang menggunakan pendekatan kognitif dalam perkembangan moral (Turiel, 1983). Kumpulan kedua memberi perhatian kepada faktor emosi yang lebih kepada prinsip keprihatinan dan peduli (*care*) sebagai asas perkembangan moral (Gilligan, 2016; Hoffman, 2000). Kumpulan ini lebih mengutamakan aspek keprihatinan yang menunjukkan bahawaimbangan antara kedua-dua gender. Seterusnya, kumpulan ketiga dapat ditunjukkan melalui teori-teori integrasi yang menyepadukan komponen kognitif, emosi dan tingkah laku yang berorientasikan keadilan dan prinsip keprihatinan dan peduli yang bergantung kepada situasi (Eisenberg, 1986; Eisenberg et al., 2014; Rest & Narvaez, 1994). Ketiga-tiga kumpulan ini jelas menunjukkan tiga arah tujuan yang berbeza dalam pembentukan teori untuk bidang perkembangan moral dan seharusnya ia disepadukan untuk memastikan bidang perkembangan dapat diperluaskan.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian awal perkembangan moral yang membuka ruang kepada pembentukan teori-teori klasik lebih tertumpu kepada pendekatan kognitif. Xiao (2012) menjelaskan peralihan dari falsafah kemoralan kepada perkembangan moral telah menunjukkan perubahan yang dinamik dalam bidang psikologi moral apabila kemoralan dapat diperjelaskan dalam bentuk pembangunan peribadi dan berkembang secara berperingkat. Kajian-kajian awal oleh pakar-pakar kognitif seperti Piaget dan Kohlberg (Newman & Newman, 2007) telah memberi sumbangan yang tinggi dalam menentukan perkembangan moral manusia berkembang secara berperingkat menerusi kajian mereka. Tambahan pula, kajian-kajian terkini menggabungkan konsep pemikiran, atribusi emosi dan tingkah laku sebagai perkara asas untuk kemoralan (Arsenio, 2014; Turiel & Killen, 2010).

Sebelum membincangkan sumbangan kedua-dua pakar kognitif ini, penjelasan mengenai pemikiran dan perkongsian ilmu antara mereka perlu dirungkai. Piaget dan Kohlberg berkongsi aliran pandangan yang sama terhadap interaksi antara organisma dengan persekitaran yang menghasilkan perkembangan struktur dan proses kognitif yang sangat kompleks (Forsyth, 2020). Interaksi ini menerajui perkembangan kognitif berperingkat yang digambarkan dalam penstrukturan semula skema kognitif. Perubahan kognitif ini membentuk semula keupayaan manusia untuk berfikir dan menaakul dan dengan perubahan ini wujudnya perubahan cara untuk membuat pertimbangan mengenai baik dan buruk. Transformasi kognitif ini dirungkai oleh Piaget dan Kohlberg dari perspektif moral dan menjalinkan keberkaitan kognitif terhadap perkembangan moral.

Pendekatan normatif kognitif bermula dari teori yang dibentuk oleh Piaget yang mementingkan kognitif dan struktur intelektual, pertimbangan moral dan penaakulan moral kanak-kanak (Molchanov, 2013). Bagi Piaget, untuk memahami perkembangan moral kanak-kanak, Piaget percaya bahawa adalah penting untuk mempelajari cara kemoralan dilihat dalam dunia kanak-kanak dan juga faktor-faktor yang menyumbangkan kepada kemunculan konsep moral asas seperti kesejahteraan, keadilan dan hak-hak. Piaget mengaitkan konsep perkembangan dan kefungsiannya dengan pembentukan kebolehpayaan kognitif kanak-kanak dan menganggap kecerdasan atau intelektual sebagai aspek kognitif yang ditonjolkan dalam tingkah laku (Ovcharova, 2019). Berdasarkan pendekatan kognitif ini, Piaget menegaskan bahawa perkembangan moral berlaku secara berperingkat apabila pertimbangan moral dicapai dengan perkembangan kognitif ontogenetik. Apabila kanak-kanak berkembang matang, keupayaan pertimbangan mereka akan melalui tahap heteronomi dan seterusnya berkembang ke tahap autonomi. Piaget (1932) menghipotesiskan bahawa perkembangan moral berlaku apabila kanak-kanak beralih dari egosentrik yang memerlukan keupayaan kognitif untuk

membezakan antara ego dan persekitaran sosial dan dibimbing oleh kematangan bahasa dan imaginasi.

Seterusnya, Kohlberg (1984) telah mengembangkan teori Piaget selain kanak-kanak dan merangkumkan remaja dan dewasa dalam kajian empirikalnya. Kohlberg mengkhususkan bahawa perkembangan moral adalah satu proses berurutan yang dilalui oleh setiap manusia dan bukannya cerminan perkembangan kognitif semata-mata. Terdapat andaian bahawa teori yang dikemukakan oleh Kohlberg telah mengadaptasi falsafah deontologi Kant yang menganggap kemoralan sebagai justifikasi kepada sesuatu tindakan dan mengubahsuai tahap perkembangan moral yang diperkenalkan oleh Piaget (Killen & Smetana, 2015).

Walau bagaimanapun, Kohlberg menegaskan peranan pertimbangan moral adalah penting dalam memastikan perkembangan moral berhasil secara berstruktur. Hal ini kerana Kohlberg percaya bahawa untuk menjustifikasikan sesuatu keputusan moral, maka pertimbangan moral diperlukan untuk mengukuhkan penaaakulan yang logik dan rasional dengan mengimbangi darjah kebaikan dan keburukan sesuatu keputusan dan tindakan yang hendak dibuat (Garrigan et al., 2018). Justeru, Kohlberg (1984) mencadangkan enam tahap pertimbangan moral yang dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu aras pra-konvensional (peribadi), konvensional (komuniti) dan pasca konvensional (berprinsip) iaitu setiap peringkat berurutan mewakili bentuk pertimbangan moral yang bersifat berkembang dan logik.

Berdasarkan kepada enam tahap tersebut, Kohlberg membuktikan melalui kajiannya bahawa remaja boleh mencapai tahap perkembangan moral yang tinggi apabila mengutamakan prinsip keadilan dan hak (Aminuddin et al., 2020). Dalam pada itu,

Menurut Kohlberg (1984), perkembangan moral bukan sahaja berkembang selaras dengan umur (kematangan biologi), tetapi pertimbangan moral turut dikaitkan dengan keupayaan pertimbangan kognitif seseorang. Teori Kohlberg telah memberi sumbangan yang signifikan kepada bidang psikologi moral, bermula dari titik pembinaan dalaman daripada dunia sosial, sehingga kepada proses pemikiran pertimbangan moral seorang individu (Rest et al., 1999a). Namun, terdapat banyak pandangan daripada penyelidik-penyelidik dalam bidang psikologi yang menyatakan bahawa pertimbangan moral adalah salah satu komponen psikologi daripada perkembangan moral umum. Teori ini menjelaskan bahawa manusia yang normal akan melalui beberapa proses perkembangan kognitif dan bagaimana proses ini mempengaruhi kelakuan manusia tersebut.

Pendekatan kognitif lain dalam perkembangan moral telah dikemukakan oleh Rest et al., (1999a) yang meliputi empat komponen kemoralan yang menjadi asas kepada perkembangan moral yang kebiasaannya dirujuk sebagai pendekatan neo-Kohlberg. Rest menggunakan pendekatan berbeza yang menganggap perkembangan moral berlaku secara beransuran mengundang kepada pemikiran yang lebih matang, bukannya pemikiran yang bersifat peringkat mahupun tahap seperti mana yang dicadangkan oleh Piaget dan Kohlberg (You & Bebeau, 2013). Rest (1984) mencadangkan empat komponen yang mendasari tingkah laku moral sebagai produk akhir perkembangan moral iaitu sensitiviti moral, pertimbangan moral, motivasi moral dan juga perwatakan moral. Model ini diintegrasikan dengan proses kognitif bersama dengan afektif yang menekankan bahawa bukan sahaja pertimbangan moral tetapi tingkah laku moral juga turut memerlukan penjelasan yang kukuh dalam pembentukan perkembangan moral (Rest et al., 1999a). Rest mempercayai bahawa kegagalan moral mungkin berlaku jika wujud kelemahan dalam salah satu komponen yang dinyatakan (Campbell et al., 2010).

Penggunaan teori skema juga turut menjadi salah satu agenda dalam pembentukan perkembangan moral yang selanjutnya dikembangkan oleh Gibbs (2019).

Gibbs (2019) menawarkan konsep alternatif kepada perkembangan moral yang menggunakan kognitif dan afektif sebagai asas pembentukan teori. Gibbs berpendapat bahawa motivasi moral adalah penemuan yang penting kepada perkembangan moral dan kognitif bertindak sebagai motif kepada tingkah laku moral. Di samping Kohlberg mencadangkan enam tahap, Gibbs et al. (1992) dan Gibbs (2019) mencadangkan empat tahap yang dikategorikan sebagai peringkat tidak matang dan matang dan menambahkan transisi dalam tahap tersebut. Gibbs (2019) mewajarkan bahawa standard tahap perkembangan moral mencerminkan peningkatan dalam ingatan dan menghipotesiskan bahawa keupayaan perhatian diperlukan untuk mengembangkan kematangan dalam membuat keputusan moral.

Tahap lima dan enam yang dicadangkan oleh Kohlberg tidak dianggap sebagai tahap perkembangan yang nyata dan munasabah oleh Gibbs kerana agak sukar untuk dicapai oleh mana-mana peringkat umur terutamanya golongan remaja (Bergman, 2006). Peningkatan keupayaan perhatian membolehkan individu untuk menumpukan lebih daripada satu situasi moral dan pelbagai informasi logikal ketika membuat keputusan moral (Gibbs, 2019). Pendekatan yang diperkenalkan oleh Gibbs (2019) lebih mengutamakan keberkesanan pertimbangan moral terhadap tingkah laku moral dan mementingkan perbezaan individu dalam pertimbangan moral yang mempunyai keberkaitan dengan tingkah laku prososial mahupun antisosial. Ia bergantung kepada bentuk tingkah laku dan konsep tingkah laku baru yang diperkenalkan seperti tingkah laku prososial berkaitan dengan kerelevanan moral manakala tingkah laku antisosial berkait dengan gangguan kognitif.

Walau bagaimanapun, teori Kohlberg menerima pelbagai pelbagai kritikan dan menyeru untuk pendekatan baru. Beberapa sarjana mengkritik bahawa Kohlberg lebih mengutamakan perspektif maskulin (Gilligan, 2016) dan juga wujud beberapa persoalan sama ada tahap perkembangan moral yang tinggi adalah universal budaya atau tidak (Snarey, 1985). Malah terdapat kritikan bahawa kurangnya korelasi antara kematangan moral dan tingkah laku moral (Krebs & Denton, 2005). Kajian kemoralan dikatakan didominasi oleh penyiasatan keputusan moral sebagai produk akhir, sedangkan dalam kehidupan sebenar tingkah laku adalah produk akhir (Krebs dan Denton, 2005) dan pertimbangan moral bukan menjelaskan tingkah laku sepenuhnya (Blasi, 1983). Dalam pada itu, Rest (1984) dan Gibbs (2019) memainkan peranan penting dalam mengembangkan bidang perkembangan moral kepada pendekatan '*coprimacy*' iaitu keutamaan dua konsep dan memfokuskan tingkah laku moral sebagai titik akhir.

Selain itu, penggunaan pendekatan kognitif untuk menjelaskan perkembangan moral secara keseluruhan telah dikritik oleh psikologis sosial seperti Hoffman (1984), Haidt (2003) dan Tangney et al. (2007) kerana mengabaikan peranan emosi dan afektif yang menjadi asas kepada tingkah laku moral. Tangney et al. (2007) telah memberi tumpuan kepada aspek emosi moral seperti rasa bersalah dan malu sebagai faktor motivasi kepada pembentukan tingkah laku moral dan sekali gus melengkapkan proses perkembangan moral yang sempurna. Berbanding dengan tindak balas afektif 'utama' seperti emosi positif, emosi 'sekunder' rasa bersalah dan malu digunakan untuk menunjukkan kefungsi emosi tersebut dalam keadaan yang lebih kompleks dan membimbing penyesuaian tingkah laku moral yang lebih sesuai (Tangney et al., 2007; Tangney & Dearing, 2002). Haidt (2003) juga menegaskan bahawa pentingnya emosi moral untuk pertimbangan moral dan tingkah laku moral berfungsi secara bertimbal balik.

Di samping itu, pengkritik juga telah menunjukkan bahawa wujudnya jurang antara pertimbangan moral dan tingkah laku moral yang dikenali sebagai kelompangan pertimbangan-tingkah laku '*judgement-action gap*' (Blasi, 1984; Hardy & Carlo, 2005; Ovcharova, 2019; Walker, 2004). Bagi menangani kelompangan perkembangan moral ini, Blasi (1984) telah memperkenalkan konsep identiti moral yang mengutamakan kepentingan nilai dan matlamat moral sebagai aspek teras atau penting untuk dirinya sendiri. Blasi menganggap bahawa kemoralan dan kesepaduan diri sebagai faktor penting kepada pembentukan pertimbangan dan tingkah laku moral. Bagi memastikan perkembangan moral berkembang secara positif dan meningkat seperti yang dicadangkan oleh Piaget mahupun Kohlberg, identiti moral membantu untuk mengukuhkan tingkah laku moral seseorang (Ellemers, 2018; van Nunspeet et al., 2015).

Berdasarkan tinjauan lepas tersebut, walaupun pendekatan perkembangan moral Kohlberg berasaskan kognitif ini mendapat pelbagai pandangan yang berbeza dari pelbagai pakar kognitif (Gilligan, 2016; Rest et al., 2000; Turiel, 2008), namun teori Kohlberg ini telah berkembang luas dan disokong secara empirikal dalam bidang psikologi moral dan teori ini dipilih dalam kajian ini memandangkan hakikat bahawa ia mungkin menawarkan paradigma yang luas dan diteliti secara menyeluruh dalam bidang pertimbangan moral (Jambon & Smetana, 2014). Pada masa yang sama, tinjauan literatur yang membincangkan kewujudan jurang di antara pertimbangan dan tingkah laku moral menyokong tujuan kajian ini yang mengambil kira kehadiran konsep emosi moral dan juga identiti moral sebagai peneguh kepada pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Tujuan kajian ini juga selaras dengan pandangan Garrigan et al. (2018) iaitu daripada menolak perspektif perkembangan kognitif, satu pendekatan integrasi atau model yang menggabungkan faktor-faktor dari teori perkembangan moral kognitif dengan sokongan tambahan dari teori-teori yang relevan mampu membuka konseptual baru dalam meramalkan pertimbangan moral dan tingkah laku moral dengan lebih mantap. Bagi mencapai cadangan Garrigan et al. (2018), model pertimbangan moral yang merangkumi faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan moral dan juga tingkah laku moral perlu dibentuk dan diuji untuk menyokong kemenjadian pelajar sekolah menengah yang holistik. Justeru, tinjauan ini menyokong dan menyeru kepada pembentukan satu model yang merangkumi emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral dalam meramalkan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

2.4 Pertimbangan Moral

Sehingga hari ini, kerangka dan pendekatan yang kerap digunakan untuk meramalkan tingkah laku moral adalah pendekatan kognitif (Forsyth, 2020; Garrigan et al., 2015; Schipper & Koglin, 2021). Walau bagaimanapun, pendekatan kognitif ini telah menemukan satu cabang bidang yang penting untuk memahami tingkah laku moral dengan lebih kritikal dan intelektual iaitu pertimbangan moral (Reynolds & Ceranic, 2007). Kohlberg adalah satu seorang pakar yang telah membangunkan konsep pertimbangan moral melalui hasil kajian dan teori yang ditemukan. Kohlberg mensintesis pandangan daripada ahli falsafah liberal seperti Rawls (1971) bersama dengan pendekatan perkembangan kognitif Piaget (1965) dan juga Baldwin (1902) yang mengutamakan pemahaman isu-isu moral seperti hak dan juga keadilan.

Bagi Kohlberg (1984), falsafah kemoralan bukan sahaja membimbing bidang perkembangan moral, malah mengukuhkan peranan pertimbangan moral dalam konteks struktur moral yang luas seperti cara pemikiran manusia mengenai struktur kemasyarakatan dan perhubungan manusia sesama manusia dalam urusan harian (Forsyth, 2020; King & Mayhew, 2004). Gielen (1991) meringkaskan peranan pertimbangan moral dari sudut pandangan Kohlberg dan ia adalah seperti berikut:

‘Bagi Kohlberg, kemoralan merangkumi perasaan, pemikiran dan tingkah laku, tetapi pertimbangan moral yang membimbing tingkah laku yang mempunyai beberapa kualiti moral yang khusus. Pertimbangan moral menunjukkan perkara yang harus dilakukan ketika berada dalam keadaan yang melibatkan pelbagai tuntutan daripada pelbagai pihak. Apabila seseorang hendak membuat keputusan moral dalam situasi yang konflik, pertimbangan moral mereka sentiasa merujuk kepada peraturan dan prinsip normatif, kesan kesejahteraan yang melibatkan pelbagai orang dalam konflik tersebut, pencarian penyelesaian yang seimbang dan saksama, keseimbangan perspektif dan juga keharmonian untuk diri sendiri dan juga persekitaran.’ (m/s: 24)

Peranan pertimbangan moral ini turut disokong oleh Rest (1986) melalui model empat komponen kemoralan yang menjelaskan bahawa pengambilan keputusan moral bermula dengan kesedaran dan sensitiviti mengenai isu moral. Kemudian, individu tersebut membuat pertimbangan moral dengan menetapkan niat untuk bertindak secara moral dan akhirnya mempamerkan pertimbangan tersebut dalam bentuk tingkah laku moral. Dalam pada itu, Rest dan Narvaez (1994) membentuk definisi pertimbangan moral sebagai satu kaedah yang menganalisis isu-isu moral dan etika dengan mengenal pasti pilihan, mengambil kira kepentingan pemegang taruh sosial, timbang tara akibat daripada keputusan di antara nilai dan juga peranan, menentukan tindakan yang betul dan salah dan akhirnya, memperkembangkan kerationalan dalam setiap tindakan.

Sebaliknya, Bartels et al. (2015) menyatakan pertimbangan moral adalah satu definisi yang kompleks. Pertimbangan adalah pendapat atau penilaian yang mengenai sesuatu aspek melalui penimbangan bukti yang jelas dan nyata. Pertimbangan dirujuk sebagai penilaian yang berkaitan dengan pembentukan pendapat dan penilaian melalui perbandingan dan kesan. Oleh itu, Bartels et al. (2015) mengusulkan definisi pertimbangan moral melalui model integrasi sebagai satu keupayaan untuk menilai dan menentukan darjah kebaikan dan keburukan melalui satu standard baik (kebiasaannya norma dan peraturan masyarakat) dan mengambil kira kesan-kesan mendatang melalui tindakan, motif, niat dan perwatakan yang akan digambarkan melalui pertimbangan tersebut.

Pertimbangan moral dilihat berkembang bermula dari awal kanak-kanak sehingga dewasa (Sasikala, 2013). Piaget (1965) telah menjelaskan bahawa operasi formal pertimbangan moral dan pemikiran analitikal hanya berkembang di peringkat remaja. Manakala Kohlberg (1984) pula telah menunjukkan bahawa tahap pertimbangan moral yang tinggi hanya mempunyai potensi yang tinggi untuk berlaku ketika berada di zaman keremajaan. Pertimbangan moral memerlukan peningkatan kematangan apabila seseorang berdepan dengan dilema dalam sesuatu situasi moral (Kohlberg, 1981). Proses pertimbangan moral pada usia remaja menentukan bentuk pemikiran mereka dalam membuat tindakan yang bersesuaian berdasarkan sistem nilai (Kohlberg, 1981; Manavipour, 2012) sejagat seseorang. Remaja mula mengembangkan keupayaan untuk berfikir secara abstrak termasuk keupayaan untuk menghasilkan andaian atau jangkaan mengenai perhubungan antara objek dan juga peristiwa (Archer et al., 2013). Mereka memperoleh keupayaan untuk melihat dunia dalam bentuk abstrak, logikal dan cara hipotetikal serta keupayaan untuk melibatkan metakognisi atau keupayaan untuk mencerminkan proses pemikiran sendiri dan ditonjolkan dalam tingkah laku mereka.

Apabila pertimbangan moral berkembang selari dengan peningkatan umur, pegangan prinsip kemoralan individu tersebut juga mula berkembang. Rentetan dari itu, individu mula mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai nilai moral, perhubungan interpersonal dan mula mengaplikasikan prinsip kemoralan mereka untuk membuat pertimbangan moral dan membimbing tingkah laku ke arah positif atau prososial (Carlo et al., 2003; Eisenberg et al., 2015; Gibbs, 2019). Justeru, tingkah laku moral mempunyai kecenderungan yang konsisten dengan pertimbangan moral apabila mereka matang.

Dalam pada itu, pertimbangan moral pada zaman keremajaan adalah tempoh yang penting untuk mengembangkan kematangan moral (Crystal et al., 2008) dalam menghadapi cabaran sosial dan seharusnya ia perlu dikoordinasikan dengan betul. Walau bagaimanapun, keberkesanan pertimbangan moral remaja dalam meningkatkan kematangan moral terus menjadi persoalan. Hal ini kerana pertimbangan moral adalah satu fenomena yang sangat kompleks. Kajian lepas menyarankan perlunya faktor-faktor psikologi moral lain (Gibbs, 2019; Rest, 1986) seperti emosi moral (Johnston & Krettenauer, 2011; Kaplan & Tivnan, 2014) serta identiti moral (Lapsley, 2015) untuk mengkaji keberkesanan pertimbangan moral dalam meramalkan tingkah laku moral. Aplikasi teori Kohlberg dan Gibbs pula hendaklah menjadi asas kepada penentuan faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan moral (Garrigan et al., 2018; Jambon & Smetana, 2014) kerana pada akhirnya, tingkah laku moral adalah produk akhir. Hal ini kerana wujud pembuktian dari tinjauan lepas yang membuktikan perkaitan antara pertimbangan moral dalam meramalkan tingkah laku prososial (Ding et al., 2018; Patrick et al., 2018; Patrick et al., 2019; Selfe, 2013).

Melalui rujukan dan penelitian konsep pertimbangan moral, didapati bahawa pertimbangan moral adalah satu cabang ilmu yang dibimbing oleh falsafah moral dan juga perkembangan moral. Malah kajian-kajian empirikal terdahulu juga menunjukkan bahawa pertimbangan moral mempunyai daya pengaruh yang tinggi terhadap keberhasilan tingkah laku moral. Malah kedua-dua faktor ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor psikologi moral yang seperti emosi moral dan identiti moral yang menjadi objektif kedua kajian. Tujuan kajian ini juga selari dengan tinjauan teoretikal yang menyokong bahawa pengintegrasian emosi moral rasa bersalah dan malu (Lewis, 1971) dan identiti moral (Blasi, 1984) adalah penting untuk membentuk manusia yang mempunyai kematangan pertimbangan moral yang seimbang mengikut prinsip kemoralan. Dalam pada itu, penelitian seterusnya menumpukan dimensi-dimensi yang wujud dalam pengukuran pertimbangan moral yang menjadi penyumbang kepada tingkah laku moral.

2.4.1 Dimensi Pertimbangan Moral

Keupayaan pertimbangan moral adalah berkait dengan kematangan moral seseorang (Fariza et al., 2021). Pertimbangan moral melibatkan proses kognitif yang membolehkan remaja untuk membuat keputusan yang boleh diterima secara moral dalam situasi-situasi yang memerlukan kemoralan. Justeru, tingkah laku remaja boleh diambil kira bermoral jika terdapat wujud pertimbangan moral yang rasional (Colby & Kohlberg, 1987). Dalam pada itu, pertimbangan moral adalah satu kemahiran yang amat penting dalam menentukan tingkah laku moral terutamanya untuk golongan remaja kerana tempoh ini dianggap sebagai peralihan perkembangan moral yang lebih kompleks (Bajovic & Rizzo, 2021).

Escorza dan Ornelas (2018) menekankan bahawa perubahan yang berlaku pada zaman keremajaan meletakkan remaja dalam keadaan yang dipenuhi dengan ketidakpastian dan kekeliruan yang dapat dilihat dalam ketakhadiran moral dalam membuat pertimbangan moral. Selaras dengan itu, teori perkembangan moral kognitif Kohlberg (1984) menekankan bahawa perkembangan moral adalah salah satu aspek psikologi yang menjadi tunjang kepada pembentukan insan bermoral. Seseorang individu boleh memperkukuhkan pegangan moral mereka dengan melalui proses perkembangan pertimbangan moral secara berperingkat. Keadaan ini menggambarkan kepentingan pertimbangan moral dalam proses perkembangan seseorang remaja untuk membentuk tingkah laku bermoral.

Dalam pada itu, teori Kohlberg (1976) menjelaskan permulaan peringkat pertimbangan adalah keakuran dan kesamarataan menggambarkan keadilan yang wujud antara individu. Sementara itu, teori Rest (1979) menjelaskan konsep keadilan pada setiap peringkat perkembangan dicirikan oleh sejauh mana perbezaan konsep dalam sosio-penyatuan boleh disusun (Graham et al., 2011). Rest (1984) menjelaskan aspek ini melalui model empat komponen kemoralan. Bermula dengan sensitiviti moral, remaja membuat pertimbangan mengenai tindakan yang bersesuaian untuk situasi moral dan melakukan pertimbangan moral dari segi moral. Seterusnya, remaja bermotivasi moral untuk mencapai matlamat dan membimbing perlakuan mereka dengan melaksanakan perwatakan moral yang berani dalam tingkah laku yang selaras dengan kemoralan (You & Bebeau, 2013).

Perspektif Kohlberg dan Rest telah membuka lembaran untuk konsep pertimbangan moral dalam pelbagai bentuk. Dalam erti kata lain, pemahaman pertimbangan moral dalam bentuk dimensi. Hal ini kerana konsep kedua-dua pakar ini telah menjadi asas

pengukuran perkembangan moral terhadap tingkah laku moral sejak beberapa dekad (Vozzola, 2017). Kajian lepas menunjukkan terdapat tiga cara yang paling kerap digunakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini untuk menentukan pertimbangan moral iaitu kategori yang dicadangkan oleh Lyons (1983), Rest (1986) serta Colby dan Kohlberg (1987). Tiga kaedah yang telah digunakan ialah pertama, *Lyons Coding Scheme* (Lyons, 1983), kedua, *Defining Issues Test* (DIT; Rest, 1979, 1986), ketiga *Defining Issue Test 2* (DIT 2; Rest et al., 1999b) yang telah disemak semula, keempat, *Moral Judgment Interview* oleh Kohlberg (MJJ; Colby & Kohlberg, 1987), kelima, *Ethical Reasoning Inventory* (ERI; Page & Bode, 1980), keenam *Sociomoral Reflection Measure* (SRM) yang dibangunkan oleh Gibbs et al. (1982) dan akhir sekali, *Moral Judgement Test* (MJT; Lind, 1978, 1999) yang kini dikenali sebagai *Moral Competence Test* (MCT) (Lind, 2008). Kesemua instrumen ini menggunakan pelbagai pendekatan dimensi untuk mengukur pertimbangan moral dengan cara tersendiri seperti penggunaan kaedah 'content analysis' (Lim & Chapman, 2021; Lyons, 1983), penggunaan pertimbangan keprihatinan dan keadilan dengan menggunakan dilema hipotetikal (Rest, 1986) dan penggunaan orientasi normatif, kesaksamaan, utilitarian serta kesempurnaan dalam soalan-soalan dilema moral (Colby & Kohlberg, 1987).

Walaupun kesemua pengukuran ini telah mempunyai tahap kekerapan yang tinggi sehingga memperkukuhkan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen tersebut untuk mengukur tahap pertimbangan moral, namun peralihan zaman remaja yang dipenuhi dengan pelbagai rintangan semasa memerlukan pengukuran pertimbangan moral yang lebih terkini (Lim & Chapman, 2021). Malah tinjauan lepas dari Faiciuc (2015) mendapati bahawa dalam membina kaedah dan instrumen sedemikian untuk menilai tahap pertimbangan moral, teori klasik Kohlberg telah dipermudahkan dalam pelbagai bentuk idea baru, namun dari segi asas teori tidak berubah secara signifikan dan masih

menggunakan konsep dilema dalam pengukuran yang bersifat subjektif. Dalam pada itu, Gibbs (2019) telah menjelaskan bahawa keperluan untuk memenuhi pengukuran pertimbangan moral terkini dengan menggunakan pembaharuan dari instrumen yang sedia iaitu SRM.

Bermula dari SRM, beberapa pengukuran yang berturutan seperti *Sociomoral Objective Measure* (SROM) oleh Gibbs et al. (1984), *Sociomoral Objective Measure-Short Form* (SROM-SF) yang dibangunkan oleh Basinger dan Gibbs (1987) dan *Sociomoral Reflection Measure-Short Form* (SRM-SF) dibangunkan oleh Gibbs et al. (1992). Antara instrumen yang paling terkini digunakan adalah *Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective* (SRM-SFO) yang dibangunkan oleh Brugman et al. (2007) dan Gibbs et al. (2019). Brugman et al. (2007) telah menggabungkan SROM-SF dan SRM-SF dengan mengambil kira beberapa kelemahan dalam pentadbiran dan masa pengkodan. Lim dan Chapman (2021) mengkritik bahawa instrumen SRM-SF menghadapi kesukaran untuk diukur bagi golongan awal dan pertengahan remaja terutamanya yang mempunyai masalah untuk membaca dan menulis serta menjawab soalan subjektif. Berbanding dengan instrumen lain, SRM-SFO adalah satu-satunya instrumen yang tidak menggunakan dilema moral dan juga kadaran kepada hujah-hujah yang diberi untuk penyelesaian dilema sebagai motif utama untuk penilaian pertimbangan moral, tetapi instrumen tersebut memerlukan penilaian kepada hujah-hujah yang melibatkan kepentingan nilai moral. Hal ini kerana individu yang menjawab instrumen ini memerlukan refleksi tentang nilai moral dalam konteks situasi sosial yang dinamakan sebagai refleksi sosiomoral (Beerthuizen & Brugman, 2016).

Berdasarkan kepada pengukuran SRM-SFO, pertimbangan moral dapat dicerakinkan dalam pelbagai bentuk dimensi yang memberikan gambaran sebenar kepentingan kemoralan yang diperlukan dalam kehidupan seharian. Menurut Gibbs et al., (1992), terdapat lima bentuk bidang nilai yang dianggap penting dalam kehidupan manusia. Pertama, kontrak dan kebenaran yang mementingkan kontrak sosial seperti berjanji dan bercakap benar. Kedua, perhubungan yang berkaitan dengan tindakan membantu dalam kehidupan seharian. Ketiga, kehidupan yang melibatkan pemeliharaan kehidupan dan kualitinya. Keempat, harta dan undang-undang yang berkenaan dengan menghormati penggunaan harta benda dan kepatuhan kepada undang-undang. Akhirnya, keadilan undang-undang yang berkaitan dengan melibatkan pendakwaan dan hukuman terhadap penjenayah oleh hakim di mahkamah. Kelima-lima dimensi ini menjadi asas kepada pelbagai kajian pertimbangan moral dalam meneroka tahap pertimbangan moral berdasarkan pendekatan nilai moral (Beerthuizen & Brugman, 2016; Brugman et al., 2021; Faiciuc, 2015; Gibbs, 2019; Hooshyari et al., 2018; Hornsveld et al., 2012; Langdon et al., 2010).

Walaupun bagaimanapun, Brugman et al. (2021) melalui hasil tinjauannya mencadangkan bahawa kelima-lima bidang nilai pertimbangan moral Gibbs digabungkan menjadikan empat bidang nilai yang penting. Hal ini kerana penggabungan kepada empat bidang nilai dimensi menunjukkan nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik terhadap skor pertimbangan moral secara menyeluruh dan menunjukkan perkaitan yang kuat terhadap tingkah laku prososial mahupun antisosial. Pertama, kontrak sosial dan kebenaran. Kedua, perhubungan. Ketiga, kehidupan. Keempat, harta benda, undang-undang dan keadilan. Dengan menggunakan keempat bidang nilai tersebut, Brugman et al. (2021) telah mengesyorkan bahawa instrumen SRM-SFO berkeupayaan untuk mengukur tahap pertimbangan moral remaja secara menyeluruh kerana sifatnya adalah unidimensi

(*unidimensional*). Malah, instrumen SRM-SFO boleh membantu penyelidik-penyelidik untuk tinjau pertimbangan moral dengan menggunakan tahap pertimbangan moral yang dicadangkan oleh Gibbs (2019) dalam teorinya. Dalam pada itu, penelitian kajian lepas ini menyokong peninjauan kematangan pertimbangan moral secara menyeluruh tanpa dikhususkan kepada mana-mana dimensi yang wujud dalam pertimbangan moral. Hal ini selaras dengan kepentingan sistem pendidikan Malaysia mendukung hasrat untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan menyeluruh dalam semua aspek. Malah, tinjauan lepas juga turut menunjukkan bahawa pengukuran pertimbangan moral sebagai satu pemboleh ubah yang menyeluruh dapat memberi input menerusi kajian ini dalam meninjau tahap kematangan pertimbangan moral secara abstrak dan juga menilai perkembangan moral mereka sama ada matang atau tidak matang.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa bidang nilai dalam konsep pertimbangan moral adalah berdasarkan kepada pegangan teori dan pembentukan kaedah pengukuran yang mengambil kira nilai-nilai kemoralan sebagai dimensi. Walaupun, kebanyakan instrumen terkenal menggunakan kaedah dilema moral hipotetikal, tetapi pengukuran SRM-SF dan SRM-SFO adalah satu-satunya yang menggunakan nilai-nilai moral sebenar yang dicadangkan oleh Kohlberg dalam teori. Malah instrumen SRM-SFO yang bersifat unidimensi menyokong Teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1984) yang menyatakan bahawa pertimbangan moral hanya boleh diukur secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada mana-mana konsep moral. Justeru, kajian ini akan menggunakan bidang nilai yang dicadangkan oleh Gibbs (2019) untuk menyokong pengukuran tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah secara menyeluruh.

2.4.2 Kematangan Pertimbangan Moral

Pertimbangan moral adalah satu kemahiran yang merangkumi alasan dan justifikasi untuk menginterpretasi, menilai, merunding dan membuat keputusan terhadap nilai yang berkait dengan tindakan sosial yang bersifat adil atau betul di sisi kemoralan. (Gibbs, 2019). Killen dan Smetana (2015) telah menjelaskan bahawa ketika berada di peringkat remaja, pertimbangan moral membantu mencerminkan dan mendedahkan remaja kepada pelbagai isu-isu moral termasuk kepentingan kebajikan orang lain, pengagihan sumber yang sama rata, layanan yang sama rata kepada orang lain, ketidaksamaan sosial dan konsep hak.

Bagaimanapun, tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa apabila remaja berkembang secara moral, mereka mula mengambil kira lebih banyak faktor-faktor dalaman dan luaran. Ketika remaja membuat pertimbangan moral atau keputusan moral, mereka mempertimbangkan pelbagai aspek yang lebih luas seperti pertimbangan mengenai diri sendiri (matlamat sendiri), norma sosial, identiti kumpulan dan kefungisian kumpulan (Molchanov, 2016). Namun, matlamat utama pertimbangan moral adalah untuk memastikan seseorang individu pada akhir pertimbangan moral dapat menonjolkan atau mempamerkan tingkah laku moral atau prososial (Bajovic & Rizzo, 2021).

Kajian Ovcharova (2019) terhadap pelajar sekolah menengah yang berumur dalam lingkungan 16-18 tahun di negara Rusia mendapati kebanyakan pelajar mempunyai tahap pertimbangan moral yang tinggi. Berdasarkan kepada peringkat perkembangan moral Kohlberg, kebanyakan pelajar yang mencapai peringkat pascakonvensional menunjukkan bahawa individu dapat menggambarkan pegangan prinsip moral mereka dalam bentuk pertimbangan moral. Pelajar-pelajar ini dikatakan mampu membentuk konsep sendiri, kepentingan personaliti dan juga keupayaan untuk menjalankan kehidupan mereka

dengan aktiviti-aktiviti yang membina prospek kehidupan dengan komunikasi yang sihat demi menjadi seorang agen moral yang rasional.

Walaupun bagaimanapun, beberapa kajian tempatan di Malaysia telah meneroka tahap pertimbangan moral remaja berdasarkan peringkat perkembangan moral Kohlberg. Sebagai contoh, Muhammad Khairulrijal et al. (2020) melalui kajiannya mendapati bahawa kebanyakan pelajar sekolah menengah di Malaysia berada pada peringkat konvensional dan selebihnya berada pada tahap prakonvensional yang berorientasikan dendaan dan kepatuhan. Rata-rata pelajar sekolah menengah amat sukar untuk melepasi tahap pascakonvensional kerana ketentuan kemoralan universal yang amat tinggi serta pelajar sekolah menengah di Malaysia masih tidak terdedah dengan prinsip-prinsip sejagat. Dapatan ini selaras dengan pandangan teori Gibbs (2019) yang menyatakan bahawa pelajar remaja menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap pascakonvensional yang ditetapkan dalam teori Kohlberg dan remaja masih tidak mempunyai pendedahan sebenar untuk mengenai dunia luar dan juga prinsip moral sejagat.

Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh Sathish Rao (2018) berasaskan kepada konsep empat tahap pertimbangan moral Gibbs mendapati bahawa rata-rata pelajar sekolah menengah di Malaysia berada pada tahap dua dan tiga iaitu tahap tidak matang dan matang. Daripada jumlah skor pertimbangan moral tersebut, nilai min keseluruhan (273.00) tahap pertimbangan moral pelajar berada pada tahap tidak matang (tahap 2). Mengikut Gibbs (2019), tahap tidak matang menunjukkan kurang pengetahuan dan pemahaman dalam penyelesaian isu atau konflik moral. Hasil kajian ini sama dengan kajian dari Beerthuzien (2012) yang telah menyatakan bahawa pelajar yang menuntut di sekolah menengah kebiasaannya berada pada tahap tidak matang dengan mencapai skor dalam lingkungan 250 hingga 270 sahaja.

Walaupun kajian-kajian lepas menyatakan bahawa pelajar sekolah menengah kebiasaannya berada pada tahap tidak matang, namun teori perkembangan moral Kohlberg (1984) menegaskan bahawa pelajar sekolah menengah yang menerima pendidikan formal di sekolah seharusnya sudah melepasi tahap tidak matang. Namun, realiti semasa menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah masih tidak mencapai kematangan pertimbangan moral yang sepatutnya perlu dicapai pada peringkat umur mereka (Gui et al., 2020).

Hal ini berkemungkinan besar disebabkan oleh kematangan moral pelajar sekolah menengah berbeza antara satu sama lain terhadap sesuatu isu atau situasi moral sering berbeza dan penerimaan mereka terhadap nilai-nilai moral hanya sekadar pengetahuan dan penerimaan yang tidak mendalam (Gottfredson, 2012). Isu ini turut wujud di Malaysia iaitu penerimaan nilai-nilai moral bercanggah dengan cara pelajar membuat pertimbangan moral dan bertentangan dengan pegangan nilai kemoralan dirinya. Akibatnya, mereka mempunyai pemikiran yang terganggu yang berkait dengan pertimbangan moral (Sucharita, 2013). Oleh itu, pelajar-pelajar tersebut keliru dan pemikiran yang berkacau-bilau dengan mengenai setiap nilai moral yang mereka pelajari dari setiap faktor (Kwok & Selman, 2013).

Rumusannya, perkembangan pelajar sekolah menengah sememangnya menghadapi cabaran untuk meningkatkan kematangan pertimbangan moral. Walaupun kajian mengenai pertimbangan moral di Malaysia mula mendapat perhatian, namun kajian-kajian menjelaskan keberkesanan pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah masih baru (Mohd Zailani et al., 2022). Walau bagaimanapun, dengan krisis moral yang wujud dalam kalangan pelajar sekolah terutamanya golongan remaja, kajian ini penting untuk mengkaji dan meninjau keberkesanan pertimbangan moral pelajar

sekolah menengah secara menyeluruh untuk mempercepat proses kementerian pelajar seperti yang dikehendaki PPPM 2013-2025. Dalam pada itu, tinjauan kajian lepas ini menyokong kajian pertimbangan moral terkini dan menggalakkan penerokaan keberkesanan kematangan pertimbangan moral dan pengaruhnya kepada keberhasilan tingkah laku prososial berbanding antisosial.

2.4.3 Hubungan Pertimbangan Moral dengan Tingkah Laku Prososial

Perkembangan pertimbangan moral adalah faktor penting yang memotivasikan tingkah laku prososial seseorang (Ding et al., 2018; Kohlberg, 1984). Dalam erti kata lain, kematangan pertimbangan moral adalah nadi kepada pembentukan tingkah laku prososial. Apabila keupayaan seseorang untuk membuat pertimbangan moral mula matang, maka prinsip diri moralnya mula berkembang (Ding et al., 2018) dan memperoleh pemahaman yang lebih jelas dan mendalam mengenai kepentingan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian mereka (Eisenberg et al., 2015). Sepanjang membesar, individu tersebut mula mengaplikasi prinsip moral yang dipelajari untuk membimbing tingkah laku mereka untuk memberi manfaat kepada orang lain (Gibbs, 2019). Menurut Kohlberg (1984) walaupun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku prososial, pertimbangan moral adalah elemen yang kritikal untuk keberhasilan tingkah laku tersebut. Justeru, perhubungan antara kedua-dua faktor ini akan mendorong sifat-sifat berkualiti dalam diri pelajar sekolah menengah dan juga membantu mempercepatkan proses kementerian pelajar melalui sistem pendidikan di Malaysia.

Secara rumusnya, kajian lepas banyak merujuk kepada kesan dan impak perkembangan pertimbangan moral terhadap pembentukan tingkah laku moral terutamanya tingkah laku prososial dan juga tingkah laku-tingkah laku positif (Ding et al., 2018; Li et al., 2018; Paciello et al., 2013; Patrick et al., 2018; Selfe, 2013). Kajian-kajian ini menyokong

perkaitan positif antara pertimbangan moral dan tingkah laku menolong (Eisenberg, 1986; Hardy & Carlo, 2005). Perkembangan pertimbangan moral memainkan peranan yang penting terutamanya dalam perkembangan remaja dek kerana remaja zaman kini sering kali dipalitkan dengan masalah tingkah laku antisosial, melanggar disiplin dan terlibat dalam tingkah laku delinkuen sehingga menjadi kes juvana (Mohd Zailani et al., 2022).

Namun begitu, pengkaji turut mendapati bahawa beberapa tinjauan kajian lepas tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial (Anyanwu et al., 2020; Mohd Zailani et al., 2022; van der Graaff et al., 2018; Ugoji, 2014). Kajian lepas telah membuktikan bahawa hubungan antara pertimbangan moral dan tingkah laku prososial tidak semestinya positif kerana wujud perubahan pegangan konsep pertimbangan moral dalam diri remaja untuk melakukan perlakuan prososial (Mohd Zailani et al., 2022). Situasi ini timbul apabila remaja menghadapi kesukaran untuk memahami darjah keburukan tingkah laku antisosial (Anyanwu et al., 2020) dan juga kesanggupan remaja untuk bersetuju rakan sebaya dan menerima untuk melakukan perlakuan yang melanggar norma sosial (van der Graaff et al., 2018).

Namun begitu, perspektif teori perkembangan moral kognitif (Kohlberg, 1984) dan juga teori perkembangan sosiomoral (Gibbs, 2019) menganggap tanpa pertimbangan moral, maka tidak wujud tingkah laku moral atau prososial. Sebagai teori, perkembangan moral mencadangkan pertimbangan moral yang matang dan selari dengan prinsip moral berkeupayaan untuk melahirkan remaja yang mempunyai ciri-ciri keterampilan moral dan ciri-ciri secara semula jadinya memotivasikan tingkah laku moral (Garrigan et al., 2018). Berdasarkan perspektif ini, perkembangan moral pelajar perlu dididik untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip kemoralan untuk membuat pertimbangan moral dan

membimbing tindakan mereka untuk bertingkah laku prososial. Justeru, pertimbangan moral pelajar sekolah menengah perlu dilihat keberkesanan selaras dengan tingkah laku prososial mereka dan juga meninjau perhubungan antara kedua-dua faktor penting ini.

Rumusannya, kajian sedia ada menunjukkan hubungan kematangan pertimbangan moral dengan keberhasilan tingkah laku prososial banyak dibuktikan di luar negara (Ding et al., 2018). Namun begitu, jelas perkembangan pertimbangan moral penting untuk membentuk profil diri pelajar sekolah menengah dan perlu meninjau keberkesanannya dalam menghasilkan tingkah laku prososial yang selaras dengan kemenjadian pelajar.

2.5 Tingkah Laku Prososial

Sebelum mendalami definisi dan konsep tingkah laku prososial, tingkah laku moral perlu dianalisis terlebih untuk meninjau kewujudan perlakuan lain. Bergaul dengan pelbagai orang memerlukan tingkah laku moral. Tingkah laku moral menurut Boardley (2020) dan Kavussanu dan Boardley (2012) adalah perbuatan, tindakan atau tingkah laku yang mempunyai unsur niat yang boleh mengakibatkan kesan negatif mahupun positif kepada diri sendiri atau orang lain. Talwar (2011) pula mentakrifkan tingkah laku moral sebagai tingkah laku yang mengikut nilai, norma dan piawaian moral. Dari perspektif falsafah moral, Blasi (1980) menyatakan bahawa tingkah laku moral adalah kriteria terakhir untuk setiap perkembangan kognitif. Dalam erti kata lain, tingkah laku moral adalah output dan produk terakhir dalam bidang perkembangan moral yang menggunakan dimensi moral seperti kognitif, emosi, identiti mahupun kesedaran (Hao & Wu, 2019, Kavussanu, et al., 2015). Walaupun pemikiran dan emosi adalah penting dalam mempengaruhi tingkah laku moral, tetapi akhirnya, tingkah laku moral yang menjadi penting (Kavussanu & Boardley, 2009).

Selain itu, Bandura (1999) menyatakan bahawa walaupun tingkah laku boleh membawa konotasi negatif mahupun positif kepada orang lain, namun, kewujudan moral dalam tingkah laku menggambarkan tingkah laku tersebut bersifat proaktif atau yang proaktif atau terencat: tingkah laku moral yang proaktif dimanifestasikan sebagai kelakuan yang berperikemanusiaan (atau melakukan amalan baik), manakala tingkah laku moral yang terencat digambarkan sebagai menahan atau mengelakkan diri dari berkelakuan tidak berperikemanusiaan (atau mengelakkan diri dari amalan buruk). Dari perspektif moral pula, tingkah laku moral merujuk kepada tingkah laku berniat yang boleh merangkumi tingkah laku prososial yang memberi kesan positif dan juga tingkah laku antisosial yang memberi kesan negatif (Bandura, 1991a; 1991b; Boardley, 2020). Hao dan Wu (2019) menjelaskan bahawa jika seseorang dapat mengelakkan tingkah laku antisosial dan mempamerkan tingkah laku prososial dalam perlakuannya, maka ia adalah kunci kepada perkembangan moral.

Tingkah laku prososial adalah tingkah laku sukarela yang bertujuan untuk membantu dan memberi manfaat kepada orang lain. Terdapat beberapa indikator yang menjelaskan fungsi tingkah laku prososial termasuk kesukarelawanan, altruisme, berkongsi, bekerjasama, terlibat dalam kegiatan kebajikan dan komuniti (Boles et al., 2006). Sebaliknya, tingkah laku antisosial merupakan tingkah laku yang membahayakan dan mengganggu ketenteraman sosial dan membawa keburukan seseorang atau sesuatu kumpulan (Sage et al., 2006). Jelasnya, kedua-dua tingkah laku ini berkait antara satu sama lain tetapi bentuk tingkah laku yang positif dan membawa kebaikan sentiasa relevan dengan perkembangan moral remaja (McLaren et al., 2021).

Dalam pada itu, tingkah laku prososial adalah satu bentuk tingkah laku yang penting dalam tingkah laku moral kerana ia mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan kemoralan dan juga perkembangan moral dan tingkah laku moral selalunya diwakili oleh tingkah laku prososial (Baron, 1997; Eisenberg & Spinrad, 2014). Tingkah laku prososial juga ditentukan dengan norma sosial tempatan dan jangkaan budaya dalam sesebuah komuniti. Dalam ketetapan Malaysia, tingkah laku prososial digambarkan sebagai tindakan dan tingkah laku yang bermoral, berbudi bahasa, menggalakkan keharmonian, kerjasama dan kesepaduan sosial (Kaur et al., 2019). Fabes et al. (1999) dan Eisenberg et al., (2006) menyatakan bahawa tingkah laku prososial adalah penting untuk konteks komuniti moral kerana ia mengekalkan perhubungan sosial yang positif, menggalakkan penyesuaian sosial dan juga hubungan keharmonian dengan orang lain.

Bermula dari seawal umur tiga tahun, kanak-kanak sudah mula mengenali tingkah laku prososial sebagai tingkah laku baik dari segi moral (Vaish et al., 2011), akan tetapi kanak-kanak menghadapi kesukaran untuk membuat pertimbangan moral. Menjelang zaman keremajaan, kod etika individu dan pegangan moral yang dibina oleh remaja akan membimbing tingkah laku moral untuk bertindak prososial (Chaikovska et al., 2020; Eisenberg et al., 1996; Flook et al., 2019). Peralihan prososial ini disebabkan oleh tingkah laku moral yang diselaputi dengan peraturan moral mengenai betul dan salah atau baik dan buruk (Smetana, 2006; Turiel, 1998). Kant merujuk tingkah laku ini sebagai tugas moral positif atau '*positive moral duties*' yang dibimbing oleh prinsip kemoralan sejagat untuk bertindak (Kant, 2013).

Menurut Lampridis dan Papastylanou (2017), definisi tingkah laku prososial mengandungi dua implikasi yang utama. Pertama, tingkah laku prososial tidak merujuk atau mempunyai tanggapan yang sama seperti altruisme kerana tindakan membantu

seseorang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak termasuk yang membantu dan yang menerima bantuan. Oleh itu, tingkah laku prososial boleh digambarkan sebagai kategori yang lebih luas yang merangkumi ciri-ciri altruisme, membantu, berkongsi, menenangkan, bekerjasama dan lain-lain ciri-ciri tingkah laku yang bersifat prososial.

Kedua, tingkah laku yang memberi manfaat kepada orang lain kemungkinan dipandu oleh motif yang berbeza dan motif boleh dijelaskan dengan mudah berdasarkan bentuk tingkah laku prososial yang dipamerkan. Batson (1991) dan Batson dan Powell (2003) cuba membuktikan bahawa altruisme yang tulen dan tidak mementingkan diri sendiri tidak wujud, sebaliknya jika diambil kira konteks tingkah laku prososial yang luas, maka individu cenderung untuk mempamerkan tingkah laku yang didorong oleh empat motif: egoisme (memanfaatkan orang lain adalah memanfaatkan diri sendiri), altruisme (membantu orang lain adalah sebagai tujuan sendiri), kolektivisme (memanfaatkan orang lain adalah memberi manfaat kepada kumpulan) dan berprinsip (memanfaatkan orang lain untuk menegakkan prinsip moral).

Dari perspektif psikologi moral, sesuatu tingkah laku itu dianggap bermoral atau tidak bermoral bukan kerana kesan tingkah laku itu tetapi ditentukan oleh motifnya (Kant, 1964). Jika motifnya adalah untuk menunaikan tanggungjawab dan kewajipan, maka itu dikira tingkah laku moral. Sebaliknya jika sesuatu tingkah laku yang dibuat untuk kepentingan diri sendiri dan menindas orang lain, maka ia bukan dianggap sebagai tingkah laku moral. Batson (2003; 2006) menganggap tingkah laku prososial selalunya didorong oleh motif sebagai matlamat terarah yang membolehkan seseorang membezakan antara matlamat instrumental, matlamat utama dan akibat yang tidak diinginkan. Lacey (2013) telah menambah fungsi motif ini dengan menyatakan bahawa sesuatu tingkah laku moral dianggap tidak bermoral sekiranya ia mempunyai bentuk

motif instrumental ketika melakukan tingkah laku tersebut, manakala tingkah laku juga kebiasaannya dimotivasikan dengan kecenderungan tertentu. Apabila konsep ini dirujuk dari persepsi Maizura et al., (2018), beliau bersependapat dengan pernyataan Batson bahawa tingkah laku prososial seharusnya perlu diukur atau dilihat dari bentuk motif kerana motif melibatkan tujuan yang digunakan dalam pengalaman berkaitan nilai yang dipegang.

Konsep motif dalam tingkah laku prososial yang dicadangkan oleh Batson dan komponen konseptualnya telah diperkembangkan oleh Carlo dan Randall (2002) dan Carlo et al. (2003) menerusi enam tipologi kecenderungan tingkah laku prososial iaitu emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam. Melalui definisi ini, Carlo dan Randall (2002) menekankan bahawa kewujudan motif yang munasabah mendasari kecenderungan ke arah bentuk tingkah laku prososial tertentu. Perkara yang penting dalam penemuan tipologi Carlo dan Randall (2002) adalah menjadikan kajian tingkah laku prososial lebih konkrit dan membolehkan penyelidik bukan sahaja menyedari mentaliti individu berkaitan tingkah laku prososial tetapi juga selangkah hadapan untuk menjelaskan kecenderungan untuk bentuk-bentuk tingkah laku prososial tertentu.

Bahagian seterusnya akan menerangkan kewujudan dimensi-dimensi dalam pengukuran tingkah laku prososial yang berkaitan dan juga perbandingan antara pengukuran-pengukuran yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Selain itu, hubungan antara tingkah laku prososial dengan faktor-faktor lain turut dibincangkan untuk penghasilan hipotesis kajian.

2.5.1 Dimensi Tingkah Laku Prososial

Keremajaan sering dirujuk sebagai tempoh utama untuk pembangunan tingkah laku prososial (Eisenberg et al., 2016). Remaja mengalami pelbagai perubahan secara dalaman dan luaran dan salah satu perubahan yang ketara adalah mereka menjadi lebih sensitif terhadap perkembangan moral (Narvaez, 2019). Kesensitifan ini menjadikan perkembangan remaja lebih kompleks terutamanya pembentukan tingkah laku prososial. Pada masa yang sama, zaman keremajaan juga dilihat sebagai satu tempoh yang mustahak untuk merangsang tingkah laku prososial (Carlo et al., 2011).

Memang tidak dinafikan bahawa tingkah laku prososial mempunyai nilai prognostik kepada penyesuaian sosial dan peribadi remaja (Caprara et al., 2000). Melibatkan diri dalam tingkah laku prososial dipercayai menggalakkan pelbagai hasil yang bermanfaat dalam kehidupan remaja. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa ciri tingkah laku prososial remaja membantu mencegah dan melindungi dirinya daripada masalah kelakuan antisosial dan juga menggalakkan serta mengekalkan pencapaian skolastik (Caprara et al., 2000; Caprara et al., 2014). Malah tingkah laku prososial juga dikatakan sebagai faktor pelindung terhadap tingkah laku bermasalah seperti keagresifan, ketagihan alkohol, penyalahgunaan dadah atau bahan ketagih, vandalisme, keganasan dan juga kegiatan seksual berisiko (Carlo et al., 2014; Perren & Hornung, 2005).

Penyelidikan mengenai perkembangan dan perkaitan tingkah laku prososial kerap dikaji dan ditinjau sebagai satu bidang kajian yang khusus sejak tiga dekad yang lalu (Carrizales et al., 2019). Tingkah laku prososial dikaitkan secara teoretikal dan empirikal dengan pelbagai hasil kognitif, sosioemosi dan juga psikologi moral untuk penyesuaian sosial dan peribadi remaja (Alessandari et al., 2014). Dalam pada itu, beberapa para sarjana barat telah mengukur tingkah laku prososial dalam pelbagai bentuk perilaku dan juga

mengkonseptualkan tingkah laku prososial dalam beberapa bentuk dimensi yang penting. Walau bagaimanapun, kajian lepas dalam perkembangan remaja menunjukkan pelbagai jenis tingkah laku prososial mempunyai perhubungan yang berbeza dengan konstruk- konstruk psikologi yang lain (Padilla-Walker & Carlo, 2014). Misalnya, tingkah laku prososial terutamanya digambarkan dan dijelaskan dalam bentuk tindakan membantu, berkongsi, berprihatin, empati terhadap orang lain dan bersifat altruistik.

Dengan mengambil kira konteks penerokaan dimensi yang berbeza, pengukuran tingkah laku prososial mampu memberikan maklumat berguna yang bukan sahaja untuk bertujuan kajian semata-mata yang menghasilkan beberapa disiplin kajian, tetapi pengukuran tingkah laku prososial membantu untuk memperbaiki perkembangan remaja untuk tujuan kesihatan, bidang sosiologi dan juga kriminologi (Martí-Vilar et al., 2019). Martí-Vilar et al. (2019) melalui tinjauan literatur sistematiknya, telah mengklasifikasikan pengukuran tingkah laku prososial kepada 3 kategori berdasarkan kepada sumber informasi yang diperoleh; 1) instrumen penilaian sendiri atau laporan diri yang dinilai oleh individu mengenai tingkah laku mereka sendiri; 2) penilaian rakan sebaya yang dinilai oleh rakan yang rapat mengenai tingkah laku rakannya; 3) instrumen penilaian orang lain yang merangkumi penilaian dari ibu bapa, guru dan sebagainya. Kesemua pengukuran ini menggunakan dimensi yang berbeza untuk menentukan tahap tingkah laku prososial seseorang dan juga mempunyai tujuan tertentu dalam menentukan niat mahupun jangkaan tingkah laku prososial.

Tinjauan kajian lepas mendapati bahawa dimensi tingkah laku prososial yang dibangunkan dan ditetapkan oleh Carlo et al. (2003) telah digunakan secara meluas dalam kajian behaviourisme (Lam, 2014; Martí-Vilar et al., 2019; Rodrigues et al., 2017). Carlo dan Randall (2003) menegaskan bahawa tingkah laku prososial seharusnya perlu diukur

dalam bentuk pelbagai dimensi '*multidimensional*' berbanding dengan pengukuran unidimensi '*unidimensional*'. Beliau menjelaskan bahawa konteks tingkah laku prososial yang berbeza mempengaruhi individu tersebut untuk bertindak berbeza. Pernyataan ini juga turut disokong oleh beberapa kajian yang meneroka pelbagai dimensi tingkah laku prososial terutamanya dalam menentukan tindakan membantu secara spontan, tindakan membantu terancang, tindakan altruistik dan juga lain-lain niat yang menentukan tingkah laku prososial (Baumsteiger & Seigel, 2019; Carrizales et al., 2017).

Kajian lepas yang dijalankan oleh Inderbitzen dan Foster (1992) telah mendapati bahawa tingkah laku positif seseorang remaja adalah berdasarkan dimensi penerimaan rakan sebaya. Sebaliknya Caprara dan Pastorelli (1993) telah menjelaskan bahawa tingkah laku prososial dapat dijelaskan dalam tiga dimensi utama iaitu altruisme, amanah dan keselesaan. Menurut beliau ketiga-tiga dimensi mempunyai nilai kesesuaian yang tinggi untuk kanak-kanak dan dapatan menunjukkan wujud keberkaitan yang tinggi dengan penilaian tingkah laku diri yang dinilai oleh rakan sebaya dan ibu. Selaras dengan itu, kajian terkini Carrizales et al. (2017) telah menganalisis pengukuran yang telah dibangunkan Caprara et al., (2005) untuk melihat keperluan dimensi dalam pengukuran tingkah laku prososial. Seramai 773 remaja telah mendapati mempunyai perkaitan yang tinggi terhadap dua dimensi baru yang diwujudkan iaitu membantu dan penyayang. Tingkah laku yang bersifat membantu dan penyayang adalah satu kualiti dan kemahiran yang perlu ada dalam diri remaja bagi memastikan tingkah laku mereka selaras dengan struktur norma masyarakat (Eisenberg et al., 2015).

Dalam pada itu, kajian di Malaysia juga tidak ketinggalan untuk mengukur tingkah laku prososial berdasarkan kepada norma budaya dan agama yang berbeza dengan barat. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Krauss et al., (2005), penyelidik

telah menggunakan konsep keislaman dan juga model religiositi untuk mengukur tingkah laku prososial dalam kalangan belia Islam di Malaysia. Dimensi-dimensi yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengukur tingkah laku yang dibimbing oleh keagamaan seperti tingkah laku interpersonal dan intrapersonal, emosi dan juga sikap terhadap diri sendiri, keluarga, rakan dan masyarakat. Malah, kajian Siti Marhamah et al., (2021) telah menggunakan nilai-nilai sosial dalam mengukur tingkah laku prososial remaja dan dimensi yang dikenal pasti adalah semangat bermasyarakat, hormat menghormati dan kasih sayang. Ketiga-tiga dimensi ini merupakan konstruk yang penting dalam diri remaja dan dapatan kajian juga menunjukkan remaja masih mempunyai pegangan nilai sosial yang tinggi untuk bertingkah laku prososial.

Berdasarkan kepada tinjauan kajian lepas dapat dirumuskan bahawa kesemua dapatan telah menunjukkan kepentingan kewujudan dan penggunaan dimensi dalam pengukuran tingkah laku prososial. Justeru, tinjauan kajian lepas ini menyokong kajian tingkah laku prososial kini dan menggalakkan penerokaan perspektif dimensi tingkah laku prososial berbanding pengukuran unidimensi. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan dimensi-dimensi yang telah dibangunkan Carlo et al., (2003) iaitu emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam. Hal ini kerana kekerapan penggunaan dimensi ini dalam pengukuran tingkah laku prososial bukan sahaja ternyata mempunyai nilai konsistensi yang tinggi malah pengkaji tempatan juga menggunakan dimensi ini salah satu pengukuran yang penting untuk menganalisis tingkah laku prososial dalam kalangan remaja dan belia Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan penganalisan tingkah laku prososial secara menyeluruh berbanding penganalisan hubungan setiap dimensi yang terdapat dalam pengukuran tingkah laku prososial dengan konstruk lain. Secara

konseptual, setiap dimensi yang mengukur tingkah laku prososial memerlukan kemahiran sosiokognitif dan sosioemosi yang berbeza (Eisenberg et al., 2006). Malah tinjauan kajian lepas juga turut menunjukkan bahawa penganalisan hubungan setiap dimensi tingkah laku prososial dengan mana-mana konstruk lain bergantung kepada motif, konteks dan penilaian yang ditetapkan dalam sesuatu kajian (Carlo & Randall, 2002; Rodrigues et al., 2017). Dengan mengambil pandangan dan perspektif kajian lepas, kajian kini menetapkan bahawa konstruk tingkah laku prososial diukur secara menyeluruh bagi penganalisan deskriptif, hubungan dan pengaruh dengan konstruk-konstruk lain yang terdapat dalam kajian ini.

2.5.2 Hubungan Tingkah Laku Prososial

Tingkah laku prososial adalah penting untuk golongan remaja yang sedang membesar untuk menentukan identiti diri mereka berdasarkan keperluan sosial dan masyarakat. Walau bagaimanapun, sejak beberapa dekad yang lalu, para sarjana telah memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang memotivasikan tingkah laku prososial (Grant & Mayer, 2009). Penelitian terhadap kajian lepas telah mengenal pasti beberapa faktor peramal individu yang mempengaruhi tingkah laku prososial terutamanya dalam kalangan remaja (Hardy, 2006). Kajian lepas menyarankan perlunya faktor peramal individu seperti moral kognitif (iaitu pertimbangan moral) (Kohlberg, 1969; Malti & Ongley, 2014), emosi moral (kecenderungan rasa bersalah dan malu) (Eisenberg, 2014; Haidt, 2003; Tangney et al., 2007) dan identiti moral (Blasi, 2004; Hardy et al., 2015; Hardy & Carlo, 2011) untuk menentukan keberhasilan tingkah laku prososial remaja.

Secara rumusnya kajian lepas banyak merujuk kepada kesan dan impak pengaruh pertimbangan moral, identiti moral dan emosi moral dalam perkembangan tingkah laku prososial remaja (Ding et al., 2018; Barón et al., 2018; Li et al., 2021; Maizura et al.,

2018; Rullo et al., 2021). Hal ini kerana keempat-empat pemboleh ubah mempunyai perkaitan asas dengan kemoralan yang diikat secara langsung dan mempunyai fungsi penting dalam menggalakkan perkembangan moral yang sempurna sehingga menghasilkan tingkah laku prososial yang bermanfaat kepada diri sendiri dan juga orang lain. Malah, model-model integrasi perkembangan moral yang terkini (Bartels et al., 2015; Garrigan et al., 2018; Gibbs, 2019) menyokong mengesyorkan gabungan keempat-empat faktor ini adalah penting untuk memastikan sistem modal insan dapat dicapai dengan kehendak sistem pendidikan negara.

Berdasarkan perbincangan literatur sebelum ini (bahagian 2.4.3), pertimbangan moral adalah salah faktor penting dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah positif dan tinjauan literatur menyokong hubungan ini secara empirikal dan juga teoretikal. Namun, terdapat beberapa kajian lepas mencadangkan bahawa pertimbangan moral mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tingkah laku prososial melalui emosi moral (Tangney et al., 2007). Tambahan pula, pengintegrasian konsep sendiri dan kemoralan sebagai identiti moral berkemungkinan besar mempunyai pengaruh yang tinggi dalam memotivasikan tingkah laku remaja untuk bertingkah laku prososial kerana mereka menganggap ia adalah sebagai satu tanggungjawab untuk berkelakuan dengan cara yang selaras dengan nilai moral (Blasi, 1983; Carlo, 2014).

Kajian-kajian terdahulu (Gülseven et al., 2022; Hasegawa, 2019; Septiana, 2017) telah menyarankan kecenderungan rasa bersalah dan malu sebagai dimensi penting dalam pembentukan emosi moral bagi menguji keberkesanan untuk menghasilkan tingkah laku prososial. Saranan ini selari dengan Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994) iaitu manusia yang mengatasi krisis psikososial autonomi vs rasa malu dan inisiatif vs rasa bersalah sepanjang hidup dapat membantu memperbaiki tindakan tersebut serta

memperkuat keberibadannya untuk berkembang ke arah yang lebih positif. Dalam pada itu, beberapa tinjauan lepas mencadangkan bahawa kecenderungan rasa bersalah dan malu dapat memupuk tingkah laku prososial dalam kalangan remaja yang bukan sahaja tertumpu di satu negara malah dari pelbagai negara seperti di Sepanyol (Barón et al., 2018), Finland (Roos et al., 2014), China (Li et al., 2022), Belanda, Jerman dan Australia (Hoppen et al., 2022; Wibbelink et al., 2021). Justeru, keperluan untuk tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah yang dipengaruhi oleh emosi moral rasa bersalah dan malu adalah penting untuk ditinjau lebih mendalam dan komprehensif.

Malah kajian Maizura et al., (2018) juga mendapati tingkah laku prososial atau moral dalam kalangan remaja di Malaysia turut dipengaruhi oleh motif identiti moral. Selaras dengan hubungan tersebut, Nunner-Winkler (2007) mendapati bahawa identiti moral adalah fungsi penting yang mendorong remaja untuk bertingkah laku altruistik dan mempelbagaikan tingkah laku prososial melalui sebarang cara yang memanfaatkan orang lain. Oleh kerana remaja melihat diri mereka sebagai individu yang bermoral, mereka akan mencuba untuk konsisten dengan identiti diri dan menonjolkan ciri-ciri insan bermoral melalui tingkah laku prososial (sebagai contoh, menawarkan bantuan, menjaga perasaan orang lain, tidak menipu atau membohong dan berkasih sayang) (Ding et al., 2018; Aquino et al., 2009). Oleh itu, identiti moral juga dianggap sebagai sistem kawal selia sendiri untuk memotivasikan tingkah laku prososial atau moral (Brooks et al., 2013).

Justeru, berdasarkan kepada tinjauan kajian lepas yang dianalisis oleh pengkaji, dirumuskan bahawa tingkah laku prososial adalah satu pemboleh ubah yang bersandar dipengaruhi oleh faktor individu seperti identiti moral, emosi moral dan pertimbangan moral. Tingkah laku prososial remaja bergantung kepada keberkesanan antara ketiga-tiga faktor pengaruh tersebut kerana keberkaitan yang rapat dengan prinsip kemoralan. Oleh

itu, kajian ini memerihalkan kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan meninjau faktor peramal yang mempengaruhi pemboleh ubah ini.

2.6 Emosi Moral

Pada abad ke-21, kajian psikologi moral telah melalui proses revolusi dalam menstruktur konsep afektif yang kini dipanggil sebagai emosi (Haidt, 2007). Salah satu kesan pembaharuan ini adalah interaksi antara emosi dan kemoralan sehingga kedua-dua konsep ini digabungkan dan diterbitkan satu ungkapan baru iaitu 'emosi moral' yang menjadi perhatian dan keutamaan dalam bidang perkembangan moral (Mulligan, 2009; Tangney et al., 2007).

Walaupun istilah emosi moral digunakan secara meluas, namun ia mencerminkan kesedaran asas bahawa emosi adalah penting untuk kemoralan (Cova et al., 2015). Untuk bertindak berdasarkan kemoralan, maka setiap individu perlu mengalami emosi moral yang boleh meningkatkan sensitiviti individu terhadap isu-isu moral di persekitarannya (Hardy, 2006; Septiana, 2017; Tangney et al., 2007). Hal ini kerana emosi moral dianggap sebagai sumber motivasi utama untuk membuat kebaikan dan bertingkah laku moral serta menggalakkan orang untuk bertindak mengikut standard yang diterima 'baik dan buruk atau betul dan salah' (Cohen et al., 2011). Seperti yang digambarkan oleh Tangney (2003) dan Kroll dan Egan (2004), emosi moral memberi daya motivasi yang berbentuk kuasa dan tenaga untuk berbuat baik dan mengelakkan dari kejahatan.

Dalam pada itu, Haidt (2003) secara tentatif mentakrifkan istilah emosi moral sebagai emosi yang dikaitkan dengan kepentingan atau kebajikan sama ada masyarakat secara menyeluruh atau khusus kepada seseorang. Haidt (2003) mendefinisikan emosi moral

dengan menggunakan dua pendekatan. Pertama adalah mentakrifkan kemoralan dan kemudian menganggap emosi moral adalah emosi yang bertindak balas terhadap pelanggaran moral atau yang mendorong tingkah laku moral. Kedua, emosi adalah berdasarkan situasi yang berkaitan dengan persekitaran dan kemudian dikaitkan dengan kepentingan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Takrifan ini jelas menunjukkan bahawa emosi moral menekankan kebajikan seseorang dan masyarakat secara amnya. Sebagai contoh, emosi moral timbul apabila seseorang melanggar peraturan atau norma masyarakat dan ini membantu mengawal tingkah laku interpersonal.

Walau bagaimanapun, perkaitan di antara emosi dan kemoralan perlu dijelaskan dengan tepat untuk memastikan hubungan sedemikian dapat menggambarkan proses afektif yang betul-betul mendasari kemoralan (Cova et al., 2015). Deonna dan Teroni (2015) menjelaskan manusia melihat situasi atau keadaan yang bermoral atau tidak bermoral dengan membayangkan sesuatu nilai moral. Misalnya, mungkin sesetengah orang menganggap rasa bersalah menggambarkan individu tersebut berasa bertanggungjawab terhadap pelanggaran dan perbuatan salahnya, manakala orang lain mungkin menganggap rasa bersalah sebagai sifat kemarahan terhadap sesuatu tindakan yang tidak adil. Dalam pengertian ini, emosi adalah bermoral apabila ia menggambarkan objeknya yang mempunyai nilai moral (atau tiada nilai). Dengan mengambil kira penjelasan Deonna & Teroni (2015) dan Tangney et al., (2007), emosi moral dirujuk sebagai penilaian dan kesedaran diri atau orientasi emosi lain yang bertindak balas kepada situasi moral yang penting dengan mengandaikan penilaian tindakan mempunyai hubungan yang membawa kesan atau akibat (contoh, emosi rasa bersalah) atau penghargaan (atau kebimbangan) untuk keadaan emosi yang lain (contoh, emosi simpati).

Emosi moral dikonsepsikan kepada empat kategori yang berkongsi ciri-ciri yang sama (Haidt, 2003). Setiap kategori berbeza dari segi sama ada tumpuan pelanggar (diri berbanding dengan orang lain) atau mangsa, dan sama ada tingkah laku tersebut tidak mematuhi atau melampaui standard moral yang ditetapkan. Ciri-ciri ini termasuk pujian lain (rasa berterima kasih, menaikkan semangat), penderitaan lain (rasa simpati), menyalahkan orang lain (rasa benci, marah dan menyampah) dan menyalahkan diri sendiri (rasa bersalah dan malu). Walaupun pengkategorian ciri-ciri emosi moral Haidt adalah satu pendekatan yang penting, namun Tangney et al. (2007) menyatakan bahawa kebanyakan teori dan penyelidikan (Malti & Latzko 2012; Tracy et al., 2007) membezakan emosi moral dengan menggunakan dimensi bervalen positif (rasa berbangga, berterima kasih dan menaikkan semangat) dan juga negatif (rasa bersalah, malu, hina dan belas kasihan).

Sesungguhnya, Haidt (2003) menegaskan semula konsepnya dengan menyatakan bahawa mana-mana emosi boleh digambarkan sebagai emosi moral selagi emosi tersebut menggalakkan kecenderungan tingkah laku prososial dan tidak menimbulkan kepentingan diri sendiri. Tangney et al. (2007) kemudiannya telah mengkonsepkan dua kategori emosi moral yang berbeza. Pertama, emosi kesedaran diri yang dibangkitkan berdasarkan penilaian diri seperti rasa bersalah, malu dan hina. Kedua, tumpuan emosi moral lain yang berdasarkan penilaian terhadap orang lain iaitu kemarahan wajar, menyampah, menaikkan semangat dan berterima kasih. Sebaliknya, Malti dan Latzko (2010) mengkonseptualkan semua emosi moral adalah emosi kesedaran diri kerana mereka mengandaikan pemahaman tentang hubungan antara diri dan orang lain yang diperoleh melalui penilaian sendiri. Oleh itu, wujud satu garis perbezaan yang halus antara konsepsi emosi moral.

Emosi moral bervalen positif mahupun negatif mempunyai cara motivasi tersendiri dalam mempengaruhi tingkah laku moral remaja. Sebagai contoh, emosi moral bervalen positif bukan sahaja membuatkan remaja berasa selamat dan baik pada keadaan tersebut, malah ia juga meluaskan pemikiran, meningkatkan kemungkinan rasa gembira tentang masa depan dan mengembangkan daya berpandangan luas (Fredrickson & Losada, 2005). Daya berpandangan luas dibentuk melalui cara berfikiran berbeza untuk menangani masalah dan mencuba untuk berundur dari situasi dan menjadi lebih objektif. Selain itu, emosi moral bervalen positif yang rendah dikaitkan dengan aktiviti delinkuen dalam kalangan remaja (Perdani, 2019). Emosi moral bervalen positif bukan bersifat mengelak dari masalah, tetapi ia menghasilkan kecenderungan untuk mendekati dan menyediakan individu untuk mencari dan melaksanakan matlamat baru. Sebaliknya, emosi moral bervalen negatif menyediakan remaja untuk bertindak secara wajar kepada ancaman, kehilangan atau sebarang situasi negatif yang signifikan (Greenbom et al., 2020).

Memang tidak dinafikan bahawa setiap emosi moral yang bervalen negatif mempunyai motif dan pemahaman kontekstual yang tersendiri dalam bidang psikologi moral. Akan tetapi, emosi rasa bersalah dan malu lebih menonjol dalam mempengaruhi kedua-dua tingkah laku prososial (Rullo et al., 2021) dan juga antisosial (Kautsar et al., 2017) secara serentak. Pengaruh ini bergantung pada cara emosi ini memberi kesan kepada tingkah laku individu dan keupayaan mereka untuk mengatasinya dengan berkesan. Tinjauan empirikal juga turut menunjukkan bahawa emosi rasa bersalah dan malu mempunyai hubungan yang positif dengan tingkah laku antisosial (Teimouri, 2018) berbanding tingkah laku prososial. Sebaliknya, tinjauan teoretikal menunjukkan bahawa kedua-dua emosi ini mempunyai kualiti dan motivasi moral tersendiri yang boleh membawa kebaikan dan kesan positif kepada pembentukan tingkah laku prososial (Tangney & Dearing, 2002; Tangney et al., 2007).

Dua sebab utama mengapa emosi moral bervalen negatif seperti rasa bersalah dan malu memerlukan tinjauan lanjut kerana kedua-dua emosi tersebut mempunyai keberkaitan yang tinggi untuk memperbetulkan tingkah laku moral mereka dan sebenarnya mampu menggalakkan tingkah laku prososial (Tangney et al., 2007). Tambahan pula, ketika zaman keremajaan, peningkatan autonomi, meluangkan masa yang lebih banyak di sekolah, hidup berdikari dan juga bersama rakan dan kesanggupan untuk terlibat dalam perlakuan yang berisiko sering kali mengundang cabaran baru kepada kehidupan remaja dan memerlukan mereka untuk membuat beberapa keputusan moral yang secara sendiri (Hart & Carlo, 2005). Mereka kadang kala membuat keputusan yang salah sehinggakan terlibat dalam tingkah laku yang tidak diingini. Akibatnya, mereka mungkin dibelenggu oleh rasa bersalah dan malu dengan perlakuan mereka (Gülseven et al., 2022). Malah, peranan kedua-dua emosi moral ini masih tidak mencukupi pembuktian empirikal terutamanya dalam konteks Malaysia (Perdani, 2019). Justeru, adalah penting untuk memahami peranan kecenderungan rasa bersalah dan malu dalam tempoh peralihan remaja ini dan melihat darjah impak emosi moral ini kepada pertimbangan moral dan juga tingkah laku prososial pelajar.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa walaupun pelbagai pendekatan, model mahupun teori yang menyokong emosi moral adalah sebagai salah satu komponen penting dalam psikologi moral, namun pembuktian empirikal masih tidak mencukupi terutamanya untuk emosi bersalah dan malu (de Hooge, 2013). Walaupun para sarjana bersetuju bahawa emosi moral negatif adalah kritikal untuk menghalang tingkah laku antisosial (Haidt, 2003; Haidt & Kesebir, 2010), namun kedua-dua emosi ini memerlukan pendekatan yang meluas dalam konteks masalah tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Malaysia (Perdani, 2019). Sementara itu, teori-teori yang mendasari emosi moral mencadangkan bahawa rasa bersalah dan malu seharusnya memotivasikan tingkah laku

prososial dan membantu untuk menarik diri dari tingkah laku antisosial. Peranan kedua-dua emosi memerlukan tinjauan lanjut dari segi analisis dimensi dan juga hubungan kepada tingkah laku prososial dan pertimbangan moral.

2.6.1 Dimensi Emosi Moral

Menurut Tangney et al., (2007), emosi moral merangkumi rasa bersalah dan malu terhasil melalui penilaian diri dan cerminan diri. Penilaian diri ini berkemungkinan bersifat implisit atau eksplisit atau dialami secara sedar atau tanpa disedari. Walau bagaimanapun, perkara yang penting adalah diri sebagai objek emosi moral. Bagi Tangney et al. (2007), apabila individu merefleksikan dirinya sendiri, maka emosi moral memberikan hukuman (atau peneguhan) tingkah laku serta merta. Akibatnya, rasa bersalah dan malu berfungsi sebagai barometer emosi moral yang memberikan maklum balas segera terhadap penerimaan sosial dan kemoralan kita. Apabila seseorang individu melakukan kesalahan, berdosa, melanggar peraturan atau tersilap, maka perasaan malu atau bersalah kemungkinan akan berlaku (Eisenberg, 2014).

Dalam pada itu, para sarjana terkenal seperti Lewis (1971), Tangney et al., (2007) dan Eisenberg (2014) mentakrifkan emosi malu sebagai rasa tidak bernilai terhadap diri sendiri atau tidak berguna yang menandakan bahawa individu tersebut menilai dirinya secara negatif. Apabila seseorang itu berasa malu dengan tindakan mereka, maka mereka mula menyendirikan diri, menyorokkan diri, mengelakkan situasi yang menakutkan dan mula menyalahkan diri sendiri. Emosi moral rasa malu wujud atau dialami apabila seseorang itu melanggar standard moral dan akibatnya mengalami perasaan negatif yang menunjukkan bahawa mereka mempunyai perwatakan moral yang tidak baik (Baumeister et al., 2007). Dalam keadaan pelanggaran moral, seseorang yang mengalami rasa malu mula berfikir 'saya adalah seorang yang jahat', manakala seseorang yang mengalami rasa

bersalah akan berfikir 'saya telah melakukan perkara yang buruk' (Niedenthal et al., 1994). Oleh itu, rasa malu adalah satu emosi kesedaran diri yang bervalen negatif yang mengakibatkan kepada kecaman diri sendiri (Tangney et al., 2007).

Emosi bersalah pula adalah satu emosi yang bersifat universal yang sentiasa ada dalam diri setiap manusia dan memfokuskan tingkah laku atau tindakan tertentu yang telah dilakukan (Lewis, 1971; Watson et al., 2016). Wolf et al. (2010) mendefinisikan rasa bersalah sebagai pengalaman emosi negatif yang dicetuskan apabila tingkah laku seseorang menunjukkan kegagalan mematuhi kemoralan atau norma sosial. Rasa bersalah kebiasaannya berkait dengan situasi seperti penyesalan, pengecaman, kelakuan yang patut disalahkan, maaf dan kesedaran yang buruk (Albertsen et al., 2006) dan melibatkan rasa tertekan, sesal dan bimbang mengenai cara tingkah laku seseorang yang memberi kesan kepada orang lain (Grant & Wrzesniewski, 2010). Walaupun rasa bersalah bervalen negatif, namun ia juga berfungsi untuk mengawal tingkah laku untuk mengelakkan diri daripada mencederakan orang lain (Tangney et al., 2007). Secara amnya, rasa bersalah kurang menyakitkan diri berbanding dengan rasa malu kerana yang dikecam adalah tingkah laku tertentu sahaja, bukannya keseluruhan diri.

Rasa bersalah dan malu adalah satu emosi yang kompleks yang memerlukan refleksi sendiri dan kesedaran sendiri dengan memberi sokongan autonomi dan inisiatif kepada individu tersebut untuk memperbaiki kesalahan yang dilakukan (Tangney et al., 2007). Hal ini selaras dengan Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1994) yang menekankan konsep bersalah dan malu adalah satu krisis psikososial yang perlu dilalui oleh setiap manusia dengan menggalakkan autonomi untuk mengatasi rasa malu dan mendorong individu tersebut untuk membuat inisiatif untuk mengatasi rasa bersalah.

Namun begitu, Lewis (1971) dan Tangney et al. (2007) menegaskan keperluan mengkaji kedua-dua emosi ini dari aspek kemoralan. Kedua-dua pakar mencadangkan bahawa emosi rasa bersalah dan malu perlu didasari dengan konsep kemoralan dengan mengawal kesan negatif kedua-dua emosi tersebut dan memastikan tingkah laku moral dapat dihasilkan. Kedua-dua emosi ini berfungsi untuk tujuan penyesuaian dalam menggalakkan pematuhan terhadap peraturan moral dan sosial dan dengan itu, meningkatkan interaksi sosial dan perhubungan manusia antara satu sama lain (Muris et al., 2018). Rasa bersalah dan malu berkembang secara semula jadi melalui proses penghayatan iaitu perubahan mekanisme kawalan sosial seseorang (luaran) ke dalam peraturan tingkah laku dalaman sendiri (Kon, 1979; Makogon & Anikolopov, 2013).

Salah satu kesan yang penting hasil perubahan tersebut ialah kedua-dua emosi ini berfungsi untuk mengawal (menghalang) tingkah laku antisosial dan tidak beretika (Tangney et al., 2007). Oleh itu, rasa malu adalah penting kerana ia membantu seseorang mempertimbangkan hubungan seseorang dengan orang lain. Kewujudan rasa malu bermakna hubungan yang terbina telah menjadi salah. Rasa bersalah pula bertindak untuk mengawal tingkah laku moral dan membuatkan individu tersebut sentiasa menganalisis nilai yang dipegang dan membina kehidupan berdasarkan standard moral seboleh maksimum yang mungkin (Makogon & Anikolopov, 2013).

Namun begitu, sejak dahulu lagi wujud kekeliruan sama ada rasa bersalah dan malu adalah emosi yang berbeza (Cohen et al., 2011). Hal ini kerana kedua-dua emosi tersebut dicirikan oleh perasaan tertekan, bimbang dan sedih yang timbul akibat pelanggaran moral secara peribadi (Tangney et al., 2007; Wolf et al., 2010). Sehubungan dengan itu, wujud pertukaran dan penggantian di antara kedua-dua istilah ini satu sama lain. Tambahan pula, kedua-dua emosi rasa bersalah dan malu adalah emosi kesedaran diri

yang ditimbulkan melalui refleksi dan penilaian sendiri dan membantu pengawalan diri (Tracy et al., 2007). Walaupun pernyataan ini menunjukkan persamaan antara kedua-dua emosi tersebut, namun wujud perbezaan ketara berdasarkan dua aliran pemikiran yang penting. Aliran pemikiran pertama adalah berdasarkan perspektif penyesuaian sosial mengutamakan perbezaan diri-tingkah laku (*self-behaviour distinction*), manakala aliran pemikiran kedua adalah dari perspektif fungsionalisme yang memberi keutamaan kepada perbezaan awam-peribadi (*public-private distinction*) (Cohen et al., 2011). Perbezaan aliran pemikiran ini berperanan menentukan kaedah pengukuran yang bersesuaian kepada kedua-dua emosi tersebut dengan melihat cara tindak balas emosi tersebut kepada diri dan tingkah laku dan juga tindak balas emosi tersebut ketika di awam dan juga secara peribadi.

Aliran pemikiran pertama mencadangkan bahawa emosi rasa bersalah dan malu boleh dibezakan melalui perbezaan diri-tingkah laku (*self-behaviour distinction*) (Lewis, 1971; Tangney, 1996; Tangney & Dearing, 2002). Apabila rasa bersalah, tumpuan seseorang adalah kepada tingkah laku mereka (contoh: 'saya telah melakukan perkara yang buruk') dan bertindak untuk membuat penilaian negatif terhadap tingkah laku mereka. Bagi rasa malu pula, tumpuan adalah pada diri sendiri (contoh: 'saya seorang yang jahat') dan bertindak untuk membuat penilaian negatif terhadap diri mereka sendiri (Lewis, 1971; Tangney & Dearing, 2002). Kedua-dua emosi rasa bersalah dan malu terhasil daripada atribusi dalaman. Walau bagaimanapun, rasa malu terhasil apabila menyalahkan diri yang tidak stabil dan tidak terkawal kerana kegagalan mematuhi standard moral. Sedangkan, rasa bersalah berlaku apabila menyalahkan tindakan yang tidak stabil dan boleh dikawal dilakukan oleh seseorang (Tracy et al., 2007).


Aliran pemikiran yang kedua pula mencadangkan emosi rasa bersalah dan malu boleh dibezakan melalui perbezaan awam-peribadi (*public-private distinction*). Menurut pandangan perbezaan ini, pelanggaran atau kegagalan moral yang belum didedahkan atau terdedah kepada umum (contoh, salah laku peribadi) berkemungkinan akan menimbulkan rasa bersalah yang terhasil daripada penilaian diri secara negatif. Manakala pelanggaran atau kegagalan moral yang didedahkan atau terdedah secara terbuka berkemungkinan menimbulkan rasa malu yang terhasil akibat takut kepada penilaian orang lain terhadap dirinya (Combs et al., 2010). Dari perspektif ini, rasa bersalah dikaitkan dengan perasaan peribadi apabila melakukan sesuatu kesalahan atau bertindak melanggar peraturan moral. Meskipun, rasa malu adalah perasaan negatif yang timbul apabila kegagalan moral atau kekurangan seseorang didedahkan atau terdedah secara umum. Ringkasan perbezaan kedua-kedua aliran pemikiran dijelaskan dalam rajah 2.1.

Selaras dengan aliran pemikiran seperti yang ditunjukkan di Rajah 2.1, pelbagai kajian lepas (Eyre 2004; Johnson et al., 1987; Tangney et al., 2000) telah menerbitkan pelbagai instrumen yang mengukur dimensi kecenderungan rasa bersalah dan malu dengan berpegang kepada satu aliran yang dirasakan sesuai secara empirikal dan praktikal. Antara instrumen yang berpegang kepada aliran perbezaan diri-tingkah laku seperti *Test of Self-Conscious Affect-3* (TOSCA-3; Tangney et al., 2000). Manakala instrumen yang diterbitkan berdasarkan aliran perbezaan awam-peribadi adalah *Dimensions of Conscience Questionnaire* (DCQ; Johnson et al., 1987) dan *Shame and Guilt Inventory* (SAGI; Eyre, 2004). Dalam konteks Malaysia pula, hasil kajian Perdani (2019) mencadangkan lima dimensi penting untuk mengukur emosi moral rasa malu iaitu ucapan positif, penyampaian yang sederhana, sensitif terhadap pertimbangan orang lain, melindungi pendapat orang lain dan digniti orang lain, manakala empat dimensi bagi emosi rasa bersalah iaitu takut kepada hukuman, kesedaran Tuhan, prihatin kepada orang

lain dan kemaafan. Namun begitu, kajian Perdani (2019) hanya tertumpu kepada perbezaan budaya dan agama yang khusus kepada golongan belia Muslim dan menegaskan keperluan untuk mengkaji peranan rasa bersalah dan malu yang bersesuaian untuk semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Rajah 2.1

Ringkasan Perbezaan Aliran Pemikiran Penyesuaian Sosial dan Fungsionalisme



Walaupun instrumen-instrumen ini cukup meluas dari segi penggunaannya (Dempsey, 2017) terutamanya TOSCA, namun asas pembentukan instrumen ini hanya tertumpu kepada satu aliran pemikiran dan tidak membezakan tindak balas emosi dan tingkah laku

untuk mengukur kecenderungan rasa bersalah dan malu (Wolf et al., 2010). Hal ini penting kerana kedua-dua aliran pemikiran ini mempunyai sokongan empirikal yang tinggi dan wujud perbezaan tindak balas emosi dan tingkah laku terhadap pelanggaran moral secara konseptual dan juga empirikal (Alabèrnia-Segura et al., 2022; Wolf et al., 2010). Cohen et al. (2011) menegaskan perlunya satu pengukuran yang membezakan kecenderungan rasa bersalah dan malu berdasarkan kedua-dua aliran pemikiran.

Cohen et al. (2011) seterusnya mencadangkan dan menerbitkan satu instrumen yang mengukur kecenderungan rasa bersalah dan malu dengan menggabungkan kedua-dua kerangka teoretikal perbezaan diri-tingkah laku dan perbezaan awam-peribadi secara menyeluruh. Instrumen *Guilt and Shame Proneness Scale* (GASP; Cohen et al., 2011) mengukur kecenderungan rasa bersalah yang berdasarkan penilaian tingkah laku negatif (tingkah laku) iaitu dimensi Penilaian Tingkah Laku Negatif (PLTN) dan memperbaiki respons kepada pelanggaran atau kegagalan peribadi (peribadi) iaitu dimensi Pembaikan (P). Manakala kecenderungan rasa malu dinilai berdasarkan penilaian diri negatif (diri) iaitu dimensi Penilaian Diri Negatif (PDN) dan tindak balas penarikan diri terhadap pelanggaran atau kegagalan yang terdedah kepada awam (awam) iaitu dimensi Penarikan Diri (PD). Malah, tinjauan literatur juga menunjukkan bahawa instrumen ini telah digunakan secara meluas di pelbagai negara sehinggakan terdapat lebih daripada 500 rujukan di *Google Scholar* (Alabèrnia-Segura et al., 2022). Saranan Cohen dan rakan-rakannya ini selari dengan pendekatan penyesuaian sosial dan fungsionalisme yang berpotensi untuk memotivasikan tingkah laku yang prososial akibat emosi moral rasa bersalah dan malu. Pendekatan kedua-dua aliran pemikiran ini yang menekankan kecenderungan rasa bersalah dan malu dalam menghasilkan tingkah laku prososial memerlukan kajian yang lebih mendalam dan komprehensif.

Walaupun tinjauan lepas mendapati pengukuran konstruk emosi moral rasa bersalah dan malu yang menggunakan instrumen GASP dianalisis secara berasingan untuk setiap dimensi (Cohen et al., 2011; Alabèrnia-Segura et al., 2022), kajian ini mempunyai batasan dalam mengukur setiap konstruk secara komprehensif. Tujuan batasan kajian ini adalah untuk memahami hubungan dan pengaruh tentang emosi moral secara keseluruhan berbanding menganalisisnya secara berasingan untuk setiap dimensi. Malah, Cohen et al. (2011) turut menggalakkan penerokaan instrumen GASP dari aspek pengukuran secara menyeluruh selagi tidak wujud masalah multikolineariti. Dengan mengambil kira batasan kajian ini, kajian ini memilih untuk mengukur instrumen GASP secara keseluruhan, dan bukannya berdasarkan dimensi individu. Pendekatan ini memastikan pemahaman yang lebih holistik tentang emosi moral dan kesannya terhadap pertimbangan moral dan tingkah laku prososial secara keseluruhan.

Secara keseluruhannya, kecenderungan rasa bersalah dan malu bukan sahaja merupakan penggalak tingkah laku prososial, malah bertindak untuk mengelakkan diri seseorang untuk terlibat gejala negatif. Walaupun kedua-dua emosi ini bervalen negatif, tetapi ia mempunyai ciri-ciri kemoralan yang mempunyai hubungan positif dan negatif dengan tingkah laku prososial dan pertimbangan moral. Tambahan pula, penggunaan aliran pemikiran perbezaan diri-tingkah laku dan perbezaan awam-peribadi secara serentak untuk mengukur kecenderungan rasa bersalah dan malu mampu memberi gambaran yang terperinci mengenai dimensi-dimensi yang wujud dalam kedua-dua emosi tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan memerihal peranan emosi moral bersalah dan malu dalam mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

2.6.2 Hubungan Emosi Moral dengan Tingkah Laku Prososial

Zaman keremajaan adalah satu fasa transisi penting dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa yang dipenuhi dengan peningkatan tanggungjawab untuk mengawal tingkah laku dan perkembangan kesedaran sosial (Blakemore, 2008; Farley & Kim-Spoon, 2014). Tingkah laku antisosial mula memuncak semasa berada di peringkat remaja dan emosi penilaian diri seperti rasa bersalah dan malu mula menjadi sebahagian daripada pertukaran sosial setiap hari (Lansford, 2018). Kawalan emosi bersalah dan malu ke arah positif mampu mengawal tingkah laku antisosial dan memotivasikan tingkah laku prososial.

Tinjauan literatur mendapati bahawa kebanyakan kajian tentang emosi moral rasa bersalah dan malu adalah dari negara barat dan hanya sedikit kajian tempatan sahaja yang meneroka kedua-dua dimensi emosi moral tersebut (Perdani, 2019). Kajian lepas juga menunjukkan bahawa penyelidikan emosi moral lebih memberi tumpuan kepada kesihatan mental, tingkah laku antisosial, perkembangan sosioemosi, perkembangan psikologi moral dan perbezaan budaya serta peranan gender, namun kajian jarang memberi fokus kepada penghasilan tingkah laku prososial (Abu-Kaf & Priel, 2008; Blythin et al., 2020; Costa Martins et al., 2021; Sheehy et al., 2019). Sedikit sahaja kajian yang memberi fokus kepada kecenderungan emosi moral bersalah dan malu, itu pun melibatkan golongan belia di Malaysia (Perdani, 2019). Bahkan, kajian-kajian tempatan juga menggunakan emosi moral bersalah dan malu hanya sebagai sokongan tambahan kepada tema kajian utama (Naqi Dahamat et al., 2019; Tan et al., 2019).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji peranan emosi bersalah dan malu dalam menyumbangkan dan menggalakkan tingkah laku prososial secara intensif (Barón et al., 2018; Rullo et al., 2021). Kajian yang dijalankan oleh Barón

et al. (2018) terhadap golongan remaja yang berumur 12-14 menunjukkan bahawa rasa bersalah dan malu adalah peramal yang signifikan dalam mengukuhkan tingkah laku prososial. Dengan mengambil kira pendekatan Tangney et al., (2007) yang menyatakan bahawa emosi malu meningkat selari dengan emosi bersalah, kajian ini membuktikan bahawa peningkatan emosi bersalah dan malu sememangnya menjangka tahap tingkah laku prososial yang tinggi. Malah, kajian Olthof (2012) yang melibatkan golongan remaja di negara Belanda mendapati bahawa kecenderungan rasa bersalah memberi kesan positif dan mendorong penghasilan tingkah laku prososial. Selain itu, metaanalisis daripada 42 kajian menunjukkan bahawa terdapat kesan saiz yang sederhana positif dalam hubungan emosi moral dengan tingkah laku prososial (Malti & Krettenauer, 2013).

Walaupun tahap kecenderungan emosi bersalah dan malu yang tinggi selaras dengan tingkah laku prososial, namun Roos et al. (2014) menyatakan bahawa emosi bersalah dan malu seharusnya mula mempengaruhi tingkah laku prososial secara berbeza kerana atribusi pembezaan tingkah laku mula menjadi stabil. Ini menjelaskan bahawa remaja sepatutnya lebih bermotivasi berbanding kanak-kanak untuk terlibat dalam tindakan reparatif (yang boleh diperbaiki) apabila rasa bersalah mula dipentingkan. Walaupun tinjauan literatur membuktikan kewujudan hubungan yang positif antara kecenderungan rasa bersalah dengan tingkah laku prososial, namun beberapa kajian lepas melaporkan bahawa rasa malu mempunyai hubungan negatif dalam peneguhan tingkah laku prososial remaja (Kautsar et al., 2017; Ranganadhan & Todorov, 2010; Schmader & Lickel, 2006; Tangney et al., 1996). Hal ini selaras dengan pernyataan Ranganadhan dan Todorov (2010) bahawa kecenderungan emosi malu dijangka meningkatkan kemungkinan penarikan diri daripada tingkah laku prososial, sedangkan emosi rasa bersalah meningkatkan kemungkinan untuk berkelakuan prososial.

Hasil kajian Perdani (2019) di Malaysia mendapati kecenderungan rasa bersalah dan malu yang tinggi dalam kalangan belia Muslim dilihat sebagai satu faktor positif yang mendorong mereka untuk merefleksi tingkah laku mereka dengan mengawal kenegatifan dan meningkatkan nilai prososial dalam perlakuan mereka. Kajian ini memberi gambaran awal bahawa populasi Malaysia yang dianggap sebagai masyarakat kolektivisme mempunyai kecenderungan rasa bersalah dan malu tinggi kerana faktor budaya dan agama menyelubungi diri mereka. Malah, dapatan kajian ini disokong oleh Cucuani et al., (2022) yang menganggap masyarakat kolektivisme terikat dengan kehidupan yang berasaskan kepada pegangan budaya, norma dan agama yang tinggi berbanding komuniti lain dan situasi ini menyebabkan masyarakat ini berkecenderungan tinggi untuk berasa bersalah dan malu untuk melakukan sesuatu perbuatan yang bertentangan. Justeru, tinjauan literatur ini memberi input kepada kajian sebenar pengkaji bahawa kecenderungan rasa bersalah dan malu yang tinggi dianggap positif untuk perubahan tingkah laku dan mempunyai hubungan yang tinggi untuk menghasilkan tingkah laku prososial.

Meskipun, tinjauan literatur membuktikan bahawa wujudnya keberkaitan di antara kecenderungan rasa bersalah dan malu dengan tingkah laku prososial, beberapa kajian tempatan juga telah menilai pengaruh emosi bersalah dan malu dalam mengawal gejala negatif ataupun antisosial (Naqi Dahamat et al., 2019; Salhah et al., 2014). Responden dalam kajian Salhah et al. (2014) melaporkan bahawa walaupun emosi bersalah dan malu adalah tinggi dalam diri mereka, tetapi mereka tetap terlibat dalam gejala negatif seperti kehamilan di usia remaja dan tingkah laku agresif. Kajian Salhah et al. (2014) menunjukkan kehadiran emosi bersalah dan malu yang tinggi dalam diri responden boleh dikawal dan dibentuk dengan bantuan rehabilitasi dan intervensi kaunseling bagi memastikan mereka tidak mengulangi kesalahan tersebut. Sebaliknya, kecenderungan

rasa bersalah dan malu yang rendah dalam diri individu menyukarkan pembentukan tingkah laku yang reparatif.

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur menunjukkan peranan kecenderungan rasa bersalah dan malu dalam meramalkan dan memotivasikan pembentukan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja. Justeru, Garrigan et al., (2018) menegaskan oleh kerana keberhasilan tingkah laku prososial sukar untuk dijelaskan dengan hanya satu faktor peramal (Ding et al., 2018), maka kecenderungan rasa bersalah dan malu sesuai diintegrasikan dalam pemodelan sebab-akibat sebagai salah satu faktor eksogenus kerana fungsi emosi moral itu sendiri melengkapkan proses perkembangan moral remaja. Walaupun kecenderungan rasa bersalah dan malu dianggap bervalen negatif, namun tinjauan literatur yang dibincangkan menyokong bahawa kedua-dua emosi moral ini berperanan untuk menebus kesalahan dan memperbaiki tingkah laku mereka ke arah prososial (Alabèrnia-Segura et al., 2022; Dempsey, 2017; Gülseven, 2022; Laible et al., 2014; Miceli & Castelfranchi, 2018). Justeru, kajian ini telah menetapkan hipotesis untuk mengenal pasti pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kecenderungan rasa bersalah dan malu dan meninjau kesannya terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

2.6.3 Hubungan Emosi Moral dengan Pertimbangan Moral

Dalam konteks psikologi moral, kebanyakan kajian lepas menunjukkan bahawa kecenderungan emosi bersalah dan malu mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap keupayaan pertimbangan moral dan memotivasikan kemampuan individu untuk membuat keputusan moral (Eisenberg, 2014; Han et al., 2021; Kaplan & Tivnan, 2014; Malti & Krettenauer, 2013; McAuliffe, 2019; Murphy & Kiffin-Petersen, 2017; Zhou & Xiang, 2022). Kajian Zhou dan Xiang (2022) dari Pusat Penyelidikan Budaya Moral, *Hunan*

Normal University telah menguji model sebab dan akibat antara kecenderungan rasa bersalah dan malu dengan sensitiviti moral untuk memahami keberkesanan pertimbangan moral. Laluan model kajian ini mendapati kecenderungan rasa bersalah lebih positif dalam meramalkan sensitiviti moral yang merupakan kunci kepada pembentukan pertimbangan moral, berbanding rasa malu yang tidak mempunyai pengaruh. Dapatan ini mengimpkasikan peranan kecenderungan rasa bersalah adalah lebih berpotensi tinggi meningkatkan sensitiviti moral untuk membuat pertimbangan moral dalam situasi dilema moral. Hasil kajian ini selari dengan saranan teori Perkembangan Moral Kognitif yang mempercayai individu yang membuat keputusan moral mereka berdasarkan nilai amanah, hormat, timbal balik, tanggungjawab, tugas, dan juga rasa bersalah dianggap lebih matang dari pertimbangan moral berbanding mereka yang tidak berpandukan kepada kualiti ini (Forsyth, 2020).

Walau bagaimanapun, model berbilang aras (*multilevel model*) melibatkan rasa malu, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial yang dibangunkan Murphy dan Kiffin-Petersen (2017) merumuskan bahawa rasa malu yang tinggi berperanan untuk membimbing individu untuk membuat penilaian dan pertimbangan mengenai keputusan moral yang hendak dibuat yang seterusnya mendorong tingkah laku prososial. Hal ini kerana emosi malu menjadikan seseorang lebih sensitif tentang diri mereka dan juga terhadap tanggapan orang lain terhadap diri mereka (de Hooge, 2013). Ini menunjukkan bahawa apabila mengalami rasa malu, mereka bukan sahaja mungkin mahu memulihkan diri mereka sendiri, malah juga pandangan orang lain terhadap mereka (diri sosial mereka) dan membetulkan pertimbangan moral mereka (de Hooge et al., 2010). Ini secara tidak langsung memulihkan diri sosial dengan bertindak prososial terhadap orang lain.

Justeru, kajian ini menyokong bahawa emosi moral rasa malu juga turut memainkan peranan yang positif dalam mengukuhkan dan menggalakkan pertimbangan moral seseorang dengan menghasilkan tingkah laku prososial (Tangney et al., 2007). Walaupun, model cadangan model Murphy dan Kiffin-Petersen (2017) menambah sokongan literatur kepada tujuan kajian ini, namun model ini secara langsung mengesyorkan peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan emosi moral dengan tingkah laku prososial. Model ini menjelaskan bahawa kehadiran pertimbangan moral yang dipengaruhi oleh emosi moral mampu memotivasikan tingkah laku positif yang bersifat prososial. Tambahan pula, kajian metaanalisis (Huebner et al., 2009) juga turut menyokong kajian lepas dengan mencadangkan kecenderungan rasa bersalah dan malu boleh membimbing pertimbangan moral seseorang yang berkemungkinan besar berfungsi sebagai pendorong langsung (*direct motivator*) kepada tingkah laku moral atau prososial.

Dari aspek keremajaan, Kaplan dan Tivnan (2014) menegaskan bahawa rasa bersalah dan malu dalam diri remaja boleh bertindak sebagai penggerak kepada pembentukan pertimbangan moral kerana proses emosi dan kognitif berfungsi bersama ketika membuat keputusan moral. Hal ini kerana kajian Olthof (2012) juga mendapati emosi moral rasa bersalah dan malu menggalakkan keupayaan remaja di negara Belanda untuk mempertimbangkan keputusan moral dan juga menjangkakan kesan mendatang daripada keputusan tersebut. Sehubungan dengan itu, perspektif Dunn (2006) juga memberi indikasi bahawa pelbagai pengalaman emosi negatif mahupun positif dianggap penting untuk perkembangan moral untuk keberhasilan tingkah laku prososial. Justeru, kesedaran tentang emosi moral bersalah dan malu dan juga keupayaan untuk mengintegrasikan maklumat dengan kesedaran kognitif mental, boleh membantu remaja untuk membuat pertimbangan moral dan seterusnya, memotivasikan tingkah laku moral yang konsisten (Killen & Rutland, 2011).

Sebagai contoh, berdasarkan kajian Malti dan Krettenauer (2013), remaja menjangka emosi negatif dari hubungan rakan sebaya dan jangkakan emosi ini digunakan dalam pemikiran mereka untuk mengenai pasti isu-isu moral yang diselubungi di sekitar mereka. Pernyataan ini mempunyai perbezaan dengan dapatan kajian Han et al., (2021) yang melaporkan emosi bersalah berkait dengan pertimbangan tidak bermoral. Malah, kewujudan niat tidak bermoral mengundang tingkah laku tidak bermoral. Namun Han et al. (2021) menegaskan bahawa emosi bersalah dan malu yang terkawal mampu membantu remaja untuk membuat keputusan moral yang lebih wajar dan mampu melihat perspektif sosial sebelum melakukan tingkah laku tidak bermoral.

Selaras dengan itu, peserta dalam kajian Knez & Nordhall (2017) mengalami emosi moral yang tinggi dalam kehidupan mereka terutamanya kecenderungan rasa bersalah dan malu. Dapatan ini mempengaruhi kecenderungan peserta sama ada kurang bersedia atau tidak mahu untuk melakukan kesalahan. Ini bermakna semakin tinggi tahap pengalaman emosi bersalah dan malu dalam kehidupan seseorang, semakin rendah kesanggupan untuk membuat keputusan tidak bermoral dan tingkah laku yang negatif. Dapatan ini turut disokong oleh Haidt (2003) yang menjelaskan bahawa emosi moral positif dan negatif adalah berkait dengan kepentingan dan kesejahteraan orang lain dan untuk bertindak berdasarkan kemoralan, maka setiap individu perlu melalui pengalaman emosi moral yang berperanan meningkatkan sensitiviti terhadap isu-isu moral di persekitarannya dan menggalakkan pertimbangan moral yang rasional.

Berdasarkan kajian terdahulu dapat dirumuskan bahawa kecenderungan rasa bersalah dan malu memainkan peranan yang penting dalam memotivasikan pertimbangan moral dan menggalakkan prososial dalam kalangan remaja. Malah, tinjauan literatur juga menyokong bahawa kehadiran pertimbangan moral sebagai pengantara memberi kesan

signifikan kepada kecenderungan rasa bersalah dan malu dalam meningkatkan tingkah laku prososial remaja. Lanjutan daripada isu tersebut, kajian ini dijangka dapat menyediakan informasi empirikal dan mengukur kesan pengaruh kecenderungan rasa bersalah dan juga malu terhadap perkembangan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah di Malaysia dan juga meninjau peranan faktor pertimbangan moral dalam hubungan emosi moral dan juga tingkah laku prososial. Tambahan pula, tinjauan literatur juga mendapati kurangnya kajian terkini yang menganalisis hubungan konseptual emosi moral (kecenderungan rasa bersalah dan malu) terhadap pertimbangan moral terutamanya golongan remaja yang melibatkan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Jika ada pun, kajian tersebut hanya tertumpu kepada satu budaya dan agama yang melibatkan golongan belia (Perdani, 2019). Justeru, kajian ini telah menetapkan hipotesis untuk mengenal pasti pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar iaitu emosi moral rasa bersalah dan malu dan meninjau keberkesanannya terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

2.7 Identiti Moral

Erikson (1964) mencadangkan bahawa identiti berakar umbi dalam teras kewujudan manusia terutamanya pada zaman keremajaan, melibatkan kebenaran pada diri sendiri terhadap setiap tindakan yang dilakukan dan dikaitkan dengan penghormatan terhadap pemahaman seseorang tentang realiti. Perkaitan di antara sendiri dengan moral yang disuntik oleh Erikson melalui teorinya menunjukkan bahawa kapasiti etika adalah kriteria identiti sebenar, malah beliau juga menyatakan bahawa identiti dan kesetiaan adalah penting dan perlu untuk kekuatan etika. Ini menunjukkan bahawa identiti moral adalah matlamat yang jelas bagi kedua-dua perkembangan moral dan identiti dan konsep mula diintegrasikan secara bermoral untuk membina insan bermoral.

Pandangan Erikson mengenai identiti sebagai benar kepada diri sendiri dalam tindakan dicerminkan dalam pendefinisian Hardy dan Carlo (2011) sebagai ‘sejauh mana menjadi insan bermoral penting kepada identiti individu seseorang’. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa identiti moral merujuk kepada komitmen kepada rasa diri seseorang terhadap garis tindakan yang bertujuan menggalakkan atau melindungi kebajikan orang lain (Lapsley 2015) atau identiti yang merangkumi beberapa ciri-ciri konseptual tertentu mengenai sendiri moral (Blasi, 1984). Lapsley dan Lasky (2001) dan Lapsley (2015) menerusi kajiannya memberi definisi yang kompleks bahawa seseorang yang mempunyai identiti moral sebagai salah satu skema moral yang mudah sedia, tersedia secara berterusan dan mudah dicetuskan untuk pemprosesan maklumat.

Selaras dengan pendekatan Erikson tentang konsep identiti, Blasi (1984) meneliti konsep perkembangan identiti yang diintegrasikan dengan konsep kemoralan kerana remaja pada masa kini mula mendapat pendidikan yang sempurna, melanjutkan pelajaran dan bergelut untuk mendapat peluang kerjaya dalam dunia teknologi yang berubah pantas. Justeru, Blasi mewujudkan konsep identiti moral dengan mencadangkan bahawa identiti merangkumi beberapa elemen diri yang ideal dan berfungsi sebagai prinsip tingkah laku yang ideal. Blasi (1984) mencadangkan bahawa identiti merangkumi beberapa elemen diri yang ideal dan berfungsi sebagai prinsip tingkah laku yang ideal. Blasi (1984) juga menggariskan beberapa penegasan penting dalam konsep sendiri moral. Pertama, identiti moral seseorang boleh berbeza mengikut konteks moral namun terdapat satu set sifat moral yang sama dan disetujui ramai yang mungkin menjadi pusat definisi sendiri untuk kebanyakan orang. Kedua, seorang individu mungkin boleh menjadi insan bermoral tetapi tidak semestinya menjadi sebahagian daripada keseluruhan definisi sendiri seseorang.

Penegasan ini tidak semestinya bercanggah dengan pandangan Erikson (1964) bahawa identiti berakar umbi pada teras kewujudan seseorang, sebaliknya ia menunjukkan bahawa mempunyai identiti tertentu bukanlah satu cadangan. Malah, Erikson menekankan bahawa krisis identiti menerusi konsep identiti vs kekeliruan identiti menjadi satu cabaran perkembangan psikososial penting yang perlu ditangani pada zaman keremajaan. Menerusi konsep tersebut, krisis identiti vs kekeliruan identiti yang diselesaikan secara positif membolehkan remaja mengintegrasikan imej sendiri ke dalam identiti peribadinya serta mengukuhkan peranan dirinya dalam persekitaran sosial (Erikson, 1968). Keupayaan untuk menangani krisis identiti ini menjadikan remaja lebih yakin untuk tampil ke hadapan dalam menyelesaikan masalah-masalah sosial mahupun moral (Lapsley, 2015). Sebaliknya, jika remaja tidak mengawal tekanan rakan sebaya dan pengaruh negatif dari persekitaran luar, maka identiti remaja mula rapuh dan tidak matang serta melemahkan mereka untuk menghadapi cabaran lain yang lebih serius (Erikson, 1994). Justeru, bagi menghadapi cabaran dunia, Blasi (1984) mengesyorkan gabungan konsep kemoralan diri dan identiti bagi memastikan remaja sentiasa berpegang kepada prinsip moral dan norma sosial yang menjadi bimbingan kepada mereka.

Selaras dengan penegasan Erikson dan Blasi, Aquino dan Reed (2002) telah menerima pakai konsep dari kedua-dua pakar untuk membangunkan satu definisi yang terperinci untuk mengukur dan membentuk aspek-aspek identiti moral. Aquino dan Reed (2002) menjelaskan identiti moral sebagai konsep sendiri yang disusun oleh satu set sifat moral seperti adil, mengambil berat tentang orang lain dan kesetiaan. Berdasarkan definisi ini, identiti moral mencerminkan kepentingan dan penonjolan ciri-ciri moral dalam identiti diri seseorang individu (Hardy & Carlo, 2011). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan definisi Hardy dan Carlo (2011) dan Aquino dan Reed (2002) sebagai asas pengukuran identiti moral yang dirujuk sebagai darjah kepentingan kemoralan adalah

asas identiti diri seseorang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pembuktian bahawa identiti moral meramalkan dan mempengaruhi kesediaan seseorang untuk terlibat dalam tingkah laku moral (Blasi, 2005). Selaras dengan tujuan ini, adalah penting untuk memahami perkembangan identiti moral dalam mempengaruhi pertimbangan dan tingkah laku moral seseorang.

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa pembentukan identiti moral kebiasaannya melibatkan penggabungan perkembangan moral dan perkembangan identiti (Bergman, 2004; Hardy & Carlo, 2011; Hart, 2005). Walaupun kematangan pemahaman moral adalah penting, pengintegrasian dengan identiti boleh menghasilkan motivasi dan komitmen yang lebih mustahak. Walaupun identiti boleh dibentuk dengan menggunakan pelbagai kriteria, namun ia mungkin menjadi ideal jika berasaskan kemoralan (Hardy & Carlo, 2011). Sepanjang zaman kanak-kanak hingga remaja, perkembangan pemahaman moral dan juga identiti membuka ruang untuk pengintegrasian kemoralan dan identiti. Pemahaman moral menjadi lebih interpersonal dan juga bersifat ideologi (Lapsley, 2015) ketika berada di zaman keremajaan (Hardy & Carlo, 2011 & Kohlberg, 1969).

Oleh itu, remaja menjadi lebih sensitif berbanding kanak-kanak terhadap jangkaan, sikap dan keperluan orang lain (Carlo, 2006; Engelmann & Rapp, 2018). Peningkatan yang ketara dalam kematangan dan pemahaman tentang norma moral di waktu keremajaan membantu menetapkan tahap untuk pengintegrasian moral dan identiti ini (Hardy & Carlo, 2011). Remaja mengalami perkembangan yang lebih cepat dan kerap dalam interaksi sosial dengan rakan sebaya berbanding kanak-kanak, yang membawa kepada peningkatan kesedaran dan pertimbangan terhadap perspektif dan sikap orang lain (Carlo, 2006). Tambahan pula, remaja dikatakan lebih berprinsip dan kurang memberi tumpuan kepada faktor luaran seperti hukuman dan timbal balik. Dari segi identiti diri, kematangan

melibatkan kefahaman diri yang lebih mendalam dari segi aspek interaksi sosial dan ideologi. Banyak aspek interaksi sosial yang boleh membentuk pemahaman diri pada peringkat ini adalah relevan dari segi moral (contoh, bersikap baik, mengutamakan orang lain) dan ideologi boleh merangkumi ideal moral (Hardy & Carlo, 2011).

Kajian menunjukkan bahawa kesepaduan kemoralan dan diri pada waktu keremajaan dan juga menjelang kedewasaan didayakan dengan rasa sebagai agen moral dan juga kebertanggungjawaban (Lapsley & Stey, 2014). Walaupun kanak-kanak mempunyai pemahaman asas mengenai betul atau salah, mereka kebiasaannya kurang bertanggungjawab untuk melakukan perkara yang betul atau baik berbanding golongan remaja (Nunner-Winkler, 2007). Pemisahan moral (*moral disengagement*) dari diri mungkin mencerminkan pemahaman yang terhad sebagai agensi moral dan tanggungjawab. Ketidakwujudan rasa bertanggungjawab terhadap pemikiran, emosi dan perlakuan seseorang boleh menyebabkan kurangnya kesedaran untuk melakukan perkara bermoral (Hardy & Carlo, 2015). Oleh itu, remaja seharusnya lebih mengutamakan kemoralan sebagai identiti diri yang dekat berbanding kanak-kanak yang masih bergantung kepada sokongan ibu bapa. Maka perkembangan identiti moral berkembang selaras dengan perkembangan moral seseorang (Li et al., 2021).

Berdasarkan kajian terdahulu dapat dirumuskan bahawa identiti moral adalah satu elemen yang amat penting untuk perkembangan moral remaja dan juga untuk pembentukan tingkah laku moral. Tinjauan kajian lepas dari aspek teoretikal Erikson (1994) dan juga pendekatan perkembangan identiti moral Blasi (1984) telah menunjukkan bahawa peringkat remaja adalah peringkat yang amat penting untuk melihat pembentukan identiti moral yang berstruktur dan jelas (Patrick et al., 2018). Selain itu, konsep Blasi juga terhadap identiti moral mempunyai fungsi yang penting dalam mempengaruhi

perkembangan pertimbangan moral dan juga kesediaan remaja untuk bertingkah laku prososial (Blasi, 2005) dan juga menawarkan penyelesaian untuk kelompangan pertimbangan-tingkah laku moral (Lapsley, 2015).

2.7.1 Dimensi Identiti Moral

Identiti moral adalah sebahagian daripada identiti diri individu yang merangkumi dua dimensi iaitu diri peribadi dan diri awam (Erikson, 1964). Terdapat dua jenis pengkonseptualan identiti moral yang berbeza. Erikson (1964) mentakrifkan identiti yang berpengalaman secara autentik dengan menggunakan dua pembezaan; pertama, ia berakar umbi dalam teras kewujudan seseorang. Kedua, ia melibatkan bersikap jujur dan benar terhadap diri sendiri dalam setiap tindakan yang dilakukan. Ciri-ciri yang terkandung dalam pengkonseptualan ini telah diguna pakai dalam dua dimensi baharu yang dicadangkan oleh Aquino dan Reed (2002) iaitu internalisasi (*internalisation*) dan perlambangan (*symbolisation*) dalam instrumen '*Moral Identity Scale*'. Internalisasi merujuk kepada kepentingan sifat moral dalam pembentukan konsep sendiri. Ia melibatkan pengenalan diri terhadap sifat moral yang berkaitan dengan komponen konsep sendiri peribadi seseorang. Sebaliknya, perlambangan merujuk kepada darjah prinsip moral seseorang individu dinyatakan secara luaran kepada orang awam dan aspek sosial sendiri moral dan ia berkait dengan komponen konsep sendiri awam seseorang (Aquino & Reed, 2002; Reed et al., 2007).

Internalisasi dan perlambangan adalah dua struktur dimensi psikologi yang bebas dan setiap satunya boleh meramalkan tingkah laku moral (Aquino & Reed, 2002; Li et al., 2021), sedangkan beberapa kajian lepas telah mendapati kedua-dua dimensi ini berbeza dari segi kuasa ramalan dan kestabilan (Li et al., 2021; Reed et al., 2007). Kajian yang dijalankan oleh Winterich et al. (2013) yang menggunakan instrumen '*Moral Identity*

Scale' (MIQ) menyimpulkan bahawa individu yang mempunyai identiti moral internalisasi yang kuat menyebabkan identiti moral perlambangan tidak mempunyai kuasa peramal untuk menentukan tingkah laku moral. Sebaliknya, individu yang mempunyai moral identiti internalisasi yang lemah, kesan ramalan (pengaruh) identiti moral perlambangan terhadap tingkah laku prososial disederhanakan. Penemuan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa perbezaan antara identiti moral internalisasi dan identiti moral perlambangan, ia tidak mengukur aspek identiti moral yang penting iaitu kepentingan untuk bertingkah laku mengikut ajaran moral dan integriti (Black & Reynolds, 2016).

Dalam pada itu, Black dan Reynolds (2016) menggunakan beberapa konsep dari model Blasi (1984) untuk membina satu pengukuran yang menilai identiti moral yang betul dan jelas. Pada awal perkembangan kajian identiti moral, Blasi (1984) telah menyatakan bahawa ketidakupayaan teori Kohlberg untuk mengambil kira kelompangan yang wujud di antara pertimbangan dengan tingkah laku moral telah membuka ruang untuk beliau untuk mencadangkan Model Diri sebagai sumber motivasi untuk pembentukan pertimbangan moral dan tingkah laku moral. Blasi (1984) menerusi Model Diri menyatakan bahawa seorang yang waras dan sedar pada mulanya akan menentukan perkara yang baik dan buruk atau betul dan salah dari segi moral (pertimbangan bertanggungjawab) dan kemudian memutuskan sama ada berbuat demikian adalah wajib atau tidak. Pertimbangan ini bergantung kepada jenis motivasi yang diperoleh daripada definisi diri. Blasi menerangkan terdapat dua dimensi motivasi yang digunakan untuk mengukur identiti moral iaitu ketekalan diri (bertindak mengikut penilaian kognitif tindakan yang betul secara moral) dan kepuasan dorongan yang tidak rasional.

Ketekalan diri atau konsistensi diri dianggap sebagai daya motivasi untuk tingkah laku moral, tetapi kekurangan ketekalan tidak semestinya menandakan pelanggaran moral (Monin & Merritt, 2012). Pelanggaran moral boleh berlaku walaupun tindakan boleh menampakkan kemoralan dan tingkah laku baik yang menunjukkan seolah-olah mengimbangi ketidaktekalan. Justeru, Monin dan Merritt (2012) menegaskan bahawa wujud ketirisan integriti dalam identiti moral dan mencadangkan integriti moral amat diperlukan dalam mengimbangi ketekalan diri yang seharusnya datang daripada komitmen dalaman terhadap tindakan moral. Blasi (2005) menyatakan integriti moral dan ketekalan diri amat berkait rapat antara satu sama lain dan menganggap integriti terdiri daripada tanggungjawab dan identiti penting untuk perkembangan identiti moral.

Selaras dengan itu, Black dan Reynolds (2016) telah membuka lembaran dimensi baharu dalam pengukuran identiti moral untuk menilai kepentingan orang ramai terhadap prinsip moral mereka dan bertindak sewajarnya. Dua dimensi baharu dikonsepsikan sebagai kendiri moral dan integriti moral. Kedua-dua dimensi ini berkemampuan untuk menyumbang kepada pengukuran identiti moral yang menjadi asas kepada pertimbangan moral yang bertanggungjawab (Black & Reynolds, 2016; Blasi, 1984; Miller & Schlenker, 2011). Menurut Black dan Reynolds (2016), integriti moral mengukur keinginan untuk membuat niat dan tindakan yang konsisten dan sebanyak mana nilai yang diletakkan oleh responden untuk bertindak mengikut prinsip moral. Integriti moral menilai integriti secara saksama dalam tindakan yang dilakukan sama ada secara persendirian mahupun di awam. Black dan Reynolds (2016) menganggap integriti moral seharusnya timbul daripada komitmen moral dalaman (dalam diri) diterjemahkan dalam tindakan moral dan dipamerkan tingkah laku luaran.

Diri Moral pula merujuk kepada sejauh mana responden mengenal pasti diri mereka dengan nilai moral (Black & Reynolds, 2016). Dalam erti kata lain, darjah persamaan diri mereka dengan nilai moral yang dipegang. Integriti dikekalkan untuk kepentingan orang ramai untuk bermoral. Identiti moral melibatkan cara manusia menentukan personaliti mereka (Bergman, 2002). Apabila mereka melihat diri mereka sebagai insan bermoral, mereka cenderung untuk mentafsir situasi atau isu dengan cara moral dan bertindak sewajarnya (Narvaez et al., 2006). Oleh itu, diri moral melihat aspek keberkaitan diri dengan nilai moral yang dipegang untuk membolehkan individu dapat bertindak secara moral.

Tinjauan melaporkan bahawa kedua-dua dimensi iaitu integriti moral dan diri moral mempunyai perhubungan yang kuat terhadap asas kemoralan. Hal ini kerana integriti dan kendiri dibimbing oleh kemoralan yang dipegang oleh individu dan mengutamakan kemoralan sebagai identiti diri mereka (Black & Reynolds, 2016; Monin & Merritt, 2012). Tambahan pula, kajian terhadap identiti moral remaja menunjukkan bahawa perubahan pegangan identiti moral yang lemah mahupun kuat akan memberi impak kepada penstrukturan pertimbangan moral seseorang. Hal ini kerana remaja mengalami perubahan yang bukan sahaja bersifat biologi ataupun fizikal tetapi peralihan kemoralan kepada tahap yang tinggi untuk menjadi lebih bertanggungjawab terhadap tindakan mereka dan juga kesanggupan untuk menjadi agensi moral untuk diri dan orang lain (Kautsar et al., 2017).

Dalam kajian ini, pengukuran konstruk identiti moral yang menggunakan instrumen MIQ dianalisis secara skor keseluruhan untuk meninjau hubungan dan pengaruh dengan konstruk pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah. Hal ini selaras dengan cadangan Black dan Reynolds (2016) iaitu instrumen MIQ boleh ditinjau secara

keseluruhan mahupun secara individu untuk setiap dimensi dan ia bergantung kepada motif pengukuran sesuatu kajian. Selain itu, kajian Hariwijaya dan Septiana (2020) turut menggunakan instrumen MIQ ini secara keseluruhan untuk meninjau pengaruhnya terhadap tingkah laku menipu. Dengan mengambil kira implikasi daripada kajian lepas, pengukuran konstruk identiti moral secara keseluruhan dalam kajian ini membolehkan pengkaji untuk melihat peranan identiti moral secara menyeluruh dalam meningkatkan kematangan pertimbangan moral dan keberhasilan tingkah laku prososial pelajar.

Dirumuskan bahawa tinjauan literatur menyokong keperluan mengukur identiti moral remaja dengan menggunakan dua dimensi yang penting iaitu integriti moral dan diri moral. Malah kajian lepas juga membuktikan kerelevanan dimensi tersebut kerana kekuatan yang dimiliki antara kedua-dua dimensi ini adalah bersifat timbal balik dan boleh mengukur identiti moral dengan lebih tepat. Walaupun kajian untuk meninjau kebolehpercayaan kedua-dua dimensi ini masih kurang, namun ia mula mendapat sambutan dan semakin kukuh dalam kalangan para sarjana (Black, 2018). Selain itu, kajian lepas juga memberi implikasi kepada kajian kini bahawa instrumen MIQ ini boleh dianalisis secara keseluruhan. Tinjauan ini dapat membantu pengkaji untuk mengesahkan peranan konstruk identiti moral secara menyeluruh dalam mengaitkan pembentukan identiti moral pelajar sekolah menengah. Justeru, kajian ini akan menggunakan instrumen MIQ yang telah dibangunkan oleh Black & Reynolds (2016) untuk mengukur konstruk identiti moral dan menyediakan bukti empirikal terutamanya peninjauan hubungan dan pengaruhnya terhadap pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

2.7.2 Hubungan Identiti Moral dengan Tingkah Laku Prososial

Dari aspek perkembangan moral, identiti moral dianggap sebagai salah satu faktor yang mempunyai kesan pengaruh yang tinggi mahupun positif kepada mana-mana faktor-faktor psikologi moral (afektif, kognitif, psikomotor) (Lapsley, 2015). Tinjauan literatur menunjukkan kajian identiti moral mendapat perhatian yang tinggi sejak sedekad lalu dan identiti moral berperanan sebagai salah satu faktor peramal untuk meninjau sumbangannya terhadap tingkah laku prososial yang rata-ratanya melibatkan golongan kanak-kanak, remaja dan juga belia (Ding et al., 2018; Li et al., 2021; Patrick et al., 2018; Rullo et al., 2021).

Beberapa penyelidik telah menggunakan kelebihan faktor identiti moral untuk menjangka tingkah laku prososial seperti penglibatan aktiviti sivik (Sunil & Verma, 2018), khidmat komuniti (Hudson & Brandenberger, 2023), aktiviti kesukarelawanan (Molchanov et al., 2021), kegiatan kerja amal jariah atau menderma (Reed et al., 2007; Winterich et al., 2013) aktiviti sosial positif (Kaur, 2020) dan hormat-menghormati sesama rakan sekerja (Qin et al., 2017). Kajian-kajian ini telah memperoleh dapatan yang positif dalam menghasilkan individu yang bertanggungjawab dan prihatin kepada sosial dan menjadikan mereka lebih komited dalam bertingkah laku prososial (Kaur, 2020).

Sebagai contoh, kajian Kaur (2020) yang melibatkan golongan remaja dan belia menunjukkan bahawa individu yang mencapai tahap identiti moral yang tinggi lebih bertanggungjawab secara peribadi dan juga kepada sosial. Keadaan ini berlaku kerana individu menunjukkan kualiti atau nilai moral yang dekat atau berkait dengan identitinya, maka mereka berasa bertanggungjawab untuk bertindak mengikut prinsip moral dan juga mempunyai tujuan dalam kehidupannya (Sunil & Verma, 2018). Kualiti moral ini menjadikan mereka lebih berkewajipan untuk menolong orang lain, bersikap altruistik

dan mencuba untuk mencari peluang untuk membantu kepada masyarakat. Oleh itu, komitmen identiti moral yang mendorong untuk berperakuan moral menjadikan golongan muda lebih bertanggungjawab kepada masyarakat, sosial dan juga negara. Dapatan kajian ini juga selaras dengan tanggapan Blasi (1984) yang mempercayai bahawa identiti yang didasari konsep tanggungjawab dan integriti sememangnya menghasilkan tingkah laku yang berpositif. Dalam pada itu, jelaslah bahawa tinjauan kajian-kajian ini menyokong tujuan kajian yang berperanan untuk meninjau peranan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah.

Dari sudut keremajaan pula, terdapat beberapa penyelidik menumpukan keberkesanan faktor identiti moral dalam meramalkan tingkah laku prososial khususnya untuk golongan remaja. Penelitian kajian lepas mendapati remaja yang mempunyai tahap identiti moral yang tinggi lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan (Ding et al., 2018; Hardy et al., 2015; Patrick et al., 2018) dan kurangnya kecenderungan untuk mempamerkan tingkah laku antisosial (Hardy et al., 2015, Patrick et al., 2018; Stets & Carter, 2011). Mascolo dan Fischer (2015) berpendapat bahawa identiti pada waktu keremajaan (berumur 14 hingga 16 tahun) sangat mudah dibentuk dan pada masa yang sama, muda rapuh. Justeru, profil identiti remaja yang dibimbing dengan budaya moral dan juga kewajipan moral menjadikan mereka bertindak selaras dengan norma masyarakat. Saranan Mascolo dan Fischer ini selari dengan teori psikososial Erikson (1994) iaitu remaja yang berpotensi mengatasi krisis kekeliruan identiti dan membentuk identiti yang positif remaja dapat menonjolkan peranan dirinya dengan lebih yakin dalam persekitaran sosial.

Sementara itu, kajian Patrick et al. (2018) terhadap 338 remaja yang sedang menuntut di sekolah melaporkan bahawa terdapat hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial. Dalam kajian ini, identiti moral juga didapati menjadi faktor penting berbanding pertimbangan moral dalam mempengaruhi tingkah laku prososial. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa identiti moral dapat merangsang kecenderungan tingkah laku prososial remaja dari aspek emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam. Dapatan kajian Patrick et al. (2018) menambah lagi sokongan empirikal kepada kajian Blasi (1984 & 1993 & 2004) yang melihat kemoralan adalah penting untuk diri seseorang sebagai motivasi moral dalam menggerakkan diri remaja untuk bertingkah laku moral (Hardy & Carlo, 2011; Hertz & Krettenauer, 2016). Kajian lepas ini mengesyorkan identiti moral dalam diri remaja bukan sahaja menjadi sumber penggalak untuk bertindak prososial dalam situasi emosi mahupun krisis, bahkan kecenderungan prososial dapat diperluaskan tanpa disedari atau tanpa mengharapkan sebarang ganjaran.

Dirumuskan bahawa tinjauan literatur identiti moral secara langsung memberi gambaran kepada keberkesanan dan keberhasilan tingkah laku prososial. Tinjauan ini juga turut disokong dengan kajian metaanalisis yang menunjukkan bahawa terdapat 111 kajian menunjukkan hubungan positif dan juga pengaruh sederhana antara identiti moral dengan tingkah laku moral atau prososial (Hertz & Krettenauer, 2016). Secara teoretikal, penelitian kajian ini mengesyorkan individu yang berjaya memperoleh identiti moral mempunyai kekuatan sendiri yang baik, menjadikan remaja lebih berdikari moral dan mempunyai matlamat hidup yang lebih realistik untuk bertingkah laku prososial. Malah dari sudut pendidikan, hubungan identiti moral dengan aktiviti prososial adalah amat menggalakkan. Hal ini kerana profil dan sikap pelajar sekolah mudah dibentuk menerusi

aktiviti kurikulum dan kokurikulum dengan sokongan identiti moral (Hudson & Brandenberger, 2023).

Namun begitu, tinjauan kajian lepas mendapati kurangnya penyelidikan di Malaysia dalam mengkaji hubungan di antara identiti moral dengan tingkah laku prososial. Jika adapun, kajian tempatan meninjau peranan kesedaran moral (secara tidak langsung merujuk kepada identiti moral) terhadap penyesuaian budaya (Siti Rafiah et al., 2014) ataupun kajian yang berkait pengesahan dan kebolehpercayaan instrumen identiti moral sahaja (Yusoff et al., 2022). Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian di Barat dan serantau Asia dari Indonesia (Septiana, 2017), China (Ding et al., 2018) dan India (Kaur, 2020) membantu pengkaji untuk menilai identiti moral selain dari pelbagai perspektif. Justeru, kajian telah menetapkan hipotesis untuk mengenal pasti pengaruh identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

2.7.3 Hubungan Identiti Moral dengan Pertimbangan Moral

Identiti moral juga merupakan satu faktor yang penting yang berperanan memotivasikan moral kognitif kerana keberkaitan yang tinggi dengan prinsip kemoralan (Hardy & Carlo, 2005). Bagi memastikan tingkah laku moral dapat dihasilkan dengan sebaiknya, pertimbangan moral juga perlu selaras dengan tujuan identiti moral (Haidt, 2001). Bagi mengilhamkan keputusan moral yang dibuat, kesan keputusan yang diambil juga seharusnya menjadi kepentingan kepada seseorang. Perkembangan ini boleh dijelaskan dengan dua persoalan: ‘apakah yang perlu saya lakukan?’ dan ‘mengapa saya perlukan lakukan?’ (Schipper & Koglin, 2021). Kedua-dua persoalan ini dapat dijawab dengan kematangan pertimbangan moral yang dipengaruhi oleh identiti moral.

Dalam pada itu, Hardy dan Carlo, (2011) menyatakan bahawa individu yang mempunyai rasa identiti moral yang kuat cenderung melakukan perkara yang mereka anggap sebagai betul dan membuat keputusan moral yang sewajarnya. Selaras dengan itu, Lapsley (2014) dan Aquino dan Reed (2002) melalui kajiannya menjelaskan bahawa beberapa sifat keperibadian seperti mengambil berat, jujur, baik, penyayang dan mesra yang ada dalam diri individu meningkatkan kemungkinan membuat pertimbangan moral seimbang dengan kemoralan. Situasi ini berlaku kerana nilai-nilai ini diilhamkan sebagai identiti diri mereka dan penghayatan nilai diaplikasikan dalam proses pemikiran mereka juga. Selepas identiti moral mempengaruhi pertimbangan moral, tingkah laku prososial seseorang juga dapat diperkukuhkan dengan kehadiran identiti moral yang kuat.

Dalam pada itu, beberapa kajian lepas (Aquino & Reed, 2002; Ding et al., 2018; Hertz & Krettenauer, 2016; Patrick et al., 2018; Schlenker et al., 2009; Tepe & Karakulak, 2023) menggunakan pendekatan tiga serangkai (identiti, kognitif dan psikomotor) iaitu kajian pengaruh identiti moral terhadap pertimbangan moral turut diikuti dengan tinjauan tingkah laku prososial sebagai produk terakhir. Sebagai contoh, kajian Patrick et al. (2018) telah membuktikan sumbangan identiti moral dalam meramalkan pertimbangan moral dan tingkah laku prososial adalah signifikan. Hal ini kerana dengan identiti moral yang kuat dalam diri remaja, keputusan moral dapat dibuat dengan rasional dan ini mempengaruhi dan menyumbang kepada kesanggupan remaja terlibat dalam pelbagai tingkah laku prososial seperti membantu, altruistik, mengambil berat dan menolong. Dapatan ini mencadangkan bahawa identiti moral bukan sahaja mempengaruhi pertimbangan moral malah tingkah laku prososial juga dapat dimotivasikan. Tinjauan ini amat penting kepada kajian ini kerana ia membantu menambah konsep insan bermoral yang pada asalnya hanya terhad kepada tiga domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor,

tetapi dengan penambahan identiti moral sebagai salah satu domain mampu melengkapkan konsep insan bermoral (Carlo, 2014).

Sementara itu, kajian lepas juga mencadangkan terdapat kesan pengantaraan pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial remaja dengan kewujudan identiti moral yang tinggi dalam remaja (Paramita et al., 2022; Schipper & Koglin, 2021). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Schipper dan Koglin (2021), darjah kekuatan identiti moral sememangnya memberi impak kepada pertimbangan moral dan tingkah laku moral, namun dengan perantaraan pertimbangan moral telah mendorong subjek kajian untuk lebih berprososial dalam tingkah laku mereka. Dapatan kajian ini juga dapat dikaitkan dengan penemuan dalam kajian Ding et al. (2018) dan juga Li et al., (2021) yang menyatakan bahawa identiti moral mempermudah laluan pertimbangan moral untuk berfungsi sebagai pengantara dalam mengukuhkan tingkah laku prososial. Memang tidak dinafikan bahawa remaja yang mempunyai identiti moral yang kuat lebih sensitif terhadap norma dan prinsip tingkah laku prososial (Xu & Ma, 2016). Namun perkaitan yang ketara antara identiti moral dengan tanggungjawab moral mengikat pertimbangan moral secara positif untuk memilih keputusan dan bertindak dengan sebaik-baik mungkin (Schipper & Koglin, 2021). Hal ini kerana remaja yang kuat identiti moral lebih cenderung untuk mempertimbangkan dimensi moral dalam keadaan tertentu untuk memastikan tingkah lakunya seimbang dengan norma masyarakat.

Untuk membantu dan melihat daya pengaruh identiti moral, konsep 'Model Diri' Blasi (1984) mampu menerangkan hubungan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku moral. Kajian Blasi (1984) menunjukkan bahawa sebelum menjurus kepada tingkah laku moral, identiti moral menggalakkan pertimbangan tanggungjawab supaya tindakan bukan sahaja dilihat sebagai bermoral tetapi juga dilihat sebagai satu bertanggungjawab yang

harus dipatuhi oleh individu. Kriteria untuk pertimbangan sedemikian sering berpunca daripada perbezaan individu yang menunjukkan sejauh mana moral adalah pusat atau penting kepada rasa diri seseorang. Apabila identiti seseorang tertumpu pada moral, keinginan untuk hidup dengan cara yang konsisten dengan kemoralan diri boleh berfungsi sebagai kunci motivasi moral. Ringkasnya, Blasi (1984) berpendapat bahawa pertimbangan moral mungkin lebih dipercayai meramalkan tingkah laku moral apabila ditapis melalui pertimbangan bertanggungjawab yang berdasarkan identiti moral seseorang dan mendorong tingkah laku prososial yang seimbang dengan konsistensi diri.

Disimpulkan bahawa tinjauan literatur daripada kajian-kajian lepas membuktikan bahawa wujudnya keberkaitan yang kuat antara identiti moral dengan pertimbangan moral dan dapatan ini secara langsung menyokong penghasilan hipotesis kajian ini. Hal ini selari dengan pandangan Rullo et al., (2021) bahawa perkaitan antara identiti moral dengan pertimbangan moral dan tingkah laku prososial telah dibina secara konsisten sehingga kini. Malah, hasil tinjauan juga menunjukkan bahawa pertimbangan moral mempunyai peranan pengantara dalam mempengaruhi hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial. Justeru, kajian telah menetapkan hipotesis untuk memerihalkan pengaruh identiti moral terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Seterusnya, meninjau peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial.

2.8 Rumusan Tinjauan Kajian Lepas

Berdasarkan kupasan dan perbincangan mengenai dapatan kajian lepas, gambaran mengenai sejauh mana peranan pertimbangan moral dalam mempengaruhi tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah dapat ditinjau. Malah, kelompangan di antara konsep pertimbangan-tingkah laku juga dapat dikenal pasti dengan beberapa

faktor psikologi moral yang mempunyai peranan penting dalam menghasilkan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Justeru, tinjauan literatur telah berjaya mengenal pasti dan membuktikan secara terperinci bahawa faktor identiti moral dan juga emosi moral (kecenderungan rasa bersalah dan malu) mempunyai peranan penting dalam menjangka dan meramalkan daya pengaruh terhadap pertimbangan moral dan tingkah laku prososial. Dalam pada itu, dapatan kajian lepas ini juga membantu pengkaji untuk menentukan fokus kajian dan persoalan kajian serta penetapan hipotesis kajian yang perlu diberikan tumpuan dalam kajian ini.

Sementara itu, dapatan kajian lepas juga membuktikan bahawa peranan pertimbangan moral sebagai pengantara di antara identiti moral dan emosi moral dengan tingkah laku prososial juga dapat ditinjau secara teliti terutamanya dalam konteks perkembangan moral dan perkembangan individu remaja. Menerusi kajian-kajian lepas, adalah menjadi keperluan bagi kajian pertimbangan sebagai pengantara terhadap hubungan antara emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial ini dijalankan dengan memberi perhatian terhadap pelajar yang sedang menuntut di sekolah menengah. Hal ini bersesuaian dengan konteks pendidikan di Malaysia yang menggariskan peranan kemahiran pertimbangan moral kepada pelajar sekolah menengah menerusi kurikulum pendidikan bagi membentuk profil pelajar sekolah menengah yang mempunyai daya berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif selain mampu menangani setiap masalah yang berlaku dengan kompleks dengan keputusan yang beretika. Oleh kerana tingkah laku prososial dilihat sebagai produk terakhir dalam perkembangan moral, maka faktor pertimbangan moral yang dipengaruhi oleh emosi moral dan identiti dapat mengukuhkan kecenderungan dan amalan tingkah laku baik dalam kehidupan seharian pelajar sekolah menengah.

Selain itu, kupasan dan perbincangan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat kelompangan dalam memberi gambaran tentang peranan pertimbangan moral sebagai pengantara di antara emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Hal ini kerana tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa sehingga kini kebanyakan kajian mengenai peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah hanya tertumpu di negara Barat berbanding dengan negara Asia yang masih berada pada peringkat penerokaan dan perkembangan kajian. Walaupun beberapa kajian lepas mengenai pengaruh pertimbangan moral, identiti moral dan emosi moral terhadap tingkah laku prososial telah mula dikaji dan ditinjau secara berasingan di rantau Asia, namun ia masih tidak mencukupi untuk menyokong fokus utama kajian iaitu peranan pengantara pertimbangan moral dalam perhubungan emosi moral, identiti moral dan tingkah laku prososial.

Di Malaysia, antara kajian yang dijalankan memberi tumpuan kepada peranan pertimbangan moral terhadap tingkah laku moral dan prososial (Mohd Zailani et al., 2022; Muhammad Khairulrijal et al., 2020), peranan emosi moral bersalah dan malu dalam kalangan belia Muslim (Perdani, 2019) dan pengaruh emosi moral bersalah dan malu terhadap tindakan agresif reaktif dan proaktif dalam kalangan pelajar sekolah menengah (Naqi Dahamat et al., 2019) dan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi tingkah laku prososial remaja (Kaur et al., 2019). Hanya dua kajian tempatan sahaja yang menekankan fungsi dan peranan pertimbangan moral sebagai pengantara (Mohd Zailani et al., 2022; Nurull Hayati et al., 2020) bersama dengan faktor-faktor sosial dan individu. Namun, kajian peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan di antara emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial telah lama dijalankan di Barat dan tumpuan lebih kepada golongan kanak-kanak, remaja dan juga dewasa secara berasingan.

Hasil kajian lepas juga turut melaporkan bahawa faktor pertimbangan moral, emosi moral, identiti moral dalam mempengaruhi tingkah laku prososial remaja lebih diberi perhatian oleh penyelidik dari negara Barat mahupun di Asia. Misalnya, terdapat beberapa kajian lepas dari negara China memberikan tumpuan kepada pembentukan identiti sendiri moral, emosi moral positif mahupun negatif terhadap pertimbangan moral dan tingkah laku prososial (Ding et al., 2018; Li et al., 2018; Li et al., 2021; Xiao, 2014). Kajian-kajian ini juga telah menunjukkan perhubungan yang kuat antara pemboleh ubah dan banyak menekankan impak kognitif, afektif dan identiti terhadap tingkah laku moral remaja secara menyeluruh dan juga terperinci. Malah, kajian-kajian ini juga menyokong rangkuman emosi, identiti, pertimbangan moral dan tingkah laku moral sebagai satu konsep utama dalam membina insan bermoral.

Walau bagaimanapun, struktur emosi, identiti dan kognitif perkembangan remaja dari negara Barat mahupun di Asia mempunyai perbezaan yang tinggi dari segi gaya budaya kolektivisme, pembentukan perkembangan moral remaja yang bersifat rasional sejak dari kecil lagi dan daya pemupukan identiti yang lebih sinonim dengan pegangan keagamaan ataupun kemoralan universal. Dalam pada itu, kajian pertimbangan moral sebagai pengantara adalah penting dalam memberikan input dan menjadi sumber rujukan kepada Malaysia dan juga negara-negara jiran serta di negara Asia. Hal ini kerana negara-negara membangun seperti Malaysia dan sejiran sudah mula menunjukkan trend peningkatan tingkah laku antisosial dalam kalangan remaja yang semakin parah dan ekstrem dan mula menunjukkan penurunan amalan tingkah laku prososial dalam diri remaja (Harrendorf et al., 2010; Panezai et al., 2020). Lebih-lebih lagi, tinjauan kajian lepas mendapati bahawa penyelesaian masalah remaja yang berkait dengan pertimbangan-tingkah laku masih belum ada penjelasan yang efisien dan efektif untuk golongan remaja.

Berdasarkan kepada kupasan tinjauan literatur, kajian ini akan mengintegrasikan tiga peramal utama terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah iaitu bermula dengan emosi moral, identiti moral dan seterusnya, pertimbangan moral melalui model cadangan yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM). Walaupun hubungan dan pengaruh peramal-peramal tersebut telah diukur dan dibuktikan melalui pelbagai kajian lepas, namun majoriti subjek kajian adalah dari golongan kanak-kanak, remaja, ataupun dewasa yang mempunyai latar belakang perkembangan moral yang lebih universal dan struktur sosiobudaya yang lebih terbuka dan maju berbanding golongan remaja di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan terhadap peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah tanpa mengkhususkan kepada mana-mana etnik atau peringkat umur adalah satu keperluan dan juga kepentingan agar keputusan dapatan kajian lebih signifikan dan dapat digeneralisasikan. Tambahan lagi, sehingga kini masih tiada kajian yang menggabungkan dan mengintegrasikan kesemua peramal (emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial) untuk meninjau kesan dan sumbangan keseluruhan terhadap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Kesan dan sumbangan keseluruhan adalah penting untuk memberi gambaran mengenai kefungsi kajian ini dalam meneliti peranan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah sebagai pengantara.

2.9 Latar Belakang Teori Kajian

Bahagian ini membincangkan teori-teori yang dapat menyokong hubungan antara pemboleh ubah kajian iaitu emosi moral dan identiti moral, diikuti dengan pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah iaitu golongan remaja.

Terdapat tiga teori utama yang menjadi asas rujukan dalam kajian ini iaitu Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994), Teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1984) dan Teori Perkembangan Sosiomoral Gibbs (2019). Teori-teori ini turut berfungsi sebagai panduan kepada pengkaji dalam meninjau kesan dan pengaruh pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan di antara emosi moral, identiti moral dengan tingkah laku prososial.

2.9.1 Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994)

Erik Erikson terkenal dengan Teori Perkembangan Psikososial (1959-1998) dan mengenal pasti lapan tahap perkembangan yang meliputi keseluruhan jangka hayat. Walaupun Erikson telah dilatih dalam bidang psikoanalisis dan dipengaruhi oleh Sigmund Freud (Roazen, 1976), teori perkembangannya berbeza dengan teori Freud dalam pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, teori Erikson telah banyak menjadi sumber rujukan kepada penemuan teori, pendekatan, konsep dan model baharu dalam perkembangan psikososial individu melalui kajian-kajian yang melibatkan kanak-kanak, remaja dan dewasa. Melalui bukunya '*Childhood and Society*' (1994), perkembangan psikososial didefinisikan sebagai suatu proses perkembangan personaliti yang merangkumi perubahan kognitif, emosi, tingkah laku, intelek dan sosialisasi seseorang sepanjang hayat iaitu bermula dari peringkat bayi hingga ke tua. Perubahan yang melibatkan kesan faktor persekitaran dan interaksi antara individu dalam konteks sosial dianggap sebagai perkembangan psikososial.

Erikson (1993) menekankan bahawa ego berkembang sepanjang hayat dan dikawal oleh perancangan asas yang ditentukan secara genetik dan menyebabkan ciri-ciri ego tertentu muncul dalam urutan tetap (Meyer et al., 1994). Erik Erikson menekankan bahawa ego memberi sumbangan positif kepada perkembangan psikososial dengan menguasai sikap,

idea, dan kemahiran pada setiap peringkat perkembangan. Penguasaan ini membantu manusia berkembang menjadi ahli masyarakat yang berjaya. Dalam setiap lapan peringkat Erikson, terdapat konflik psikologi yang mesti berjaya diatasi agar kanak-kanak berkembang menjadi dewasa yang sihat dan menyesuaikan diri dengan baik (Schultz & Schultz, 2016).

Erikson percaya bahawa setiap peringkat perkembangan dicirikan oleh peristiwa dan konflik, tugas-tugas khusus yang memerlukan penyelesaian yang menuntut kanak-kanak, remaja, dan dewasa yang perlu diatasi untuk setiap peringkat umur dan peringkat untuk memperoleh kualiti psikologi (Schultz & Schultz, 2016). Personaliti individu adalah hasil daripada cara mereka menyelesaikan krisis atau konflik psikososial dan kualiti psikologi yang diperolehi atau tidak (Meyer et al., 1994). Krisis tersebut melibatkan anjakan dalam perspektif yang memerlukan individu memfokuskan semula tenaga nalurinya mengikut keperluan setiap tahap kitaran hayat (Schultz & Schultz, 2016). Erikson mencadangkan bahawa individu mengalami konflik pada setiap tahap dan cara penyelesaian konflik tersebut memberi impak yang ketara kepada perkembangan personaliti psikososial (Fitzpatrick, 1976).

Itulah sebabnya fasa perkembangan ini juga dipanggil sebagai krisis perkembangan psikososial dan untuk mengatasi krisis tersebut boleh dilakukan dengan cara yang positif atau negatif. Dalam setiap peringkat, Erikson mempercayai konflik yang dialami dalam kehidupan seseorang berfungsi sebagai titik perubahan dalam perkembangan (Fitzpatrick, 1976). Potensi konflik ini wujud sejak lahir sebagai kecenderungan semula jadi dan ia mula intensif pada pelbagai tahap apabila persekitaran menuntut penyesuaian dan perubahan tertentu. (Schultz & Schultz, 2016). Pada pandangan Erikson, konflik ini

tertumpu sama ada mengembangkan kualiti psikologi berjaya atau gagal. Pada masa ini, potensi untuk perkembangan peribadi adalah tinggi, begitu juga potensi untuk kegagalan.

Menurut Erikson (1978) setiap individu mesti melalui satu siri peralihan sepanjang hidup yang merangkumi lapan tahap. Setiap tahap perkembangan dicirikan dengan perkembangan krisis yang disebutkan oleh Erikson yang timbul daripada interaksi dan pengaruh sosial (Meyer et al., 1994). Keperluan, kemungkinan, jangkaan dan peluang yang muncul dalam setiap tahap menuntut pilihan di antara dua kemungkinan perkembangan yang bertentangan (Meyer et al., 1994). Individu mungkin bertindak balas sama ada secara maladaptif (negatif) atau secara adaptif (positif) terhadap krisis yang dialami (Schultz & Schultz, 2016).

Erikson (1994b) menyatakan bahawa apabila individu telah menyelesaikan setiap konflik pada tahap tertentu, barulah individu tersebut boleh meneruskan urutan perkembangan normalnya dan memperoleh kekuatan untuk menghadapi krisis di tahap seterusnya. Jika konflik pada mana-mana peringkat masih tidak dapat diselesaikan, individu itu berkemungkinan kurang menyesuaikan diri dengan masalah seterusnya dan menyekat perkembangan psikososialnya. Walau bagaimanapun, kemungkinan untuk berjaya menyelesaikan konflik tersebut tinggi, tetapi ia lebih sukar untuk dicapai (Schultz & Schultz, 2016). Jika tidak dapat diselesaikan, kemungkinan besar akan mengalami masalah kecelaruan emosi mahupun identiti (Lapsley, 2016).

Lapan tahap perkembangan psikososial bermula pada peringkat bayi hingga ke dewasa. Kelapan-lapan tahap menggambarkan bahawa setiap individu akan melalui proses krisis psikososial yang bermula dengan krisis kepercayaan vs ketidakpercayaan hingga ke integriti dan kekecewaan. Setiap krisis psikososial ini mempunyai perhubungan dengan

individu di sekitar mereka. Jadual 2.3 merumuskan proses perkembangan psikososial individu dari peringkat bayi hingga ke dewasa yang dicadangkan oleh Erikson (1994).

Jadual 2.1

Tahap Perkembangan Psikososial, Erikson (1959-1998)

Tahap (Bulan/ Umur)	Krisis Psikososial	Hubungan	Peristiwa penting	Resolusi
Tahap 1: (12-18) Bayi	Kepercayaan vs Ketidakpercayaan	Ibu	Menyusu	Harapan
Tahap 2: (18-3) Bayi	Autonomi vs Rasa Malu	Ibu Bapa	Latihan Tandas	Kehendak
Tahap 3: (3-6) Awal Kanak- kanak	Inisiatif vs Rasa Bersalah	Keluarga	Kebebasan	Tujuan
Tahap 4: (6-12) Pertengahan dan akhir kanak- kanak	Industri vs Rendah Diri	Jiran dan Sekolah	Sekolah	Kecekapan
Tahap 5: (12-18) Zaman remaja	Identiti vs Kekeliruan Identiti	Sosialisasi	Hubungan Rakan Sebaya	Kesetiaan
Tahap 6: (20+) Awal dewasa	Keintiman vs Pengasingan	Temam Sahabat	Hubungan Percintaan	Cinta
Tahap 7: (30+ - 50+) Pertengahan dewasa	Generativiti vs Kekakuan	Temam Sekerja dan Kekeluargaan	Keibubapaan/ Pementoran	Menyayangi
Tahap 8: (50+) Akhir dewasa	Integriti vs Kekecewaan	Rakan Setahap	Refleksi dan Penerimaan Kehidupan	Kewibawaan

Sumber: Erikson (1998)

Berdasarkan kepada teori Erikson, dua konsep utama yang ditekankan sebagai awal permulaan zaman kanak-kanak adalah emosi (rasa bersalah dan malu). Menurut Erikson (1978), rasa malu ditimbulkan oleh penelitan luaran iaitu kanak-kanak mula sedar untuk diperhatikan oleh orang lain. Pada peringkat ini, kanak-kanak mula berinteraksi dengan dunia luar dan berusaha untuk memperkukuhkan kawalan dan kesedaran diri yang

memupuk rasa autonomi dalam diri mereka. Jika tingkah laku kanak-kanak tersebut diperkukuhkan oleh persekitarannya, maka mereka mencapai autonomi secara beransur dan tidak takut kehilangan kepercayaan. Walau bagaimanapun, penyelewengan daripada mencapai autonomi boleh mengundang rasa malu yang mengakibatkan tingkah laku berbahaya. Pada tahap ketiga iaitu inisiatif vs rasa bersalah, sekiranya usaha kanak-kanak diberi inisiatif, mereka berkeupayaan dapat memperkukuhkan perkembangan psikososial mereka. Sebaliknya mereka gagal diberi inisiatif atau galakan, ia berkemungkinan menimbulkan rasa bersalah yang mendorong kepada hukuman diri.

Di peringkat kelima pula, Erikson (1994b) menekankan kepentingan identiti dalam zaman keremajaan di mana remaja mula mencari peranan diri mereka dalam masyarakat. Transformasi yang dialami oleh remaja pada tahap ini melibatkan perubahan biologi, emosi, persekitaran dan mula membentuk identiti melalui penyelesaian krisis. Penyelesaian krisis identiti yang berjaya memupuk rasa keunikan dan keselamatan masa depan, membolehkan membuat keputusan yang rasional (Ruiters, 2013). Sebaliknya, kegagalan untuk mewujudkan identiti yang jelas membawa kepada kekeliruan, kekurangan hala tuju, dan kecenderungan kepada tingkah laku antisosial.

Walaupun bagaimanapun, pada hakikatnya, penyelesaian krisis rasa bersalah dan malu yang dijangkakan pada zaman kanak-kanak, sering berterusan sehingga remaja malah sehingga ke dewasa. Malah, ia tidak dapat diatasi dengan sebaik mungkin. Ini dapat dibuktikan melalui kajian lepas yang menunjukkan tahap rasa bersalah dan malu yang tinggi dalam diri remaja menyebabkan mereka menghadapi masalah kawalan kognitif dan juga tingkah laku maladaptif (Blythin et al., 2020; Kernan & Sullins, 2022; Roos et al., 2014). Ditambah pula lagi dengan krisis identiti yang menyukarkan remaja untuk berhadapan dengan cabaran dunia luar (Christiaens et al., 2021; Afful et al., 2021). Memang tidak

dinamakan teori Erikson menyediakan rangka kerja yang komprehensif kepada perkembangan psikososial manusia, ia tidak mempunyai sentuhan khusus untuk memperkukuhkan perkembangan ini. Pengkaji mendapati aspek ini adalah satu jurang teoretikal yang terdapat dalam kajian ini.

Bagi merapatkan jurang ini, para sarjana seperti Lewis (1971) dan Tangney et al. (2007) telah menggunakan konsep rasa bersalah dan malu Erikson sebagai asas untuk emosi kesedaran diri dalam konteks moral. Selaras dengan kawalan sendiri (rasa malu) dan juga kesedaran diri (rasa bersalah) Erikson, konsep rasa bersalah dan malu diberikan sentuhan moral yang memerlukan refleksi sendiri dan kesedaran sendiri. Kerangka model emosi moral ini berfungsi untuk memupuk pematuhan kepada norma masyarakat dan prinsip moral, meningkatkan interaksi dan hubungan sosial (Muris et al., 2018). Selain itu, Blasi (1984) mengintegrasikan kemoralan dalam perkembangan identiti dengan mencadangkan konsep identiti moral melalui Model Diri yang berfungsi sebagai sumber motivasi untuk kognitif dan tingkah laku. Menurut Blasi (1984), apabila individu melihat kemoralan sebagai cerminan identiti diri mereka, diri moral mereka akan menjadi pegangan untuk berfikir dan bertindak laku yang akhirnya mewujudkan identiti moral.

Walau bagaimanapun, tanpa keupayaan moral kognitif yang matang, individu mungkin bergelut untuk mengharungi krisis psikososial (Bartels et al., 2015), terutamanya pada zaman keremajaan yang semakin memuncak dengan masalah rasa bersalah, malu dan identiti. Dalam keadaan ini, pergelutan remaja dengan krisis psikososial ini amat memerlukan peneguhan dari aspek moral kognitif (Garrigan et al., 2018) dan juga galakan tingkah laku moral (Gibbs, 2019). Berdasarkan kepada keupayaan ini, perkembangan moral dalam kalangan remaja dapat digalakkan secara menyeluruh dan seimbang mengikut perkembangan sosial semasa. Dalam konteks ini, Teori Perkembangan Moral

Kognitif Kohlberg (1984) dan Teori Perkembangan Sosiomoral Gibbs (2019) dapat menjelaskan peranan rasa bersalah, malu dan identiti dalam sudut perkembangan moral dan menangani jurang teoretikal yang wujud dalam teori Erikson.

2.9.2 Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984)

Teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1958, 1964, 1969, 1976, 1981 & 1984) atau dikenali sebagai teori perkembangan pertimbangan moral adalah teori perkembangan moral yang diperkenalkan oleh Lawrence Kohlberg (1958) dan telah mengembangkan sehingga tahun 1984. Intipati teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg menjurus kepada aspek psikologi moral khususnya perkembangan pertimbangan moral dalam membentuk amalan tingkah laku moral melalui proses perkembangan moral kognitif dari satu peringkat prakonvensional ke peringkat konvensional dan pascakonvensional. Teori ini cukup dikenali dan amat popular dalam bidang perkembangan moral yang menjadi asas kepada kewujudan pelbagai teori baharu.

Menurut Crain (1985), Kohlberg adalah anak murid Piaget yang telah menunjukkan minat yang tinggi dalam hasil kerja Piaget (1932) dan mula mengembangkan teori perkembangan moral Piaget melangkaui dua tahap. Teori dua tahap perkembangan moral Piaget (1932) telah memberi inspirasi kepada Kohlberg untuk menyiasat dan meneliti perkembangan moral kanak-kanak dan remaja dari pelbagai peringkat umur untuk membuat pertimbangan moral mengenai dilema-dilema moral. Kohlberg sangat dipengaruhi oleh hasil kerja Piaget dan membangunkan teorinya sendiri yang bukan sahaja hasil pengubahsuaian dari teori perkembangan moral Piaget (1932), bahkan juga pandangan dari beberapa ahli falsafah moral seperti Rawls dan Dewey yang menekankan keadilan sebagai prinsip asas perkembangan moral.

Oleh kerana pengaruh Piaget yang kuat terhadap pemikiran teori Kohlberg, terdapat beberapa ciri-ciri asas *Piagetian* tertentu mendasari dan digabungkan dalam hasil kerja Kohlberg (Peens & Louw, 2000). Ini termasuk ciri-ciri seperti berikut:

1. Kohlberg (1976, 1981) menyatakan bahawa peringkat perkembangan moral beliau bukannya produk daripada kematangan atau sosialisasi. Dalam erti kata lain, struktur tahap dan susunannya tidak berdasarkan faktor genetik mahupun pengaruh daripada ibu bapa ataupun guru. Sebaliknya, tahap-tahap terwujud berdasarkan hasil pemikiran bebas individu itu sendiri mengenai isu-isu moral.
2. Pendedahan kepada jenis persekitaran sosiobudaya dan hubungan sosial memberi kesan kepada perkembangan autonomi dalam pertimbangan moral seseorang (Piaget 1932; Walker & Taylor, 1991). Persekitaran yang menggalakkan kerjasama, saling menghormati, perpaduan antara kumpulan, kesaksamaan dan demokrasi akan memupuk perkembangan autonomi moral. Persekitaran yang menggalakkan rasa hormat unilateral, autoriti sebagai orang dewasa dan undang-undang dan peraturan tradisional akan menyekat perkembangan pertimbangan autonomi moral seseorang. Semakin kurang tekanan untuk mematuhi peraturan pihak berkuasa, semakin tinggi untuk mereka menyelesaikan perselisihan diri mereka sendiri dan mengembangkan idea mereka sendiri.
3. Menurut Crain (1985) dan Colby dan Kohlberg (1987), enam tahap Kohlberg mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh Piaget kerana:
 - a) Menggambarkan perbezaan kualitatif dalam struktur, atau cara berfikir pada setiap peringkat, walaupun mempunyai fungsi asas yang sama. Sebagai contoh, pertimbangan moral seseorang berbeza pada peringkat kualitatif dan tahap tertentu.

- b) Setiap satu tahap membentuk struktur moral yang menyeluruh dengan mengambil kira bahawa pada tahap berstruktur ini wujudnya pelbagai pola pemikiran umum yang konsisten yang merentasi pelbagai isu.
 - c) Setiap tahap membentuk susunan yang tidak bervariasi dan bersifat sejagat. Seseorang individu beralih dari satu tahap ke satu tahap melalui peringkat tanpa melangkaui atau bergerak dalam urutan yang tidak tersusun.
 - d) Setiap peringkat dan tahap mempunyai pengintegrasian hierarki iaitu pada tahap yang tinggi diintegrasikan dengan struktur yang terdapat pada tahap yang rendah. Seseorang individu tidak kehilangan celik moral yang diperoleh pada awal tahap, sebaliknya individu menyepadukan dalam kerangka pemikiran yang lebih luas.
4. Menurut Santrock (2016) dan Newman dan Newman (2017), Kohlberg dan Piaget melihat orientasi moral kanak-kanak dan remaja sebagai hasil daripada perkembangan kognitif melalui interaksi antara konstruktivisme kreatif dan pengalaman sosial. Semasa kanak-kanak dan remaja berinteraksi dengan warga sosial, mereka aktif membina dan menyusun semula pemikiran untuk memahami isu tersebut dan mengatur secara kognitif.

Gabungan ciri-ciri asas ini dapat dilihat dalam tesis kedoktoran Kohlberg (1958). Beliau telah menjelaskan dan mengesahkan teori barunya melalui kajian longitudinal dan memperkenalkan teori perkembangan moral kognitif yang universal. Melalui kajian yang ekstensif, Kohlberg mengenal pasti dan mengesahkan peringkat dan perbezaan tahap pertimbangan moral melalui dua kajian. Pertama, kajian yang dijalankan lebih 20 tahun melibatkan remaja lelaki berumur 10 hingga 16 tahun di Amerika Syarikat. Mereka telah ditemu bual semula selepas selang tiga tahun. Kedua, kajian longitudinal yang melibatkan remaja lelaki dari kawasan bandar dan luar bandar di Turki. Berdasarkan kepada kajian ini, tuntutan kesejagatan dalam urutan peringkat perkembangan moral disokong oleh

pelbagai penemuan dari kajian rentas budaya dan longitudinal. Malah, Gilligan (2016) telah menyatakan bahawa kecuali perempuan, teori Kohlberg adalah satu teori yang bersifat universal dan mempunyai kecenderungan yang tinggi merentasi budaya.

Bagi Kohlberg (1978), semua individu dari pelbagai lapisan budaya dan masyarakat menggunakan tiga kategori, konsep dan prinsip asas moral yang sama dan melalui susunan atau urutan tahap perkembangan moral yang sama. Kohlberg telah membuat tuntutan tersebut berdasarkan penemuan empirikal yang dikumpulkannya daripada penyelidikan dijalankan dalam kalangan remaja dari pelbagai latar budaya yang berbeza termasuk dari Amerika Syarikat, Taiwan, Turki dan Mexico (Balakrishnan, 2009). Berdasarkan respons yang diterima dari beberapa siri dilema moral hipotetikal, Kohlberg (1958, 1984) telah memperkenalkan tiga peringkat perkembangan moral kognitif yang terbahagi kepada enam tahap pertimbangan moral dan setiap satu tahap lebih maju dari sudut sosiomoral (Jadual 2.1).

Jadual 2.2

Peringkat dan Tahap Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1976)

<p>Peringkat Prakonvensional</p> <p>Individu bertindak untuk mengekalkan perspektif dengan melihat peraturan dan jangkaan sosial sebagai luaran kepada diri sendiri. Individu dalam peringkat ini masih belum memahami dan menegakkan norma dan harapan moral yang dikongsi bersama.</p>	<p>Tahap 1: Orientasi Kemoralan Hukuman dan Kepatuhan dan Heteronomi</p> <p>Pada tahap ini, individu memberi tumpuan kepada kesan langsung daripada tindakan mereka terhadap diri mereka sendiri. Baik dan buruk adalah berdasarkan kesan fizikal dan tindakan yang didorong oleh pengelakan dari hukuman peraturan dan jangkaan sosial tetapi bukan berdasarkan kebimbangan mereka. Dalam hal ini, pertimbangan moral dianggap sebagai jelas dan hanya memerlukan sedikit atau tiada justifikasi melebihi apa yang ditugaskan kepada mereka berdasarkan pelabelan atau peraturan. Oleh itu, peraturan moral digunakan secara literal dan mutlak. Malah, peraturan ini dilihat telah diperturunkan oleh pihak berkuasa (seperti tuhan, ibu bapa atau guru) dan maka ia mesti dipatuhi tanpa ragu-ragu. Individu dalam tahap ini masih bersifat egosentrik dan tidak dapat mempertimbangkan kepentingan orang lain kerana mereka tidak dapat menyedari bahawa pandangan orang lain mungkin berbeza dengan pandangan mereka. Oleh itu mereka tidak dapat berhubung dengan dua (atau lebih) sudut pandangan yang berbeza.</p>
	<p>Tahap 2: Orientasi Kemoralan Timbal Balik/ Instrumental Relativis dan Pertukaran</p> <p>Tahap ini dicirikan oleh perkembangan perspektif yang lebih relativistik dan praktikal. Kesedaran mula berkembang apabila setiap orang mempunyai kepentingan masing-masing untuk diteruskan dan kepentingan ini mungkin bercanggah pada suatu masa. Individu mula memahami bahawa orang yang berbeza boleh mempunyai justifikasi yang berbeza namun harus sah di sisi keadilan. Pada tahap ini, wujud kesedaran bahawa terdapat pelbagai perspektif mengenai sesuatu isu, serta menghormati kewajaran moral untuk mengejar kepentingan sendiri. Baik dan buruk berdasarkan kepentingan memenuhi keperluan dan keinginan sendiri di samping meminimumkan kesan negatif untuk diri sendiri. Akibatnya, pertukaran interaksi sentiasa dijalankan berdasarkan ‘saya bantu kamu jika kamu bantu untuk saya’. Hukuman juga dielakkan seseorang secara semula jadi. Penekanan diberikan untuk interaksi yang membawa faedah bersama, bukannya mengejar kepentingan sendiri dengan merugikan orang lain yang boleh mengakibatkan hukuman. Individu pada tahap ini masih melihat dirinya penting dan bukan sebagai ahli masyarakat kerana belum menghayati nilai dan norma masyarakat.</p>

<p>Peringkat Konvensional</p> <p>Pada peringkat ini, individu telah mengenal pasti untuk menghayati peraturan dan jangkauan orang lain, terutamanya pihak berkuasa. Individu mula berfikir tentang isu moral dari perspektif ahli masyarakat. Mereka dapat memahami jangkauan dan persepsi yang dikongsi secara sosial tentang norma moral yang mereka kenal pasti secara peribadi dalam isu moral</p>	<p>Tahap 3: Orientasi Kemoralan Persetujuan antara Individu, Interpersonal Bersama dan Normatif</p> <p>Pada tahap ini, penekanan beralih ke arah pemahaman bahawa hubungan saling mempercayai wujud antara manusia. Ini dimanifestasikan dalam satu set norma moral yang dikongsi secara tidak formal untuk terus hidup. Asas norma yang dikongsi ini adalah jangkauan untuk menjadi baik, altruistik dan bertindak prososial untuk mengekalkan kebolehpercayaan. Dengan mematuhi jangkauan ini, seseorang individu boleh mencapai dan mengekalkan kepercayaan interpersonal dan pertimbangan sosial. Pada tahap ini, motif dan niat diiktiraf sebagai penting dalam pertimbangan moral. Adalah dianggap penting untuk mengikuti petua penting iaitu 'berbuat baik untuk orang lain seperti mana yang anda mahu orang lain berbuat baik untuk anda'. Pada tahap ini, keadilan dinilai dengan merujuk kepada norma yang dikongsi bersama atau kepada motif yang menunjukkan tingkah laku yang baik/buruk atau layak dan bukannya merujuk kepada keperluan atau minat individu.</p>
	<p>Tahap 4: Orientasi Kemoralan Undang-Undang dan Peraturan, Sistem Sosial dan Hati Nurani</p> <p>Pada tahap ini, individu mengamalkan perspektif umum masyarakat. Perspektif ini berdasarkan tanggapan bahawa sistem sosial terdiri daripada satu set peraturan dan prosedur yang konsisten yang terpakai sama rata kepada semua ahli masyarakat. Mengejar kepentingan individu hanya dianggap sah apabila ia konsisten dengan pengekalan keseluruhan sistem sosial. Penekanan selanjutnya diberikan kepada mematuhi undang-undang, menghormati pihak berkuasa dan melaksanakan kewajipan supaya ketenteraman sosial terpelihara. Norma yang dikongsi secara tidak formal pada tahap 3 diformalkan di tahap ini untuk mengekalkan kesaksamaan atau objektiviti dan konsistensi dalam struktur sosial. Struktur sosial yang formal dan konsisten dilihat mampu mengantara kepentingan yang bercanggah dan mempromosikan kebaikan bersama. Pada tahap ini, pertimbangan moral biasanya di buat dengan merujuk kepada idea/nilai yang terkandung dalam, atau disebarkan oleh, sistem sosial, agama atau institusi yang formal. Adalah dianggap penting untuk menyumbang kepada masyarakat dan menghormati peraturannya supaya sistem tersebut dapat berfungsi secara menyeluruh dan mencegah sebarang permasalahan.</p>

<p>Peringkat Pascakonvensional</p> <p>Pada peringkat ini, individu cenderung untuk membezakan diri mereka daripada peraturan dan jangkakan orang lain. Mereka mentakrifkan nilai moral dari segi prinsip yang mereka pilih sendiri dan membezakan antara peraturan dan prinsip. Walaupun individu memahami dan menerima peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat, namun penerimaan individu tersebut berdasarkan pembentukan dan prinsip asas peraturan tersebut. Sekiranya berlaku konflik sosial, individu di peringkat ini boleh dikatakan membuat keputusan berdasarkan prinsip moral. Individu melihat masyarakat dari perspektif luar dan membina tingkah laku mereka berdasarkan prinsip yang harus dipegang oleh masyarakat.</p>	<p>Tahap 5: Orientasi Kemoralan Sosial, Hak Asasi Manusia, Kontrak Sosial dan Kebajikan Sosial</p> <p>Individu sebagai agen moral yang rasional dan sedar tentang hak dan nilai sejagat untuk membina masyarakat yang bermoral. Kesahihan undang-undang dan sistem sosial dinilai dari segi sejauh mana ia melindungi dan memenuhi hak asasi manusia dan nilai. Sistem sosial dilihat sebagai ideal apabila kontrak atau perjanjian dibuat secara bebas oleh setiap individu yang bersetuju untuk memelihara hak dan kebajikan sosial. Pada tahap ini, perspektif lebih kepada membina masyarakat bermoral berbanding mengekalkan. Dalam hal ini, individu pada tahap 5 mula memikirkan tentang masyarakat secara menyeluruh dan mempertimbangkan hak dan nilai yang harus diamalkan oleh masyarakat tersebut. Individu mula berfikir secara bebas tentang perkara yang patut dihargai oleh sesebuah masyarakat dari segi hak asasi manusia dan kebajikan sosial. Individu pada tahap ini sedar bahawa manusia mempunyai pelbagai nilai dan pendapat. Beberapa nilai seperti nilai kehidupan dan kepentingan kebebasan dianggap penting untuk ditegakkan dalam sesebuah masyarakat. Individu pada tahap ini berasa bertanggungjawab terhadap undang-undang kerana atas kontrak sosial adalah penting bagi mereka.</p> <hr/> <p>Tahap 6: Orientasi Kemoralan Prinsip Etika Sejagat</p> <p>Pada Tahap ini, individu mengamalkan pendirian moral. Ini adalah sikap yang ideal dan semua individu harus mempunyai pandangan yang bebas, saksama dan berautonomi. Penyelesaian konflik pada tahap ini perlu mengambil kira tuntutan atau perspektif semua pihak yang terlibat dalam konflik. Dalam memahami pandangan orang lain, empati terhadap tuntutan individu itu tercapai. Melalui pengambilan peranan preskriptif, keadilan, kesaksamaan dan keterbalikan peranan dapat dipupuk. Menghormati orang lain sebagai tujuan dalam diri mereka sendiri dan bukan semata-mata untuk mencapai nilai kemasyarakatan yang lain menjadi penekanan penting dalam pertimbangan tahap 6. Tahap ini berorientasi dengan proses mencapai perjanjian atau kontrak, serta prosedur keadilan yang menyokong perjanjian ini. Pertimbangan pada tahap ini mesti berdasarkan penghormatan terhadap maruah dan nilai semua orang. Jika undang-undang memudaratkan sesetengah pihak tetapi memberi manfaat kepada orang lain, ia tidak dianggap sebagai undang-undang yang adil dan saksama.</p>
---	---

Sumber: Kohlberg (1984); Peen dan Louw (2000)

Seperti yang dijelaskan dalam Jadual 2.1, Kohlberg mencadangkan tahap perkembangan moral yang hierarki, supaya setiap satu tahap didasari oleh respons dan pertimbangan yang unik berbanding yang sebelumnya (Kohlberg, 1984). Menurut Krebs dan Denton (2005), Kohlberg menegaskan bahawa manusia menginterpretasi kesemua informasi moral yang diproses berdasarkan struktur pertimbangan moral yang menjelaskan tahap perkembangan moral mereka yang terkini. Kohlberg juga menegaskan bahawa tahap dan peringkat dalam teorinya bukan bersifat tingkah laku preskriptif iaitu setiap tahap ditakrifkan oleh bentuk pertimbangan moral yang diterima pakai oleh seseorang individu dan bukannya berdasarkan intipati atau keputusan khusus yang dicapai oleh individu itu (Lim, 2017). Bagi menjelaskan pandangan ini, Bandura (1991a, 1991b) juga bersetuju bahawa tahap-tahap yang dibentuk oleh Kohlberg mempunyai proses perkembangan yang jelas dan menentukan alasan yang rasional untuk tingkah laku yang berpotensi.

Kohlberg (1958) menegaskan bahawa pertimbangan moral manusia timbul daripada pendirian deontik atau pertimbangan preskriptif yang bersifat kewajipan dan kepentingan hak dan pertimbangan moral kebiasaannya dibimbing oleh salah satu daripada empat orientasi; pertama, kesaksamaan dalam mematuhi peraturan dan peranan normatif; kedua, utilitarianisme yang berfungsi memaksimumkan kebajikan seseorang dalam situasi moral; ketiga, pandangan idealistik dalam mencari keharmonian dan integrasi dalam kumpulan sosial; terakhir, pengekalan keadilan dan kesaksamaan, perspektif yang seimbang, ekuiti dan kontrak sosial (Colby et al., 1983). Bagi Kohlberg, falsafah moral bukan sahaja membimbing perkembangan moral, bahkan ia membimbing peranan yang penting iaitu pertimbangan moral dalam mencapai tingkah laku moral dalam kehidupan seharian. Bagi Kohlberg, kemoralan merangkumi pemikiran, emosi dan tingkah laku, namun pertimbangan moral yang menentukan dan memberikan tingkah laku tersebut kualiti moral (Gielen, 1991).

Walaupun teori Kohlberg ini berkembang luas dan disokong secara empirikal dalam bidang psikologi moral (Jambon & Smetana, 2014), namun teori ini menerima pelbagai kritikan dan menyeru untuk pendekatan baru. Beberapa sarjana mengkritik bahawa Kohlberg lebih mengutamakan perspektif maskulin (Gilligan, 2016) dan juga wujud beberapa persoalan sama ada tahap perkembangan moral yang tinggi adalah universal budaya atau tidak (Snarey, 1985). Malah terdapat kritikan bahawa kurangnya korelasi antara kematangan moral dan tingkah laku moral (Krebs & Denton, 2005). Di samping itu, pengkritik juga telah membuktikan bahawa wujudnya jurang antara pertimbangan moral dan tingkah laku moral (*'judgement-action gap'*) dan turut dibuktikan melalui beberapa kajian empirikal (Blasi, 1984; Hardy & Carlo, 2005; Ovcharova, 2019; Walker, 2004).

Selain itu, kajian Kohlberg lebih mengutamakan moral kognitif sebagai produk akhir, padahal dalam kehidupan sebenar tingkah laku moral adalah produk akhir (Krebs dan Denton, 2005) dan pertimbangan moral bukan menjelaskan tingkah laku sepenuhnya (Blasi, 1983). Malah, Garrigan et al., (2018) menolak perspektif moral kognitif sebagai hasil terakhir perkembangan moral dan menegaskan bahawa perkembangan moral lengkap apabila ia dapat ditonjolkan dan dinilai melalui tingkah laku moral. Batasan dalam teori Kohlberg ini menunjukkan bahawa wujudnya jurang teoretikal dalam memahami interaksi dinamik antara proses kognitif dan tingkah laku moral.

Dalam pada itu, teori Gibbs (2019) memainkan peranan penting dalam mengembangkan bidang perkembangan moral kepada pendekatan *'coprimacy'* iaitu keutamaan dua konsep dan memfokuskan tingkah laku moral sebagai titik akhir. Walaupun Kohlberg memberi tumpuan terutamanya pada aspek kognitif pertimbangan moral, Gibbs memperluaskan perspektif ini dengan menonjolkan faktor psikologi moral yang lain dalam mempengaruhi

perkembangan moral (Garrigan et al., 2018). Malah, teori Perkembangan Sosiomoral Gibbs (2019) turut menekankan bahawa faktor afektif seperti empati, simpati dan rasa bersalah dalam membimbing tingkah laku prososial. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Gibbs (2019) lebih mengutamakan keberkesanan pertimbangan moral terhadap tingkah laku moral dan mementingkan perbezaan individu dalam pertimbangan moral yang mempunyai keberkaitan dengan tingkah laku prososial mahupun antisosial. Dalam pada itu, tinjauan teoretikal ini menunjukkan bahawa perkembangan moral bukannya didasari oleh moral kognitif semata, malah ia turut memerlukan faktor psikologi moral dalam melengkapi perkembangan moral dan hasil pelengkapan tersebut dan diperlihatkan melalui tingkah laku prososial yang ditekankan melalui teori Gibbs (2019).

2.9.3 Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019)

Kemunculan Teori Perkembangan Sosiomoral Gibbs (2003, 2010, 2014, 2019) adalah ilham dari Teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg. John Gibbs telah berkolaborasi dengan Kohlberg dalam pelbagai projek penyelidikan yang melibatkan pembentukan konsep dan pengukuran pertimbangan moral terutamanya dalam kajian longitudinal pertimbangan moral Kohlberg (Colby et al., 1983). Cetusan teori Gibbs adalah berdasarkan kepada kritikan dan juga komen penambahbaikan yang perlu dibuat dari teori Kohlberg.

Konsep yang paling penting dalam teori Gibbs (2019) adalah pengutamaan tingkah laku prososial sebagai keberhasilan perkembangan moral secara menyeluruh yang melibatkan faktor sosioemosi dan faktor pemotivasi moral lain. Perkara ini berperanan melengkapi jurang yang wujud dalam teori Kohlberg seperti mana yang ditekankan oleh Blasi (1984) iaitu jurang *judgement-action gap*. Dalam pada itu, pendekatan Gibbs ini telah mewujudkan konsep '*Neo-Kohlbergian theories*' dan juga model-model baru hasil

tinjauan dan penyemakan semula teori Kohlberg iaitu '*Kohlberg's Revisionist Models*' (Krebs & Denton, 2005).

Seperti mana Kohlberg telah menggunakan pemikiran Piaget dalam pembentukan teorinya, Gibbs juga telah mengambil teori Kohlberg sebagai dasar untuk pembentukan teorinya. Walaupun Gibbs (2019) memuji dan mengagumi hasil kerja dan teori Kohlberg, Gibbs mendakwa bahawa tinjauan perlu dibuat untuk memperbetulkan beberapa konsep yang melencong keluar dari konsep asas pertimbangan moral yang diperkenalkan oleh Kohlberg dan menambahbaik prinsip kemoralan dengan merujuk semula kepada Piaget dan berpandukan kepada tingkah laku prososial sebagai produk terakhir.

Gibbs (2019) percaya bahawa teori perkembangan moral memerlukan asas kemoralan yang kuat dan perkembangan moral seharusnya berkembang ke arah kemoralan yang lebih matang dan menyeluruh. Pada asasnya, Gibbs telah merujuk pendekatan dan teori Piaget untuk meninjau dan mendalami penerangan dan mekanisme yang berkaitan dengan perkembangan berbanding Kohlberg (Boom, 2011). Gibbs (2006) mempertikaikan bahawa Kohlberg tidak sepatutnya mengekalkan konsep tipologi tiga peringkat yang diambil dari Dewey terutamanya memandangkan cabaran yang tinggi terhadap konsep tipologi tersebut yang jelas dilihat dalam kajian longitudinal dan rentas budaya Kohlberg. Gibbs (2019) juga menambah bahawa data kajian longitudinal Kohlberg sesuai dan selaras dengan kerja empirikal Piaget, malah jauh lebih baik daripada tipologi tiga peringkat Dewey.

Peringkat konvensional dalam teori Kohlberg telah dilanjutkan oleh Kohlberg sendiri dengan memanjangkan kepada peringkat pascakonvensional dan ini menyukarkan seseorang individu yang bermoral untuk mencapai tahap tersebut (Gibbs, 2019). Gibbs

berpendapat bahawa peringkat pascakonvensional (tahap 5 dan 6) tidak mudah dicapai oleh golongan remaja kerana peringkat tersebut memerlukan pendedahan yang tinggi iaitu golongan mahasiswa atau golongan berpendidikan tinggi dari universiti atau individu yang pendedahan tinggi kepada kemoralan universal secara meluas. Gibbs (2019) menegaskan bahawa remaja yang dinilai dengan soalan-soalan yang melibatkan tahap pascakonvensional adalah amat sukar dan tidak mudah untuk dicapai.

Bagi menggantikan konsep tipologi tiga peringkat Dewey dan Kohlberg dan memudahkan penilaian pertimbangan moral terhadap remaja, Gibbs (2019) telah mencadangkan model perkembangan pertimbangan moral jangka hidup yang boleh dibahagikan kepada dua fasa yang lebih spesifik. Pertimbangan moral jangka hidup bermula dengan perkembangan moral yang standard, diikuti dengan perkembangan eksistensial dan memastikan kedua-dua fasa perkembangan ini adalah ke arah keberhasilan tingkah laku prososial yang dikehendaki oleh masyarakat dan moral.

Justeru, Gibbs (2019) mencadangkan bahawa pertimbangan moral standard bermula dengan fasa tidak matang yang mengandungi dua tahap (tahap 1: tumpuan yang lebih terhadap ciri-ciri yang penting; tahap 2: pragmatik dan pertukaran instrumental). Pertimbangan moral yang standard melibatkan urutan invarian yang berkembang selaras dengan peningkatan umur. Jika dibandingkan dengan teori Kohlberg, dua tahap pertama Gibbs ini mengandungi empat tahap pertama Kohlberg. Fasa seterusnya ialah perkembangan eksistensial yang menggalakkan remaja untuk berkembang dan beralih ke fasa matang yang juga merangkumi dua tahap (tahap 3: timbal balik atau kesalingan moral yang ideal; tahap 4: sistem sosial). Dalam fasa ini merangkumi tahap 5 dan 6 Kohlberg yang dipermudahkan oleh Gibbs. Jadual 2.2 merumuskan empat tahap perkembangan pertimbangan sosiomoral yang dijelaskan dalam Teori Sosiomoral Gibbs (2019).

Jadual 2.3

Tahap perkembangan sosiomoral Gibbs (2019)

Fasa perkembangan moral standard (tidak matang)	Tahap 1	Orientasi yang bersifat unilateral dan fizikalistik - Justifikasi moral adalah berdasarkan kepada satu pihak yang berkuasa dan peraturan yang didasari oleh hukuman akibat pelanggaran peraturan.
	Tahap 2	Orientasi yang bersifat pertukaran dan instrumental - Justifikasi moral adalah berdasarkan kepada pemahaman yang timbul daripada interaksi sosial dengan orang lain. Sebagai contoh; keputusan untuk membantu orang lain dijustifikasikan kerana individu tersebut berharap orang lain akan bantu mereka kelak. Pertimbangan kekal cetek dan tiada dorongan tingkah laku prososial.
Fasa perkembangan moral eksistensial (Matang)	Tahap 3	Orientasi yang bersifat saling bergantung secara bersama dan prososial - justifikasi moral bersifat keupayaan untuk mempertimbangkan pelbagai aspek dalam sesuatu keadaan dan ia berdasarkan kefahaman prososial yang ada dimensi emosi (contoh: empati, baik hati, kelakuan yang baik)
	Tahap 4	Orientasi yang bersifat sistematik dan menepati piawaian masyarakat - Kematangan lanjut dinilai melalui perkembangan kefahaman terhadap struktur sosial yang kompleks dan faham tentang peranannya. Justifikasi juga bersifat konstruk seperti mengetahui dan memahami hak, nilai dan perwatakan dalam masyarakat. Justifikasi lain juga mungkin berdasarkan kepada keadilan sosial, tanggungjawab dan hati nurani serta meluaskan tingkah laku prososial ke peringkat lebih tinggi.

Sumber: Gibbs (2019)

Pada fasa tidak matang, dua tahap tersebut dicirikan oleh kedangkalan kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan dan dinyatakan sebagai tidak matang (Gibbs, 2019). Gibbs menggunakan konsep dari hasil kerja Piaget mengenai perkembangan kognitif untuk mencirikan pemikiran kanak-kanak dengan menggunakan domain kognitif dan sosial dan memperbaiki kekurangan yang wujud dalam pemikiran tersebut. Lazimnya, kanak-kanak bersifat pentingkan diri sendiri dan terlalu memerhatikan perkara yang menarik perhatian mereka, begitu juga penumpuan terhadap rangsangan dan mengutamakan sifat egosentrik. Gibbs (2019) mengakui bahawa egosentrisme tidak menggambarkan

kekurangan pengambilan perspektif, sebaliknya egosentrisme melibatkan kecenderungan untuk memesongkan perspektif orang lain berdasarkan ingatan dan pengalaman kanak-kanak itu sendiri. Selain itu, Gibbs (2019) turut menekankan bahawa individu yang berada pada fasa ini tidak dapat menonjolkan ciri-ciri prososial dalam tingkah laku mereka kerana mereka masih lagi diselubungi sifat individualistik dalam menentukan keputusan dan tingkah laku mereka.

Bagi fasa matang pula, dua tahap Gibbs (2019) dicirikan oleh pertimbangan yang mendalam untuk golongan remaja dan ke atas. Bagi kedua-dua tahap ini, Gibbs (2019) bergantung kepada konsep Piaget berbanding Kohlberg. Menurut Gibbs, teras pemikiran yang lebih matang adalah pengiktirafan yang ideal dalam saling mempercayai dan menghormati antara satu sama lain, mengambil berat dan beberapa nilai kesedaran dari sudut pandangan moral dan mula mengutamakan orang lain melalui tingkah laku prososial mereka. Pada tahap 3 hubungan interpersonal diperkukuhkan dan pada tahap 4 pula memperkasakan sistem sosial. Tahap-tahap ini juga tidak lagi mendasari kedangkalan dan melepasi fasa tidak matang. Hal ini kerana, pada fasa matang merangkumi penilaian yang hipotetikal, refleksi meta-etika dan kebangkitan rohani yang boleh muncul seawal remaja, tetapi mungkin tidak muncul dalam diri semua remaja. Di peringkat matang ini, golongan remaja seharusnya sudah mula menunjukkan ciri-ciri tingkah laku yang berprososial. Apabila berkembang ke peringkat seterusnya, tingkah laku prososial kerap diutamakan dalam keputusan dan tingkah laku mereka.

Dalam kajian ini, teori Perkembangan Sosiomoral Gibbs (2019) menyediakan rangka kerja yang bernilai untuk memahami interaksi pertimbangan moral dalam mempengaruhi perkembangan kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Melalui pengintegrasian aspek emosi, identiti dan kognitif, teori Gibbs melengkapkan penekanan

Erikson (1994) dan Kohlberg (1984) dengan mengutamakan tingkah laku prososial sebagai produk akhir perkembangan moral pelajar sekolah menengah. Menurut Garrigan et al. (2018), remaja yang memiliki keseimbangan domain-domain ini lebih cenderung untuk mempamerkan tingkah laku yang mencerminkan perkembangan moral mereka dan mampu berhadapan dengan dunia luar. Apabila pertimbangan moral pelajar didorong oleh emosi moral dan identiti moral yang seimbang, ia bukan sahaja menghasilkan tingkah laku prososial tetapi ia turut memperjelaskan kepentingan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam kajian ini. Dengan mengintegrasikan teori Gibbs dalam kerangka konseptual kajian, pengkaji dapat meninjau dan menganalisis lebih mendalam tentang kedinamikan perkembangan moral yang kompleks dan implikasinya terhadap tingkah laku prososial dan kesejahteraan pelajar.

Berdasarkan tinjauan teoretikal di atas dapat dirumuskan bahawa pendekatan yang diperkenalkan oleh Gibbs (2019) lebih mengutamakan keberkesanan pertimbangan moral melalui tingkah laku prososial yang menjurus kepada pelengkapan perkembangan moral. Malah, empat tahap yang dicadangkan oleh Gibbs mempunyai kesesuaian yang tinggi untuk digunakan dalam penilaian dan pengukuran pertimbangan moral dalam kalangan remaja. Bergman (2004) dan Langdon et al., (2010) bersetuju dengan cadangan empat tahap yang dipermudahkan dari enam tahap Kohlberg kerana ia lebih bersifat praktikal dan realistik untuk melihat kemajuan perkembangan moral remaja. Walaupun, kajian ini menggunakan teori Kohlberg sebagai asas pembentukan pertimbangan moral, namun hubungan di antara pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah dijelaskan dengan lebih rasional oleh teori Gibbs. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori ini sebagai teori pelengkap untuk menyokong hubungan pertimbangan dan tingkah laku moral dan menampung kelompangan yang wujud dalam pertimbangan-tingkah laku.


2.10 Kerangka Teoretikal Kajian

Dalam kajian ini, kerangka teoretikal yang dibentuk berdasarkan pemahaman teori-teori yang merangkumi Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994), Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984) dan Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019). Ketiga-tiga teori digunakan dalam kajian ini untuk melengkapi antara satu sama lain dalam meninjau peranan emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Manakala, teori Gibbs (2019) melalui teori Kohlberg (1984) menjelaskan secara lanjut peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam kajian ini.

Penggunaan teori-teori ini mempunyai kesinambungan sebagai panduan untuk mengupas dengan lebih mendalam mengenai proses perkembangan pertimbangan moral dalam membentuk tingkah laku prososial dalam kalangan remaja dan juga faktor emosi moral dan identiti moral dalam mempengaruhi kedua-dua pemboleh ubah utama. Penjelasan terhadap evolusi pertimbangan moral yang menghasilkan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah menjadi lebih terperinci dengan melihat proses pembentukan pertimbangan moral yang dihasilkan oleh golongan remaja mampu melengkapi perkembangan moral mereka dari segi emosi, identiti, kognitif dan tingkah laku moral. Setiap konsep, hubungan dan domain antara pemboleh ubah kajian disokong dengan teori-teori tersebut seperti dalam Rajah 2.2.

Rajah 2.2

Kerangka Teoretikal Kajian



Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994)

Emosi moral bersalah dan malu akan memberi impak ke atas sistem perkembangan pertimbangan moral dan juga keberhasilan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selaras dengan pandangan Erikson (1994), setiap manusia akan mengalami dan melalui kedua-dua emosi tersebut ketika berada di zaman kanak-kanak dan diperkukuhkan pada zaman keremajaan yang meningkatkan kesensitifan mereka terhadap isu-isu moral yang wujud di persekitarannya (Lewis, 1971; Tangney et al., 2007). Justeru, kawalan emosi ini bukan sahaja diperkukuhkan dengan autonomi, malah pegangan moral remaja menjadi asas untuk membuat keputusan moral yang wajar dan rasional dan bertingkah laku moral. Walaupun kedua-dua emosi ini bervalen negatif, namun ia berfungsi untuk mengawal (menghalang) tingkah laku antisosial dan tidak beretika (Tangney et al., 2007) dan meningkatkan tingkah laku prososial.

Bagi pembentukan identiti remaja pula, Erikson (1994a) turut mencadangkan bahawa identiti berakar umbi dalam teras kewujudan manusia dalam pengukuhan berlaku pada peringkat remaja dengan berlakunya krisis identiti. Teori ini menjelaskan bahawa penyelesaian krisis identiti membantu remaja untuk mengetahui peranan mereka sebagai seorang anak, adik-beradik, ahli masyarakat dan juga agen sosialisasi. Pada peringkat remaja juga identiti yang didasari oleh prinsip moral mengukuhkan identiti moral mereka (Blasi, 1984; Lapsley, 2015). Justeru, kefungisian identiti diri yang lebih dekat dengan prinsip moral membantu remaja untuk bertanggungjawab dalam setiap keputusan moral dan tindakan yang diambil dalam kehidupannya. Identiti yang kuat dengan sokongan moral mempengaruhi remaja untuk melakukan tingkah laku altruistik dan prososial. Justeru, teori Perkembangan Psikososial ini menjelaskan bahawa perkembangan remaja yang merangkumi krisis rasa bersalah dan malu dan juga identiti memberi kesan positif dalam melangsungkan kehidupan seharian manusia terutamanya pada waktu keremajaan dengan membentuk tingkah laku yang selari dengan norma masyarakat.

Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984)

Kohlberg (1984) menerusi teorinya menjelaskan bahawa interaksi yang terhasil dalam pengukuhan pertimbangan moral adalah penting untuk keberhasilan tingkah laku moral pelajar sekolah menengah. Menurut Peens dan Low (2000), Kohlberg bukan sahaja mengambil kira isu-isu perkembangan moral secara umum, malah teori ini menggabungkan aspek domain sosial dan moral tersebut dengan perkembangan pertimbangan moral untuk memberikan gambaran mengenai cara individu aktif melihat, mentafsir dan berinteraksi secara bermoral dalam persekitaran sosial mereka. Dalam kajian ini, teori Kohlberg memberi penekanan dari aspek interaksi dinamik pertimbangan moral dengan faktor pemotivasi moral lain seperti emosi moral, identiti moral dan tingkah

laku prososial. Malah, penekanan moral kognitif sebagai asas pembentukan perkembangan moral membantu menjelaskan peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam kajian ini.

Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019)

Gibbs (2019) mencadangkan konsep alternatif kepada teori perkembangan moral kognitif Kohlberg dengan mengutamakan tingkah laku prososial sebagai produk terakhir dalam pelengkapan perkembangan moral. Gibbs (2019) berpendapat bahawa perkembangan moral seharusnya didasari oleh konsep motivasi moral untuk membuat pertimbangan moral yang seimbang dengan struktur kognitif. Menurut Gibbs (2019), motivasi moral yang kuat berfungsi sebagai pemangkin untuk pemanifestasian tingkah laku prososial, menandakan kemuncak perkembangan moral. Justeru, evolusi pertimbangan moral bermula dengan perkembangan moral standard dan seterusnya mencapai perkembangan moral eksistensial di peringkat remaja.


Dalam kajian ini, teori Gibbs turut menyediakan lensa praktikal untuk memahami peranan emosi dan identiti, seperti yang dinyatakan oleh Erikson (1994). Dengan menekankan hasil tingkah laku prososial, teori Gibbs memberi implikasi nyata kepada perkembangan moral pelajar. Ia menjelaskan bagaimana emosi dan identiti berinteraksi dengan proses kognitif untuk membentuk pertimbangan moral dan seterusnya tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh itu, teori Gibbs menawarkan perspektif holistik tentang perkembangan moral, menyepadukan dan melengkapinya faktor kognitif, emosi, dan identiti yang berkaitan ke dalam rangka kerja kohesif yang berpusat pada tingkah laku prososial.

2.11 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini adalah bertujuan untuk menggambarkan kedudukan keseluruhan kesemua pemboleh ubah kajian. Kerangka konseptual ini disokong oleh penelitian daripada kerangka teoretikal kajian dan tinjauan literatur kajian. Kerangka konseptual kajian ini direka bentuk untuk menjelaskan hubungan antara empat pemboleh ubah kajian iaitu emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial (Rajah 2.3). Dalam kajian ini, emosi moral dan identiti moral adalah pemboleh ubah tidak bersandar manakala pemboleh ubah bersandar adalah pertimbangan moral dan tingkah laku prososial. Di samping itu, pertimbangan moral turut diperihalkan sebagai pemboleh ubah pengantara.

Rajah 2.3

Kerangka Konseptual Kajian



Emosi Moral (EM)

Tahap kecenderungan emosi moral bersalah dan malu pelajar sekolah menengah diukur dengan melihat kepada dua dimensi yang dibahagikan kepada empat subskala utama. Dimensi pertama ialah kecenderungan rasa bersalah yang merangkumi subskala penilaian tingkah laku negatif (PTLN) dan juga pembaikan (P) daripada emosi bersalah. Dimensi kedua pula ialah kecenderungan rasa malu yang merangkumi subskala penilaian diri negatif (PDN) dan juga penarikan diri (PD) daripada rasa malu. Konsep emosi moral bersalah dan malu ini disokong oleh Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994) yang menekankan rasa malu vs autonomi dan juga rasa bersalah vs inisiatif.

Identiti Moral (IM)

Tahap identiti moral diukur dengan dua subskala penting iaitu diri moral dan integriti moral dalam memperkukuhkan perkembangan identiti yang diintegrasikan dengan kemoralan pelajar sekolah menengah. Kepentingan identiti moral disokong oleh Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994) yang menekankan perkembangan psikososial identiti vs kekeliruan identiti.

Pertimbangan Moral (PM)

Tahap pertimbangan moral merujuk kepada empat bidang nilai moral yang ditekankan oleh Kohlberg (1984) dalam kajiannya. Walau bagaimanapun, keempat-empat bidang nilai tersebut mengukur pertimbangan moral pelajar sekolah menengah secara menyeluruh. Kepentingan perkembangan pertimbangan moral ini disokong oleh Teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1984) secara menyeluruh dan tahap

kematangan pertimbangan moral ditampung oleh Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019).

Tingkah Laku Prososial (TLP)

Pengukuran tingkah laku prososial ini mengandungi enam subskala yang meninjau kecenderungan tingkah laku prososial. Keenam-enam subskala tersebut memerihalkan kecenderungan tingkah laku prososial yang berbentuk emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam. Latar belakang teori kajian Kohlberg (1984) dan Gibbs (2019) menyokong faktor tingkah laku prososial sebagai produk terakhir atau output dalam perkembangan moral.


2.12 Model Cadangan: Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)

Secara keseluruhannya, bagi meninjau dan menganalisis hubungan dan kesan pengantaraan pemboleh ubah kajian, maka satu model cadangan (*model input 1*) analisis laluan dicadangkan oleh pengkaji berdasarkan kepada sokongan teori-teori kajian dan juga tinjauan literatur dan kajian empirikal lepas. Rajah 2.4 menunjukkan model cadangan kajian yang namakan sebagai Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM). Model cadangan ini dihasilkan dengan menggunakan perisian grafik *Analysis of Moment Structures* (AMOS) versi 28.0. Model cadangan kajian ini diwujudkan bagi kepentingan untuk melihat darjah kesan pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan antara emosi moral, identiti moral dengan tingkah laku prososial.

Model ini memberi gambaran dan penjelasan mengenai sumbangan dan kesan emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral terhadap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Darjah sumbangan atau pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar (eksogenus) terhadap pemboleh ubah bersandar (endogenus) dijelaskan dengan menggunakan anggaran nilai beta (β) dan laluan (*path*) dalam model yang dikesahkan. Kesan langsung, tidak langsung dan kesan keseluruhan dapat dikenal pasti dan dilaporkan melalui analisis laluan model cadangan ini.

Rajah 2.4

Model Cadangan (Model Input 1): Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)



Nota: Bersalah - PTLN = Bersalah - Penilaian Tingkah Laku Negatif; Bersalah - P = Bersalah - Penambahbaikan; Malu - PDN = Malu - Penilaian Diri Negatif; Malu - PD = Malu - Penarikan Diri

Terdapat empat konstruk atau pemboleh ubah kajian yang masing-masing diukur oleh indikator tertentu. Konstruk emosi moral yang merupakan pemboleh ubah eksogenus yang diukur oleh empat indikator penting iaitu (1) bersalah - penilaian tingkah laku

negatif, (2) bersalah - perbaikan, (3) malu - penilaian diri negatif dan (4) malu - penarikan diri. Konstruk identiti moral juga pemboleh ubah eksogenus yang diukur dengan dua indikator yang menjangka tahap keseluruhan iaitu diri moral dan integriti moral. Konstruk tingkah laku prososial adalah pemboleh ubah endogenus yang dinilai dengan menggunakan enam indikator utama iaitu emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam. Bagi konstruk pertimbangan moral pula, ia merupakan konstruk pengantara yang diukur secara menyeluruh yang menggambarkan tahap pertimbangan moral keseluruhan.

2.13 Rumusan

Secara ringkasnya, bab ini mengupas dan membincangkan konsep pemboleh ubah kajian yang merangkumi emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Bab ini juga membincangkan, mengupas pendapat dan penemuan dari tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan hubungan, pengaruh, dan kesan pengantaraan pemboleh ubah kajian berdasarkan hipotesis kajian yang disenaraikan. Bab ini juga memfokuskan tinjauan-tinjauan teoretikal yang melibatkan tiga teori utama kajian iaitu Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984), Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019) dan Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994). Ketiga-tiga teori ini digunakan sebagai rujukan untuk menjelaskan hubungan di antara setiap pemboleh ubah kajian dan tinjauan ini dijelaskan dalam pembentukan kerangka teoretikal dan konseptual kajian.

Tambahan pula, kajian ini telah menjelaskan peranan setiap pemboleh ubah dalam kerangka konseptual kajian. Sebanyak dua pemboleh ubah tidak bersandar dan juga dua pemboleh ubah bersandar digunakan dalam kajian ini. Satu pemboleh ubah bersandar kajian iaitu pertimbangan moral digunakan sebagai pemboleh ubah pengantaraan untuk

menjelaskan konseptual kajian. Berdasarkan kepada tinjauan teoretikal dan konseptual kajian, pada akhir perbincangan bab, pengkaji telah mencadangkan satu model cadangan (*Model Input 1*) iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM) bagi meninjau kesan pengantaraan dan sumbangan keseluruhan model serta pengaruh setiap pemboleh ubah kajian ke atas kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Universiti Malaya

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Perbincangan bab ini menjelaskan kaedah dan prosedur berkaitan metodologi kajian yang bermula dengan reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, persampelan kajian dan saiz sampel yang bersesuaian. Kemudian, penggunaan instrumen dalam kajian ini diikuti dengan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dan juga kajian rintis dibincangkan dalam bab ini. Tatacara kajian yang diikuti dengan teknik pengumpulan data dan penganalisan data diterangkan bagi menjawab persoalan kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengkaji kesan dan pengaruh emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Menurut Mertler (2018), pendekatan kuantitatif adalah satu kaedah saintifik yang sesuai digunakan untuk kajian yang menggambarkan keadaan semasa dengan menentukan hubungan antara pemboleh ubah. Malah, Mertler (2018) juga percaya bahawa pendekatan kuantitatif mampu menjelaskan hubungan sebab-akibat di antara pemboleh ubah dengan ketepatan dalam dapatan. Pernyataan ini menyokong objektif kajian ini yang berperanan untuk meninjau hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah.

Majoriti kajian lepas menunjukkan bahawa kajian tentang pertimbangan moral dan tingkah laku prososial kerap dan sesuai ditinjau dengan menggunakan data berangka dan penganalisan secara statistik (Brugman et al., 2007; Carlo & Padilla-Walker, 2020). Justeru, kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal

selidik untuk mendapatkan data-data yang relevan dan mencapai matlamat dan objektif kajian. Penggunaan instrumen soal selidik bukan sahaja sesuai untuk mendapatkan maklumat penting dari responden kajian, malah data-data yang diperoleh dianalisis secara teliti dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Science* (IBM SPSS) versi 27.0 yang berperanan menjimatkan masa, sumber dan kos penyelidikan (Daniel, 2016).

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan tiga reka bentuk utama iaitu reka bentuk deskriptif, korelasi dan juga komparatif sebab-akibat (*ex post facto*). Reka bentuk deskriptif bertujuan untuk menggambarkan dan menerangkan informasi yang sistematik tentang ciri-ciri demografi responden kajian. Reka bentuk deskriptif yang digunakan dalam kajian ini berkeupayaan menerangkan tahap emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan juga tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Analisis dan sintesis data awal ini membantu untuk menguji hipotesis kajian yang dibentuk.

Reka bentuk korelasi pula berperanan untuk menentukan hubungan dua atau lebih pemboleh ubah kajian dengan menggunakan data statistik yang diperoleh dari reka bentuk deskriptif. Dalam reka bentuk ini, hubungan antara beberapa pemboleh ubah diperoleh dan ditafsir corak dan alirannya dalam data (Drummond & Murphy-Reyes, 2018). Walaupun reka bentuk korelasi ini tidak boleh digunakan untuk membuat kesimpulan bagi hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah yang diukur, namun hasil kajian korelasi boleh memberikan petunjuk awal dan sokongan tambahan kepada teori kajian dalam membentuk gambaran awal kewujudan perkaitan antara sebab dan akibat (Mertler, 2018). Sehubungan dengan itu, dapatan korelasi ini sesuai bagi kajian yang bertujuan meninjau hubungan, pengaruh dan kesan pengantaraan. Hal ini kerana hubungan pengantaraan hanya akan wujud apabila terdapat pertalian antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar (Namazi & Namazi, 2016).

Terakhir, reka bentuk komparatif sebab-akibat yang dikenali sebagai *ex post facto* dijalankan untuk meninjau akibat antara pemboleh ubah kajian dan memeriksa data secara retrospektif untuk mewujudkan sebab, perhubungan dan makna. Menurut, Cohen et al. (2018), kajian komparatif sebab-akibat adalah sesuai untuk meninjau kesan dan hubungan saling mempengaruhi antara pemboleh ubah kerana kaedah ini memberikan hala tuju dan menjadi sumber hipotesis yang bermanfaat untuk diuji. Dalam kajian ini, pengaruh emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral ke atas tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah ditinjau bagi mencapai matlamat dan objektif kajian. Kajian komparatif sebab-akibat dilihat dapat merapatkan jurang antara kaedah deskriptif dengan kaedah korelasi (Cohen et al., 2018).

Tuntasnya, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang merangkumi reka bentuk deskriptif, korelasi dan komparatif sebab-akibat dalam meninjau tahap, hubungan dan pengaruh emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral ke atas tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Instrumen soal selidik digunakan dalam teknik pengumpulan data, manakala analisis deskriptif dan inferensi dilaksanakan bagi menganalisis data secara berstatistik untuk mencapai objektif kajian.

3.3 Lokasi Kajian

Memandangkan matlamat dan objektif kajian adalah untuk meninjau peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial dalam pelajar sekolah menengah, maka lokasi sekolah menengah menjadi pilihan yang wajar. Sehubungan dengan itu, negeri Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana sejak lima tahun (2016-2020) berturut-turut, statistik penglibatan dan tangkap kes jenayah melibatkan golongan remaja di negeri Selangor adalah paling tertinggi berbanding negeri lain, malah meningkat saban tahun (Jabatan

Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2020). Tambahan pula, sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor paling banyak tersenarai dalam senarai sekolah ‘hotspot’ yang telah dikeluarkan oleh KPM (2017).

Justeru, kajian ini dijalankan di negeri Selangor, Malaysia yang melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang merangkumi kriteria seperti sekolah menengah kebangsaan harian biasa dan melibatkan pelajar lelaki dan perempuan. Berdasarkan kriteria tersebut, terdapat sebanyak 10 buah daerah dan 198 buah sekolah menengah kebangsaan harian biasa di bawah pentadbiran dan pengurusan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN). Jadual 3.1 menunjukkan senarai Pejabat Daerah Pendidikan (PPD) dan bilangan sekolah menengah kebangsaan harian biasa di setiap daerah.

Jadual 3.1

Senarai Daerah dan Bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Harian Biasa di Negeri Selangor

Daerah	Bilangan SMK	Jumlah Pelajar/ Saiz Populasi
PPD Klang	28	51,079
PPD Kuala Langat	12	17,660
PPD Kuala Selangor	14	18,420
PPD Hulu Langat	34	63,676
PPD Hulu Selangor	13	15,831
PPD Sabak Bernam	7	7,002
PPD Gombak	29	47,033
PPD Petaling Perdana	42	67,968
PPD Petaling Utama	11	26,215
PPD Sepang	8	14,142
Jumlah	198	329,026

Sumber: KPM (Jun, 2021)

3.4 Populasi Kajian

Populasi dalam kajian ini melibatkan pelajar sekolah menengah atas berumur 16 tahun yang sedang menuntut di tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan harian biasa di negeri Selangor. Pelajar yang sedang menuntut di sekolah menengah kebangsaan harian biasa ini merangkumi pelajar lelaki dan perempuan. Jadual 3.1 di atas menunjukkan jumlah populasi sekolah menengah kebangsaan harian biasa di negeri Selangor iaitu seramai 329,026 pelajar sekolah menengah yang berumur dari 13 hingga 17 tahun KPM (Jun, 2021). Setakat ini, KPM hanya menyediakan bilangan pelajar sekolah menengah secara menyeluruh dan tidak khusus kepada pelajar tingkatan empat. Walau bagaimanapun, populasi kajian yang melibatkan pelajar berumur 16 tahun ini boleh digeneralisasikan kepada pelajar sekolah menengah secara keseluruhan kerana Kohlberg menerusi teorinya Berdasarkan kepada teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1984), pelajar yang berumur 16 tahun ini berada di peringkat pertengahan remaja yang berkongsi ciri-ciri kematangan pertimbangan moral bersifat konvensional yang bermula seawal umur 12 sehingga 18 tahun. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh digeneralisasikan kepada peringkat pelajar sekolah menengah rendah dan juga menengah atas.

3.5 Persampelan

Bahagian ini membincangkan dua aspek utama dalam metodologi kajian iaitu penetapan saiz sampel kajian dan juga penentuan kaedah persampelan kajian. Strategi persampelan adalah penting untuk setiap penyelidikan kuantitatif memandangkan pengkaji tidak selalu atau tidak mungkin dapat mengumpul data dari setiap unit populasi (Kumar et al., 2013). Dalam pada itu, dua perkara penting yang perlu diberi perhatian iaitu isu yang berkaitan dengan kecukupan sampel untuk membuat generalisasi dan isu perwakilan berkaitan

bilangan sampel yang benar-benar mewakili populasi yang dikaji (Sidek, 2002). Justeru, penetapan saiz sampel kajian yang sesuai untuk kajian ini berdasarkan jenis analisis statistik inferensi untuk membuat kesimpulan yang nyata dari dapatan kajian. Malah, kajian ini juga menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok pelbagai peringkat yang menggunakan teknik *fish-bowl* dan teknik rawak berstrata untuk menentukan sampel kajian yang bersesuaian.

3.5.1 Saiz Sampel

Saiz sampel kajian saling berkaitan dengan analisis statistik data dan generalisasi. Pelbagai cara digunakan untuk menentukan saiz sampel termasuk jadual-jadual saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian dan juga peraturan asas tertentu untuk mengira saiz sampel yang diperlukan (Memon et al., 2020). Walau bagaimanapun, penentuan saiz sampel yang tepat amat penting untuk penyelidikan agar dapatan dan perbincangan kajian tersebut dapat mewakili saiz populasi dengan tepat dan maklumat yang diperoleh dari sampel tidak terpisah dari populasi. Bagi penyelidikan kuantitatif, lebih besar sampel lebih baik kerana ia bukan sahaja memberi kebolehpercayaan yang tinggi malah ia juga membolehkan penganalisan statistik yang kompleks dalam kajian (Cohen et al., 2018). Dalam pada itu, penggunaan saiz sampel melebihi 30 subjek menjadi pegangan kebanyakan penyelidik sebagai bilangan minimum bagi memastikan andaian taburan normal dapat dipersetujui jika saiz sampel melebihi 30 subjek dan bilangan tersebut juga memadai untuk membuat analisis statistik perhubungan (Mohd Majid Konting, 2014).

Walaupun bagaimanapun, penetapan saiz sampel bergantung kepada jumlah pemboleh ubah, jenis reka bentuk kajian dan juga jenis ujian statistik yang ingin digunakan dalam kajian. Menurut Cohen et al. (2018), kebiasaannya jangkakan minimum 30 subjek untuk setiap

pemboleh ubah kajian boleh digunakan sebagai peraturan asas. Fraenkel et al. (2019) pula mengemukakan garis panduan berikut untuk menentukan saiz sampel minimum berhubung reka bentuk kajian kuantitatif:

- I. Jika reka bentuk deskriptif, maka bilangan minimum sampel sebanyak 100 adalah penting.
- II. Bagi reka bentuk korelasi, bilangan sampel sekurang-kurangnya 50 dicadangkan untuk penganalisan statistik hubungan.
- III. Akhirnya, reka bentuk komparatif sebab-akibat, disyorkan minimum sebanyak 30 individu setiap kumpulan.

Cadangan garis panduan ini adalah satu keperluan yang penting untuk mendapatkan dapatan kajian yang sah dan tepat serta diterima untuk mewakili saiz populasi sebenar, namun ia tidak boleh dianggap sebagai satu keperluan yang mencukupi (Delice, 2010). Justeru, kajian ini membuat penetapan saiz sampel berdasarkan analisis statistik inferensi yang digunakan untuk kajian sebenar. Dalam pada itu, terdapat dua jenis analisis statistik inferensi yang digunakan untuk penganalisan dapatan kajian iaitu analisis korelasi dan analisis laluan. Kedua-dua statistik inferensi ini membimbing proses penganalisan dapatan kajian secara terperinci bagi menjawab objektif dan matlamat kajian.

3.5.1.1 Analisis Korelasi

Dalam kajian ini, pendekatan *Cohen Statistical Power Analysis* digunakan untuk menentukan saiz sampel yang bersesuaian bagi analisis korelasi. Menurut Hair et al., (2018), *Cohen Statistical Power Analysis* merupakan salah satu pendekatan yang paling popular dalam penyelidikan. Perkembangan terkini mencadangkan bahawa penyelidik seharusnya menentukan saiz sampel bagi reka bentuk statistik inferensi dengan

menggunakan analisis kuasa '*power analysis*' (Kline, 2023). Pendekatan analisis kuasa Cohen membantu menentukan saiz sampel minimum dengan mengambil kira bahagian model dengan bilangan peramal yang terbanyak (Hair et al., 2022).

Menurut Cohen (1988) terdapat lima faktor yang perlu diambil kira untuk melakukan ramalan statistik iaitu aras kesignifikanan (*significant level*: alpha, α), saiz kesan (*effect size*: *Correlation Coefficient*, r), aras kekuatan kuasa (*power level*: $1-\beta$), anggaran varians (*estimated variance*) dan saiz sampel (*sample size*). Tahap signifikan untuk kebanyakan kajian dalam bidang pendidikan selalunya ditetapkan dan dicadangkan pada $\alpha = 0.05$ (Chua, 2006). Bagi saiz kesan pula, Cohen (1988) telah menyeragamkan saiz kesan dengan menggunakan nilai koefisien korelasi r kepada saiz iaitu saiz rendah (0.10), saiz sederhana (0.30) dan saiz besar (0.50) bergantung kepada jenis analisis statistik yang digunakan. Cohen (1988) mencadangkan saiz sederhana kerana ia sesuai untuk menjalankan analisis statistik korelasi dan saiz tersebut boleh mewakili kesan yang mungkin dapat dilihat dengan mata kasar pemerhati. Bagi aras kekuatan kuasa, Cohen (1988) mencadangkan menetapkan kuasa pada $1-\beta = 0.80$ atau 80% ($\beta = 0.20$) adalah sesuai untuk kajian umum. Bagi anggaran varians iaitu sisihan piawai, jika kajian yang menggunakan analisis korelasi nilai tidak perlu untuk mengira saiz sampel.

Berdasarkan kepada cadangan dan panduan Cohen, kajian ini menggunakan Jadual Penentuan Saiz Sampel Cohen (1992) yang telah sedia kira bilangan sampel yang diperlukan dengan menggunakan nisbah 4 : 1 bagi kuasa 0.80 (mengawal ralat jenis II) dan aras kesignifikanan 0.05 (mengawal ralat jenis I) dan kategori kepada tiga jenis saiz. Dengan mengambil kira saiz kesan sederhana (0.30), sebanyak 84 sampel kajian diperlukan untuk menjalankan kajian (rujuk Lampiran A).

3.5.1.2 Analisis Laluan

Analisis laluan adalah teknik statistik yang meneliti dan menguji hubungan (hubungan langsung dan tidak langsung) antara set pemboleh ubah kajian yang diperhatikan (*observed variables*) (Valenzuela & Bachmann, 2017). Dalam kajian ini, pembinaan analisis laluan dijalankan dengan menggunakan pakej perisian grafik iaitu *Analysis of Moment Structures* (AMOS) versi 28.0. Kline (2023) mencadangkan garis panduan untuk menganalisis Pemodelan Persamaan Berstruktur atau SEM dengan mengkategorikan kepada tiga kumpulan. Saiz sampel yang kurang daripada 100 dianggap kecil; saiz sampel dari 100 hingga 200 adalah sederhana; dan saiz sampel lebih daripada 200 dianggap besar.

Namun begitu, Kline (2023) menyatakan bahawa sampel saiz sebanyak 200 mungkin terlalu kecil untuk menganalisis model yang kompleks dengan taburan bukan normal. Selain itu, mana-mana sampel di bawah 100 mungkin tidak disyorkan untuk sebarang jenis teknik SEM, melainkan untuk menganalisis model yang sangat mudah. Justeru, kerumitan model harus dipertimbangkan untuk menetapkan saiz sampel kajian. Kline (2023) mencadangkan saiz sampel yang optimum untuk membolehkan padanan model (*model fit*) yang tepat adalah minimum sebanyak 200 sampel ($N \geq 200$). Ini disokong oleh Hoe (2008) dan Singh et al. (2016) bahawa saiz sampel kritikal melebihi 200 mencukupi untuk analisis data.

Walau bagaimanapun, peraturan asas dalam penetapan saiz sampel perlu mengambil kira dan mempertimbangkan nisbah bilangan sampel (N) kepada bilangan pemboleh ubah yang diukur (p). Berdasarkan kepada andaian ini, saiz sampel seharusnya lebih besar daripada bilangan pemboleh ubah iaitu $N > p$ (Nicolaou & Masoner, 2013). Hair (2018) menyatakan bahawa jika sesuatu kajian yang mempunyai lima atau kurang daripada lima konstruk, maka jumlah sampel minimum yang perlu ialah dalam lingkungan 100 hingga

150. Penetapan jumlah saiz sampel ini selaras dengan model kajian yang mempunyai sebanyak empat konstruk (emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial).

Selain itu, jumlah indikator (*manifest*) setiap konstruk juga boleh digunakan untuk menentukan nisbah saiz sampel. Nisbah minimum N:p yang disyorkan adalah 10:1 iaitu 10 subjek bagi setiap indikator (Hoe, 2008; Kline, 2023). Berdasarkan model cadangan kajian, terdapat sebanyak 12 indikator yang dibentuk menerusi tinjauan literatur. Justeru, jumlah saiz sampel yang dicadangkan adalah minimum sebanyak 120 (10:12). Bagi mengukuhkan penetapan saiz sampel, kajian ini juga menggunakan perisian *A-priori Sample Size Calculator for Structural Equation Models* (Soper, 2022). Berdasarkan kepada pengiraan perisian tersebut, saiz sampel minimum yang disyorkan adalah 138 (Lampiran B).

3.5.1.3 Penetapan Saiz Sampel Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, keperluan minimum saiz sampel bagi analisis deskriptif adalah sebanyak 100 (Fraenkel et al., 2019). Jadual Penentuan Saiz Sampel Cohen (1992) pula mengesyorkan sebanyak 84 sampel untuk analisis korelasi. Bagi analisis laluan pula, beberapa cadangan dipertimbangkan untuk menentukan saiz sampel yang sesuai untuk kajian SEM seperti minimum 200 sampel (Kline, 2023), 120 sampel berdasarkan nisbah N:p iaitu 10:12 (Hoe, 2008), 100-150 sampel berdasarkan jumlah konstruk (Hair, 2018) dan 138 sampel berdasarkan jumlah konstruk dan indikator (Soper, 2022). Memandangkan satu jumlah saiz sampel diperlukan untuk mewakili kesemua analisis statistik, pengkaji telah mengambil pendekatan untuk memutuskan sekurang-kurangnya 300 sampel kajian. Justeru, seramai 393 sampel kajian digunakan dalam kajian sebenar. Saiz sampel ini memenuhi keperluan untuk mengoptimumkan saiz minimum dan

juga saiz kritikal bagi kesemua analisis statistik seperti mana yang dicadangkan oleh Hair (2018).

3.5.2 Kaedah Persampelan

Persampelan ialah teknik yang digunakan oleh pengkaji untuk membuat pemilihan bilangan individu secara sistematik daripada populasi yang ditetapkan untuk dijadikan subjek berdasarkan objektif dan matlamat kajian. Menurut Cohen et al. (2018) kaedah persampelan terbahagi kepada dua kaedah iaitu persampelan kebarangkalian dan bukan kebarangkalian. Penggabungan beberapa kaedah persampelan yang berbeza dalam satu kajian lazim dilakukan terutamanya apabila kajian mempunyai beberapa subpopulasi yang berbeza (Chua, 2014). Malah, Creswell dan Guetterman (2020) menyatakan penggabungan teknik ini berdasarkan kepada ciri-ciri kajian yang bergantung kepada reka bentuk kajian, pemboleh ubah kajian, kesesuaian sampel dan juga lokasi kajian.

Dalam kajian ini, teknik persampelan rawak kelompok pelbagai peringkat iaitu *multistage cluster sampling* digunakan dalam pemilihan lokasi kajian yang melibatkan pelbagai daerah dan juga sekolah (Rajah 3.1). Persampelan rawak kelompok pelbagai peringkat dianggap sebagai versi lanjutan persampelan kelompok (Sedgwick, 2015). Dalam teknik persampelan ini, pengkaji membahagikan lokasi kajian populasi kepada beberapa kelompok dan memilih beberapa kelompok pada peringkat pertama. Pada peringkat seterusnya, pengkaji membahagikan lagi kelompok yang dipilih kepada kelompok yang lebih kecil lagi dan proses ini diulang sehingga ke proses terakhir. Pada proses terakhir, pengkaji hanya memilih beberapa lokasi dari setiap kelompok untuk dijadikan sampel kajian. Teknik persampelan ini berperanan memilih sampel secara rawak dengan menyingkahkan faktor bias dan dapat mewakili populasi dengan menggunakan kaedah kebarangkalian (Cohen et al., 2018).


Pada peringkat pertama, teknik persampelan rawak *fish-bowl* digunakan untuk pemilihan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang terbahagi kepada tiga zon (Rajah 3.1). Sebanyak tiga daripada sepuluh PPD dipilih sebagai lokasi kajian iaitu PPD Hulu Selangor, Klang dan Hulu Langat. Pemilihan tiga daerah dari tiga zon masing-masing sebagai sampel kajian minimum memenuhi syarat yang dicadangkan oleh Van Dalen (1999) iaitu merawak 15% daripada unit kelompok kajian.

Di peringkat kedua pula, sebanyak 12 daripada 53 buah sekolah (jumlah SMK harian biasa yang terdapat di ketiga-tiga daerah terpilih) dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata. Kaedah ini dipilih untuk memastikan semua ahli populasi mempunyai peluang yang sama dan bebas untuk dipilih sebagai sampel. Pemilihan sebanyak 12 buah sekolah dari tiga daerah ini memenuhi dan melebihi peratusan minimum dalam pemilihan sampel kajian yang dicadangkan oleh Van Dalen (1999).

Di peringkat akhir, untuk memenuhi keperluan saiz sampel kajian sekurang-kurangnya 300 pelajar, jangkakan seramai 25 orang pelajar dipilih untuk setiap sekolah ($300 / 12$ sekolah). Bagi mengelakkan kehilangan data, soal selidik kajian telah diedarkan kepada semua pelajar di dalam kelas yang dipilih secara rawak mudah. Secara keseluruhannya, 434 pelajar sekolah menengah telah menyertai dalam kajian ini. Selepas proses persediaan data, seramai 393 daripada jumlah 434 sampel kajian digunakan dalam kajian ini. Justeru, jumlah keseluruhan sampel saiz kajian ini adalah seramai 393 pelajar sekolah menengah. Bilangan edaran dan penerimaan soal selidik ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

Rajah 3.1

Teknik dan Prosedur Persampelan Rawak Kelompok Pelbagai Peringkat



Catatan: PRKPP 1 = Persampelan Rawak Kelompok Pelbagai Peringkat 1; PRKPP 2: Persampelan Rawak Kelompok Pelbagai Peringkat 2; PRKPP 3: Persampelan Rawak Kelompok Pelbagai Peringkat 3; SMK = Sekolah Menengah Kebangsaan; N = Jumlah sampel untuk diperoleh; PPD = Pejabat Pendidikan Daerah

3.6 Instrumentasi

Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk memperoleh dapatan kajian. Penilaian data kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik adalah pilihan untuk penyelidik kuantitatif kerana ia adalah kaedah praktikal untuk mengumpul data dari bilangan populasi yang banyak, mudah, cepat dan menggalakkan perbandingan statistik secara analitikal (Fraenkel et al., 2019). Cohen et al. (2018) turut bersetuju mengenai penggunaan instrumen soal selidik sebagai sumber utama kerana ia bukan sahaja menyisihkan faktor bias, malah ia membantu menghasilkan dapatan yang boleh digeneralisasikan.

Dalam kajian ini, pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan empat instrumen untuk mengukur pemboleh ubah emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Jadual 3.2 menunjukkan instrumen kajian yang mengandungi lima bahagian iaitu demografi pelajar, Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu, Skala Identiti Moral, Pengukuran Refleksi Sosiomoral dan Pengukuran Kecenderungan Prososial. Jumlah item dalam kajian ini adalah sebanyak 72.

Jadual 3.2

Bahagian-Bahagian dan Jumlah Item dalam Instrumen Soal selidik

Bahagian	Instrumen	Jumlah Item
A	Demografi Pelajar	3
B	Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu	16
C	Skala Identiti Moral	20
D	Pengukuran Refleksi Sosiomoral	10
E	Pengukuran Kecenderungan Prososial	24
	Jumlah Item Keseluruhan	72

Kesemua instrumen tersebut telah mendapat kebenaran secara rasmi daripada penerbit instrumen (rujuk Lampiran C, D, E dan F). Oleh kerana instrumen asal adalah dalam Bahasa Inggeris, maka kesemua instrumen tersebut telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu untuk memudahkan pengumpulan data dalam kalangan pelajar sekolah. Penterjemahan dan kesahan dibincangkan secara lanjut di bahagian 3.8.1. Instrumen kajian dilampirkan dalam Lampiran G. Perbincangan seterusnya adalah perincian setiap bahagian yang terdapat dalam instrumen kajian.

3.6.1 Demografi

Bahagian A digunakan untuk mengumpul maklumat demografi pelajar. Maklumat demografi adalah penting kerana ia menyediakan data (latar belakang) mengenai responden kajian dan data tersebut diperlukan untuk menentukan sama ada individu yang terlibat dalam kajian ini adalah sampel yang mewakili populasi sasaran untuk tujuan generalisasi. Data-data yang diperolehi dalam bahagian demografi digunakan dalam analisis deskriptif untuk bertujuan memberi gambaran mengenai struktur latar belakang pelajar sekolah menengah iaitu pelajar tingkatan empat di negeri Selangor.

Dalam bahagian ini terdapat tiga item kesemuanya iaitu jantina, etnik dan agama responden. Item jantina, etnik dan agama responden adalah untuk memastikan pelajar-pelajar yang terlibat sebagai responden adalah dari pelbagai latar belakang budaya. Borang soal selidik dalam bahagian A menggunakan skala nominal, responden hanya perlu tandakan (/) di petak yang berkaitan dengan maklumat diri responden sahaja.

3.6.2 Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu (Cohen et al., 2011)

Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu atau dikenali *Guilt and Shame Proneness Scale* (GASP) sebagai yang digunakan dalam kajian ini berperanan mengukur konstruk

emosi moral yang terbahagi kepada dua iaitu emosi moral rasa bersalah dan emosi moral rasa malu dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Instrumen ini telah dibangunkan oleh Cohen et al. (2011) yang berperanan mengukur perbezaan individu dalam kecenderungan untuk mengalami rasa bersalah dan malu merentasi pelbagai pelanggaran peribadi.

Makogon dan Enikolopov (2013) menyatakan bahawa instrumen GASP adalah satu-satunya instrumen yang menggabungkan dua kerangka teori yang membezakan konsep rasa bersalah dan malu: konflik moral di antara diri sendiri dengan awam (*public-private distinction*) dan perbezaan diri dengan tingkah laku (*self-behaviour distinction*). Instrumen ini telah digunakan dalam pelbagai domain dan diuji kesesuaiannya untuk golongan pelajar remaja dan juga dewasa sehinggakan terdapat lebih daripada 500 rujukan dalam *Google Scholar* berkaitan dengan penggunaan instrumen ini (Alabèrnia-Segura et al., 2022). Tinjauan lepas menunjukkan bahawa instrumen ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu Alpha antara 0.60 hingga 0.80 (Alabèrnia-Segura et al., 2022; Bottera, 2019; Porter et al., 2019). Kebenaran penggunaan instrumen soal selidik tersebut telah diperoleh daripada Taya R. Cohen (rujuk Lampiran C).

Instrumen GASP menilai sifat emosi (iaitu kecenderungan bersalah dan malu) dan bukannya keadaan emosi (iaitu perasaan bersalah dan malu dalam sesuatu keadaan). Ukuran ini adalah berdasarkan pelbagai senario yang berlaku dalam kehidupan seharian dan kemungkinan reaksi seseorang terhadap situasi tersebut. Dalam instrumen GASP, responden perlu membayangkan diri mereka dalam situasi yang melibatkan pelanggaran moral. Kemudian, responden dijangka bertindak balas untuk menilai kemungkinan perasaan, berkelakuan, atau berfikir dengan cara yang dinyatakan untuk setiap senario.


Instrumen ini mengandungi dua subskala kecenderungan rasa bersalah yang menilai tingkah laku negatif dan memperbaiki respons kepada pelanggaran atau kegagalan peribadi; rasa bersalah - penilaian tingkah laku negatif (PTLN) dan rasa bersalah - pembaikan (P). Dua subskala kecenderungan rasa malu menilai penilaian diri negatif dan tindak balas penarikan diri terhadap pelanggaran atau kegagalan yang terdedah kepada awam; rasa malu - penilaian diri negatif (PDN) dan rasa malu – penarikan diri (PD). Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu mengandungi 16 item yang terbahagi kepada 4 item untuk setiap satu subskala. Jadual 3.3 menjelaskan dimensi, subskala dan item yang terdapat dalam GASP.

Jadual 3.3

Dimensi, subskala dan item bagi instrumen Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu

Dimensi	Subskala	Item
Kecenderungan Rasa Bersalah	Penilaian Tingkah Laku Negatif (PTLN) (4 item)	1, 9, 14 & 16
	Pembaikan (P) (4 item)	2, 5, 11 & 15
Kecenderungan Rasa Malu	Penilaian Diri Negatif (PDN) (4 item)	3, 6, 10 & 13
	Penarikan Diri (PD) (4 item)	4, 7, 8 & 12

Setiap item mengandungi satu senario yang memerlukan responden untuk menilai berdasarkan skala *Likert* tujuh mata yang disusun mengikut darjah kemungkinan daripada skala 1 (sangat tidak mungkin) sehingga skala 7 (sangat mungkin). Cohen et al. (2011) menyatakan penggunaan skala *Likert* tujuh mata meningkatkan kebolehpercayaan item dengan ketara dan mengukuhkan kesesuaian instrumen tersebut. Skor responden bermula antara 16 hingga 112. Skor yang tinggi menggambarkan kecenderungan yang tinggi bagi emosi rasa bersalah dan malu berdasarkan subskala yang diukur, manakala skor yang rendah menggambarkan kecenderungan responden untuk rasa bersalah dan malu adalah rendah. Berikut merupakan skala *Likert* yang digunakan bagi instrumen ini:



Semakin tinggi skor yang diperoleh oleh responden menunjukkan lebih banyak persetujuan dan sokongan terhadap tindak balas kecenderungan rasa bersalah dan malu. Penggunaan analisis deskriptif iaitu skor min dan tahap keseluruhan subskala dilaporkan dalam penganalisan data. Ini bertujuan untuk memberi gambaran tentang tahap keseluruhan emosi moral rasa bersalah dan malu dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan juga setiap subskala. Oleh kerana instrumen ini bersifat pelbagai dimensi (*multidimensional*), Cohen et al. (2011) mengesyorkan agar penyelidik meneliti kesan setiap subskala secara individu berbanding dengan merangkumkan kesemuanya untuk mengelakkan masalah multikolineariti. Setiap dimensi dan subskala yang terlibat dalam instrumen kajian ini diterangkan seperti berikut.

(a) Dimensi Kecenderungan Rasa Bersalah

Dimensi kecenderungan rasa bersalah bertujuan untuk melihat sejauh mana pengalaman emosi negatif dicetuskan apabila tingkah laku seseorang gagal mematuhi kemoralan atau norma sosial. Kecenderungan rasa bersalah tertumpu pada tingkah laku seseorang (contoh, ‘saya telah melakukan perkara yang buruk’) secara peribadi (*private*). Dua subskala digunakan dalam kajian ini untuk menilai tingkah laku negatif yang terhasil berdasarkan senario dan juga pembedaan respons terhadap sebarang pelanggaran atau kegagalan moral yang berlaku.

I. Penilaian Tingkah laku Negatif (PTLN)

Tindak balas rasa bersalah dicirikan oleh penyesalan dan penilaian tingkah laku negatif (PTLN; contoh, saya rasa 'saya telah membuat kesilapan'). Subskala rasa bersalah - PTLN ini mengukur kecenderungan emosi moral bersalah. Item-item dalam subskala ini menggambarkan perasaan buruk atau tidak enak tentang cara seseorang bertindak (Contoh, 'anda akan merasakan bahawa cara anda bertindak adalah menyedihkan'). Semakin tinggi skor yang diperoleh maka semakin tinggi kecenderungan rasa bersalah terhadap tingkah laku negatif. Ini menunjukkan bahawa individu mempunyai kecenderungan rasa bersalah yang tinggi terhadap tingkah laku negatif yang mereka lakukan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam kajian ini, skor rasa bersalah - PTLN yang tinggi menunjukkan pelajar sekolah menengah berpersepsi bahawa bertingkah laku negatif yang melanggar moral menimbulkan rasa bersalah tinggi dalam diri mereka. Ketinggian persepsi ini berfungsi untuk mengawal tingkah laku untuk mengelakkan diri daripada mencederakan orang lain (Tangney et al., 2007).

II. Pembaikan (P)

Tindak balas rasa bersalah juga dicirikan oleh proses pembaikan yang menerangkan kecenderungan tindakan (tingkah laku atau niat tingkah laku) yang tertumpu untuk membetulkan atau memperbaiki pelanggaran moral yang dilakukan oleh seseorang (contoh, meminta maaf). Subskala pembaikan ini mengukur orientasi tindakan moral yang bersifat pembedahan atau pampasan terhadap tingkah laku negatif (contoh, 'anda akan cuba bertindak lebih bertimbang rasa terhadap rakan anda'). Semakin tinggi skor diperoleh maka semakin tinggi tahap kecenderungan dan kesanggupan individu untuk memperbaiki tingkah laku

negatif mereka. Dalam kajian ini, skor rasa bersalah - perbaikan yang tinggi menunjukkan pelajar sekolah menengah menyesal, bimbang, mengecam dan sedar bahawa tingkah laku negatif membawa rasa bersalah yang tinggi. Dalam pada itu, pelajar sekolah menengah menunjukkan kesanggupan yang tinggi untuk membetulkan dan memperbaiki tingkah laku mereka agar tidak mengulangi kesalahan tersebut pada masa depan.

(b) Dimensi Kecenderungan Rasa Malu

Dimensi kecenderungan rasa malu melihat darjah tindak balas pelajar sekolah menengah terhadap emosi rasa malu apabila tindakan mereka melanggar standard moral. Kecenderungan rasa malu tertumpu pada diri sendiri (contoh, 'saya seorang yang jahat') apabila diketahui oleh orang lain (*public*). Terdapat dua subskala yang mengukur rasa malu iaitu penilaian diri yang negatif (PDN) dan tindak balas penarikan diri terhadap pelanggaran moral yang terdedah kepada khalayak ramai atau orang awam.

I. Penilaian Diri Negatif (PDN)

Tindak balas rasa malu dicirikan oleh penilaian diri yang negatif (PDN; contoh, 'saya seorang yang teruk'). Subskala rasa malu - PDN ini berperanan untuk mengenal pasti kecenderungan perasaan buruk tentang diri sendiri. Item-item rasa malu – PDN menggambarkan perasaan buruk atau tidak baik terhadap diri sendiri (contoh, 'anda akan berasa seperti orang yang jahat') apabila melakukan sebarang tindakan yang melanggar peraturan moral dan diketahui oleh orang lain. Semakin tinggi skor yang diperoleh maka semakin tinggi kecenderungan untuk rasa malu terhadap diri sendiri. Dalam kajian ini, skor rasa malu - PDN yang tinggi menunjukkan pelajar sekolah menengah berpersepsi bahawa bertingkah laku

negatif yang melanggar standard moral menimbulkan rasa malu yang tinggi dalam diri mereka apabila diketahui oleh orang lain atau awam. Individu yang menjangkakan rasa malu terhadap diri mereka sendiri selepas pelanggaran moral yang didedahkan atau terdedah secara terbuka mempunyai kemungkinan yang rendah untuk terlibat dalam kegiatan antisosial dan tidak beretika.

II. Penarikan Diri (PD)

Tindak balas rasa malu juga dicirikan oleh tindakan penarikan diri daripada orang ramai apabila melakukan pelanggaran moral (contoh, bersembunyi). Item-item subskala penarikan diri ini mengukur kecenderungan tindakan yang tertumpu kepada penarikan diri daripada orang ramai kerana sensitif terhadap kehadiran orang lain apabila mereka berasa malu (contoh, 'anda akan cuba mengelak tetamu sehingga mereka pergi'). Semakin tinggi skor diperoleh maka semakin tinggi tahap kecenderungan tindakan penarikan diri dan bersembunyi akibat rasa malu. Dalam kajian ini, skor rasa malu - penarikan diri yang tinggi menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah bertindak untuk mengelakkan diri daripada berurusan dengan akibat pelanggaran moral mereka apabila diketahui khalayak ramai. Dalam pada itu, penarikan diri akibat rasa malu adalah satu aspek maladaptif yang perlu dielakkan oleh pelajar sekolah menengah demi kesejahteraan mereka.

3.6.3 Skala Identiti Moral (Black & Reynolds, 2016)

Skala Identiti Moral atau *Moral Identity Questionnaire* (MIQ) adalah satu instrumen yang telah dibangunkan oleh Black and Reynolds (2016) untuk menilai kepentingan individu terhadap pegangan prinsip moral mereka dan bertindak sewajarnya berdasarkan kepada kendiri moral dan integriti moral. Menurut Blasi (2005), identiti moral boleh diukur

berdasarkan dimensi diri moral yang dijelaskan menerusi model sendiri (*Self-Model*). Manakala Lapsley dan Yaeger (2013) menyatakan bahawa integriti adalah salah satu dimensi yang penting dalam konsep identiti moral kerana ia merangkumi tanggungjawab dan identiti diri seseorang. Instrumen ini berperanan mengukur dua subskala utama bagi konstruk identiti moral iaitu diri moral dan integriti moral.

Instrumen MIQ telah digunakan secara meluas oleh penyelidik di pelbagai negara dan telah dikesahkan dalam pelbagai bahasa dengan nilai kebolehpercayaan Alpha antara 0.80 hingga 0.93 (Furr et al., 2022). Malah, Black dan Reynolds (2016) melaporkan kebolehpercayaan konsistensi dalaman bagi kedua-dua subskala yang dibangunkan oleh mereka iaitu $0.84 \leq r_a \leq 0.86$ (Diri Moral) dan $0.87 \leq r_a \leq 0.89$ (Integriti Moral). Selaras dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi, instrumen ini diperluaskan penggunaannya kepada golongan remaja dan belia di negara lain seperti Indonesia, Sepanyol, Iran dan Amerika Syarikat yang mencerminkan latar belakang populasi dari struktur budaya yang berbeza (Abbasi Asl & Hashemi, 2019; Alabèrnia-Segura et al., 2018; Furr et al., 2022; Kautsar et al., 2017; Septiana & Bachtiar, 2019). Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada penerbit instrumen Jessica E. Black untuk menggunakan soal selidik Skala Moral Identiti dalam versi Bahasa Melayu (rujuk Lampiran D).


Instrumen MIQ ini mengandungi 20 item yang termasuk 8 item yang mengukur subskala diri moral dan 12 item lagi mengukur subskala integriti moral. Item-item yang terdapat dalam subskala diri moral bersifat positif manakala item-item dalam subskala integriti moral bersifat negatif. Justeru, item-item negatif (12 item) tertakluk kepada pengiraan skor secara terbalik (*reverse score*). Jadual 3.4 menunjukkan jumlah item yang terlibat dalam subskala diri moral dan integriti moral dalam konstruk identiti moral.

Jadual 3.4

Subskala dan item bagi instrumen Skala Identiti Moral

Subskala	Item	Item Negatif
Diri Moral (8 item)	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 & 8	-
Integriti Moral (12 item)	9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 & 20	9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 & 20

Bagi item positif, skor dikira berdasarkan skala *Likert* enam mata yang disusun mengikut darjah persetujuan daripada skala 1 ‘sangat tidak setuju sehingga skala 6 ‘sangat setuju’. Bagi item negatif pula, skor dikira berdasarkan skala *Likert* enam mata secara terbalik iaitu darjah persetujuan bermula pada skala 1 ‘sangat setuju’ sehingga skala 6 ‘sangat tidak setuju’. Jumlah skor terakhir adalah di antara 20 hingga 120. Berikut merupakan skala *Likert* yang digunakan bagi instrumen ini.



Responden yang mendapat skor tinggi menunjukkan tahap identiti moral yang tinggi. Skor min untuk setiap dimensi dan keseluruhan identiti moral ditinjau dan dibincangkan dalam dapatan kajian. Penggabungan skor min keseluruhan adalah bertujuan untuk menggambarkan tahap (rendah, sederhana dan tinggi) identiti moral pelajar sekolah menengah secara keseluruhan. Perbincangan mengenai subskala yang terdapat dalam instrumen Skala Identiti Moral diterangkan seperti berikut.

(a) *Diri Moral*

Diri moral merujuk kepada kepentingan moral yang diberikan oleh seseorang dalam diri mereka. Individu yang mempunyai sendiri moral yang kuat berkeupayaan untuk memahami diri mereka dengan lebih baik dan mencaturkan tindakan mereka selaras dengan standard moral serta berusaha untuk mengelakkan kemudaratan kepada orang lain. Subskala diri moral mengukur sejauh mana responden mengenal pasti diri mereka dengan nilai-nilai moral.

Item-item dalam subskala ini menggambarkan keberkaitan diri individu dengan moral yang berkait antara satu sama lain (contoh item: ‘tidak menyakiti orang lain adalah salah satu peraturan yang saya patuhi’) (contoh item: ‘Saya mahu orang lain tahu bahawa mereka boleh bergantung pada saya’). Semakin tinggi skor yang diperoleh maka semakin hampir atau dekat diri individu tersebut dengan nilai kemoralan. Dalam kajian ini, skor diri moral yang tinggi menunjukkan pelajar memiliki kepentingan moral yang tinggi dengan diri mereka. Sebaliknya, skor yang rendah menunjukkan pegangan moral mula rapuh dan mula terlibat dalam kegiatan antisosial.

(b) *Integriti Moral*

Integriti merujuk kepada imbalan di antara pertimbangan dengan tindakan yang menjadikan sebagai salah satu identiti yang penting untuk seseorang. Subskala Integriti moral mengukur keinginan untuk membuat niat dan tindakan yang konsisten dan sejauh mana keutamaan nilai moral seseorang untuk bertindak mengikut prinsip moral. Subskala ini menilai integriti secara saksama dalam tindakan yang dilakukan sama ada secara persendirian mahupun di awam.

Item-item dalam subskala ini menggambarkan pernyataan negatif yang dikira secara terbalik (contoh item: ‘Jika tiada siapa yang tahu, tidak mengapa untuk mencuri sejumlah wang yang kecil atau perkara lain yang tidak akan terlepas oleh sesiapa’) (contoh item: ‘tidak ada gunanya saya berusaha keras untuk melakukan sesuatu yang baik jika tiada siapa yang menghargainya’). Selepas skor disusun secara terbalik, maka skor yang tinggi menggambarkan integriti seseorang adalah tinggi dan selaras dengan pegangan moral. Dalam kajian ini, skor integriti moral yang tinggi diinterpretasikan bahawa pelajar mempunyai nilai integriti moral yang tinggi yang mencerminkan identiti moral mereka dan kemungkinan bebas dari sebarang konflik integriti moral. Sebaliknya, skor yang rendah mencerminkan tahap integriti moral yang rendah dan wujud penghakisan pegangan moral.

3.6.4 Pengukuran Refleksi Sosiomoral (Brugman et al., 2007)

Pengukuran Refleksi Sosiomoral adalah satu instrumen yang bertujuan untuk mengukur tahap pertimbangan moral berdasarkan peringkat-peringkat perkembangan moral yang dicadangkan oleh Kohlberg (1958 - 1984) dan juga Gibbs (2019). Pada asalnya instrumen ini bersifat subjektif yang memerlukan responden untuk menjawab secara bertulis. Namun selepas beberapa siri pembangunan dan pengukuhan instrumen, Brugman et al. (2007) telah membangunkan instrumen *Sociomoral Reflection Measure – Short Form Objective* (SRM-SFO) yang bersifat objektif (*rate and rank*).

Penggunaan instrumen SRM-SFO untuk mengukur pertimbangan moral telah digunakan secara meluas oleh penyelidik dari pelbagai negara melibatkan golongan remaja yang berumur 11 hingga 18 tahun dan juga golongan dewasa. Antara negara yang pernah menggunakan instrumen SRM-SFO ialah Rusia, Belanda, Malaysia, Romania, Iran dan Amerika Syarikat (Brugman et al., 2021; Faiciuc, 2015; Hooshyari et al., 2018;

Kovalenik, 2015; Sathish Rao, 2018; Shields et al., 2018). Justeru, instrumen ini telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa dan disahkan oleh penerbit instrumen untuk kegunaan antarabangsa. Justeru, instrumen ini dalam kajian ini dianggap bersesuaian untuk remaja Malaysia kerana penggunaannya merentas jantina, umur, tahap pendidikan dan struktur budaya (Brugman et al., 2021).

Pengkaji telah mendapatkan kebenaran dari Daniel Brugman untuk menggunakan instrumen Pengukuran Refleksi Sosiomoral bagi kajian ini (rujuk Lampiran E). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen SRM-SFO yang telah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu untuk penganalisan data kajian dalam penyelidikan yang bertajuk: “Pertimbangan Moral, Motivasi dan Nilai Moral Pelajar Pendidikan Moral di Sekolah Menengah” (Sathish Rao, 2018). Penggunaan instrumen SRM-SFO dalam kajian Sathish Rao (2018) mendapati nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu Alpha melebihi daripada 0.80, manakala nilai Alpha dalam kajian asal Brugman et al. (2007) menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat memuaskan iaitu 0.73. Malah, kajian terkini Brugman et al. (2021) menunjukkan ketekalan dalaman yang memuaskan iaitu $\omega \geq 0.60$.

Instrumen SRM-SFO adalah satu pengukuran pengecaman (*recognition measure*) yang memerlukan responden untuk mengenal pasti pertimbangan moral berdasarkan item-item yang disusun secara berperingkat. Instrumen ini hasil daripada penggabungan format bebas dilema dari instrumen *Sociomoral Reflection Measure* (SRM-SF; Gibbs et al., 1992) dan tatasusunan pertimbangan moral yang berperingkat dari instrumen *Sociomoral Reflection Objective Measure – Short Form* (SROM-SF; Basinger & Gibbs, 1987). Dalam erti kata lain instrumen SRM-SFO adalah satu-satunya instrumen pertimbangan moral yang tidak menggunakan dilema moral dan juga kadaran kepada hujah-hujah yang diberi untuk penyelesaian dilema berperanan sebagai motif utama untuk penilaian

pertimbangan moral. Justeru, instrumen ini memerlukan penilaian kepada hujah-hujah yang melibatkan bidang nilai. Individu yang menjawab instrumen ini memerlukan refleksi tentang nilai moral yang diberi dalam soalan dalam konteks situasi sosial yang dinamakan sebagai refleksi sosiomoral (Beerthuisen & Brugman, 2015).

Dalam instrumen SRM-SFO mengandungi 10 soalan. Setiap soalan memperkenalkan satu nilai yang terdapat dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai tersebut disusun dalam empat bidang: kontrak sosial dan kebenaran (4 soalan), perhubungan (1 soalan), kehidupan (2 soalan), harta benda, undang-undang dan keadilan (3 soalan). Bidang-bidang nilai ini adalah berdasarkan konsep asal yang digunakan oleh Kohlberg dalam instrumen beliau (Colby & Kohlberg, 1987). Oleh kerana instrumen ini bersifat unidimensi (*unidimensional*), maka kesemua 10 soalan yang didasari oleh keempat-empat bidang nilai diukur secara keseluruhan. Justeru, kesemua 10 soalan menyumbang kepada skor keseluruhan tahap pertimbangan moral. Jadual 3.5 menunjukkan empat bidang nilai, soalan dan sub soalan yang digunakan dalam instrumen Pengukuran Refleksi Sosiomoral.


Jadual 3.5

Bidang Nilai bagi Instrumen Pengukuran Refleksi Sosiomoral

Bidang nilai	Soalan
Kontrak Sosial dan Kebenaran	1, 2, 3, & 4
Perhubungan	5
Kehidupan	6 & 7
Harta Benda, Undang-Undang & Keadilan	8, 9 & 10

Setiap soalan merangkumi tiga bahagian penting yang bermula dengan pengenalanpastian isu-isu moral tertentu berdasarkan empat bidang nilai (contoh, ‘adakah anda akan menepati janji dengan rakan anda?’). Bahagian pertama adalah berkaitan dengan

mengenal pasti kepentingan nilai moral berdasarkan bayangan isu moral yang digambarkan pada permulaan set soalan (contoh, ‘adakah penting bagi anda untuk menepati janji dengan rakan anda?’). Bahagian ini menilai kepentingan responden terhadap isu tersebut secara umum. Responden menjawab soalan ini dengan menggunakan skala *Likert* tiga mata yang bermula dengan skala 0 ‘tidak penting; 1 ‘penting’; 2 ‘sangat penting’.



Bahagian kedua pula (pengukuran pertimbangan moral) bermula dengan soalan yang berkaitan dengan isu atau situasi moral yang dinilai sebelum ini (contoh, andaikan anda bersetuju bahawa menepati janji dengan rakan adalah penting, apakah alasan yang anda akan berikan?') dan diikuti dengan empat alasan yang mempunyai keberkaitan dengan empat tahap pertimbangan moral selaras dengan tahap perkembangan sosiomoral Gibbs (2019). Responden menilai setiap alasan (contoh alasan A: kerana rakan anda telah banyak membantu dan anda perlukan rakan) yang paling hampir dengan pertimbangannya dengan menggunakan skala *Likert* tiga mata. Setiap alasan ini mempunyai 3 jenis respons yang terdapat dalam bentuk skala *Likert* tiga mata iaitu (1) *ya*, apabila responden mahu menunjukkan bahawa alasan ini sama dengan pertimbangan/justifikasi mereka; (2) *tidak*, apabila responden mahu menunjukkan bahawa alasan ini tidak menyerupai pertimbangannya/justifikasinya dan; (3) *tidak pasti*, apabila peserta tidak pasti sama ada ia menyerupai justifikasi yang hendak diberi. Keempat-empat alasan tersebut perlu dijawab oleh responden dengan menggunakan skala yang diberikan.

Ya Tidak Tidak pasti
-----1-----2-----3-----

Akhir sekali ialah bahagian ketiga yang berkaitan dengan pemilihan alasan yang terbaik bagi responden. Berdasarkan kepada empat alasan yang dijawab dalam bahagian dua, responden perlu memilih satu alasan yang paling hampir atau mewakili atau menyerupai dengan pertimbangan/ justifikasi mereka di bahagian tiga (contoh soalan, ‘berdasarkan alasan tersebut, alasan manakah yang paling hampir dengan alasan yang anda fikirkan?’). Di bahagian tiga, responden diberi empat pilihan untuk dipilih iaitu A, B, C dan D. Responden perlu merujuk semula bahagian dua untuk memilih alasan yang paling hampir atau terbaik dari perspektif pemikiran mereka. Jika responden menjawab tidak atau tidak pasti untuk mana-mana alasan, mereka masih boleh memilih alasan tersebut jika ia paling hampir dengan pertimbangan mereka. Dalam bahagian tiga, responden boleh memilih lebih daripada satu alasan yang dianggap menyerupai justifikasi mereka.

Jawapan yang diberikan oleh responden bagi bahagian satu, dua dan tiga dimasukkan dalam lembaran skor yang telah disediakan oleh penerbit instrumen (rujuk Lampiran H). Dengan menggunakan lembaran tersebut, pengkaji akan mengira skor kematangan global dengan menggunakan rumus Peratus Pengukuran Refleksi Sociomoral atau *Sociomoral Reflection Measure Percentage* (SRMP). Julat skor kematangan global adalah dari 0 hingga 100. Skor yang diperoleh dikategorikan kepada tahap-tahap pertimbangan moral yang terbahagi kepada empat iaitu; tahap 1 dan 1(2): tidak matang dan tahap 2(1) dan 2: matang. Semakin tinggi skor yang diperoleh oleh responden menunjukkan semakin tinggi tahap kematangan pertimbangan moral mereka.

Penggunaan analisis deskriptif iaitu skor min dan tahap keseluruhan konstruk dilampirkan dalam penganalisan data. Ini bertujuan untuk memberi gambaran keseluruhan mengenai tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah sama ada matang atau tidak matang berdasarkan empat tahap yang dicadangkan dalam Teori Perkembangan Sosiomoral Gibbs (2019). Brugman et al. (2021) mengesyorkan bahawa skor kematangan pertimbangan moral responden dianalisis secara keseluruhan bagi melihat tahap penguasaan pertimbangan moral. Walaupun keempat-empat bidang nilai yang terdapat dalam instrumen ini menyumbang kepada peranan yang sama (pengukuran pertimbangan moral secara keseluruhan), penjelasan untuk setiap bidang nilai perlu dijelaskan dalam bahagian ini untuk memahami struktur pembentukan pengukuran refleksi sosiomoral.

(a) Kontrak Sosial dan Kebenaran

Bidang nilai kontrak sosial dan kebenaran mengukur perubahan perkembangan refleksi sosiomoral yang dapat dilihat dalam konteks menepati janji (nilai kontrak sosial) dan juga konteks pertimbangan dalam bercakap benar (kebenaran). Bidang ini meninjau perkembangan kematangan justifikasi moral responden terhadap kepentingan nilai. Soalan-soalan yang terdapat dalam bidang ini menilai kepentingan nilai, penguasaan justifikasi moral atau pertimbangan moral yang berdekatan dengan diri responden. Justifikasi berkaitan dengan kontrak sosial atau perjanjian mempunyai perkaitan dengan respons penilaian moral kepada soalan 1 (contoh, 1. ‘adakah anda akan menepati janji dengan rakan anda?’), soalan 2 (contoh, ‘adakah anda akan menepati janji terhadap individu yang tidak/jarang dikenali?’) dan soalan 3 (contoh, ‘bagaimana pula menepati janji dengan kanak-kanak?’). Justifikasi kebenaran pula berkaitan dengan soalan 4 (contoh, ‘apakah pendapat anda tentang bercakap benar/jujur?’). Skor keempat-empat soalan bidang nilai kontrak ini menyumbang kepada pembentukan skor keseluruhan tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

(b) Perhubungan

Bidang nilai perhubungan mengukur justifikasi pertimbangan moral berkaitan perhubungan responden dalam membantu ibu bapa mereka dan juga rakan-rakan dalam kehidupan seharian. Justifikasi ini memberi gambaran mengenai konsep perhubungan yang berperingkat dan berkembang menjadikan hubungan yang bermoral. Bidang nilai perhubungan ini menilai justifikasi moral responden dalam memelihara dan mengekal perhubungan yang baik yang digambarkan dalam soalan 5 (contoh, ‘Cuba fikirkan apabila anda membantu dan menolong ibu atau bapa anda’). Dalam kajian ini, skor soalan bidang nilai perhubungan menyumbang kepada skor keseluruhan tahap pertimbangan moral.

(c) Kehidupan

Bidang nilai kehidupan dikonsepsikan sebagai menghargai nilai nyawa untuk diri sendiri, orang lain, masyarakat mahupun kepada Tuhan. Hal ini kerana nilai seseorang nyawa adalah sangat penting berbanding apa jua perkara lain. Justeru, bidang nilai ini menilai justifikasi moral responden dalam menyelamatkan rakan mereka dan juga nyawa individu yang tidak dikenali. Justifikasi moral di antara nyawa rakan dengan nyawa individu yang tidak dikenali digambarkan dalam soalan 6 (contoh, ‘bagaimanakah jika rakan anda memerlukan pertolongan kecemasan kerana terlibat dalam kemalangan dan hanya anda seorang sahaja yang mampu membantunya?’) dan juga soalan 7 (contoh, ‘bagaimanakah jika anda perlu menyelamatkan nyawa individu yang tidak dikenali?’). Skor kedua-dua soalan bidang nilai kehidupan menyumbang kepada skor keseluruhan tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

(d) Harta Benda, Undang-Undang dan Keadilan

Bidang nilai harta dan undang-undang merujuk kepada menghormati penggunaan harta benda orang lain dan kepatuhan kepada undang-undang, manakala keadilan undang-undang merujuk kepada pencegahan dan tanggungjawab bersama dalam menegakkan keadilan. Bidang nilai ini mengukur justifikasi moral responden dalam memelihara, menghargai dan menghormati harta benda seseorang, mematuhi undang-undang demi kebaikan masyarakat dan sejagat dan juga keadilan undang-undang melibatkan pendakwaan dan hukuman terhadap penjenayah oleh hakim di mahkamah. Bidang nilai harta benda, undang-undang dan keadilan undang-undang digambarkan dalam soalan 8 (contoh, 'manusia tidak dibenarkan untuk mengambil barang yang dimiliki oleh individu lain'), soalan 9 (contoh, 'manusia perlu mematuhi undang-undang') dan soalan 10 (contoh, 'apakah tindakan yang patut diambil oleh seorang hakim jika terdapat seseorang itu tidak mematuhi undang-undang?'). Skor ketiga-tiga soalan bidang nilai ini menyumbang kepada skor keseluruhan tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

3.6.5 Pengukuran Kecenderungan Prosocial (Carlo et al., 2003)

Pengukuran Kecenderungan Prosocial adalah satu instrumen yang berperanan mengukur dan menilai kecenderungan individu untuk melibatkan diri dalam bentuk tingkah laku prososial tertentu. Carlo et al. (2003) telah membangunkan instrumen Pengukuran Kecenderungan Prosocial atau dikenali sebagai *Prosocial Tendencies Measure-Revised* (PTM-R) yang telah disemak semula untuk ditadbir bagi golongan remaja yang berumur 11 hingga 16 tahun dalam melaporkan kecenderungan tingkah laku prososial mereka. Tujuan instrumen PTM-R ini selaras dengan objektif dan matlamat kajian yang berperanan mengukur kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar

sekolah menengah yang berumur 16 tahun. Menurut Carlo dan Randall (2002), kecenderungan tingkah laku prososial boleh ditinjau dengan menggunakan 6 subskala iaitu emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam.

Instrumen PTM-R adalah satu pengukuran penilaian sendiri (*self-assessment* atau *self-report*) yang telah digunakan secara meluas di abad ke-21 dengan lebih daripada 25 buah negara telah menggunakan instrumen tersebut (Martí-Vilar et al., 2019). Penggunaan yang meluas ini mencerminkan kesesuaian penggunaan instrumen yang merentas populasi, latar belakang, struktur budaya mahupun tahap pendidikan sampel. Malaysia juga tidak ketinggalan menggunakan instrumen ini dalam kajian-kajian behaviourisme yang melibatkan golongan remaja (awal dan akhir remaja) dan dewasa dari pelbagai etnik, bangsa dan agama (Abdullah et al., 2020; Lau, 2013; Mohd Zailani et al., 2022).

Pada asalnya, Pengukuran Kecenderungan Prososial ini mengandungi 21 item dari instrumen asal Carlo et al. (2003) yang terbahagi kepada 6 subskala iaitu emosi (5 item), keperluan (3 item), tanpa pengetahuan (4 item), pematuhan (2 item), altruisme (4 item) dan awam (3 item). Namun, oleh kerana kekurangan item dalam subskala pematuhan, instrumen ini telah diubah suai oleh Kou et al. (2007) dari Beijing Normal University, China dengan menambah tiga item bagi subskala pematuhan. Malah, Kou et al. (2007) juga mengeluarkan satu item dari subskala awam kerana mempunyai maksud yang sama dengan satu lagi item dan menambah satu item dalam subskala awam. Penambahan item bagi subskala pematuhan dan awam adalah untuk memastikan kebolehpercayaan kedua-dua subskala dapat ditambahbaik dan dipenuhi (Kou et al., 2007). Selepas pengubahsuaian ini, nilai kebolehpercayaan didapati tinggi iaitu pekali Alpha adalah antara 0.60 hingga 0.93 untuk kesemua subskala (Kou et al., 2007; Li et al., 2018; Ngai & Xie, 2018), manakala nilai kebolehpercayaan bagi instrumen asal PTM-R pula

menunjukkan tahap boleh diterima iaitu Alpha antara 0.59 hingga 0.86. Justeru, pengkaji telah mendapatkan kebenaran dari penerbit instrumen asal Gustavo Carlo untuk digunakan (versi Bahasa Melayu) dalam kajian ini dan juga dari Kou (penambahan 4 item) (rujuk Lampiran I untuk Kou).

Dalam pada itu, instrumen PTM-R selepas pengubahsuaian mengandungi 24 item dengan mengekalkan keenam-enam subskala. Jadual 3.6 menunjukkan jumlah item bagi setiap subskala dan susunan item untuk setiap subskala. Pendekatan kepelbagaian dimensi (*multidimensional approach*) dalam instrumen kajian ini memberi nilai dan makna tersendiri kepada setiap subskala yang dibina.

Jadual 3.6

Subskala dan item-item bagi Instrumen Pengukuran Kecenderungan Prososial

Subskala	Jumlah item	Senarai Item	Item Negatif
Emosi	5	2, 11, 15, 19 & 21	-
Keperluan	3	5, 8 & 13	-
Tanpa Pengetahuan	4	7, 10, 14 & 17	-
Pematuhan	5	6, 16, 22, 23 & 24	-
Altruisme	4	4, 9, 18 & 20	4, 9, 18 & 20
Awam	3	1, 3 & 12	-

Setiap item mengandungi pernyataan yang memerlukan responden untuk menilai berdasarkan skala *Likert* lima mata yang disusun mengikut darjah penerangan diri responden daripada skala 1 (tidak langsung menggambarkan diri saya) sehingga skala 5 (sangat banyak menggambarkan diri saya). Jumlah skor adalah di antara 24 hingga 130.

Berikut merupakan skala *Likert* yang digunakan untuk instrumen kajian ini:

Tidak langsung menggambarkan diri saya	Menggambarkan diri saya Sedikit	Agak menggambarkan diri saya	Menggambarkan diri saya dengan baik	Menggambarkan diri saya dengan tepat
-----1-----	-----2-----	-----3-----	-----4-----	-----5-----

Semakin tinggi skor yang diperoleh oleh responden menunjukkan lebih tinggi kecenderungan responden untuk bertingkah laku prososial dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan analisis deskriptif iaitu skor min dan tahap keseluruhan setiap subskala dilaporkan dalam penganalisan data. Pelaporan analisis deskriptif bagi setiap subskala adalah penting untuk menerangkan tahap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah dalam pelbagai bentuk kecenderungan seperti emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam. Tahap kecenderungan prososial dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Justeru, penerangan terperinci untuk setiap subskala yang terlibat dalam instrumen kajian ini perlu dijelaskan.

(a) Emosi

Tingkah laku prososial emosi merujuk kepada orientasi membantu orang lain dalam keadaan yang menimbulkan emosi atau situasi yang penuh dengan emosi. Tindak balas emosi pemerhati (responden) mungkin dipengaruhi oleh emosi yang orang lain. Justeru, tindak balas emosi ini mengundang kecenderungan simpati terhadap orang lain. Dalam keadaan ini, responden berkemungkinan bertingkah laku prososial untuk membantu individu tersebut. Subskala emosi ini menilai kecenderungan tindak balas responden berdasarkan motif emosi (contoh, saya berasa puas hati apabila saya dapat menenangkan seseorang yang sedang bersusah hati/ bersedih). Dalam kajian ini, skor subskala emosi yang tinggi menggambarkan pelajar mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk

bertingkah laku prososial apabila dipengaruhi motif emosi. Sebaliknya, skor yang rendah diinterpretasikan sebagai kecenderungan yang rendah untuk bertingkah laku prososial.

(b) *Keperluan*

Kecenderungan tingkah laku prososial bermotif keperluan adalah tingkah laku membantu orang lain yang berada dalam krisis atau keadaan kecemasan atau situasi yang selalunya tidak melibatkan kebangkitan emosi. Apabila seseorang individu menawarkan pertolongannya kepada mereka yang sangat memerlukannya, maka tindak tingkah laku tersebut didorong oleh keadaan yang terdesak. Justeru, tingkah laku prososial yang terhasil dari motif ini adalah bersifat wajib dan perlu dibantu individu yang memerlukannya walau apa jua sekali pun. Subskala keperluan ini menilai kecenderungan tindak balas responden berdasarkan motif keperluan yang mengharuskan responden untuk membantu dalam keadaan kecemasan, krisis atau darurat (contoh, 'saya lebih cenderung untuk membantu orang yang benar-benar mempunyai krisis atau memerlukannya'). Bagi kajian ini, skor subskala keperluan yang tinggi menunjukkan pelajar cenderung untuk bertingkah laku prososial (membantu orang lain) dalam keadaan yang memerlukan pertolongan mereka. Jika, skor rendah pula menggambarkan pelajar tidak menawarkan sebarang bantuan dalam keadaan krisis.

(c) *Tanpa Pengetahuan*

Kecenderungan tingkah laku prososial tanpa pengetahuan merujuk kepada tingkah laku membantu apabila orang yang menerima bantuan tersebut tidak mengenali individu yang menawarkan bantuan tersebut. Justeru, tingkah laku membantu dilakukan tanpa pengetahuan orang yang menerima bantuan tersebut. Hal ini kerana motif dalaman individu tersebut adalah untuk menolong seseorang dan tindakan tersebut tidak perlu

diketahui mahupun didedahkan kepada sesiapa. Subskala tanpa pengetahuan ini melihat kecenderungan responden membantu orang lain tanpa diketahui mahupun didedahkan kepada orang ramai (contoh, 'saya lebih suka menderma wang tanpa diketahui sesiapa pun'). Skor subskala tanpa pengetahuan yang tinggi menerangkan pelajar mempunyai tahap kecenderungan bertingkah laku prososial tinggi yang tingkah lakunya tidak mahu diketahui oleh si penerima atau sesiapa pun. Sebaliknya, pelajar yang memperoleh tahap kecenderungan prososial tanpa pengetahuan yang rendah kebiasaannya lebih suka tingkah laku membantu diketahui orang lain dan tingkah laku ini tidak menggambarkan nilai prososial.

(d) Pematuhan

Motif pematuhan adalah tingkah laku prososial yang terhasil sebagai tindak balas kepada permintaan secara lisan atau bukan lisan daripada individu yang memerlukan. Tingkah laku yang didorong oleh motif pematuhan ini dijangka berlaku lebih kerap atau faktor permintaan berbanding membantu secara spontan. Apabila seseorang individu diminta pertolongan, maka tindak balas tingkah laku terhasil atas faktor menuruti permintaan tersebut. Individu yang menawarkan pertolongan dalam motif pematuhan ini kebiasaannya mengubah tingkah lakunya atas permintaan atau arahan daripada orang lain. Justeru, Subskala pematuhan ini berperanan mengukur kecenderungan tingkah laku prososial responden dalam konteks pematuhan sama ada atas permintaan, kehendak, atau arahan dari orang yang memerlukan atau menyuruh (contoh, 'apabila orang meminta saya membantu mereka, saya tidak teragak-agak'). Dalam kajian ini, skor subskala pematuhan yang tinggi diinterpretasikan pelajar berkecenderungan tingkah laku prososial yang tinggi bermotifkan kepada tingkah laku yang mematuhi, menuruti atau memenuhi permintaan dan arahan orang lain. Skor yang rendah yang menggambarkan bahawa kecenderungan yang tingkah laku yang tidak didorong dengan permintaan seseorang.

(e) Altruisme

Tingkah laku prososial bersifat altruistik dirujuk sebagai bantuan sukarela yang didorong oleh keprihatinan terhadap keperluan dan kebajikan orang lain berbanding keperluan dirinya. Tingkah laku altruistik sering didorong oleh norma atau prinsip bersimpati dan penghayatan. Apabila responden bersimpati dan berempati atas situasi orang lain, maka tindakan tingkah laku prososial berpunca daripada faktor emosi terhadap orang lain. Bersimpati menggalakkan motivasi seseorang untuk meringankan kesusahan orang lain secara sukarela. Malah, altruisme terhasil apabila seseorang individu menghayati norma atau prinsip membantu orang lain. Justeru, individu yang berprinsip berkemungkinan terlibat dalam tingkah laku yang memanfaatkan orang lain terutamanya orang yang memerlukan. Dalam kajian ini, subskala altruisme ini mengukur kecenderungan tingkah laku prososial pelajar yang didorong oleh konsep membantu orang lain secara sukarela dan prihatin terhadap kebajikan dan keperluan orang yang memerlukannya (contoh, 'saya sering membantu walaupun saya rasa saya tidak akan mendapat apa-apa daripada membantu'). Skor subskala altruisme yang tinggi menunjukkan bahawa tingkah laku pelajar didorong oleh motif altruisme yang tinggi, manakala skor yang rendah pula menggambarkan tingkah laku pelajar tidak mempunyai nilai altruisme dan cenderung untuk tidak bertindak prososial dalam tindakan mereka.

(f) Awam

Tingkah prososial bermotif awam merujuk kepada tingkah laku yang dilakukan atau didorong dengan kehadiran khalayak ramai. Tingkah laku bermotif awam ini bertujuan untuk mendapatkan penghargaan dari orang lain seperti ibu bapa, rakan sebaya, guru mahupun dari masyarakat yang bertujuan untuk meningkat nilai diri seseorang. Dalam tingkah laku ini, individu tersebut bertindak untuk mendapatkan saksi yang

membuktikan, mengesahkan dan menghargai hasil tingkah lakunya. Subskala awam ini menilai kecenderungan responden untuk bertingkah laku prososial untuk khalayak ramai dengan tujuan untuk mendapat persetujuan atau penghargaan dari orang lain (contoh, 'saya boleh membantu orang lain apabila orang awam memerhatikan saya'). Tingkah laku prososial awam ini dijangka berkait secara negatif dengan tahap pertimbangan moral kerana individu yang memiliki tahap pertimbangan moral tinggi kemungkinan tidak bertingkah laku prososial untuk mendapatkan penghargaan dari orang lain. Justeru, skor subskala awam yang tinggi menggambarkan pelajar cenderung untuk bertingkah laku prososial semata-mata untuk mendapatkan perhatian dari orang lain.

3.7 Penterjemahan dan Kesahan Instrumen Kajian

Sebelum mengendalikan kajian rintis, salah satu proses yang penting untuk memastikan instrumen kajian sesuai untuk kajian sebenar adalah kesahan bahasa dan kandungan. Bagi aspek kesahan bahasa, penterjemahan instrumen telah dijalankan dengan menggunakan terjemahan balik (*back translation*) yang melibatkan dua pakar penterjemah (rujuk Lampiran J; Lampiran K). Selepas proses penterjemahan selesai, seorang pakar bahasa diminta untuk menilai terjemahan tersebut berdasarkan darjah penumpuan dan kesesuaian struktur ayat untuk sampel kajian dan seterusnya mengesahkan instrumen tersebut untuk aspek bahasa.

Bagi kesahan kandungan, khidmat dua orang pakar dari bidang psikologi pendidikan dan psikologi moral telah digunakan dalam kajian ini. Kesahan kandungan dari kedua-dua pakar bidang dikira dengan menggunakan kaedah persetujuan antara penilai (*inter rater agreement*) yang kebiasaannya digunakan untuk pemungutan data kesahan kandungan instrumen kajian (Hallgren, 2012). Selepas melalui proses kesahan bahasa dan

kandungan, pengumpulan data untuk kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

3.7.1 Penterjemahan Instrumen Kajian

Instrumen asal kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini adalah dalam Bahasa Inggeris. Justeru, instrumen kajian tersebut perlu diterjemahkan ke bahasa sasaran iaitu Bahasa Melayu. Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan yang digunakan secara rasmi di sekolah-sekolah. Menurut Furukawa dan Driessnack (2016), terdapat pelbagai kaedah yang digunakan untuk penterjemahan instrumen kajian. Antaranya ialah terjemahan *forward-backward*, terjemahan sehala, terjemahan jawatankuasa (*committee translation*) dan terjemahan balik (*back translation*). Kaedah terjemahan balik adalah antara kaedah yang dianggap bernilai dan disarankan berbanding lain-lain kaedah lain dalam kajian sains sosial (Toma et al., 2017). Hal ini kerana terjemahan balik mengekalkan kualiti asal instrumen kajian dan membenarkan modifikasi yang dianggap sesuai untuk sampel kajian (Tyupa, 2011). Bagi tujuan kajian ini, kaedah terjemahan balik digunakan untuk menterjemah instrumen kajian yang pada asalnya dalam bahasa Inggeris ke bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu dan kemudian diterjemahkan balik ke bahasa Inggeris untuk meninjau ketepatan terjemahan (Douglas & Craig, 2007).

Justeru, khidmat penterjemahan dari dua orang pakar penterjemah bertauliah (Pakar A: bahasa Inggeris - bahasa Melayu) (Pakar B: bahasa Melayu - bahasa Inggeris) dari Pusat Kemahiran Bahasa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah digunakan dalam kajian ini untuk menterjemahkan item-item soal selidik. Pemilihan kedua-dua pakar penterjemah adalah berdasarkan kelayakan akademik dengan memiliki Ijazah Sarjana Pendidikan dalam bidang bahasa, pengalaman dalam bidang bahasa dan juga penglibatan dalam bengkel penterjemahan MABBIM.

Proses penterjemahan ini dimulakan dengan Pakar A menterjemahkan item-item soal selidik dari bahasa sumber (bahasa Inggeris) ke bahasa sasaran (bahasa Melayu). Seterusnya, Pakar B menterjemahkan balik soal selidik versi bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Dalam proses penterjemahan ini, hanya tiga instrumen kajian sahaja yang terlibat iaitu Skala kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu, Skala Identiti Moral dan juga Pengukuran Kecenderungan Prososial. Bagi instrumen Pengukuran Refleksi Sosiomoral, pengkaji menggunakan instrumen yang telah sedia diterjemahkan ke Bahasa Melayu dari kajian Sathish Rao (2018). Selanjutnya, seorang pakar bahasa yang memiliki Ijazah Kedoktoran dalam bidang bahasa telah diminta untuk menilai kesetaraan struktur penterjemahan dari aspek konsistensi dan ketepatan makna asli antara soal selidik asal dengan soal selidik terjemahan. Jadual 3.7 menunjukkan latar belakang kelayakan penterjemah dan juga pakar bahasa.

Jadual 3.7

Latar Belakang Kelayakan Pakar Penterjemah dan Pakar Bahasa

Penterjemah/ Pakar	Tahap Pendidikan	Kepakaran	Pengalaman dalam bidang
A (bahasa Inggeris - bahasa Melayu)	Ijazah Sarjana Pendidikan	Linguistik dan Bahasa	10
B (bahasa Melayu - bahasa Inggeris)	Ijazah Sarjana Pendidikan	Linguistik dan Bahasa	14
Pakar Bahasa	Ijazah Kedoktoran	Linguistik dan Tatabahasa	13

Selepas proses penilaian, pakar bahasa menyemak dan menilai soal selidik versi Bahasa Melayu. Berdasarkan keputusan akhir pakar bahasa, beberapa pindaan telah dicadangkan dari aspek sintaksis, kosa kata dan kesetaraan struktur mengikut kesesuaian sampel kajian iaitu pelajar sekolah menengah. Hasil pindaan tersebut juga telah ditentukan oleh pakar bahasa yang sama dan sesuai digunakan untuk kajian sebenar (rujuk Lampiran L).

3.7.2 Kesahan Kandungan Instrumen Kajian

Bagi kesahan kandungan (*content validity*), khidmat dua orang pakar kandungan telah digunakan dalam kajian ini. Panel pakar kandungan dalam kajian ini terdiri daripada dua orang ahli akademik dalam bidang pendidikan dan psikologi moral dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM) dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM) (rujuk Lampiran M; Lampiran N). Latar belakang kelayakan dan kepakaran yang dimiliki oleh pakar bidang diterangkan dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8

Latar Belakang Kelayakan Pakar Bidang

Pakar Bidang	Universiti	Kepakaran	Pengalaman dalam bidang
A	Universiti Malaya (UM)	Pendidikan	17
B	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Psikologi Moral	10

Dalam proses ini, panel pakar kandungan menilai semula setiap item bagi setiap konstruk melalui tiga peringkat berikut: (1) menentukan kesesuaian item yang bertepatan dengan konstruk dan kefahaman sampel kajian, (2) menentukan kesesuaian jumlah item yang dicadangkan bagi setiap konstruk dan (3) menyatakan skala penilaian bagi setiap item (Mohd Nazri, 2014). Dalam kajian ini, kesahan kandungan dijalankan terhadap kelima-lima bahagian yang terdapat dalam instrumen kajian dengan jumlah item sebanyak 72 dan diedarkan kepada kedua-dua pakar untuk penilaian.

Penilaian kesahan kandungan adalah berdasarkan kepada tiga kriteria utama iaitu kerelevanan, kejelasan dan juga kepentingan untuk konstruk, objektif dan matlamat kajian. Malah, panel pakar juga diminta menilai, menyemak dan meneliti penggunaan bahasa dan struktur ayat bagi mana-mana item yang didapati kurang jelas dan

mengelirukan sampel kajian. Panel pakar diminta untuk menilai setiap item berdasarkan darjah kerelevanan, kejelasan dan kepentingan untuk domain yang diukur dengan menggunakan julat skala seperti di bawah.

Tidak relevan/ jelas/ penting	Item perlu disemak semula	Relevan/ Jelas/ Penting tetapi memerlukan semakan kecil	Relevan/ Jelas/ Penting
-----1-----	-----2-----	-----3-----	-----4-----

Penilaian berdasarkan tiga kriteria adalah untuk mendapatkan persetujuan pakar kerana pakar merupakan penilai persetujuan (*inter rater*) yang mengesahkan kandungan instrumen kajian. Menurut Hallgren (2012), ketepatan dalam pengiraan persetujuan antara penilai (*inter rater agreement*) kebiasaannya digunakan untuk pemungutan data kesahan kandungan yang menggunakan skala dan dilaporkan dengan menggunakan kaedah pengiraan pekali persetujuan Cohen Kappa.

Justeru, hasil penilaian kedua-dua pakar dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan indeks kesahan kandungan (*item - content validity indeks*, I-CVI) untuk menentukan kualiti penerimaan item. Pekali Kappa digunakan sebagai kayu pengukur untuk menentukan kekuatan persetujuan. Semakin hampir nilai pekali (*Kappa Coefficient*) kepada 1, maka semakin tinggi kesahan item tersebut (Fleiss, 1971; Landis & Koch, 1977; Viera & Garnet, 2005). Jadual 3.9 menunjukkan skor persetujuan Cohen Kappa di antara kedua-dua pakar untuk ketiga-tiga kriteria dan juga interpretasi persetujuan Kappa berdasarkan Viera dan Garnet (2005).

Jadual 3.9

Skor Persetujuan Cohen Kappa di antara Dua Pakar Bidang

Kriteria	Nilai Persetujuan <i>inter rater</i> (Kappa)	Interpretasi Persetujuan
Kerelevanan	0.82	Sangat baik
Kejelasan	0.88	Sangat baik
Kepentingan	0.89	Sangat baik

Nota interpretasi: Sangat lemah (kurang dari 0.00); Lemah (0.01 - 0.20); Sederhana lemah (0.21 - 0.40); Sederhana (0.41 - 0.60); Baik (0.61 - 0.80); Sangat baik (0.80 - 1.00)

Berdasarkan Jadual 3.9, nilai persetujuan untuk ketiga-tiga kriteria iaitu kerelevanan, kejelasan dan kepentingan adalah melebihi 0.80 ($K > 0.80$) yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi di antara kedua-dua pakar. Malah, beberapa saranan dari panel pakar untuk pemurnian struktur ayat dalam item telah dibuat memastikan sampel kajian dapat memahami dengan lebih mudah. Antara pemurnian yang telah dilakukan adalah mengelakkan pernyataan item yang membawa dua makna, pengelakan penjelasan item dalam dua situasi, penggantian perkataan yang bersesuaian dengan tahap penguasaan bahasa pelajar dan pengelakan pengulangan perkataan yang sama dalam satu bentuk ayat (rujuk Lampiran O). Kesimpulannya, kesahan kandungan untuk soal selidik kajian ini sah dan diterima untuk digunakan dalam kajian sebenar.

3.8 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian dan Kajian Rintis

Kebolehpercayaan instrumen kajian dijalankan dengan menggunakan beberapa sampel kajian yang berpotensi terdiri daripada sebahagian sampel kajian sebenar untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian. Menurut Darusalam dan Hussin (2021), ujian kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian penting kerana ia memastikan pemboleh ubah kajian dapat menjawab kesemua objektif kajian yang digariskan oleh pengkaji. Bagi pengujian kebolehpercayaan instrumen kajian, nilai Pekali Alpha Cronbach iaitu

'*Cronbach's Coefficient Alpha*' digunakan untuk menganalisis dan menganggarkan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Justeru, kajian rintis dilaksanakan untuk membantu pengkaji menguji kebolehpercayaan instrumen kajian dan menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin berlaku ketika kajian sebenar dijalankan (Darusalam & Hussin, 2021). Secara praktikalnya, Hill (1998) dan Hair et al. (2022) menyarankan bahawa julat 10 hingga 30 saiz sampel kajian sudah memadai untuk kajian rintis. Namun Memon et al. (2017) menyatakan bahawa oleh kerana pekali *Cronbach Alpha* digunakan untuk meninjau kebolehpercayaan dan konsistensi dalaman instrumen kajian, maka saiz sampel 30 atau lebih adalah bersesuaian untuk memenuhi syarat asas kajian rintis. Selari dengan cadangan-cadangan di atas, sebanyak 44 sampel kajian telah diperoleh untuk kajian rintis dan jumlah tersebut digunakan untuk analisis kebolehpercayaan instrumen kajian.

Kajian rintis ini dijalankan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan A di daerah Gombak, Selangor dan data dikutip secara fizikal setelah memperoleh kelulusan daripada KPM dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN). Subjek kajian untuk kajian rintis tidak melibatkan sampel kajian yang sebenar. Kajian rintis dijalankan ke atas keempat-empat instrumen kajian yang terlibat iaitu Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu, Skala Identiti Moral, Pengukuran Refleksi Sosiomoral dan juga Pengukuran Kecenderungan Prososial.

Menurut Cronbach (1984) dan Creswell dan Creswell (2018), pentafsiran nilai ujian pekali Alpha Cronbach yang melebihi 0.70 dan ke atas, maka instrumen tersebut boleh diterima. Kajian rintis yang dijalankan untuk keempat-empat instrumen memperoleh pekali alpha yang melebihi 0.70 iaitu nilai pekali ini dianggap baik dan diterima (Jadual

3.10). Ini menunjukkan bahawa instrumen kajian ini sesuai dijalankan untuk kajian sebenar.

Jadual 3.10

Kebolehpercayaan Nilai Alpha Cronbach Instrumen Kajian

Konstruk	Nilai Alpha Cronbach (N = 44)	Interpretasi
Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu	0.710	Baik dan diterima
Skala Identiti Moral	0.701	Baik dan diterima
Pengukuran Refleksi Sosiomoral	0.737	Baik dan diterima
Pengukuran Kecenderungan Prosocial	0.826	Baik dan diterima

Selepas kajian rintis, beberapa perkara telah diambil perhatian oleh pengkaji. Pengkaji telah menambahbaik pelarasan perkataan dan bahasa bagi memudahkan pelajar senang faham, saiz tulisan dan jangka masa yang diambil oleh responden untuk menjawab soal selidik (rujuk Lampiran P). Perkara-perkara ini telah ditambahbaik bagi memastikan kajian sebenar dapat dijalankan dengan lancar. Dalam pada itu, analisis faktor pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis*, CFA) turut dijalankan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

3.9 Penganalisan Faktor Pengesahan (CFA)

Dalam kajian ini, analisis faktor pengesahan (CFA) adalah untuk mengukur kesahan konstruk yang melibatkan pengujian kesahan konvergen (*Convergent Validity*). Kebolehpercayaan konstruk (*Construct Reliability*, CR) turut digunakan untuk menjelaskan kebolehpercayaan konstruk dengan menggunakan data kajian sebenar. Analisis faktor pengesahan dilaksanakan dengan menggunakan perisian grafik AMOS, manakala program SPSS digunakan untuk mengukur pekali Alpha Cronbach.

Brown (2006) mendefinisikan kesahan konvergen sebagai konsistensi dalaman sesuatu set item atau indikator dalam sesebuah konstruk dengan syarat item-item mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan hanya mewakili satu faktor. Bagi kesahan konvergen, beban faktor (*factor loading*) dan purata varians terekstrak (*Average Variance Extracted*, AVE) digunakan dalam instrumen kajian. Selain itu, kebolehpercayaan konstruk (CR) ialah anggaran kebolehpercayaan yang kurang berat sebelah berbanding pekali Alpha Cronbach (Hair et al., 2018). Justeru, CR dalam analisis CFA menekankan bahawa setiap konstruk kajian yang melebihi 0.70 nilai kebolehpercayaan dianggap boleh dipercayai. Jadual 3.11 menunjukkan petunjuk bagi kesahan dan kebolehpercayaan konstruk kajian.

Dalam pada itu, pengkaji menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian untuk keempat-empat konstruk kajian. Selain itu, analisis berdasarkan subskala untuk setiap konstruk kajian diperihalkan dalam bahagian ini. Setiap subskala dalam konstruk kajian menggunakan kaedah skor agregat untuk indikator (*item parceling*) iaitu Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu (4 subskala), Skala Identiti Moral (2 subskala), Pengukuran Refleksi Sosiomoral (*unidimensional*) dan juga Pengukuran Kecenderungan Prososial (6 subskala).

Kaedah *item parceling* mempunyai beberapa kelebihan psikometrik. Menurut Matsunaga (2008), *item parceling* dapat mempertingkatkan kesamaan konstruk yang diukur, meningkatkan nisbah biasa ke nisbah yang unik untuk setiap indikator dan mengurangkan ralat rawak. Penggunaan skor agregat cenderung untuk menganggarkan taburan konstruk dengan lebih baik lebih baik daripada item individu. Kelebihan turut dipersetujui oleh Bahaman (2016) yang turut menekankan bahawa penggunaan kaedah *item parceling* untuk sesuatu konstruk dapat mengelakkan pelanggaran syarat kenormalan multivariat untuk setiap indikator dan juga mengurangkan bilangan anggaran parameter yang boleh

mengganggu kesepadanan model. Malah, Hair et al. (2022) menjelaskan bahawa kaedah ini dapat mengurangkan kekompleksan model, namun ia harus dibuat setelah setiap konstruk dinilai teliti dari segi nilai beban faktor.

Justeru, penggunaan kaedah item parceling bukan sahaja dapat mengurangkan kekompleksan model, malah dapat meningkatkan kesepadanan model dengan lebih baik. Kaedah ini dilakukan setelah penilaian setiap konstruk melalui kaedah CFA tertib-pertama (*First-order CFA*).

Jadual 3.11

Ringkasan Petunjuk Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Kajian

Bentuk Ujian	Tahap Penerimaan dan Petunjuk	Sumber Rujukan
Kesahan Konstruk		
<ul style="list-style-type: none"> Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>) 	Kesemua beban faktor piawai (<i>standardised factor loading</i>) perlu: <ul style="list-style-type: none"> Beban faktor > 0.5 Positif Tidak lebih daripada 1.0 (> 1 dikira sebagai <i>offending estimate</i>) Beban faktor yang tinggi (≥ 0.5) menunjukkan kesahan konvergen yang tinggi.	Byrne (2016), Hair et al. (2022) dan Fornell dan Larcker (1981)
	Purata Varians Terekstrak (<i>Average Variance Extracted, AVE</i>) <ul style="list-style-type: none"> AVE > 0.5 atau AVE > 0.4 diterima jika CR > 0.70 AVE yang tinggi menunjukkan kesahan konvergen yang tinggi.	
Kebolehpercayaan Konstruk		
<ul style="list-style-type: none"> Kebolehpercayaan Konstruk (<i>Construct Reliability, CR</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> CR > 0.70: Ketekalan dalaman yang lebih baik CR yang lebih 0.70 menunjukkan bahawa konstruk tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan diterima.	Hair et al. (2022), Hair et al. (2018) dan Tabachnick dan Fidell (2019)

3.9.1 Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu

Bagi analisis faktor pengesahan, CFA tertib-pertama (*First-order* CFA) telah dijalankan secara berasingan untuk kesemua 16 item berdasarkan empat subskala (Jadual 3.12). Beban faktor bagi kesemua 16 item yang terlibat dalam konstruk kajian ini telah mencapai kriteria yang dicadangkan oleh Hair et al., (2014) iaitu nilai beban faktor perlu melebihi daripada 0.5, positif dan tidak melebihi 1.0. Justeru, tiada item yang dikeluarkan daripada konstruk kajian.

Jadual 3.12

Analisis CFA Tertib Pertama Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu

Konstruk (Subskala)	Nombor Item	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) - Tertib Pertama	
		Beban Faktor	Jumlah Item
Rasa Bersalah - Penilaian Tingkah Laku Negatif (PTLN)	EM.1	0.696	4
	EM.9	0.795	
	EM.14	0.751	
	EM.16	0.717	
Rasa Bersalah -Pembaikan (P)	EM.2	0.718	4
	EM.5	0.724	
	EM.11	0.728	
	EM.15	0.680	
Rasa Malu - Penilaian Diri Negatif (PDN)	EM.3	0.749	4
	EM.6	0.664	
	EM.10	0.760	
	EM.13	0.655	
Rasa Malu – Penarikan Diri (PD)	EM.8	0.702	4
	EM.7	0.688	
	EM.4	0.694	
	EM.12	0.650	

Namun bagi mengurangkan kekompleksan model, kaedah skor agregat untuk indikator (*item parceling*) dicadangkan oleh Hair et al., (2022). Dalam pada itu, Jadual 3.13 menunjukkan keempat-keempat indikator yang telah diagregat dan mendapati beban faktor untuk kesemua subskala adalah di antara 0.619 hingga 0.796 dan nilai ini diterima.

Seterusnya, nilai AVE yang dilaporkan adalah sebanyak 0.491, manakala nilai Kebolehpercayaan Konstruk (CR) pula adalah sebanyak 0.793 yang telah melepasi syarat asas (lebih daripada 0.7) (Fornell & Larcker, 1981). Walaupun nilai AVE adalah di bawah kriteria asas 0.5 (Hair et al., 2022), namun nilai ini diterima kerana Fornell dan Larcker (1981) mencadangkan nilai AVE boleh diterima lebih 0.4 dengan syarat nilai CR lebih 0.7. Maka kesahan konvergen bagi konstruk tersebut masih mencukupi.

Jadual 3.13

Kesahan dan Kebolehpercayaan Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu

Konstruk (Subskala)	Jumlah Item	Analisis Faktor Pengesahan (CFA)		
		Beban Faktor	AVE	CR
Rasa Bersalah - Penilaian Tingkah Laku Negatif (PTLN)	4	0.701	0.491	0.793
Rasa Bersalah -Pembaikan (P)	4	0.796		
Rasa Malu - Penilaian Diri Negatif (PDN)	4	0.675		
Rasa Malu - Penarikan Diri (PD)	4	0.619		

Nota: CFA = *Confirmatory Factor Analysis*; AVE = *Average Variance Extracted* (Kesahan Konvergen); CR = *Construct Reliability* (Kebolehpercayaan Konstruk)

Kesimpulannya, kesahan konvergen dan kebolehpercayaan konstruk untuk Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu adalah diterima untuk penganalisan data lanjutan. Keempat-empat subskala dalam instrumen ini boleh mewakili dan berperanan untuk mengukur konstruk kecenderungan rasa bersalah dan malu.

3.9.2 Skala Identiti Moral

Analisis CFA tertib-pertama (Jadual 3.14) mendapati terdapat tiga item dalam subskala Diri Moral dan empat item dalam subskala Integriti Moral mempunyai nilai beban faktor yang bernilai negatif dan berada di bawah 0.5, menunjukkan item tersebut harus dikeluarkan satu per satu dari analisis kajian (Hair et al., 2022; Tabachnick & Fidell,

2019). Justeru, beberapa item dikeluarkan untuk subskala Diri Moral iaitu DM6, DM4 dan DM5, menjadikan jumlah item berkurangan menjadi 5 item daripada 8 item. Bagi subskala Integriti Moral, item IM11, IM12, IM18 dan IM16 dikeluarkan dari analisis kajian. Dengan itu, jumlah item subskala Integriti Moral berkurangan menjadi 8 item daripada 12 item.

Dari sudut statistik, 3 item dalam subskala diri moral dan 4 item dalam subskala integriti moral yang mempunyai nilai beban faktor di bawah 0.5 dan negatif adalah disebabkan oleh korelasi yang lemah dengan faktor (konstruk). Ini menunjukkan bahawa item-item tersebut tidak sebenarnya mewakili konstruk yang diukur (Hair et al., 2022). Kedua, item-item ini menunjukkan varians yang mewakili faktor adalah di bawah 17.5. Nilai ini adalah sangat rendah dan secara praktikal, tidak dapat menggambarkan sesuatu konstruk secara keseluruhan (Hair et al., 2022). Ketiga, bagi subskala integriti moral, mungkin item-item ini (nilai beban faktor di bawah 0.5 dan negatif) tidak semestinya bersifat negatif dan tidak memerlukan penskoran secara terbalik (*reverse scoring*), terutamanya untuk item yang mempunyai.

Dalam pada itu, sesuatu dimensi sekurang-kurangnya perlu ada 3 atau lebih item untuk memastikan dimensi tersebut dapat mengukur dan menggambarkan fenomena konstruk secara keseluruhan (Kenny, 2011). Justeru, 5 item dalam dimensi diri moral dan 8 item dalam dimensi integriti moral masih memadai dan boleh diterima untuk mengukur identiti moral secara keseluruhan. Malah, penerbit instrumen juga (Black & Reynolds, 2016) turut menyarankan pengukuhan sifat psikometrik instrumen MIQ melalui kajian lanjutan oleh pelbagai pengkaji dalam menerangkan peranan identiti moral secara teoretikal dan empirikal.

Jadual 3.14*Analisis CFA Tertib Pertama bagi Skala Identiti Moral*

Konstruk (Subskala)	Nombor Item	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) - Tertib Pertama			
		Beban Faktor		Jumlah Item	
		Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
Diri Moral	DM1	0.643	0.651	8	5
	DM2	0.686	0.675		
	DM3	0.693	0.693		
	DM4	0.253	Dikeluarkan		
	DM5	0.336	Dikeluarkan		
	DM6	0.199	Dikeluarkan		
	DM7	0.664	0.667		
	DM8	0.591	0.600		
Integriti Moral	IM9	0.556	0.550	12	8
	IM10	0.782	0.778		
	IM11	-0.119	Dikeluarkan		
	IM12	0.277	Dikeluarkan		
	IM13	0.848	0.860		
	IM14	0.669	0.663		
	IM15	0.749	0.752		
	IM16	0.333	Dikeluarkan		
	IM17	0.651	0.650		
	IM18	0.328	Dikeluarkan		
	IM19	0.662	0.663		
	IM20	0.556	0.713		

Setelah item tersebut dikeluarkan dari subskala, kaedah *item parceling* digunakan bagi kedua-dua subskala dalam konstruk untuk meningkatkan kesepadanan model. Berdasarkan kepada dapatan CFA *item parceling* (Jadual 3.15), beban faktor subskala Diri Moral adalah 0.879, manakala beban faktor untuk subskala Integriti Moral adalah 0.569. Kedua-dua beban faktor diterima kerana bernilai positif, melebihi 0.5 dan tidak menghampiri nilai 1.0 (Hair et al., 2022). Selain itu, nilai purata varians terekstrak (AVE) dan kebolehpercayaan konstruk (CR) bagi Skala Identiti Moral adalah 0.548 dan 0.700 masing-masing. Kedua-dua nilai ini melepasi syarat asas ($AVE > 0.5$; $CR > 0.70$) yang ditetapkan oleh Hair et al. (2022).

Jadual 3.15

Kesahan dan Kebolehpercayaan Skala Identiti Moral

Konstruk (Subskala)	Jumlah Item	Analisis Faktor Pengesahan (CFA)		
		Beban Faktor	AVE	CR
Diri Moral	5	0.879	0.548	0.700
Integriti Moral	8	0.569		

Nota: AVE = *Average Variance Extracted* (Kesahan Konvergen); CR = *Construct Reliability* (Kebolehpercayaan Konstruk)

Kesimpulannya, Skala Identiti Moral mencapai kesahan konvergen dan kebolehpercayaan konstruk berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan. Kedua-dua subskala dalam instrumen ini mewakili dan mengukur konstruk identiti moral dan diterima untuk analisis lanjutan.

3.9.3 Pengukuran Refleksi Sosiomoral

Pengukuran Refleksi Sosiomoral mengandungi 10 item yang bersifat unidimensi (*unidimensional*) untuk mengukur tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Walaupun konstruk ini bersifat unidimensi, namun analisis CFA tertib-pertama tetap dijalankan untuk kesemua item bagi tujuan untuk meninjau konsistensi dalaman dan juga mendapatkan nilai AVE dan CR. Melalui CFA tertib-pertama (Jadual 3.16), didapati beban faktor untuk kesemua item melebihi kriteria yang dicadangkan (beban faktor > 0.5; bernilai positif; berada dalam lingkungan 0.50 hingga 1.00) (Hair et al., 2022) dan diterima untuk kajian ini.

Jadual 3.16

Analisis CFA Tertib Pertama bagi Pengukuran Refleksi Sosiomoral

Konstruk (Item)	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) - Tertib Pertama	
	Beban Faktor	Jumlah Item
Item 1	0.688	10
Item 2	0.697	
Item 3	0.669	
Item 4	0.645	
Item 5	0.551	
Item 6	0.639	
Item 7	0.702	
Item 8	0.703	
Item 9	0.627	
Item 10	0.638	

Seterusnya, analisis CFA *item parceling* dalam Jadual 3.17 menunjukkan nilai purata varians terekstrak (AVE) dan kebolehpercayaan konstruk (CR) bagi Pengukuran Refleksi Sosiomoral adalah 0.432 dan 0.883 masing-masing. Walaupun nilai CR melepasi syarat asas ($CR > 0.70$) yang ditetapkan oleh Hair et al. (2022), namun nilai AVE adalah rendah daripada kriteria asas yang dicadangkan oleh Fornell dan Larcker, (1981). Walau bagaimanapun, Fornell dan Larcker (1981) juga turut mencadangkan bahawa jika nilai AVE rendah daripada 0.5, tetapi nilai kebolehpercayaan konstruk (CR) lebih tinggi daripada 0.7, kesahan konvergen bagi konstruk tersebut masih memadai. Dengan mengambil kira nilai CR yang melebihi 0.70 ($CR = 0.883$), maka nilai AVE yang melebihi 0.4 ($AVE = 0.432$) diterima bagi konstruk ini.

Jadual 3.17*Kesahan dan Kebolehpercayaan Pengukuran Refleksi Sosiomoral*

Konstruk (Item)	Analisis Faktor Pengesahan (CFA)		
	Beban Faktor	AVE	CR
Item 1	0.688	0.432	0.883
Item 2	0.697		
Item 3	0.669		
Item 4	0.645		
Item 5	0.551		
Item 6	0.639		
Item 7	0.702		
Item 8	0.703		
Item 9	0.627		
Item 10	0.638		

Nota: AVE = *Average Variance Extracted* (Kesahan Konvergen); CR = *Construct Reliability* (Kebolehpercayaan Konstruk)

Dalam pada itu, kesahan konvergen untuk konstruk pertimbangan moral dicapai dan diterima untuk penganalisisan data lanjutan. Kesemua item dalam instrumen ini mewakili dan mengukur konstruk pertimbangan moral secara menyeluruh. Mengambil kira sifat unidimensi konstruk ini, pengkaji telah mengagregatkan skor kesemua item untuk mewakili sebagai satu indikator.

3.9.4 Pengukuran Kecenderungan Prosocial

Jadual 3.18 menunjukkan analisis CFA tertib-pertama bagi instrumen Pengukuran Kecenderungan Prosocial yang digunakan dalam kajian ini. Analisis CFA tertib-pertama untuk 24 item yang terdapat dalam konstruk ini melepasi kriteria yang dicadangkan (beban faktor > 0.5; bernilai positif; berada dalam lingkungan 0.50 hingga 1.00) (Hair et al., 2022) dan diterima untuk kajian ini. Dalam pada itu, tiada sebarang pengeluaran item daripada konstruk ini.

Jadual 3.18*Analisis CFA Tertib Pertama bagi Pengukuran Kecenderungan Prososial*

Konstruk (Subskala)	Nombor Item	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) - Tertib Pertama	
		Beban Faktor	Jumlah Item
Emosi	TLP.2	0.706	5
	TLP.11	0.720	
	TLP.15	0.691	
	TLP.19	0.773	
	TLP.21	0.746	
Keperluan	TLP.5	0.717	3
	TLP.8	0.727	
	TLP.13	0.679	
Tanpa Pengetahuan	TLP.7	0.734	4
	TLP.10	0.749	
	TLP.14	0.677	
	TLP.17	0.708	
Pematuhan	TLP.6	0.737	5
	TLP.16	0.671	
	TLP.22	0.740	
	TLP.23	0.662	
	TLP.24	0.731	
Altruisme	TLP.4R	0.781	4
	TLP.9R	0.694	
	TLP.18R	0.628	
	TLP.20R	0.722	
Awam	TLP.1	0.748	3
	TLP.3	0.702	
	TLP.12	0.686	

Justeru, CFA *item-parceling* dijalankan untuk keenam-enam subskala konstruk kajian. Jadual 3.19 menunjukkan nilai beban faktor untuk keenam-enam subskala berada di antara 0.653 hingga 0.747. Nilai purata varians terekstrak (AVE) dan kebolehpercayaan konstruk (CR) bagi Pengukuran Kecenderungan Prososial adalah 0.497 dan 0.855 masing-masing. Walaupun nilai AVE adalah di bawah 0.5 namun ia masih diterima dengan syarat nilai CR melebihi 0.7 (Fornell & Larcker, 1981). Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa kesahan konvergen bagi konstruk kecenderungan prososial telah dicapai.

Jadual 3.19*Kesahan dan Kebolehpercayaan Pengukuran Kecenderungan Prososial*

Konstruk (Subskala)	Jumlah Item	Analisis Faktor Pengesahan (CFA)		
		Beban Faktor	AVE	CR
Emosi	5	0.745	0.497	0.855
Keperluan	3	0.723		
Tanpa Pengetahuan	4	0.747		
Pematuhan	5	0.706		
Altruisme	4	0.649		
Awam	3	0.653		

Nota: AVE = *Average Variance Extracted* (Kesahan Konvergen); CR = *Construct Reliability* (Kebolehpercayaan Konstruk)

Kesimpulannya, dapatan analisis ini menyokong kebolehpercayaan konstruk dan kesahan konvergen serta membuktikan bahawa subskala yang digunakan untuk mengukur konstruk kecenderungan prososial mempunyai ketekalan dalaman yang baik (Brown, 2015). Justeru, konstruk kecenderungan prososial ini boleh dipercayai dan boleh digunakan untuk analisis data lanjutan.

3.10 Prosedur Pengumpulan Data

Menjalankan kajian berbentuk tinjauan memerlukan perancangan yang rapi. Bagi melancarkan proses pengumpulan data, pengkaji telah merangka prosedur kajian dari peringkat kebenaran sehingga menganalisis data secara terperinci. Pertama, kelulusan dan kebenaran untuk pengumpulan data dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) KPM diperoleh (rujuk Lampiran Q). Selepas kelulusan diperoleh dari KPM, pengkaji mendapatkan kelulusan dan kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN) (rujuk Lampiran R). Selepas kebenaran diperoleh, pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak kelompok pelbagai peringkat untuk memilih daerah-daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat sebagai lokasi kajian. Melalui kaedah persampelan ini sebanyak 12 sekolah dipilih daripada 3 daerah di negeri Selangor sebagai

lokasi kajian. Selepas penetapan lokasi kajian, pengkaji mendapatkan kelulusan dan kebenaran dari pihak pengurusan sekolah (12 sekolah dan 1 sekolah untuk kajian rintis) dengan menghantar surat rasmi melalui e-mel (rujuk Lampiran S). Dalam pada itu, kelulusan yang diperoleh daripada KPM, JPN dan pihak sekolah mematuhi etika penyelidikan yang ditetapkan oleh pihak universiti dan juga pihak kementerian.

Seterusnya, pengkaji mengadakan lawatan mesra dan perbincangan terlebih dahulu ke sekolah-sekolah yang terpilih untuk menyatakan objektif kajian, kepentingan kajian, sampel kajian yang diperlukan (pelajar tingkatan empat) dan juga pemilihan kelas dalam tingkatan empat. Masa dan waktu ditentukan oleh pihak sekolah untuk mengelakkan gangguan pengajaran dan pembelajaran sekolah. Bagi memudahkan proses ini, pengkaji telah mendapatkan kerjasama daripada guru Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) dan juga guru kelas tingkatan 4 yang terpilih untuk menjayakan proses pengumpulan data.

Pada hari dan masa yang ditetapkan oleh pihak sekolah, pengkaji menjalankan sesi menjawab borang soal selidik dengan menggunakan kaedah kertas soal selidik dan pen di tempat yang disediakan oleh pihak sekolah. Pelajar mengambil masa 30 minit secara purata untuk melengkapkan soal selidik kajian. Guru kelas tingkatan empat atau guru Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) sekolah berada bersama pengkaji sepanjang sesi menjawab soal selidik untuk memudahkan proses pengumpulan soal selidik. Hanya soal selidik yang lengkap akan diterima dalam proses penganalisan data. Secara keseluruhannya, 434 pelajar sekolah menengah daripada 12 sekolah telah menyertai kajian ini. Selepas proses persediaan data, seramai 393 sampel kajian digunakan dalam kajian ini.

3.11 Teknik Penganalisisan Data

Dalam kajian ini, penganalisisan data melibatkan statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan untuk menjelaskan data kajian (Rajah 3.2). Sebelum melaksanakan analisis deskriptif, pengkaji terlebih dahulu menjalankan analisis awalan yang melibatkan saringan data dan ujian kenormalan. Seterusnya, Analisis statistik deskriptif (analisis data univariat) dilaksanakan bagi memerihalkan data asas kajian dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 27.0. Secara khususnya, analisis data univariat dalam kajian ini digunakan untuk menganalisis demografi kajian seperti jantina, etnik dan agama, manakala taburan kekerapan, nilai min, tahap dan sisihan piawai digunakan untuk meninjau setiap konstruk dan juga subskala yang terlibat. Bagi analisis statistik inferensi (analisis data multivariat), set data kajian analisis awalan digunakan untuk pengujian hipotesis dengan menggunakan perisian grafik AMOS adalah lengkap, tulen dan tepat.


Seterusnya, pendekatan analisis statistik lanjutan iaitu Pemodelan Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modelling*, SEM) digunakan untuk menjelaskan perhubungan dan pengaruh antara konstruk. Dalam pada itu, kaedah Pemodelan Persamaan Berstruktur berasaskan Kovarians (*Covariance based Structural Equation Modelling*, CB-SEM) berbantuan perisian grafik AMOS versi 28.0 digunakan dalam kajian ini. Pendekatan CB-SEM berperanan untuk meninjau satu set pengaruh dan kesan antara beberapa pemboleh ubah eksogenus dan juga pemboleh ubah endogenus (Tabachnick & Fidell, 2019) seperti mana yang dicadangkan dalam hipotesis kajian ini.

Kaedah CB-SEM pada asasnya digunakan untuk pengujian teori yang berperanan untuk mengesah, memilih atau membandingkan lebih daripada dua teori dan memerlukan saiz sampel yang besar (saiz sampel > 200) (Dash & Paul, 2021; Hair et al., 2022). Walaupun CB-SEM menuntut taburan data yang normal yang jarang dilihat dalam penyelidikan

sains sosial (Hair et al., 2017), namun kaedah ini berkeupayaan menghasilkan anggaran parameter yang sah dan tidak berat sebelah (*valid and unbiased estimation*) dan lebih sesuai untuk mengesahkan model pengukuran berbanding kaedah-kaedah lain (Afthanorhan et al., 2020). Malah, CB-SEM dapat mengurangkan ralat pengukuran yang minimum melalui analisis CFA dan memberikan gambaran model yang lebih baik dan jelas (Garson, 2012).

Rajah 3.2

Gambaran Keseluruhan Proses Analisis Data Kajian



Oleh kerana kajian ini berperanan untuk meninjau dan mengesahkan hubungan dan kesan yang dicadangkan antara konstruk, yang terhasil daripada teori (berlandaskan kepada Teori Perkembangan Psikososial, Teori Perkembangan Moral Kognitif dan Teori Perkembangan Sosiomoral), maka CB-SEM digunakan untuk penganalisan statistik lanjutan dalam kajian ini. Justeru, bagi memastikan pengaplikasian analisis CB-SEM dijalankan secara tepat dan tulen, maka beberapa andaian harus dipatuhi yang sama seperti analisis inferensi yang lain.

3.11.1 Analisis Awalan

Bagi prosedur analisis awalan, pengkaji menggunakan dua kaedah untuk menyediakan data iaitu saringan data dan ujian kenormalan. Persediaan data ini adalah untuk memastikan dapatan analisis kajian mempunyai nilai kredibiliti dan kesahihan yang tinggi. Penganalisan data hanya boleh dilaksanakan jika data kajian mematuhi dan memenuhi beberapa persediaan data dan andaian.

3.11.1.1 Persediaan Data

Bagi persediaan data, pengesanan kehilangan data (*missing data*) dan juga pengesanan data daripada sampel tidak fokus (*unengaged respondent*) dijalankan sebelum penganalisan data. Proses ini adalah penting bagi memastikan data yang dimasukkan untuk analisis data bersifat lengkap, tulen dan tepat berasaskan persepsi sebenar sampel kajian (Hair et al., 2022). Fungsi proses ini juga penting bagi mengesan data yang ragu dan kemungkinan berlaku kesilapan semasa memasukkan data. Ketinggalan data (*missing data*) merujuk kepada data kajian ditinggalkan tanpa sebarang jawapan, separuh jawapan ataupun mungkin sedikit oleh kerana sampel tidak mahu dan berkemungkinan tidak tahu cara menjawab soal selidik tersebut. Data ini diambil kira sebagai tidak sah.

Justeru, isu ini boleh diselesaikan dengan pelbagai cara seperti menggantikan ketinggalan data tersebut dengan nilai yang diketahui. Namun, begitu, kebiasaannya ketinggalan data digantikan dengan nilai min pemboleh ubah. Seandainya ketinggalan data bagi sesuatu borang soal selidik sampel melebihi 10%, maka dicadangkan data keseluruhan bagi sampel individu tersebut dikeluarkan atau digugurkan (Gaskin, 2016). Proses pengesanan kehilangan data dilakukan dengan menggunakan perisian MS Excel iaitu dengan menggunakan formula $=COUNTBLANK(medanData)$ dan semakan melalui perisian IBM SPSS.

Pengesanan sampel tidak fokus adalah merujuk kepada cara sampel menjawab soal selidik dengan nilai yang sama atau hampir sama bagi kesemua item (Gaskin, 2016). Bagi pengesanan data daripada sampel yang tidak fokus (*unengaged respondent*), kajian ini telah mengambil kira kaedah Gaskin (2016) iaitu penetapan nilai sisihan piawai kurang daripada 0.70 (bagi saiz sampel yang besar) sebagai aras nilai sampel yang tidak fokus menjawab soal selidik. Collier (2020) menjelaskan bahawa nilai sisihan piawai kurang daripada 0.70 menggambarkan kurangnya variasi dalam menjawab respons soal selidik. Justeru, mana-mana sampel yang mempunyai nilai sisihan piawai di bawah 0.70 digugurkan dari data kajian. Kaedah ini dilakukan dengan menggunakan perisian MS Excel untuk mendapatkan nilai tersebut dengan menggunakan formula $=STDEV.(medanData)$.

3.11.1.2 Ujian Kenormalan Data Univariat

Bagi menjalankan analisis statistik lanjutan, pengkaji perlu mengandaikan data bertaburan normal, mempunyai hubungan linear dan bebas daripada ancaman multikolinieriti. Jika wujud sebarang isu dan percanggahan dengan andaian-andaian yang dinyatakan, maka set data kajian perlu melalui proses transformasi. Justeru, bagi

menangani isu ini, ujian normaliti dijalankan ke atas data univariat iaitu keempat-empat pemboleh ubah kajian iaitu emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dengan menangani isu *outliers* dalam set data kajian.

Isu *outliers* wujud disebabkan oleh maklum balas amat berbeza daripada purata maklum balas majoriti sampel kajian (Gaskin, 2016b). Terdapat dua jenis *outliers* pemboleh ubah individu yang wujud dalam dalam himpunan data kajian ini. Pertama, pengesanan *outliers* dengan menghasilkan *boxplot* dan jika terdapat mana-mana pencilan univariat yang mempunyai nilai ekstrem (yang menunjukkan simbol *) maka kes responden tersebut dilabel dan dikeluarkan daripada set data kajian. Semakan *boxplot* dilakukan untuk kesemua item dengan mengelompokkan item tersebut kepada dimensi masing-masing.

Kedua, pengesanan *outliers* dengan menggunakan kaedah piawaian skor-Z (*standardised Z-scores*) dengan menggunakan sisihan piawai dan nilai min untuk data nisbah. Kebanyakan kajian menggunakan kaedah piawaian skor-Z sebagai salah satu kaedah untuk mengenal pasti pencilan dalam data (Hair et al., 2022; Seo, 2002). Skor-Z menentukan betapa ganjilnya set data kajian untuk memastikan ia bertaburan normal (Seo, 2002). Skor-Z adalah nilai sisihan piawai yang berada di atas dan di bawah nilai min yang rendah. Sebagai contoh, skor-Z 3 menunjukkan bahawa pemerhatian tiga sisihan piawai di atas min, manakala skor-Z -3 menunjukkan tiga sisihan piawai di bawah min. Semakin jauh skor-Z daripada nilai kosong, semakin tinggi nilai ekstrem (Seo, 2002). Justeru, titik pemisahan untuk menentukan *outliers* adalah darjah skor-Z ± 3 (Coakes, 2012; Hair et al., 2022; Seo, 2002). Proses pengesanan data *outliers* dengan menggunakan *boxplot* dan piawaian skor-Z untuk setiap item yang mempunyai data nisbah dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS.

3.11.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif berperanan membantu menerangkan, menunjukkan dan meringkaskan data dengan cara yang sistematik dan bermakna untuk memudahkan perbandingan pemboleh ubah dengan ujian statistik inferensi (Fraenkel et al., 2019). Justeru, tujuan analisis deskriptif adalah untuk memberi gambaran sistematik dan hasil dapatan awalan bagi setiap pemboleh ubah kajian yang terlibat dengan melaporkan taburan frekuensi, peratusan, min skor keseluruhan, min skor terendah dan tertinggi dan sisihan piawai.

Dalam kajian ini, analisis deskriptif dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS untuk menjawab persoalan kajian satu serta mengukur demografi responden yang melibatkan taburan frekuensi, peratusan dan min. Bagi latar belakang demografi responden seperti jantina, etnik dan agama responden dirumuskan dengan penganalisan deskriptif. Bagi aspek pemerincian pemboleh ubah kajian seperti emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah turut melibatkan pelaporan set analisis deskriptif yang komprehensif. Jadual 3.20 menunjukkan teknik deskriptif yang digunakan bagi persoalan kajian satu.

Jadual 3.20

Teknik Penganalisan Statistik Berdasarkan Persoalan Kajian Deskriptif

Persoalan Kajian	Teknik Penganalisan
	Analisis Deskriptif
1 Apakah tahap emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah?	<ul style="list-style-type: none">• Taburan Frekuensi• Peratusan• Skor Min• Sisihan Piawai• Tahap

Kajian ini menggunakan skala *Likert* yang berlainan untuk mengukur konstruk emosi moral, identiti moral dan tingkah laku prososial. Maka, skor min yang digunakan untuk menentukan tahap ketiga-tiga konstruk ini juga berbeza. Oleh itu, nilai min komposit setiap konstruk dibahagikan kepada tiga tahap untuk menginterpretasikan skor min seperti yang dicadangkan oleh Levin et al. (2017). Menurut Pallant (2020), adalah lebih mudah untuk melihat perbezaan tahap dengan mengkategorikan skor min kepada tiga tahap.

Bagi pemboleh ubah emosi moral, pengkaji menggunakan skala *Likert* tujuh mata untuk mengukur konstruk dan subskala yang terlibat. dibahagikan untuk menentukan tahap yang rendah, sederhana dan tinggi. Justeru, kajian ini menggunakan analisis penginterpretasian tiga tahap bagi skor min identiti moral seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.21.

Jadual 3.21

Penentuan Interpretasi Min Skor bagi Pemboleh Ubah Emosi Moral

Skor Min	Interpretasi Tahap
1.00 – 2.99	Rendah
3.00 – 4.99	Sederhana
5.00 – 7.00	Tinggi

Bagi pemboleh ubah identiti moral pula, pengkaji menggunakan skala *Likert* enam mata untuk mengukur konstruk dan subskala yang terlibat. Justeru, kajian ini menggunakan analisis penginterpretasian tiga tahap bagi skor min identiti moral seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.22.

Jadual 3.22

Penentuan Interpretasi Min Skor bagi Pemboleh Ubah Identiti Moral

Skor Min	Interpretasi Tahap
1.00 – 2.66	Rendah
2.67 – 4.33	Sederhana
4.34 – 6.00	Tinggi

Bagi interpretasi skor min setiap subskala pemboleh ubah tingkah laku prososial, pengkaji menggunakan skala *Likert* lima mata untuk mengukur konstruk dan subskala. Justeru, skala *Likert* lima mata dibahagikan untuk menentukan tahap yang rendah, sederhana dan tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 3.23.

Jadual 3.23

Penentuan Interpretasi Min Skor bagi Pemboleh Ubah Tingkah Laku Prososial

Skor Min	Interpretasi Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Bagi pertimbangan moral pula, pemboleh ubah ini mempunyai julat skor kematangan global yang dikenali sebagai SRMP adalah dari 0 hingga 100. Justeru, Brugman et al. (2021) mencadangkan skor kematangan moral dibahagikan kepada empat tahap pertimbangan moral seperti mana yang dicadangkan oleh Gibbs (2019) dalam teorinya. Justeru, Brugman et al. (2021) telah membahagikan tahap pertimbangan moral dari skor rendah hingga tinggi kepada empat tahap iaitu; tahap 1 dan 1(2): tidak matang dan tahap 2(1) dan 2: matang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.24.

Jadual 3.24

Penentuan Interpretasi Min Skor Kematangan Global bagi Pemboleh Ubah Pertimbangan Moral

Skor Min	Interpretasi Tahap Kematangan Global
0.00 – 44.99	Tidak Matang 1
45.00 – 59.99	Tidak Matang 1(2)
60.00 – 74.99	Matang 2(1)
75.00 – 100.00	Matang 2

Sumber: Brugman et al. (2021)

3.11.3 Analisis Inferensi

Analisis inferensi adalah rangkuman daripada analisis data bivariat dan juga analisis data multivariat. Analisis data multivariat merujuk kepada satu teknik statistik yang menganalisis pelbagai pengukuran secara serentak terhadap lebih daripada dua pemboleh ubah kajian (Hair et al., 2022). Kebanyakan analisis data multivariat adalah lanjutan daripada analisis data univariat (analisis yang melibatkan satu pemboleh ubah sahaja) dan analisis data bivariat (pengelasan silang, korelasi, analisis varians dan analisis regresi mudah antara dua pemboleh ubah) (Hair et al., 2022; Tabachnick & Fidell, 2019).

Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM) adalah satu teknik analisis lanjutan yang digunakan untuk meninjau analisis data bivariat dan juga analisis data multivariat secara serentak (Hair et al., 2022; Schumacker & Lomax, 2015). Kelebihan SEM secara umumnya mampu menganalisis hubungan, pengaruh dan kesan pengantaraan antara dua atau lebih pemboleh ubah kajian dalam satu analisis. Justeru, kajian ini menggunakan analisis CB-SEM berbantuan perisian grafik AMOS untuk kesemua analisis (hubungan korelasi, laluan dan pengantaraan) yang dicadangkan untuk menjawab hipotesis kajian.

Bagi menjalankan analisis SEM, Hair et al., (2022) menjelaskan bahawa terdapat dua komponen asas iaitu model pengukuran dan model berstruktur. Model pengukuran

membolehkan pengkaji menggunakan beberapa indikator yang skornya telah diagregat untuk mewakili satu pemboleh eksogenus atau pemboleh ubah endogenus. Melalui analisis faktor pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis*, CFA), pengkaji dapat menilai sumbangan setiap subskala (indikator) dan menilai kesepadanan model serta membina kesahan model pengukuran (Hair et al., 2022). Di peringkat ini juga analisis korelasi dapat dianalisis untuk setiap konstruk.

Selepas pengesahan model pengukuran, analisis model berstruktur dijalankan untuk kesemua konstruk yang terlibat. Model berstruktur ialah model laluan yang mengaitkan antara pemboleh ubah eksogenus dengan endogenus (Hair et al., 2022). Dalam pada itu, laluan yang diramalkan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah berdasarkan tinjauan literatur daripada teori-teori yang berkait. Malah, pengkaji juga dapat menguji hipotesis terdapat hubungan langsung dan hubungan pengantaraan yang wujud di antara konstruk kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kedua-dua pendekatan iaitu pengesahan model pengukuran dan juga penilaian model berstruktur untuk menguji hipotesis kajian. Berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan, kajian ini terlebih dahulu mengesahkan model pengukuran dengan menggunakan analisis CFA sebelum menguji model berstruktur yang dicadangkan.

3.11.3.1 Pengesahan Model Pengukuran

Model pengukuran kebiasaannya dibina berdasarkan teori yang kukuh dan disahkan dengan menggunakan analisis CFA adalah berperanan membolehkan pengkaji menguji sejauh mana pemboleh ubah yang diukur mewakili konstruk kajian (Hair et al., 2022). Dalam pada itu, bagi menentukan hipotesis model cadangan diterima atau ditolak, hasil

pengukuran indeks ketepatan padanan (*Goodness-of-Fit*) diperoleh untuk menilai kesepadanan model.

(a) Kesepadanan Model Pengukuran

Terdapat sebanyak sembilan nilai indeks ketepatan padanan yang terbahagi kepada tiga kategori tersebut yang boleh dipilih untuk dilaporkan untuk kesepadanan model (Hair et al., 2022; Tabachnick & Fidell, 2019). Kline (2023) mencadangkan sekurang-kurangnya satu indeks kesepadanan yang mencapai aras kecukupan dilaporkan daripada setiap kategori kesepadanan model iaitu kesesuaian mutlak (*absolute fit*), kesesuaian tambahan (*incremental fit*) dan kesesuaian parsimoni (*parsimonious fit*). Namun, Hair et al., (2022) pula menyatakan bahawa sekurang-kurangnya tiga ke empat indeks kesepadanan perlu dilaporkan dari kategori *incremental fit* dan *absolute fit* sudah memadai untuk menilai padanan model (Hair et al., 2022).

Oleh itu, pengkaji menggunakan saranan Kline (2023) dan Hair et al. (2022) untuk melaporkan nilai indeks *Chi-Square statistic* (χ^2 atau CMIN), *Relative Chi-Square* dan *degree of freedom* (χ^2 /df), *Root Means Square Error of Approximation* (RMSEA) dan *Standardized Root Mean Residual* (SRMR) dari kategori *absolute fit*. Indeks *Comparative Fit Index* (CFI) dan indeks *Tucker Lewis Index* (TLI) dari kategori *incremental fit*. Terakhir, *Akaike Information Criterion* (AIC) dari kategori *parsimonious fit*. Dalam kajian ini, model cadangan kajian yang merangkumi empat konstruk iaitu emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial diuji kesepadanan model. Jadual 3.25 menunjukkan tahap penerimaan ketujuh-tujuh indeks yang digunakan dalam kajian ini untuk pengukuran model.

Jadual 3.25*Indeks Kesepadanan Model (Goodness of Fit) dan Tahap Penerimaan Model Pengukuran*

Kategori	Nama Indeks	Ringkasan	Tahap Penerimaan	Sumber Rujukan
<i>Absolute Fit</i>	<i>Chi-Square Statistic</i>	χ^2 value	Sampel > 250: Nilai P < 0.05 (dijangka signifikan)	Byrne (2016), Gaskin (2016), Hair et al. (2022), Hu dan Bentler (1999) dan Schumacker dan Lomax (2015)
	<i>Relative Chi-Square dan degree of freedom</i>	χ^2 /df	χ^2 /df < 5.0 (Memadai)	
	<i>Root Means Square Error of Approximation</i>	RMSEA	RMSEA < 0.08: (Diterima)	
	<i>Standardized Root Mean Residual</i>	SRMR	SRMR < 0.08 (Diterima)	
<i>Incremental Fit</i>	<i>Comparative Fit Index</i>	CFI	CFI & TLI \geq 0.90: (Diterima)	Hu dan Bentler (1999), Garson (2012) dan Hair et al. (2022)
	<i>Tucker-Lewis Index</i>	TLI		
<i>Parsimonious Fit.</i>	<i>Akaike Information Criterion</i>	AIC	Model yang rendah AIC adalah digalakkan	Burnham dan Anderson (2002)

(b) Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk

Kesahan dan kebolehpercayaan konstruk kajian ini merangkumi dua jenis kesahan iaitu kesahan konvergen dan kesahan diskriminan, manakala kebolehpercayaan instrumen melibatkan kebolehpercayaan konstruk (CR) dan Alpha Cronbach. Literatur kesahan dijelaskan di bahagian 3.9 dan kebolehpercayaan Alpha Cronbach dijelaskan di bahagian 3.8 serta ringkasan tahap penerimaan dijelaskan dalam jadual 3.11. Pengkaji terlebih dahulu melaporkan kesahan konvergen dan kebolehpercayaan konstruk (CR) untuk keempat-empat konstruk kajian di bahagian 3.9.1 hingga 3.9.4.

Bagi kesahan diskriminan pula, pengkaji melaporkan dalam penganalisan model pengukuran. Kesahan diskriminan merujuk kepada sesuatu item atau indikator bebas daripada bayangan atau ulangan (*redundancy*) (Hair et al., 2022). Kesahan diskriminan boleh dinilai berdasarkan dua kaedah. Pertama, koefisien korelasi antara konstruk. Kedua,

nilai AVE antara dua konstruk dengan korelasi punca kuasa dua (*squared correlation*, r^2). Jadual 3.26 menunjukkan ringkasan tahap penerimaan dan petunjuk ujian kesahan diskriminan yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.26

Ringkasan Petunjuk Ujian Kesahan Diskriminan

Bentuk Ujian	Tahap Penerimaan dan Petunjuk	Sumber
Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	<p>Dinilai dengan menggunakan dua kaedah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • $r \geq 0.90$: Menunjukkan korelasi yang tinggi antara dua konstruk, maka ia melanggar peraturan kesahan diskriminan • $AVE > r^2$: AVE untuk kedua-dua konstruk perlu melebihi daripada nilai r^2 (korelasi punca kuasa dua) <p>AVE yang lebih tinggi dari r^2 menunjukkan bahawa konstruk tersebut adalah benar-benar berbeza dengan konstruk lain. Maka, kesahan diskriminan dicapai.</p>	Fornell dan Larcker, (1981), Hair et al. (2022), Kline (2023) dan Ramayah et al. (2010)

3.11.3.2 Andaian Pemodelan Persamaan Berstruktur

Selepas model pengukuran diuji, dinilai dan disahkan kesepadanannya dan juga kesahan dan kebolehpercayaannya dicapai, komponen kedua dalam SEM iaitu model berstruktur akan dinilai hubungan yang terhasil. Oleh itu, sama seperti teknik analisis inferensi yang lain, analisis SEM juga memerlukan beberapa andaian dipenuhi sebelum menjalankan penilaian model berstruktur. Menurut Morrison et al. (2017) kenormalan analisis data multivariat adalah andaian utama yang dituntut dalam amalan terbaik pelaksanaan SEM sebelum melangkah ke proses model berstruktur. Walaupun kenormalan data univariat tidak menjamin kenormalan kepada data multivariat, Morrison et al., (2017) mengesyorkan agar setiap pemboleh ubah diteliti untuk mengenal pasti sebarang kepencongan daripada taburan normal.

Terdapat tiga andaian utama yang perlu dipenuhi. Pertama, ujian kenormalan data multivariat yang dinilai berdasarkan nilai *skewness* dan *kurtosis* dan juga koefisien Mardia (*Mardia's coefficient*) atau *kurtosis* multivariat. Kedua, pengesanan *outliers* dengan menggunakan jarak Mahalanobis (*Mahalanobis distance, d^2*). Terakhir, ujian kemultikolinearan (*multicollinearity*). Gaskin (2016) mencadangkan bahawa analisis data multivariat yang memenuhi ketiga-tiga andaian ini sudah memadai untuk melaksanakan penilaian model berstruktur. Jadual 3.27 menunjukkan ringkasan petunjuk bagi ketiga-tiga andaian.

Jadual 3.27

Andaian Penilaian Kenormalan, Outliers dan Kemultikolinearan Data Multivariat

Andaian SEM	Tahap Penerimaan dan Petunjuk	Sumber
Ujian Kenormalan		
<ul style="list-style-type: none"> • Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> 	Data univariat dianggap bertaburan normal apabila: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Skewness</i> di antara ± 2; <i>Kurtosis</i> di antara ± 7 	Byrne (2016) dan Tabachnick dan Fidell (2019)
<ul style="list-style-type: none"> • Koefisien Mardia atau <i>Kurtosis</i> multivariat 	Data multivariat dianggap bertaburan normal apabila: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Critical Ratio</i> (CR) ± 1.96 atau 7 hingga 8 	Byrne (2016), Ryu (2011) dan Tabachnick dan Fidell (2019)
Ujian Outliers		
<ul style="list-style-type: none"> • Jarak Mahalanobis (<i>Mahalanobis Distance, d^2</i>) 	Terdapat tiga pengukuran untuk menyemak <i>outliers</i> : <ul style="list-style-type: none"> • Mahalanobis, d^2 yang tinggi: <ul style="list-style-type: none"> - p_1 dan p_2 bersamaan 0.000 dan 0.000 - Jika kedua-dua p_1 dan p_2 bersamaan 0.000, maka wujud <i>outliers</i> • Mahalanobis, $d^2 / Degree of Freedom$ <ul style="list-style-type: none"> - Untuk $n > 200$, jika nilai > 4, berpotensi untuk wujud <i>outliers</i> • Mahalanobis, d^2 berbanding dengan $\chi^2_{critical}$ <ul style="list-style-type: none"> - Jika Mahalanobis, $d^2 > \chi^2_{critical}$, maka berpotensi untuk wujud <i>outliers</i> 	Hair et al. (2016) dan Tabachnick dan Fidell (2019)
Ujian Kemultikolinearan		
<ul style="list-style-type: none"> • Korelasi antara konstruk (<i>intercorrelation</i>) 	Masalah kemultikolinearan tidak wujud apabila: <ul style="list-style-type: none"> • Korelasi antara konstruk < 0.90 	Hair et al. (2022)
<ul style="list-style-type: none"> • Pekali regresi piawai (<i>Standardised regression weight</i>) 	Masalah kemultikolinearan tidak wujud apabila: <ul style="list-style-type: none"> • Beban faktor > 0.5 dan tidak menghampiri 1.0 	Garson (2012)

3.11.3.3 Analisis Korelasi Hasil Darab Momen Pearson

Pekali korelasi digunakan untuk mengukur kuat lemahnya perkaitan antara dua pemboleh ubah dan menerangkan fenomena yang berlaku melalui hubungan pemboleh ubah yang dikaji (Noraini, 2013). Teknik korelasi hasil darab momen Pearson (*Pearson product-moment correlation*) digunakan untuk meninjau kekuatan hubungan antara pemboleh ubah. Bagi analisis korelasi, hubungan min skor keseluruhan pemboleh ubah dilaporkan dengan menggunakan analisis korelasi. Kepentingan untuk meninjau perhubungan antara pemboleh ubah adalah penting bagi memastikan setiap konstruk mempunyai hubungan (berkorelasi) antara satu sama lain (Preacher & Hayes, 2008).

Dapatan kajian daripada pelaksanaan analisis korelasi adalah bertujuan untuk menjawab hipotesis kajian H_{2.1} hingga H_{2.5} yang berperanan untuk meninjau perhubungan antara pemboleh ubah kajian. Nilai pekali korelasi (r) adalah untuk mengukur kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah. Nilai r berada antara julat +1.00 dan -1.00. Korelasi positif iaitu yang bertanda positif (+) akan mewakili perhubungan iaitu semakin meningkat nilai X, maka semakin tinggi nilai Y. Manakala korelasi negatif pula bertanda negatif (-) akan mewakili perhubungan iaitu semakin tinggi nilai X, maka nilai Y semakin rendah (Chua, 2011).

Justeru, kajian ini menggunakan interpretasi nilai koefisien korelasi berdasarkan peraturan asas Guilford (1973) iaitu *Guilford's rule of thumb* (Jadual 3.28). Dapatan analisis korelasi diperoleh daripada perisian grafik AMOS selepas pengesahan model pengukuran.

Jadual 3.28

Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Hubungan
0.00 hingga 0.29 / -0.00 hingga -0.29	kecil dan boleh diabaikan
0.30 hingga 0.49 / -0.30 hingga -0.49	Rendah
0.50 hingga 0.69 / -0.50 hingga -0.69	Sederhana
0.70 hingga 0.89 / -0.70 hingga -0.89	Teguh
0.90 hingga 1.00 / -0.90 hingga -1.00	Sangat Teguh

Sumber: Guilford (1973)

3.11.3.4 Penilaian Model Berstruktur

Komponen kedua yang perlu dianalisis dalam SEM adalah model berstruktur (Hair et al., 2022). Dalam model berstruktur, analisis laluan menjadi asas penilaian untuk mengukur hubungan sebab-akibat di antara dua atau lebih konstruk. Bagi menentukan hubungan kebergantungan antara pemboleh ubah eksogenus dengan endogenus dalam model berstruktur yang dicadangkan, analisis laluan ditinjau untuk menjawab hipotesis kajian. Prosedur analisis laluan berupaya menggambarkan dapatan kajian empirikal dengan lebih baik dengan menggunakan pendekatan dua peringkat yang penting iaitu pengesahan model pengukuran dan model struktural secara berturutan (Hair et al., 2022).

Justeru, dalam kajian ini, kesepadanan model berstruktur dinilai terlebih dahulu. Setelah kesepadanan model ditentukan, maka pengujian hipotesis dijalankan bermula daripada kesan langsung dan juga sehingga ke kesan pengantaraan yang dicadangkan dalam model cadangan. Proses ini dijelaskan dalam bahagian seterusnya.

(a) Kesepadanan Model Berstruktur

Selaras dengan model pengukuran, model berstruktur terlebih dahulu dinilai dari aspek kesepadannya. Kesepadanan model berstruktur dinilai seperti yang sedia ada dalam model pengukuran (Hair et al., 2022). Justeru, set indeks kesepadanan yang digunakan

dalam model pengukuran diguna pakai untuk mengukur kesepadan model berstruktur juga. Dalam penilaian kesepadan model berstruktur, indeks kesepadan yang digunakan ialah indeks *Chi-Square statistic* (χ^2 atau CMIN), *Relative/ Normed Chi-Square* dan *degree of freedom* (χ^2 /df), *Root Means Square Error of Approximation* (RMSEA) dan *Standardized Root Mean Residual* (SRMR) dari kategori *absolute fit* dan indeks *Normed Fit Index* (NFI) atau indeks *Comparative Fit Index* (CFI) atau indeks *Tucker Lewis Index* (TLI) dari kategori *incremental fit*. Apabila model berstruktur memenuhi tahap penerimaan yang dijelaskan sebelum ini dalam Jadual 3.25, maka model tersebut diterima pakai untuk pengujian hubungan hipotesis.

(b) Pengujian Hipotesis: Kesan Langsung, Tidak Langsung dan Jumlah Kesan

Setelah mengesahkan kesepadan model berstruktur, model tersebut beserta dengan hipotesis kajian diuji secara empirikal untuk menilai kesignifikan dan kekuatan hubungan dicadangkan. Justeru, hipotesis cadangan kajian diuji dengan merujuk kepada nilai pekali beta piawai (*standardised structural path estimates*) (β) dan kesignifikan β pada aras keyakinan 0.05. Dalam erti kata lain, hipotesis kajian disokong apabila analisis laluan signifikan ($p < 0.05$) dengan melaporkan kekuatan hubungan berdasarkan nilai pekali beta piawai (Hair et al., 2022).

Dalam bahagian ini, pengaruh keseluruhan model ke atas tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah (*multiple regression*), pengaruh setiap konstruk (*individual path*) dan juga sumbangan keseluruhan semua konstruk (*coefficient of determination, R²*) dibincangkan dalam bahagian ini. Perbincangan ini bertujuan untuk menjawab hipotesis kajian H_{2.1} hingga H_{2.5} iaitu menganalisis kesan pengaruh pemboleh ubah eksogenus terhadap pemboleh ubah endogenus.

Kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan pemboleh ubah eksogenus terhadap pemboleh ubah endogenus turut ditinjau dalam analisis laluan. Dalam kajian ini kesan langsung ialah laluan daripada pemboleh ubah eksogenus (emosi moral dan identiti moral) terhadap hasil (tingkah laku prososial) sementara dikawal oleh pengantara (pertimbangan moral). Manakala, kesan tidak langsung menerangkan laluan daripada pemboleh ubah eksogenus kepada hasil melalui pengantara. Tambahan pula, kesan keseluruhan model juga turut dilaporkan dalam bahagian ini.

(c) Pengujian Hipotesis: Kesan Pengantaraan

Pengantaraan berlaku apabila konstruk pengantara menyela di antara dua konstruk lain yang berkaitan. Lebih tepat lagi, perubahan dalam konstruk eksogenus menyebabkan perubahan dalam konstruk pengantara yang seterusnya mengakibatkan perubahan dalam konstruk endogenus (Hair et al., 2021). Terdapat tiga kaedah tradisional untuk menguji kesan pengantaraan seperti ujian Baron dan Kenny (*Baron and Kenny Test*, BK) (Baron & Kenny, 1986), ujian Sobel (*Sobel Test*, ST) (Sobel, 1982) dan juga kaedah *bootstrapping* (BT) (Hayes, 2013). Ketiga-tiga kaedah ini digunakan secara meluas dalam kajian sains sosial untuk menguji hipotesis bagi analisis pengantaraan (Caron, 2019).

Namun, kaedah Baron dan Kenny mempunyai beberapa kelemahan yang menyebabkan taburan kesan tidak langsung (*ab*) menjadi tidak normal dan akibatnya tidak dapat diterangkan secukupnya oleh varians yang terlibat (Swee et al., 2019). Tambahan pula, ujian Sobel dianggap sangat konservatif kerana taburan pensampelan *ab* sangat pencong (*highly skewed*) (Mackinnon et al., 1995). Justeru, kelemahan ini boleh diatasi dengan kaedah non-parametrik seperti *bootstrapping* yang tidak membuat andaian mengenai *ab*. Daripada hanya melaporkan nilai signifikan parameter, nilai *confidence interval* dalam *bootstrap* berguna sebagai bukti tambahan mengenai *stability of a coefficient estimate*

(Hair et al., 2022). Kaedah *bootstrapping* adalah kaedah non-parametrik yang tidak melanggar andaian kenormalan, justeru ia dicadangkan untuk penggunaan saiz sampel yang besar seperti dalam kajian ini ($N > 300$) (Hayes, 2013).

Dalam kajian ini, pengujian kesan pengantaraan dalam hubungan antara pemboleh ubah eksogenus terhadap pemboleh ubah endogenus ditinjau dengan menggunakan analisis dua model iaitu model pengantaraan dan model langsung. Perbincangan ini bertujuan untuk menjawab hipotesis kajian H_{3.1} dan H_{3.2} yang berperanan untuk meninjau kesan pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Dalam kaedah *bootstrapping*, terdapat tiga kriteria keputusan yang perlu ditinjau untuk menentukan sama ada terdapat kesan pengantaraan atau tidak dan jika wujud, maka kesan tersebut perlu ditentukan sama ada separa atau penuh. Pertama, penilaian *standardised indirect effect* (SIE) yang ditinjau dengan *lower bound* (LB) dan juga *upper bound* (UB). Jika kedua-dua LB dan UP bernilai positif mahupun negatif, maka pengantaraan wujud. Bagi mengesahkan pengantaraan ini wujud atau pun tidak, nilai signifikan (nilai *p*) SIE ditinjau. Jika nilai SIE signifikan ($p < 0.05$), maka wujud kesan tidak langsung (berkemungkinan kesan tidak langsung, separa atau penuh), sebaliknya tiada kesan pengantaraan. Bagi menentukan kesan pengantaraan sama ada separa atau penuh, nilai Beta model langsung dirujuk. Jika signifikan ($p < 0.05$), maka wujud kesan pengantaraan separa atau penuh, sebaliknya kekal kesan tidak langsung. Bagi penentuan kesan pengantaraan separa atau penuh, nilai Beta model pengantaraan dirujuk. Jika signifikan, maka kesan pengantaraan adalah separa, sebaliknya menunjukkan bahawa kesan pengantaraan yang penuh (Hayes, 2013). Secara ringkasnya, Jadual 3.29 menunjukkan teknik penganalisan data berdasarkan senarai cadangan hipotesis kajian.

Jadual 3.29

Teknik Penganalisisan Data Berdasarkan Hipotesis Cadangan Kajian

Hipotesis Cadangan Kajian	Ringkasan Analisis	Teknik Penganalisisan
Analisis Hubungan		
H _{1.1}	Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral (EM) dengan pertimbangan moral (PM) pelajar sekolah menengah.	EM ⇔ PM
H _{1.2}	Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral (EM) dengan tingkah laku prososial (TLP) pelajar sekolah menengah.	EM ⇔ TLP
H _{1.3}	Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral (IM) dengan pertimbangan moral (PM) pelajar sekolah menengah.	IM ⇔ PM
H _{1.4}	Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral (IM) dengan tingkah laku prososial (TLP) pelajar sekolah menengah.	IM ⇔ TLP
H _{1.5}	Terdapat hubungan signifikan antara pertimbangan moral (PM) dengan tingkah laku prososial (TLP) pelajar sekolah menengah.	PM ⇔ TLP
Analisis Pengaruh		
H _{2.1}	Emosi moral (EM) secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral (PM) pelajar sekolah menengah.	EM → PM
H _{2.2}	Identiti moral (IM) secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral (PM) pelajar sekolah menengah.	IM → PM
H _{2.3}	Emosi moral secara (EM) signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial (TLP) pelajar sekolah menengah.	EM → TLP
H _{2.4}	Identiti moral (IM) secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar (TLP) sekolah menengah.	IM → TLP
H _{2.5}	Pertimbangan moral (PM) secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial (TLP) pelajar sekolah menengah.	PM → TLP
Analisis Pengantara		
H _{3.1}	Pertimbangan moral (PM) mengantara secara signifikan bagi hubungan antara emosi moral (EM) dan tingkah laku prososial (TLP) pelajar sekolah menengah.	EM → PM → TLP
H _{3.2}	Pertimbangan moral (PM) mengantara secara signifikan bagi hubungan antara identiti moral (IM) dan tingkah laku prososial (TLP) pelajar sekolah menengah.	IM → PM → TLP

3.12 Rumusan

Bab ini membincangkan pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini. Reka bentuk deskriptif, reka bentuk korelasi dan reka bentuk komparatif sebab-akibat dijelaskan untuk memastikan metodologi kajian bertepatan dengan objektif dan matlamat kajian. Bagi ketiga-tiga reka bentuk kajian ini, analisis deskriptif dan juga analisis inferensi digunakan untuk menganalisis korelasi dan laluan antara konstruk dengan menggunakan program IBM SPSS dan juga perisian grafik AMOS masing-masing.

Bagi aspek saiz persampelan kajian, sebanyak 393 sampel kajian digunakan dalam kajian sebenar yang memenuhi saiz minimum dan juga saiz kritikal untuk analisis statistik. Teknik persampelan rawak kelompok pelbagai peringkat (*multistage cluster sampling*) digunakan dalam pemilihan lokasi kajian dengan menggunakan teknik *fish-bowl* dan juga persampelan rawak berstrata. Instrumen soal selidik yang merangkumi bahagian Demografi, bahagian Skala Kecenderungan Rasa Bersalah dan Malu, bahagian Skala Identiti Moral, bahagian Pengukuran Refleksi Sosiomoral dan bahagian Pengukuran Kecenderungan Prososial.

Kesahan bahasa dan kandungan instrumen kajian disahkan oleh panel pakar bidang untuk penggunaan kajian sebenar. Selepas kelulusan KPM dan JPN, kajian rintis dan kajian sebenar dijalankan. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian telah dicapai menerusi analisis faktor pengesahan (CFA). Bagi merumuskan struktur kajian ini, hasil dapatan dengan menggunakan kaedah penganalisan adalah bertujuan untuk menjawab persoalan dan hipotesis kajian serta menentukan sama ada model yang dicadangkan boleh diterima dan disahkan atau sebaliknya. Hasil dapatan kajian dilaporkan dan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4 dengan menjawab persoalan kajian dan hipotesis kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan analisis data yang telah dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan prosedur yang telah dijelaskan dalam bab tiga. Bab ini terbahagi kepada lima bahagian utama. Bahagian pertama membentangkan persediaan data dan analisis awalan bagi memastikan ketepatan data untuk ujian deskriptif dan inferensi. Bahagian kedua membincangkan pelaporan analisis deskriptif yang melibatkan analisis data univariat. Dalam bahagian ini perbincangan dan pelaporan menjurus kepada statistik deskriptif demografi dan pemboleh ubah kajian. Bahagian ketiga membincangkan analisis inferensi yang dijalankan mengikut kaedah yang ditetapkan yang bermula dengan penganalisan model pengukuran, analisis korelasi dan andaian analisis Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM). Bahagian keempat membentangkan dapatan kajian yang memerihalkan pengujian hipotesis menerusi analisis laluan dengan menguji kesan pengaruh dan pengantaraan antara pemboleh ubah kajian. Akhir sekali, ringkasan keputusan pengujian hipotesis kajian dibincangkan dan dirumuskan pada penghujung bab.

4.2 Analisis Awalan

Proses analisis awalan yang merangkumi persediaan data dan ujian kenormalan dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan dicadangkan oleh Hair et al. (2022) dan Gaskin (2016) seperti yang dibincangkan dalam bab sebelum ini (bahagian 3.11.1). Bagi persediaan data, terdapat dua aspek penting iaitu pengesanan kehilangan data (*missing data*) dan pengesanan data daripada sampel tidak fokus (*unengaged respondent*). Bagi ujian kenormalan data univariat, pengesanan *outliers* dijalankan dengan

menggunakan kaedah *boxplot* dan kaedah piawaian skor-Z (*standardised Z-scores*).
Dapatan analisis dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

4.2.1 Kehilangan Data dan Sampel Tidak Fokus

Proses pengesanan kehilangan data dan sampel tidak fokus dilakukan dengan menggunakan perisian MS Excel. Melalui pengesanan kehilangan data, didapati tiada sebarang kehilangan data daripada set data kajian yang berjumlah 434 sampel. Bagi pengesanan sampel tidak fokus (*unengaged respondents*), analisis dapatan sisihan piawai mendapati sebanyak 8 sampel mempunyai nilai sisihan piawai di bawah 0.70 dan dikenal pasti sebagai sampel tidak fokus mengikut kriteria Gaskin (2016) dan Collier (2020). Maka kesemua 8 sampel tersebut dikeluarkan daripada set data kajian dan hanya data sebanyak 426 (434 - 8) dikodkan semula ke dalam perisian SPSS untuk analisis seterusnya.

4.2.2 Ujian Kenormalan Data Univariat

Ujian kenormalan data univariat dijalankan dengan menggunakan dua kaedah iaitu pengesanan *outliers* dengan menghasilkan *boxplot* untuk setiap dimensi yang terdapat dalam setiap pemboleh ubah kajian dan juga penilaian piawaian skor-Z (*standardised Z-scores*) dengan menggunakan sisihan piawai dan nilai min untuk data nisbah. Melalui analisis *boxplot*, sebanyak 12 sampel mempunyai nilai pencilan ekstrem (*extreme outliers*) (rujuk Lampiran T). Oleh itu, kesemua sampel tersebut dikecualikan daripada set data kajian. Justeru, sebanyak 414 sampel kajian (426 - 12) digunakan untuk analisis kajian seterusnya. Pengecualian data yang mempunyai nilai pencilan ekstrem adalah untuk memastikan set data kajian bebas daripada gangguan *outliers* data univariat (Hair et al., 2022).

Bagi penilaian piawaian skor-Z, hasil analisis ke atas 414 sampel menunjukkan bahawa sebanyak 18 sampel mempunyai nilai skor-Z ± 3 (Coakes, 2012; Hair et al., 2022; Seo, 2002). Kesemua 18 sampel kajian ini dikenal pasti sebagai *outliers* yang perlu dikeluarkan daripada set data kajian. Justeru, baki sampel kajian selepas pengesanan *outliers* adalah sebanyak 396.

Secara rumusnya, daripada jumlah 396 sampel kajian, sebanyak 3 sampel telah dikeluarkan daripada set data kajian melalui tapisan kenormalan multivariat dan juga andaian Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM), menjadikan baki sampel kajian adalah sebanyak 393 (penjelasan lanjut dijelaskan di bahagian 4.4.3). Justeru, sampel akhir yang digunakan untuk menjawab objektif kajian adalah sebanyak 393.

4.3 Analisis Deskriptif

Dalam bahagian ini analisis data univariat yang melibatkan ciri-ciri demografi sampel kajian dan empat konstruk utama kajian dianalisis secara terperinci melalui kaedah statistik deskriptif. Analisis deskriptif terlebih dahulu melaporkan ciri-ciri demografi sampel kajian yang berperanan untuk mengenal pasti profil kepelbagaian dalam demografi sampel kajian. Seterusnya, memerihalkan tahap setiap konstruk kajian yang bertujuan menjawab persoalan kajian 1.1 hingga 1.4. Setiap konstruk kajian dianalisis secara individu (subskala yang terlibat) dan juga secara keseluruhan. Analisis deskriptif menggunakan set data kajian berjumlah 393 sampel.

4.3.1 Demografi Sampel

Ciri-ciri demografi sampel kajian dianalisis berdasarkan kepada tiga kategori utama untuk menggambarkan profil sampel kajian iaitu (1) jantina, (2) etnik dan (3) agama. Perincian ciri-ciri demografi sampel kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1

Profil Sampel Kajian

Ciri-Ciri	Kategori	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	170	43.7
	Perempuan	223	56.7
Etnik	Melayu	319	81.2
	Cina	8	2.0
	India	60	15.3
	Bumiputera Sabah	3	0.8
	Bumiputera Sarawak	2	0.5
	Indonesia	1	0.3
	Agama	Islam	325
	Buddha	8	2.0
	Hindu	57	14.5
	Kristian	3	0.8

Daripada 393 sampel kajian yang dianalisis, dapatan menunjukkan bahawa sampel kajian terdiri daripada majoriti pelajar perempuan iaitu seramai 223 orang (56.7%), manakala pelajar lelaki adalah seramai 170 orang (43.7%). Bagi profil etnik sampel, secara keseluruhannya, majoriti adalah pelajar etnik Melayu ($n = 319$, 81.2%). Ini diikuti oleh pelajar etnik India seramai 60 orang (15.3%), etnik Cina seramai 8 orang (2.0%), etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak seramai 5 orang (1.3%) dan seorang pelajar dari etnik Indonesia (0.3%).

Profil sampel yang terakhir adalah agama pelajar. Dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar beragama Islam ($n = 325$, 82.7%) dan diikuti oleh pelajar beragama Hindu seramai 57 orang (14.5%), agama Buddha seramai 8 orang (2.0%) dan juga Kristian iaitu 3 orang (0.8%).

4.3.2 Tahap Emosi Moral

Analisis deskriptif bagi konstruk emosi moral berperanan untuk menjawab persoalan kajian 1.1 iaitu memerihalkan tahap emosi moral berdasarkan kepada empat subskala yang terdapat dalam konstruk kajian. Skor min keseluruhan untuk setiap subskala digunakan dalam penganalisan untuk menentukan tahap sama ada rendah, sederhana atau tinggi. Statistik deskriptif bagi setiap subskala untuk konstruk emosi moral dilaporkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2

Tahap Emosi Moral

Emosi Moral	Min	S. P.	Tahap
Emosi Moral Keseluruhan	5.29	0.87	Tinggi
Rasa Bersalah – Penilaian Tingkah Laku Negatif (PTLN)	5.63	1.04	Tinggi
Rasa Bersalah – Pembaikan (P)	5.51	1.07	Tinggi
Rasa Malu – Penilaian Diri Negatif (PDN)	5.38	1.18	Tinggi
Rasa Malu – Penarikan Diri (PD)	4.66	1.07	Sederhana

Nota: S.P. = Sisihan Piawai; Interpretasi Tahap = Tinggi (5.00 - 7.00), Sederhana (3.00 - 4.99) & Rendah (1.00 - 2.99)

Dapatan menunjukkan min keseluruhan emosi moral berada pada tahap tinggi (min = 5.29, S.P. = 0.87). Bagi subskala rasa bersalah aspek penilaian tingkah laku negatif (min = 5.63, S.P. = 1.04), rasa bersalah bagi aspek pembaikan (min = 5.51, S.P. = 1.07) dan rasa malu bagi aspek penilaian diri negatif (min = 5.38, S.P. = 1.18) berada pada tahap tinggi. Manakala subskala rasa malu untuk penarikan diri (min = 4.66, S.P. = 1.07) berada pada tahap sederhana. Oleh itu kajian merumuskan bahawa tahap kecenderungan rasa bersalah bercirikan penilaian tingkah laku negatif tinggi dan kesanggupan untuk memperbaiki tingkah laku negatif juga tinggi. Bagi kecenderungan rasa malu, walaupun tinggi dalam kalangan diri pelajar sekolah menengah, namun kecenderungan untuk

menarik diri daripada menghadapi rasa malu tersebut adalah sederhana. Dapatan juga menunjukkan emosi moral pelajar sekolah menengah berada pada tahap yang tinggi.

4.3.3 Tahap Identiti Moral

Bahagian ini membincangkan tahap identiti moral untuk menjawab persoalan kajian 1.2 iaitu memerihalkan tahap identiti moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Tahap identiti moral diukur berdasarkan dua subskala iaitu diri moral dan integriti moral yang menjadi identiti moral kepada diri pelajar sekolah menengah. Tahap identiti moral dalam kajian ini dilaporkan dengan menggunakan skor min keseluruhan untuk setiap subskala yang dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Jadual 4.3 menunjukkan tahap identiti moral untuk setiap subskala.

Jadual 4.3

Tahap Identiti Moral

Identiti Moral	Min	S. P.	Tahap
Identiti Moral Keseluruhan	4.58	0.75	Tinggi
Diri Moral (DM)	4.84	0.84	Tinggi
Integriti Moral (IM)	4.32	0.87	Sederhana

Nota: S.P. = Sisihan Piawai; Interpretasi Tahap = Tinggi (4.34 - 6.00), Sederhana (2.67 - 4.33) & Rendah (1.00 - 2.66)

Berdasarkan jadual di atas, tahap identiti moral secara keseluruhan adalah tinggi (min = 4.58, S.P. = 0.75). Seterusnya, subskala diri moral menunjukkan tahap yang tinggi (min = 4.84, S.P. = 0.84), manakala subskala integriti moral berada pada tahap sederhana (min = 4.32, S.P. = 0.87). Walaupun tahap diri moral adalah tinggi, namun dapatan menunjukkan bahawa tahap integriti moral pelajar adalah sederhana. Secara keseluruhan, dapatan ini merumuskan bahawa tahap identiti moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah tinggi.

4.3.4 Tahap Pertimbangan Moral

Jadual 4.4 menunjukkan maklumat mengenai skor min dan tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Skor kematangan moral yang diperoleh oleh pelajar sekolah menengah dikategorikan kepada empat tahap pertimbangan moral yang bermula dari tidak matang hingga matang iaitu; tahap 1 dan 1(2): tidak matang dan tahap 2(1) dan 2: matang. Dapatan kajian ini berperanan untuk menjawab persoalan kajian 1.3 yang memerihalkan tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

Jadual 4.4

Tahap Pertimbangan Moral

Tahap dan Julat Kematangan pertimbangan Moral	Frekuensi	%	Min Keseluruhan	S.P.
Tidak Matang 1 (0.00 – 45.00)	31	8.0		
Tidak Matang 1(2) (45.00 – 60.00)	87	22.1		
Matang 2(1) (60.00 – 75.00)	144	36.6	67.51	13.73
Matang 2 (75.00 – 100.00)	131	33.3		

Nota: S.P. = Sisihan Piawai; % = peratus

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian mendapati bahawa min keseluruhan bagi skor pertimbangan moral adalah 67.51 (S.P. = 13.73). Skor min ini menunjukkan bahawa purata skor pertimbangan moral yang dicapai oleh pelajar sekolah menengah berada pada tahap matang 2(1) iaitu tahap pengukuhan kematangan moral (Gibbs, 2019). Dapatan juga menunjukkan majoriti pelajar sekolah menengah (69.9%) telah melepasi tahap tidak matang dan berada di tahap matang, manakala hanya 30.1% pelajar yang berada dalam tahap tidak matang. Dapatan ini merumuskan bahawa majoriti pelajar sekolah menengah memiliki tahap pertimbangan moral yang matang.

4.3.5 Tahap Tingkah Laku Prososial

Konstruk kecenderungan tingkah laku prososial merangkumi enam subskala utama (emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam). Analisis ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 1.4 yang memerihalkan tahap tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Jadual 4.5 menunjukkan rumusan analisis bagi konstruk tingkah laku prososial. Skor min keseluruhan untuk setiap subskala dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah.

Jadual 4.5

Tahap Tingkah Laku Prososial

Tingkah Laku Prososial	Min	S. P.	Tahap
Tingkah Laku Prososial Keseluruhan	3.67	0.63	Sederhana
Emosi	3.76	0.81	Tinggi
Keperluan	3.52	0.83	Sederhana
Tanpa Pengetahuan	3.65	0.86	Sederhana
Pematuhan	3.86	0.77	Tinggi
Altruisme	3.42	0.80	Sederhana
Awam	3.21	0.91	Sederhana

Nota: S.P. = Sisihan Piawai; Interpretasi Tahap = Tinggi (5.00 - 3.68), Sederhana (3.67 - 2.34) & Rendah (2.33 - 1.00)

Dapatan jadual di atas menunjukkan min keseluruhan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah berada pada tahap sederhana (min = 3.67, S.P = 0.63). Ini menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial adalah sederhana. Bagi skor min untuk subskala emosi (min = 3.76, S.P. = 0.81) dan pematuhan (min = 3.86, S.P. = 0.77) berada pada tahap tinggi. Ini bermakna, kecenderungan pelajar untuk menunjukkan tingkah laku prososial bersifat emosi dan pematuhan adalah tinggi. Selebihnya, subskala keperluan (min = 3.52, S.P. = 0.83), tanpa pengetahuan (min = 3.65, S.P. = 0.86), altruisme (min = 3.42, S.P. = 0.80) dan awam (min = 3.21, S.P. = 0.91) mencatatkan tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar untuk menunjukkan tingkah laku prososial yang bersifat keperluan, tanpa pengetahuan,

altruisme dan awam adalah sederhana. Dirumuskan bahawa kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah adalah tinggi dalam keadaan yang berkait dengan emosi dan juga apabila patuh permintaan secara lisan atau bukan lisan daripada individu yang memerlukan. Namun begitu, keseluruhan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah adalah pada tahap sederhana.

4.4 Pengesahan Model Pengukuran

Analisis data multivariat dalam kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM) berbantuan perisian AMOS grafik. Komponen pertama yang harus dianalisis terlebih dahulu dalam SEM adalah pengesahan model pengukuran (Hair et al., 2014). Dalam pada itu, bahagian membincangkan pengesahan model pengukuran yang diperoleh dengan menggunakan dua proses penting iaitu penilaian kesepadanan model pengukuran dan juga kesahan dan kebolehpercayaan konstruk kajian. Selepas pengesahan model pengukuran, analisis dapatan ditapis dengan memenuhi andaian SEM untuk pengujian hipotesis kajian dan juga penilaian model berstruktur.

Pengkaji terlebih dahulu telah menjalankan analisis CFA tertib-pertama untuk setiap konstruk secara individu. Tujuan pengkaji menjalankan analisis CFA tertib-pertama adalah untuk menilai beban faktor setiap item dan kesepadanan setiap konstruk untuk tujuan penilaian kesepadanan model pengukuran secara keseluruhan. Analisis CFA tertib-pertama untuk setiap konstruk dibincangkan dalam bab 3. Seterusnya, pengkaji telah menggunakan kaedah skor agregat untuk indikator (*item parceling*) iaitu skor agregat setiap subskala (*manifest*) untuk menggambarkan konstruk (*latent*) masing-masing. Tujuan penggunaan kaedah *item parceling* adalah untuk mengurangkan kekompleksan model seperti yang dicadangkan oleh Hair et al., (2022).

Sehubungan dengan itu, Jadual 4.6 menunjukkan peranan pemboleh ubah, konstruk dan indikator dan juga pelabelan setiap indikator seperti yang dicadangkan dalam model cadangan (Model Input 1). Berdasarkan jadual di bawah, model cadangan kajian ini mengandungi empat konstruk yang terdiri daripada lima *latent* dan 12 *manifest* yang digunakan untuk menilai kesepadanan dalam model pengukuran.

Jadual 4.6

Konstruk dan Indikator dalam Model Cadangan (Model Input 1)

Pemboleh ubah	Konstruk	Indikator
Eksogenus (bebas)	Emosi Moral	<ul style="list-style-type: none"> • Rasa bersalah - Penilaian tingkah laku negatif (EM1) • Rasa bersalah - Pembaikan (EM2) • Rasa malu - Penilaian diri negatif (EM3) • Rasa malu - Penarikan diri (EM4)
	Identiti Moral	<ul style="list-style-type: none"> • Diri moral (DM) • Integriti moral (IM)
Endogenus (Bersandar)	Tingkah Laku Prososial	<ul style="list-style-type: none"> • Emosi (Em) • Keperluan (Kp) • Tanpa pengetahuan (TP) • Pematuhan (Pm) • Altruisme (Al) • Awam (Aw)
Pengantara	Pertimbangan Moral (PM_Score)	

Nota: Nama dalam kurungan adalah label yang digunakan untuk penghasilan model

4.4.1 Penilaian Kesepadanan Model Pengukuran

Bagi penilaian kesepadanan model pengukuran, beberapa indeks penilaian digunakan daripada tiga kategori seperti yang dicadangkan oleh Kline (2023) dan Hair et al. (2022). Dalam pada itu, kajian melaporkan nilai indeks *Chi-Square statistic* (χ^2 atau CMIN), *Relative Chi-Square* dan *degree of freedom* (χ^2 /df), *Root Means Square Error of Approximation* (RMSEA) dan *Standardized Root Mean Residual* (SRMR) dari kategori *absolute fit*. Indeks *Comparative Fit Index* (CFI) dan indeks *Tucker Lewis Index* (TLI)

dari kategori *incremental fit*. Terakhir, *Akaike Information Criterion* (AIC) dari kategori *parsimonious fit*.

Hasil dapatan kesepadanan model pengukuran mendapati bahawa nilai *Chi-Square* (χ^2) adalah signifikan pada aras keyakinan 0.005 iaitu 100.048(60, 0.001), manakala *Relative Chi-Square* juga berada dalam lingkungan tahap penerimaan iaitu 1.667. Bagi indeks CFI dan TLI, nilai ketiga-tiga indeks melepasi tahap penerimaan (CFI & TLI \geq 0.90). Manakala nilai RMSEA (0.041) dan SRMR (0.039) telah memenuhi nilai kecukupan. Bagi indeks AIC, nilai yang dilaporkan adalah sebanyak 162.048. Secara keseluruhannya indeks kesepadanan model pengukuran dalam lingkungan tahap penerimaan. Jadual 4.7 menunjukkan dapatan indeks kesepadanan model pengukuran.

Jadual 4.7

Indeks Kesepadanan Model Pengukuran Sebelum Pengubahsuaian Model

Indeks Kesepadanan	Tahap Penerimaan	Nilai Model Kajian
<i>Chi Square</i> (χ^2 (df, p))	$p < 0.05$ (signifikan)	100.048(60, 0.001)
<i>Relative Chi-Square</i> χ^2 /df	< 5.00	1.667
RMSEA	< 0.08	0.041
SRMR	< 0.08	0.039
CFI	≥ 0.90	0.975
TLI	≥ 0.90	0.968
AIC	AIC yang rendah adalah digalakkan	162.048

Nota: Tahap penerimaan berdasarkan Burnham dan Anderson (2002), Byrne (2016), Garson (2012), Gaskin (2016), Hair et al. (2022), Hu dan Bentler (1999) dan Schumacker dan Lomax (2015)

Walaupun kesemua indeks kesepadanan model pengukuran diterima, namun apabila pengkaji menjalankan semakan model pengukuran melalui kaedah pengubahsuaian model, kajian mendapati wujud ralat korelasi (*Modification Indices*, MI) antara dua indikator iaitu indikator 3 dan 4 yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9. Justeru, pengkaji menjalankan pengubahsuaian model untuk menyelesaikan ralat ini.

Pengubahsuaian model dijalankan dengan menggunakan tiga langkah penting yang dicadangkan oleh (Hair et al., 2022). Pertama, semakan nilai beban faktor (*standardised regression weights*). Berdasarkan Jadual 4.8, tiada sebarang indikator yang menunjukkan berada di bawah tahap penerimaan iaitu melebihi 0.5 dan tidak menghampiri nilai 1.0 (Hair et al., 2014). Oleh itu, tiada indikator yang dikeluarkan daripada data kajian untuk tujuan pengubahsuaian model pengukuran.

Jadual 4.8

Nilai Beban Faktor (Standardised Regression Weights)

Indikator		Konstruk	Anggaran
EM1	<---	Emosi_Moral	.673
EM2	<---	Emosi_Moral	.740
EM3	<---	Emosi_Moral	.762
EM4	<---	Emosi_Moral	.710
DM	<---	Identiti_Moral	.879
IM	<---	Identiti_Moral	.569
TLP_Em	<---	Tingkah laku_Pro sosial	.745
TLP_Kp	<---	Tingkah laku_Pro sosial	.723
TLP_TP	<---	Tingkah laku_Pro sosial	.747
TLP_Pm	<---	Tingkah laku_Pro sosial	.706
TLP_AI	<---	Tingkah laku_Pro sosial	.649
TLP_Aw	<---	Tingkah laku_Pro sosial	.654

Langkah seterusnya adalah semakan matriks kovariansi residual piawai (*standardised residual covariance matrix*). Berdasarkan kepada matriks tersebut, tiada sebarang indikator yang mempunyai nilai melebihi ± 4 (rujuk Lampiran U) dan jika wujud, nilai tersebut berpotensi sebagai darjah ralat yang tidak boleh diterima (Hair et al., 2022). Oleh itu, dalam semakan langkah kedua ini tiada sebarang indikator yang dikeluarkan dalam set data kajian.

Langkah terakhir adalah semakan indeks pengubahsuaian (*Modification Indices*, MI). Nilai MI yang tinggi menunjukkan bahawa nilai ralat korelasi yang tinggi antara dua atau lebih indikator dan berulang (*redundant*) (Zainudin, 2013). Nilai MI yang melebihi 4 (MI > 4.0) adalah dicadangkan untuk peninjauan kewujudan ulangan antara kedua-dua item (Hair et al., 2022). Nilai MI yang tinggi boleh diselesaikan dengan dua pilihan sama ada mengeluarkan salah satu item yang berulang atau mengkorelasikan kedua-dua indikator tersebut (Brown 2015; Garson, 2012). Walau bagaimanapun, pengubahsuaian berdasarkan nilai MI semata-mata adalah tidak disyorkan. Ia perlu disokong dengan justifikasi teori asas kajian (Hair et al., 2013).

Dapatan analisis MI menunjukkan terdapat satu nilai MI antara indikator 3 dan 4 yang melebihi 15 (Jadual 4.9). Kedua-dua indikator tersebut perlu dikorelasikan. Hal ini kerana aliran teoretikal untuk pembentukan subskala rasa malu - penilaian diri negatif dan subskala rasa malu - penarikan diri adalah berdasarkan hubungan konsep malu yang berkait antara satu sama lain. Kedua-dua subskala ini bergantung kepada konsep malu yang dibezakan dengan aliran awam dan diri (Cohen et al., 2011). Justeru, wujud beberapa pengulangan item dalam subskala ini dengan pembezaan aliran awam dan diri. Oleh itu, kedua-dua indikator ini dikorelasikan berdasarkan sokongan teori.

Jadual 4.9

Indeks Pengubahsuaian (MI)

	MI	Perubahan Par
e3 <----> e4	13.248	0.129

Selepas pengkorelasi kedua-dua indikator tersebut, kesemua indeks kesepadanan telah bertambah baik berbanding dengan sebelum ini. Begitu juga indeks kesepadanan AIC yang telah menurun sebanyak 14% dan memenuhi kriteria iaitu semakin rendah nilai AIC semakin baik model kajian dalam mewakili hubungan benar yang wujud dengan set data kajian.

Justeru, pengubahsuaian yang dijalankan telah membantu meningkatkan kesepadanan model pengukuran. Jadual 4.10 menunjukkan perbandingan indeks kesepadanan sebelum dan selepas pengubahsuaian model. Rajah 4.1 menunjukkan model pengukuran selepas pengubahsuaian.

Jadual 4.10


Indeks Kesepadanan Model Pengukuran Sebelum dan Selepas Pengubahsuaian Model

Indeks Kesepadanan	Tahap Penerimaan	Nilai Model Kajian (Sebelum)	Nilai Model Kajian (Selepas)
<i>Chi Square</i> (χ^2 (df, p))	$p < 0.05$ (signfikan)	100.048(60, 0.001)	75.386(59, 0.026)
<i>Relative Chi-Square</i> χ^2 /df	< 5.00	1.667	1.278
RMSEA	< 0.08	0.041	0.027
SRMR	< 0.08	0.039	0.034
CFI	≥ 0.90	0.975	0.990
TLI	≥ 0.90	0.968	0.987
AIC	AIC yang rendah adalah digalakkan	162.048	139.386

Nota: Tahap penerimaan berdasarkan Burnham dan Anderson (2002), Byrne (2016), Garson (2012), Gaskin (2016), Hair et al. (2022), Hu dan Bentler (1999) dan Schumacker dan Lomax (2015)

Rajah 4.1

Model Pengukuran Selepas Pengubahsuaian



Secara keseluruhannya, perbincangan di atas menunjukkan pengubahsuaian kajian telah menambah baik indeks kesepadanan model pengukuran. Justeru, set data kajian model pengukuran ini sesuai untuk pengujian kesahan dan kebolehpercayaan model.

4.4.2 Penilaian Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran

Proses seterusnya dalam model pengukuran adalah kesahan dan kebolehpercayaan model. Merujuk kepada Jadual 4.11, matriks pepenjuru kesahan dan kebolehpercayaan model pengukuran kajian telah dihasilkan. Pengiraan nilai korelasi punca kuasa dua antara konstruk, AVE dan CR menggunakan *Statistical Learning Tool (SLT-3): A Practical Companion for Structural Equation Modeling* oleh Bahaman (2016).

Bagi kesahan konvergen, beban faktor (*factor loading*) dan purata varians terekstrak (*Average Variance Extracted, AVE*) ditinjau. Berdasarkan Jadual 4.11, nilai beban faktor untuk kesemua indikator melebihi bernilai positif, melebihi 0.5 dan tidak menghampiri 1.0. Kedua, AVE bagi konstruk identiti moral telah melepasi tahap penerimaan ($AVE > 0.5$) kecuali konstruk emosi moral (0.491), pertimbangan moral (0.432) dan tingkah laku prososial (0.497). Namun begitu, Fornell dan Larcker (1981) mencadangkan bahawa jika nilai AVE lebih daripada 0.4, manakala nilai kebolehpercayaan konstraknya (CR) lebih tinggi daripada 0.7, maka kesahan konvergen boleh diterima. Justeru, AVE konstruk pertimbangan moral dan juga konstruk-konstruk lain diterima dan masih menunjukkan konsistensi dalaman yang baik.

Kesahan diskriminan (*Discriminant Validity, DV*) turut ditinjau berdasarkan dua kaedah iaitu koefisien korelasi antara konstruk dan juga nilai AVE antara dua konstruk dengan korelasi punca kuasa dua (*squared correlation, r^2*). Dapatan analisis dalam Jadual 4.11 menunjukkan bahawa korelasi antara dua konstruk tidak melebihi 0.90, manakala nilai kesemua AVE antara dua konstruk melebihi daripada nilai r^2 (Hair et al., 2014; Hair et al., 2022; Ramayah et al., 2010). Justeru, kesahan diskriminan juga disokong dan ini menunjukkan indikator mempunyai persamaan dengan konstruk masing-masing dan konstruk lain.

Jadual 4.11

Matriks Peperjuru Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Kajian

Konstruk	CR	Korelasi Punca Kuasa dua (r^2) antara Konstruk			
		EM	IM	PM	TLP
Emosi Moral (EM)	0.793	0.491			
Identiti Moral (IM)	0.700	0.181	0.548		
Pertimbangan Moral (PM)	0.883	0.074	0.152	0.432	
Tingkah laku Prosocial (TLP)	0.855	0.132	0.175	0.086	0.497

Nota: CR = *Construct Reliability* (Kebolehpercayaan Konstruk); Nilai purata varians terekstrak (AVE) adalah dalam peperjuru (angka ditebalkan); Koefisien korelasi punca kuasa dua adalah di luar peperjuru.

Seterusnya, kebolehpercayaan konstruk pula dianalisis dengan menggunakan kebolehpercayaan konstruk (CR). Dapatan analisis menunjukkan bahawa CR bagi kesemua konstruk melebihi 0.7 dan nilai ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan diterima. Dalam pada itu, kebolehpercayaan konstruk telah dicapai dan mempunyai ketekalan dalam yang baik.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa dapatan analisis telah menyokong kesahan konvergen, kesahan diskriminan dan juga kebolehpercayaan konstruk iaitu setiap konstruk telah menunjukkan kestabilan yang baik dari aspek pengukurannya. Justeru, model pengukuran kajian ini telah mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang dikehendaki untuk penilaian model berstruktur.

4.4.3 Andaian Pemodelan Persamaan Berstruktur

Sebelum penilaian model berstruktur, model pengukuran perlu memenuhi tiga andaian kenormalan data multivariat. Andaian pertama ialah ujian kenormalan data univariat dan multivariat disemak berdasarkan nilai *skewness* dan *kurtosis* (kenormalan univariat) dan koefisien Mardia (*Mardia's coefficient*) atau *kurtosis* multivariat. Berdasarkan kepada Jadual 4.12, nilai *skewness* dan *kurtosis* univariat berada dalam lingkungan julat

penerimaan (*skewness*: ± 2 ; *kurtosis*: ± 7). Berdasarkan analisis ini, taburan data univariat adalah normal. Selanjutnya, nilai koefisien Mardia dengan merujuk *critical ratio* (CR) *kurtosis* menunjukkan bahawa terdapat beberapa indikator yang berada di luar julat penerimaan (± 1.96). Walau bagaimanapun, nilai CR *kurtosis* ini masih boleh diterima dengan syarat yang dicadangkan oleh Byrne (2016) dan Ryu (2011) iaitu berada di tahap penerimaan 7 hingga 8. Justeru, dapat dirumuskan bahawa set data kajian yang digunakan adalah memenuhi syarat bertaburan normal secara univariat dan multivariat.

Jadual 4.12

Ujian Kenormalan Data

Indikator	<i>Skewness</i>	C.R.	<i>kurtosis</i>	C.R.
EM1	-1.257	-10.210	1.494	5.068
EM2	-1.072	-8.713	1.008	4.093
EM3	-.841	-6.829	.051	.207
EM4	-.972	-7.899	.528	2.143
DM	-1.079	-8.768	.740	3.004
IM	-.865	-7.031	.172	.697
PM_Score	-.527	-4.285	-.059	-.238
TLP_Em	-.864	-7.020	.589	2.392
TLP_Kp	-.561	-4.560	-.044	-.181
TLP_TP	-.757	-6.154	.194	.790
TLP_Pm	-.982	-7.980	.542	2.201
TLP_A1	-.496	-4.030	.170	.691
TLP_Aw	-.326	-2.650	-.251	-1.018
Multivariat			21.457	10.811

Nota: C.R. = *Critical Ratio*

Andaian kedua yang perlu dipenuhi adalah pengesanan *outliers* dengan menggunakan jarak Mahalanobis. Berdasarkan kepada tiga pengukuran Mahalanobis, analisis dua pengukuran pertama iaitu semakan Mahalanobis, d^2 yang tinggi ($p1$ dan $p2$ bersamaan 0.000 dan 0.000) dan juga semakan Mahalanobis, d^2 dibahagi dengan *Degree of Freedom* didapati tiada sebarang pencilan yang dikenal pasti. Namun pengukuran ketiga

menunjukkan bahawa nilai Mahalanobis, d^2 kajian (36.426) lebih daripada nilai $\chi^2_{critical}$ (34.528) dengan jumlah indikator $\nu = 13$, maka sebanyak 3 kes telah dikenal pasti sebagai *outliers* yang signifikan (rujuk Lampiran V). Selepas 3 kes tersebut dikeluarkan daripada set data kajian, baki sampel sebanyak 393 (396 - 3). Data tersebut masih mencukupi untuk tinjauan analisis selanjutnya.

Andaian terakhir yang perlu dipenuhi adalah ujian kemultikolinearan (*multicollinearity*). Dua syarat digunakan untuk mengenal pasti kewujudan isu kemultikolinearan iaitu korelasi antara konstruk (< 0.90) dan juga beban faktor ($0.5 < \text{beban faktor} < 1.0$) (Garson, 2012; Hair et al., 2022). Berdasarkan kepada Jadual 4.11 sebelum ini, didapati bahawa korelasi antara konstruk tidak melebihi nilai 0.90, manakala beban faktor juga melebihi nilai 0.5 dan tidak menghampiri 1.0. Kedua-dua syarat ini telah memenuhi andaian ujian kemultikolinearan dan juga membuktikan bahawa set data kajian bebas daripada ancaman kemultikolinearan.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga andaian SEM iaitu ujian kenormalan data univariat dan multivariat, pengesanan *outliers* multivariat dan juga ujian kemultikolinearan telah dijalankan untuk mengenal pasti sebarang isu ketidaknormalan dan juga *outliers*. Dalam pada itu, sebanyak 4 kes telah dikeluarkan dari set data kajian yang dianggap sebagai *outliers* hasil daripada ujian jarak Mahalanobis. Selepas penyemakan dan pengesanan, set data kajian ini bertaburan normal dan tiada isu kemultikolinearan sekali gus memenuhi syarat dan prasyarat untuk pelaksanaan penilaian model berstruktur kajian.

4.4.4 Analisis Korelasi Hasil Darab Momen Pearson

Dalam kajian ini, analisis korelasi hasil darab momen Pearson diperoleh dengan menggunakan perisian grafik AMOS. Pelaporan analisis korelasi dijalankan antara

pemboleh ubah kajian yang terlibat dalam model (*latent*). Hubungan setiap pemboleh ubah kajian dikaji dengan menggunakan skor min keseluruhan pemboleh ubah.

Tujuan utama analisis korelasi adalah untuk meninjau hubungan signifikan yang wujud antara pemboleh ubah kajian yang dicadangkan melalui tinjauan literatur. Dalam pada itu, analisis korelasi ini juga berperanan untuk menguji hipotesis kajian yang telah dibentuk berdasarkan tinjauan literatur antara H_{1.1} hingga H_{1.5} seperti berikut.

- H_{1.1}: Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.
- H_{1.2}: Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.
- H_{1.3}: Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.
- H_{1.4}: Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.
- H_{1.5}: Terdapat hubungan signifikan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Analisis korelasi antara pemboleh ubah kajian (konstruk) diuji untuk meninjau kesignifikan hubungan antara konstruk. Dalam pada itu, peraturan asas Guilford (1973) iaitu *Guilford's rule of thumb* digunakan untuk mentafsir kekuatan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Jadual 4.13 menunjukkan korelasi antara pemboleh ubah kajian.

Jadual 4.13

Korelasi antara Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh Ubah Kajian	1	2	3	4
1 Emosi Moral				
2 Identiti Moral	0.43**			
3 Pertimbangan Moral	0.36**	0.39**		
4 Tingkah Laku Prososial	0.27**	0.42**	0.29**	

Nota: N = 393; ** = Korelasi signifikan pada aras 0.01 ($p < 0.01$, 2-tailed)

Secara khususnya, emosi moral berkorelasi secara signifikan dengan pertimbangan moral ($r = 0.36$, $p < 0.01$) dan tingkah laku prososial ($r = 0.27$, $p < 0.01$). Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa hubungan antara emosi moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah adalah bersifat rendah, manakala hubungan emosi moral dengan tingkah laku prososial adalah kecil. Dalam pada itu, walaupun hubungan rendah dan kecil, analisis ini membuktikan bahawa hipotesis kajian H_{1.1} dan H_{1.2} adalah benar dan disokong kerana nilai r yang signifikan. Ini bermakna, pelajar sekolah menengah yang mempunyai emosi moral yang baik, berkecenderungan untuk mempunyai pertimbangan moral yang matang dan menunjukkan tingkah laku prososial yang tinggi.

Bagi identiti moral, dapatan analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang rendah dengan pertimbangan moral ($r = 0.39$, $p < 0.01$). Selain itu, identiti moral juga berkorelasi secara signifikan dengan tingkah laku prososial ($r = 0.42$, $p < 0.01$) dan kekuatan hubungan ini bersifat rendah. Oleh itu, hipotesis kajian H_{1.3} dan H_{1.4} yang dibentuk adalah benar dan disokong kerana nilai r adalah signifikan. Ini bermakna, pelajar sekolah menengah yang mempunyai identiti moral yang kuat, berkecenderungan untuk mempunyai pertimbangan moral yang matang dan menunjukkan tingkah laku prososial yang tinggi.

Seterusnya, pemboleh ubah pertimbangan moral juga didapati mempunyai hubungan signifikan yang bersaiz kecil dengan tingkah laku prososial ($r = 0.29, p < 0.01$). Walaupun hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini bersaiz kecil, namun hubungan bersifat signifikan membuktikan hipotesis kajian $H_{1.5}$ benar dan disokong. Ini bermakna, pelajar sekolah menengah yang mempunyai pertimbangan moral yang matang, berkecenderungan untuk menunjukkan tingkah laku prososial yang tinggi.

Secara keseluruhannya, pelaporan analisis korelasi hasil darab momen Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara setiap pemboleh ubah kajian. Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah kajian adalah pada tahap kecil dan rendah sahaja. Namun begitu, Cohen (1992) mentakrifkan saiz hubungan 0.11 hingga 0.30 adalah sederhana. Oleh kerana hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kajian, kesemua hipotesis kajian ($H_{1.1}, H_{1.2}, H_{1.3}, H_{1.4}$ & $H_{1.5}$) yang dibentuk menerusi tinjauan literatur telah dibuktikan benar dan disokong.

4.5 Penilaian Model Berstruktur

Komponen kedua dalam SEM adalah model berstruktur yang merupakan analisis penting untuk kajian. Penganalisan model berstruktur adalah untuk meninjau pengaruh setiap konstruk kajian dalam model cadangan secara menyeluruh dan individu dan menilai ketepatan model cadangan input 1 iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM). Justeru, dapatan analisis model berstruktur ini digunakan untuk menjawab hipotesis kajian $H_{2.1}$ hingga $H_{2.5}$. Penganalisan model berstruktur akan menganalisis model cadangan (Model Input 1) berdasarkan kepada tiga aspek utama iaitu (1) penilaian kesepadanan model berstruktur, (2) pengaruh antara konstruk dan sumbangan keseluruhan model dan (3) kesan konstruk model cadangan.

4.5.1 Penilaian Kesepadanan Model Cadangan

Kesepadanan model cadangan bertujuan untuk meninjau hipotesis kajian yang dibentuk dari aspek pengaruh model ke atas pemboleh ubah endogenus kajian. Model berstruktur yang mempunyai indeks kesepadanan yang baik mampu menghasilkan pembuktian hipotesis yang paling tepat dalam menjawab persoalan kajian (Kline, 2023). Bagi kesepadanan penilaian model berstruktur, indeks kesepadanan yang digunakan untuk penilaian model pengukuran digunakan untuk model berstruktur yang telah dibincangkan dalam bahagian 4.4.1. Dalam bahagian ini, laluan model berstruktur ditentukan berdasarkan kepada model cadangan Input 1 yang telah dikenal pasti melalui tinjauan literatur kajian. Justeru, pemboleh ubah eksogenus dalam model berstruktur adalah emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral, manakala pemboleh ubah endogenus adalah tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Jadual 4.14 menunjukkan penilaian indeks kesepadanan model berstruktur iaitu model cadangan Input 1 yang dibentuk dalam kajian ini. Secara khususnya, nilai *Chi-Square* (χ^2) adalah signifikan pada aras keyakinan 0.05 iaitu 74.429(59, 0.000), manakala *Relative Chi-Square* juga berada dalam lingkungan tahap penerimaan iaitu 1.262. Bagi indeks CFI dan TLI pula, nilai kedua-dua indeks ini telah melepasi tahap penerimaan (CFI & TLI \geq 0.90). Manakala nilai RMSEA (0.026) dan SRMR (0.034) juga telah memenuhi nilai kecukupan. Bagi indeks AIC, nilai yang dilaporkan adalah sebanyak 138.429. Kesemua indeks kesepadanan berada pada tahap penerimaan.

Jadual 4.14

Indeks Kesepadanan Model Berstruktur (Model Cadangan Input 1)

Indeks Kesepadanan	Tahap Penerimaan	Nilai Model Kajian
<i>Chi Square</i> χ^2 (df, <i>p</i>)	$p < 0.05$ (signfikan)	74.429(59, 0.000)
<i>Relative Chi-Square</i> χ^2 /df	< 5.00	1.262
RMSEA	< 0.08	0.026
SRMR	< 0.08	0.034
CFI	≥ 0.90	0.991
TLI	≥ 0.90	0.988
AIC	AIC yang rendah adalah digalakkan	138.429

Nota: Tahap penerimaan berdasarkan Burnham dan Anderson (2002), Byrne (2016), Garson (2012), Gaskin (2016), Hair et al. (2022), Hu dan Bentler (1999) dan Schumacker dan Lomax (2015)


Dapatan ini menunjukkan bahawa indeks kesepadanan model berstruktur berada pada lingkungan tahap penerimaan yang dicadangkan dan tidak memerlukan sebarang pengubahsuaian atau semakan semula. Dalam pada itu, keseluruhan model ini sesuai untuk pengujian hipotesis dicadangkan. Dalam erti kata lain, model cadangan ini memberi impak ke atas pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

4.5.2 Pengaruh dan Sumbangan Keseluruhan Model Cadangan

Berdasarkan kepada penilaian kesepadanan model cadangan, analisis dapatan menunjukkan bahawa wujudnya pengaruh keseluruhan model terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Sehubungan dengan itu, bahagian ini membincangkan dua aspek penting iaitu pengaruh setiap konstruk (*individual path/regression weight*) dan juga sumbangan keseluruhan model (*coefficient of determination, R²*) ke atas pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar. Rajah 4.2 menunjukkan output (Model Output 1) daripada model cadangan (Model Input 1).

Rajah 4.2

Model Berstruktur (Model Cadangan: Model Output 1)



Berdasarkan kepada rajah di atas, didapati bahawa keseluruhan model memberi sumbangan sebanyak 22% kepada tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah dan 21% kepada pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Penilaian pengaruh setiap konstruk dan juga sumbangan keseluruhan output model cadangan ini berkeupayaan untuk menjawab hipotesis kajian yang dibentuk seperti berikut.

- H_{2.1}: Emosi moral secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.
- H_{2.2}: Identiti moral secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.
- H_{2.3}: Emosi moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

H_{2.4}: Identiti moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

H_{2.5}: Pertimbangan moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

4.5.2.1 Pengujian Hipotesis Kesan Langsung Konstruk

Jadual 4.15 menunjukkan kesan langsung konstruk eksogenus ke atas konstruk endogenus yang terbahagi kepada dua laluan iaitu konstruk eksogenus ke atas pertimbangan moral dan juga ke atas tingkah laku prososial. Pengujian hipotesis dibuktikan melalui penilaian pengaruh konstruk individu terhadap konstruk yang dipengaruhi dalam model.

Jadual 4.15

Pengaruh Konstruk ke atas Tingkah Laku Prososial Pelajar (Model Cadangan Input 1)

Laluan Hipotesis	B	SE	Beta	CR	<i>p</i>	Keputusan
Tingkah Laku Prososial						
H _{2.3} : EM → TLP	0.074	0.057	0.135	1.289	0.098	Tidak Disokong
H _{2.4} : IM → TLP	0.302	0.095	0.294	3.194	0.001	Disokong
H _{2.5} : PM → TLP	0.006	0.003	0.291	2.998	0.028	Disokong
<i>R</i> = 0.465 <i>R</i> ² = 0.22						
Pertimbangan Moral						
H _{2.1} : EM → PM	3.905	1.197	0.211	3.263	0.001	Disokong
H _{2.2} : IM → PM	7.593	1.895	0.325	4.008	0.000	Disokong
<i>R</i> = 0.458 <i>R</i> ² = 0.21						

Nota: EM = Emosi Moral; IM = Identiti Moral; PM = Pertimbangan Moral; TLP = Tingkah Laku Prososial; B = *Unstandardised Estimates*; SE = *Standard Error*; Beta = *Standardised Estimates*; CR = *Coefficient Ratio* (nilai t dalam regresi); *p* = Nilai signifikan (*p* < 0.05)

Bagi konstruk tingkah laku prososial, nilai *R*² sebanyak 22% daripada jumlah varians dalam konstruk tingkah laku prososial dapat diramal oleh varians dalam konstruk emosi moral (EM), identiti moral (IM) dan juga pertimbangan moral (PM). Keputusan ini menggambarkan bahawa terdapat 78% perubahan lagi dalam tingkah laku prososial (TLP) disebabkan oleh faktor lain yang tidak diramalkan oleh model kajian ini.

Dapatan analisis R^2 bagi konstruk pertimbangan moral di atas menunjukkan bahawa sebanyak 21% daripada variasi yang wujud dalam pertimbangan moral (PM) berupaya diterangkan oleh kedua-dua pemboleh ubah iaitu emosi moral (EM) dan juga identiti moral (IM). Dapatan ini menggambarkan bahawa terdapat sebanyak 79% perubahan lagi dalam pertimbangan moral (PM) disebabkan oleh faktor-faktor lain yang tidak dapat diramalkan dalam kajian ini. Dapatan analisis R^2 merumuskan bahawa varians yang terhasil dalam konstruk pertimbangan moral (21%) dan tingkah laku prososial (22%) dapat diramal oleh varians dalam pemboleh ubah eksogenus yang dicadangkan dalam model cadangan kajian.

Dapatan analisis di Jadual 4.14 menunjukkan bahawa emosi moral (EM) tidak mempengaruhi tingkah laku prososial (TLP) secara signifikan ($\beta = 0.135, p = 0.098$). Justeru, hipotesis kajian H_{2.3} tidak disokong. Walau bagaimanapun, identiti moral (IM) ($\beta = 0.294, p = 0.001$) dan juga pertimbangan moral (PM) ($\beta = 0.291, p = 0.028$) didapati mempengaruhi tingkah laku prososial (TLP) secara signifikan. Dalam pada itu, hipotesis kajian H_{2.4} dan H_{2.5} yang dibentuk dalam kajian ini disokong. Ini menunjukkan bahawa identiti moral yang kuat dan pertimbangan moral matang mempunyai impak yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar sekolah menengah dalam menunjukkan tingkah laku prososial. Namun begitu, emosi moral yang baik tidak memberi sebarang pengaruh signifikan kepada kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Bagi pengujian hipotesis pengaruh ke atas pertimbangan moral, emosi moral (EM) mempengaruhi pertimbangan moral (PM) pelajar sekolah menengah secara signifikan ($\beta = 0.211, p = 0.001$). Malah, dapatan juga menunjukkan identiti moral (IM) turut mempengaruhi pertimbangan moral (PM) secara signifikan ($\beta = 0.325, p = 0.000$).

Justeru, hipotesis kajian H_{2.1} dan H_{2.2} adalah disokong. Kajian merumuskan bahawa emosi moral dan identiti moral mempengaruhi pertimbangan moral secara signifikan pada nilai alpha 0.001 dan 0.000 masing-masing. Ini bermakna, pelajar sekolah menengah yang mempunyai emosi moral yang baik dan juga identiti moral yang kuat, mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa analisis kajian telah membuktikan bahawa 4 daripada 5 hipotesis kajian yang dicadangkan dalam kajian ini telah disokong kerana pemboleh ubah eksogenus membawa pengaruh yang signifikan terhadap pemboleh ubah endogenus. Dalam erti kata lain, emosi moral dan identiti moral mempunyai pengaruh terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Begitu juga identiti moral dan pertimbangan moral mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan emosi moral tidak menunjukkan pengaruh ke atas tingkah laku prososial.

4.5.2.2 Kesan Model Cadangan

Bahagian ini melaporkan penganalisan kesan model cadangan ke atas pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Kesan model cadangan ini terbahagi kepada tiga aspek iaitu kesan langsung, kesan tidak langsung dan juga kesan keseluruhan model. Jadual 4.15 menunjukkan kesan antara konstruk yang dirujuk berdasarkan pekali Beta (β) piawai. Kesan langsung merupakan kesan yang wujud secara menerus (*direct*) antara konstruk eksogenus dengan konstruk endogenus. Manakala kesan tidak langsung pula merujuk kepada kesan yang wujud secara tidak menerus (*indirect*) dan diperantarakan oleh satu lagi konstruk. Bagi kesan keseluruhan model, gabungan kesan langsung dan tidak langsung dijelaskan sebagai jumlah kesan.

Secara ringkasnya, jumlah kesan keseluruhan model ke atas tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah adalah sebanyak 0.88 (Jadual 4.16). Bagi kesan keseluruhan model ke atas pertimbangan moral pelajar sekolah menengah pula adalah sebanyak 0.54. Dapatan ini adalah hasil penambahan kesan langsung dan tidak langsung setiap konstruk ke atas konstruk endogenus masing-masing.

Jadual 4.16

Kesan Keseluruhan Model Cadangan

Kesan antara Konstruk	Kesan Langsung	Kesan Tidak Langsung	Jumlah Kesan
Pertimbangan Moral			
Emosi Moral → Pertimbangan Moral	0.211	-	0.211
Identiti Moral → Pertimbangan Moral	0.325	-	0.325
Jumlah Kesan Keseluruhan			0.536
Tingkah Laku Prososial			
Emosi Moral → Tingkah Laku Prososial	0.135	0.061	0.196
Identiti Moral → Tingkah Laku Prososial	0.294	0.095	0.389
Pertimbangan Moral → Tingkah Laku Prososial	0.291		0.291
Jumlah Kesan Keseluruhan			0.876

Nota: Nilai pekali Beta (β) dirujuk

Dapatan dalam jadual atas jelas menunjukkan bahawa kesan keseluruhan model cadangan tingkah laku prososial adalah lebih tinggi daripada model langsung pertimbangan moral. Gabungan pertimbangan moral sebagai konstruk pengantara dalam keseluruhan model lebih memberi impak dan kesan kepada tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah berbanding dengan model cadangan pertimbangan moral yang hanya mempunyai kesan langsung. Ini dapat dirumuskan bahawa model pengantaraan yang dicadangkan dalam kajian ini (PPMPSM) adalah diterima dan memberi impak kepada tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

4.5.3 Penganalisan Kesan Pengantaraan

Bahagian ini membincangkan kewujudan pengantaraan dalam model PPMPSM yang dicadangkan iaitu peranan konstruk pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan di antara emosi moral dan identiti moral (eksogenus) ke atas tingkah laku prososial (endogenus). Tujuan analisis ini adalah untuk menguji hipotesis kajian yang dibentuk iaitu H_{3.1} dan H_{3.2}. Seterusnya, pengujian kesan pengantaraan dijalankan bagi meninjau bentuk kesan yang wujud (kesan pengantara tidak langsung, pengantara separa atau pengantara penuh). Penganalisan kesan pengantaraan dijalankan dengan menggunakan kaedah penggandaan (*Bootstrapping*).

4.5.3.1 Pengujian Hipotesis Kesan Pengantaraan

Bagi penentuan kewujudan pengantaraan dalam model PPMPSM, nilai signifikan *Standardised Indirect Effect* (SIE) yang ditinjau dengan *lower bound* (LB) dan juga *upper bound* (UB) dirujuk sebagai kayu pengukur. Bagi mengesahkan pengantaraan ini wujud ataupun tidak, nilai signifikan (nilai p) SIE ditinjau. Jika nilai Beta (β) SIE signifikan ($p < 0.05$), maka hubungan tersebut wujud pengantaraan dalam model yang dicadangkan, sebaliknya tiada kesan pengantaraan. Pengujian ini sudah memadai untuk menjawab hipotesis kajian, namun dapatan analisis seterusnya dapat meninjau bentuk kesan pengantaraan (kesan pengantara tidak langsung, pengantara separa atau pengantara penuh) yang wujud dalam hubungan antara konstruk eksogenus ke atas konstruk endogenus.

Bagi menentukan kesan pengantaraan sama ada pengantaraan separa atau penuh, nilai Beta (β) model langsung dirujuk. Jika nilai Beta (β) model langsung signifikan ($p < 0.05$), maka wujud kesan pengantaraan separa atau penuh, sebaliknya kekal kesan tidak

langsung. Seterusnya Beta (β) model pengantaraan dirujuk untuk menentukan kesan pengantaraan sama ada separa ataupun penuh. Jika Beta (β) model pengantaraan signifikan, maka kesan pengantaraan adalah separa, manakala tidak signifikan menunjukkan kesan pengantaraan yang penuh (Hayes, 2013).

Jadual 4.17 menunjukkan model laluan hipotesis kajian H_{3.1} bagi pengujian kesan pengantaraan pertimbangan moral di antara emosi moral ke atas tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah dalam model cadangan PPMPSM. Berdasarkan kepada dapatan analisis tersebut, nilai kosong kedua-dua LB dan UB berada di luar dan nilai Beta SIE juga signifikan ($\beta = 0.029, p = 0.024$). Dapatan ini menunjukkan wujud pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan emosi moral ke atas tingkah laku prososial dan sekali gus, hipotesis kajian H_{3.1} disokong.

Bagi penentuan bentuk kesan pengantaraan, nilai Beta bagi model langsung adalah dirujuk. Nilai Beta model langsung adalah signifikan ($\beta = 0.178, p = 0.008$), maka wujud pengantaraan penuh ataupun separa. Bagi menentukan sama ada pengantaraan penuh atau separa, nilai Beta model pengantaraan pula dirujuk. Nilai Beta bagi model pengantaraan adalah tidak signifikan ($\beta = 0.135, p = 0.098$). Dapatan ini menunjukkan pertimbangan moral memberi kesan pengantaraan penuh terhadap hubungan antara emosi moral dengan tingkah laku prososial dalam model PPMPSM. Ini bermakna, emosi moral dapat mempengaruhi secara tidak langsung kecenderungan tingkah laku prososial melalui kematangan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

Jadual 4.17

Kesan Pengantaraan Pertimbangan Moral dalam Hubungan antara Emosi Moral dan Tingkah Laku Prososial

Model Laluan Hipotesis H _{3.1}	Beta	<i>p</i>	95% CI Bootstrap BC	
			LB	UB
Model Langsung EM → TLP	0.178	0.008		
Model Pengantaraan EM → TLP	0.135	0.098		
<i>Standardised Indirect Effect (SIE)</i>	0.029	0.024	0.003	0.076
Keputusan	Kesan pengantaraan penuh			

Nota: EM = Emosi Moral; TLP = Tingkah Laku Prososial

Seterusnya, pengujian kesan pengantaraan pertimbangan moral terhadap hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah dalam model PPMPM ditunjukkan dalam Jadual 4.18. Model laluan hipotesis kajian H_{3.2} menunjukkan bahawa nilai LB dan UB adalah di luar, manakala nilai Beta SIE menunjukkan signifikan ($\beta = 0.044$, $p = 0.028$). Dapatan kedua-dua analisis ini mengesahkan bahawa wujud kesan pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Oleh itu, hipotesis kajian H_{3.2} disokong dalam kajian ini.

Penganalisan bentuk kesan pengantaraan menunjukkan nilai Beta bagi kedua-dua model langsung ($\beta = 0.341$, $p = 0.000$) dan juga model pengantaraan ($\beta = 0.294$, $p = 0.001$) adalah signifikan pada aras keyakinan 0.05. Dapatan analisis ini mengesahkan bahawa pertimbangan moral memberi kesan pengantaraan separa terhadap hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial dalam model PPMPM. Ini bermakna, identiti moral dapat mempengaruhi secara tidak langsung kecenderungan tingkah laku prososial melalui kematangan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

Jadual 4.18

Kesan Pengantaraan Pertimbangan Moral dalam Hubungan antara Identiti Moral dan Tingkah Laku Prososial

Model Laluan Hipotesis H _{3.2}	Beta	<i>p</i>	95% CI Bootstrap BC	
			LB	UB
Model Langsung IM → TLP	0.341	0.000		
Model Pengantaraan IM → TLP	0.294	0.001		
<i>Standardised Indirect Effect (SIE)</i>	0.044	0.028	0.005	0.104
Keputusan	Kesan pengantaraan separa			

Nota: IM = Identiti Moral; TLP = Tingkah Laku Prososial

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa analisis kesan pengantaraan dengan menggunakan kaedah *Bootstrapping* menunjukkan bahawa laluan pengantaraan pertimbangan moral yang dicadangkan dalam model PPMPSM adalah signifikan. Konstruk pertimbangan moral. Dalam erti kata lain, dua hipotesis yang dicadangkan dalam kajian ini iaitu H_{3.1} dan H_{3.2} adalah disokong. Dalam pada itu, pertimbangan moral telah memberi kesan pengantaraan penuh dalam hubungan antara emosi moral dengan tingkah laku prososial, manakala kesan pengantaraan separa dalam hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial.

4.5.4 Rumusan Analisis Model

Secara keseluruhannya, model cadangan kajian iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM) telah menunjukkan laluan hipotesis kajian disokong dan padan dengan data yang dicerap. Penganalisan pengaruh model ini menunjukkan bahawa identiti moral dan pertimbangan moral mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah secara signifikan dengan sumbangan keseluruhan sebanyak 22%. Daripada jumlah ini, identiti moral mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku prososial dan pertimbangan moral. Walau bagaimanapun, dapatan

juga menunjukkan bahawa emosi moral tidak mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah secara signifikan.

Penganalisan pertimbangan moral didapati memberi kesan pengantaraan penuh dalam hubungan antara emosi moral dengan tingkah laku prososial. Malah, pertimbangan moral juga memberi kesan pengantaraan separa dalam hubungan antara identiti moral dan tingkah laku prososial. Berdasarkan kepada penganalisan model pengantaraan, model PPMPSM yang merupakan model pengantaraan telah memberi kesan keseluruhan sebanyak 0.88 terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Model pengantaraan PPMPSM menunjukkan keberkesanan model dari aspek indeks kesepadanan, kesahan dan kebolehpercayaan, pengaruh dan juga pengantaraan. Dapatan ini secara langsung menjawab persoalan kajian 5.1 iaitu Model PPMPSM memenuhi ketepatan padanan dan juga diterima.

4.6 Rumusan Pengujian Hipotesis Kajian

Bahagian ini merumuskan analisis pengujian hipotesis kajian (Jadual 4.19). Pengujian hipotesis kajian ini dijalankan berdasarkan laluan model cadangan PPMPSM yang bermula dengan model pengukuran. Selepas penilaian model pengukuran, penganalisan korelasi hubungan dijalankan untuk meninjau hubungan konstruk. Selepas itu model berstruktur diuji kesan pengaruh dan diakhiri dengan pengujian kesan pengantaraan.

Jadual 4.19*Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian*

Hipotesis Kajian	Dapatan	Keputusan
Pengukuran Hubungan		
Hipotesis H _{1.1}		
Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah	Emosi Moral ⇔ Pertimbangan Moral $r = 0.36; p < 0.01$	Disokong
Hipotesis H _{1.2}		
Terdapat hubungan signifikan antara emosi moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah	Emosi moral ⇔ Tingkah Laku Prososial $r = 0.27; p < 0.01$	Disokong
Hipotesis H _{1.3}		
Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah	Identiti Moral ⇔ Pertimbangan Moral $r = 0.39; p < 0.01$	Disokong
Hipotesis H _{1.4}		
Terdapat hubungan signifikan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah	Identiti Moral ⇔ Tingkah Laku Prososial $r = 0.42; p < 0.01$	Disokong
Hipotesis H _{1.5}		
Terdapat hubungan signifikan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah	Pertimbangan Moral ⇔ Tingkah Laku Prososial $r = 0.29; p < 0.01$	Disokong
Pengukuran Pengaruh		
Indeks kesepadanan model berstruktur	Chi Sq. χ^2 (df, p) : 74.429(59, 0.000) Relative Chi-Sq. : 1.262 RMSEA : 0.026 SRMR : 0.034 CFI : 0.991 TLI : 0.988 AIC : 138.429	Disokong
Hipotesis H _{2.1}		
Emosi moral secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah	Emosi Moral → Pertimbangan Moral $\beta = 0.211; p < 0.05$	Disokong
Hipotesis H _{2.2}		
Identiti moral secara signifikan mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah	Identiti Moral → Pertimbangan Moral $\beta = 0.325; p < 0.01$	Disokong
Hipotesis H _{2.3}		
Emosi moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.	Emosi Moral → Tingkah Laku Prososial $\beta = 0.135; p (0.098) > 0.05$	Ditolak
Hipotesis H _{2.4}		
Identiti moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.	Identiti Moral → Tingkah Laku Prososial $\beta = 0.294; p < 0.05$	Disokong
Hipotesis H _{2.5}		
Pertimbangan moral secara signifikan mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.	Pertimbangan Moral → Tingkah Laku Prososial $\beta = 0.291; p < 0.05$	Disokong

Hipotesis Kajian	Dapatan	Keputusan
Pengukuran Pengantara		
Hipotesis H _{3,1} Pertimbangan moral mengantara secara signifikan bagi hubungan antara emosi moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.	Emosi Moral → Pertimbangan Moral → Tingkah Laku Prososial β SIE = 0.029; $p < 0.05$ Kesan Pengantaraan Penuh	Disokong
Hipotesis H _{3,2} Pertimbangan moral mengantara secara signifikan bagi hubungan antara identiti moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.	Identiti Moral → Pertimbangan Moral → Tingkah Laku Prososial β SIE = 0.044; $p < 0.05$ Kesan Pengantaraan Separata	Disokong

4.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, model yang dicadangkan dalam kajian ini iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM) adalah diterima dengan set data kajian yang ditinjau iaitu sebanyak 393 sampel. Model ini telah memenuhi kesepadanan, mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang disyorkan dan juga telah menunjukkan pengaruh setiap konstruk serta membuktikan pengantaraan pertimbangan moral dalam hubungan konstruk. Dalam pada itu, faktor emosi moral didapati tidak mempengaruhi tingkah laku prososial secara langsung. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan rangkuman konstruk emosi moral, identiti moral dan juga pertimbangan moral mempunyai kesan keseluruhan sebanyak 0.88 terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Penerimaan dan kepentingan model pengantaraan PPMPSM menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral meramalkan pembentukan tingkah laku prososial dengan sumbangan keseluruhan sebanyak 22%.

Penerimaan model cadangan ini juga mengesahkan bahawa pertimbangan moral sebagai pengantara memainkan peranan yang penting dan memberi impak kepada hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah

menengah. Kesan pengantaraan pertimbangan moral yang penuh dan separa secara signifikan menunjukkan bahawa pertimbangan moral adalah penting untuk menghubungkan emosi moral dan juga identiti moral dalam penghasilan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Pada bab yang berikutnya, perbincangan mengenai dapatan kajian, implikasi, batasan dan juga hala tuju kajian untuk masa hadapan dijelaskan secara lanjut.

Universiti Malaya

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab 5 ini berperanan untuk menafsir, merumus dan membincangkan hasil dapatan kajian seperti mana telah dilaporkan oleh pengkaji dalam bab 4. Kajian menunjukkan bahawa emosi moral, identiti moral pertimbangan moral dan tingkah laku prososial berhubung kait antara satu sama lain. Malah, didapati identiti moral dan pertimbangan moral mempengaruhi kecenderungan tingkah laku prososial, kecuali emosi moral yang tidak menunjukkan pengaruh signifikan terhadap tingkah laku prososial. Walau bagaimanapun, emosi moral dan identiti moral mempengaruhi pertimbangan moral pelajar. Kajian ini juga telah mengesahkan peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar. Justeru, model cadangan kajian iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM) adalah diterima dan padan dengan data yang dicerap.

Perbincangan bab ini dimulakan dengan merumuskan kajian secara ringkas dan memfokuskan kepada perbincangan hasil dapatan kajian yang menjurus kepada objektif kajian dan persoalan kajian yang telah ditetapkan dalam Bab 1. Perbincangan ini merangkumi empat bahagian yang penting iaitu tahap setiap konstruk, hubungan, pengaruh dan kesan pengantaraan yang dijana daripada pengujian statistik SEM.

Seterusnya perbincangan hasil dapatan kajian ini dirujuk untuk menjelaskan sumbangan dan implikasi khususnya dalam memahami kepentingan emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral dalam meningkatkan keberhasilan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Tambahan pula, bab ini juga menggariskan beberapa

cadangan kajian lanjutan yang berperanan untuk menentukan hala tuju, matlamat dan penambahbaikan untuk kajian dan pengkaji pada masa hadapan. Akhir sekali, perbincangan bab 5 disimpulkan dengan memberi gambaran mengenai peranan model PPMPSM untuk perkembangan moral pelajar sekolah menengah.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan bahagian ini memberi tumpuan kepada tahap emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial yang dianalisis dalam kajian ini. Perbincangan tahap setiap faktor ini amat penting kerana setiap faktor menentukan perkembangan terkini pelajar sekolah menengah secara menyeluruh. Malah, disebabkan kekurangan kajian tempatan tentang perkembangan moral terutamanya pelajar sekolah menengah, kajian ini memerihalkan tahap kecenderungan emosi moral, pembentukan identiti moral, kematangan pertimbangan moral dan kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan 4 persoalan kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 1.1 Apakah tahap emosi moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.2 Apakah tahap identiti moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.3 Apakah tahap pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.4 Apakah tahap tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

5.2.1 Emosi Moral

Bahagian ini bertujuan membincangkan tahap emosi moral pelajar sekolah menengah secara keseluruhan dan juga setiap dimensi yang terlibat. Dimensi kecenderungan rasa bersalah terbahagi kepada dua subskala iaitu penilaian tingkah laku negatif (PTLN) dan

juga pembaikan (P), manakala dimensi kecenderungan rasa malu terbahagi kepada subskala penilaian diri negatif (PDN) dan juga penarikan diri (PD).

Secara keseluruhannya, tahap emosi moral rasa bersalah dan malu pelajar sekolah menengah berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa sekiranya pelajar sekolah menengah melakukan sebarang kesalahan, kecenderungan rasa bersalah dan malu kerap muncul dalam diri mereka. Ia boleh ditinjau secara lanjut melalui dimensi yang terdapat dalam konstruk emosi moral.

Dapatan kajian bagi dimensi kecenderungan rasa bersalah mendapati pelajar sekolah menengah mempunyai tahap kecenderungan rasa bersalah yang tinggi yang dicirikan oleh penyesalan dan penilaian tingkah laku negatif (PTLN). Akibatnya, pelajar menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk memperbaiki tingkah laku (P) mereka agar tidak mengulangi kesalahan tersebut pada masa depan. Ini selaras dengan dapatan kajian lepas yang menjelaskan bahawa golongan remaja yang mempunyai kecenderungan rasa bersalah yang tinggi terhadap tingkah laku negatif mereka, kurang menunjukkan kecenderungan untuk berbohong, mengelakkan keputusan yang tidak beretika dan terlibat dalam tingkah laku antisosial. Dari segi personaliti, pelajar yang mempunyai kecenderungan rasa bersalah didapati lebih berempati, merendah diri, teliti dalam membuat tindakan, menerima pandangan orang lain dan bertingkah laku altruistik berbanding mereka yang mencapai skor rasa bersalah - (PTLN) yang rendah (Barón et al., 2018; Kernan & Sullins, 2022; Rullo et al., 2021). Dapatan ini selari dengan pendekatan perspektif penyesuaian sosial yang menganggap rasa bersalah adalah lebih sihat, adaptif dan juga bermoral kerana wujud peluang pembaikan untuk bertingkah laku moral pada masa depan (Dempsey, 2017).

Perasaan tertekan dan menyesal dengan tingkah laku (Stuewig et al., 2015) menyebabkan pelajar bertindak mengaku, memohon maaf dan mencuba untuk menebus dosa. Justeru, emosi bersalah ini menggalakkan keinginan untuk mengubah atau memperbaiki dan memotivasikan tingkah laku mereka (Carpenter et al., 2016) untuk mengelakkan kesilapan pada masa hadapan (Cohen et al., 2011). Hal ini dapat dilihat dalam dapatan kajian di mana skor rasa bersalah – pbaikan adalah tinggi. Justeru, adalah penting bagi kecenderungan rasa bersalah ditekankan dalam perkembangan moral pelajar sekolah menengah kerana ia bukan sahaja meningkatkan pertimbangan moral dan tingkah laku prososial, malah ia membantu pelajar untuk membuat refleksi sendiri untuk mencegah keputusan dan tingkah laku tidak bermoral pada masa depan.

Seterusnya, penemuan dimensi kecenderungan rasa malu - penilaian diri negatif (PDN) yang tinggi menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah berkecenderungan tinggi untuk berasa malu terhadap diri sendiri apabila melakukan sebarang tingkah laku yang melanggar peraturan moral yang diketahui oleh orang lain. Dari aspek empirikal, penemuan ini konsisten dengan kajian Perdani (2019) yang mendapati bahawa masyarakat kolektivisme seperti Malaysia sememangnya cenderung mempunyai kecenderungan rasa malu yang tinggi dan menghargai emosi tersebut seperti mana mereka mengutamakan rasa bersalah (Perdani, 2019). Ini adalah kerana faktor budaya dan agama di Malaysia yang menekankan aspek penyesalan dan penebusan yang bukan sahaja diguna pakai ketika mengalami emosi rasa bersalah, malah ia juga diaplikasikan ketika berhadapan emosi rasa malu.

Walaupun kecenderungan rasa malu yang tinggi dianggap memberi impak yang positif, namun perlu diingatkan bahawa kebanyakan kajian lepas melaporkan mengaitkan rasa malu dengan pelbagai masalah kesihatan mental seperti kemurungan, stress,

keimbangan, gangguan makan, mencederakan diri sendiri (Blythin et al., 2020; Sheehy et al., 2019) yang boleh membawa kesan negatif kepada perkembangan moral pelajar. Pelajar yang mengalami rasa malu yang tinggi berasa dirinya tidak berharga, terdedah dan mencuba untuk menyembunyikan diri dan mengelakkan perasaan tersebut dengan menarik diri daripada khalayak ramai. Kesan ini menyebabkan tingkah laku pelajar tersebut tidak ada sebarang refleksi dan merencatkan proses pembaikan. Malah, perspektif penyesuaian sosial turut menganggap rasa malu adalah kurang bermoral dan bersifat maladaptif berbanding rasa bersalah yang dilihat lebih sihat (Dempsey, 2017). Justeru, tahap kecenderungan yang tinggi berkemungkinan boleh memberi impak negatif kepada tingkah laku moral pelajar. Walaupun rasa malu dianggap baik dari sudut agama dan budaya di Malaysia, namun kesan dalaman kepada diri pelajar boleh menyekat proses perkembangan emosi pelajar.

Oleh itu, untuk melihat sama ada rasa malu yang tinggi boleh menunjukkan kesan positif atau pun negatif, pelajar didapati menunjukkan kecenderungan penarikan diri (PD) yang sederhana. Dalam erti kata lain, kesan rasa malu dalam diri pelajar tidak menyebabkan mereka untuk menarik diri untuk menyembunyikan diri mereka khalayak ramai, masih terkawal dan kurang memberikan impak negatif kepada pertimbangan moral mahupun tingkah laku prososial (Kernan & Sullins, 2022). Dalam konteks ini, rasa malu berfungsi sebagai penyesuaian kepada pelajar yang telah jauh menyimpang daripada nilai moral dan norma sosial. Kesedaran sebegini adalah penting untuk pelajar untuk membentuk nilai-nilai standard dalam diri mereka yang boleh membantu mereka membuat keputusan dan bertingkah laku bermoral seperti yang dingini oleh masyarakat. Justeru, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kecenderungan rasa malu yang tinggi memberi impak yang positif kepada perkembangan moral pelajar dan bersedia untuk memperbaiki diri mereka daripada mengulangi kesilapan mereka.

Rumusannya, dapatan kajian ini memberi bukti empirikal dalam konteks perkembangan moral pelajar sekolah menengah di Malaysia yang membuktikan bahawa emosi moral rasa bersalah dan malu yang tinggi tidak semestinya bersifat negatif. Sebaliknya kehadiran kedua-dua emosi moral dalam diri pelajar secara langsung atau tidak langsung membantu mengawal dan mengelakkan pelajar daripada tingkah laku antisosial. Hal ini dapat dilihat dalam dapatan kajian di mana rasa bersalah – pembaikan adalah tinggi dan rasa malu - penarikan diri adalah sederhana. Namun, adalah penting untuk memantau perkembangan emosi moral rasa bersalah dan malu dalam kalangan pelajar sekolah menengah kerana pada alam keremajaan ini, mereka mengalami emosi rasa malu berpotensi tinggi untuk menggunakannya secara adaptif mahupun maladaptif untuk tujuan peribadi. Selain itu, isu berkenaan masalah antisosial dalam kalangan remaja yang semakin meruncing dapat dikawal dengan memantau emosi moral rasa bersalah dan malu menerusi sistem pendidikan negara yang holistik.

5.2.2 Identiti Moral

Bahagian ini bertujuan membincangkan konstruk identiti moral yang melaporkan tahap identiti moral pelajar sekolah menengah secara keseluruhan dan juga setiap subskala yang terlibat. Secara keseluruhannya, pelajar sekolah menengah didapati mempunyai tahap identiti moral yang tinggi. Dapatan memberi gambaran bahawa pelajar sekolah menengah di Malaysia mempunyai kepentingan kemoralan yang tinggi sebagai asas identiti diri mereka. Dalam erti kata lain, pelajar sekolah menengah menunjukkan ciri-ciri moral dan pemahaman moral yang tinggi dalam mewakili identiti diri mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa identiti pelajar yang dekat dengan pegangan moral mereka menggalakkan mereka untuk berfungsi sebagai agen moral yang bertanggungjawab (Hardy & Carlo, 2011). Peningkatan pemahaman norma moral yang signifikan

mbolehkan remaja dapat mengatasi krisis identiti seperti mana yang ditekankan dalam Teori Perkembangan Psikososial oleh Erikson (1994) untuk mengatasi cabaran moral.

Menurut kajian Onat Kocabiyik & Kulaksizoglu (2014) dan Imbriaco (2017), apabila pelajar menjejaskan kaki ke alam sekolah menengah, komposisi interaksi sosial (keluarga, rakan, individu lain, masyarakat, lokaliti, budaya, kepercayaan, sekolah, persekitaran sosial dan undang-undang) mereka mula meluas dan memberi kesan kepada perubahan personaliti, diri, tanggungjawab dan pegangan prinsip moral mereka. Rosila Bee dan Haslina (2022) menyarankan sokongan sosial menerusi masyarakat dalam menolong pelajar mengatasi krisis identiti diri adalah penting untuk membina pelajar yang mempunyai daya ketahanan pada masa depan. Kesemua faktor ini menyumbang kepada pembentukan identiti moral dalam diri pelajar sekolah menengah yang mempunyai kesan positif kepada kognitif dan tingkah laku moral mereka. Dalam pada itu, identiti moral yang disokong oleh interaksi sosial yang positif mengupayakan pelajar untuk berfikir dan bertindak secara waras dan rasional dan melancarkan proses peralihan menjadi dewasa menerusi jati diri yang kuat.

Dapatan juga melaporkan pelajar sekolah menengah mempunyai tahap diri moral yang tinggi. Ini mencerminkan bahawa pelajar sekolah menengah mempunyai kendiri moral yang kuat dalam memahami diri mereka dengan lebih baik untuk mentafsir isu moral dan mencaturkan tindakan mereka selaras dengan standard moral untuk mengelakkan kemudaratan kepada orang lain. Selaras dengan dapatan ini, kajian Cui et al. (2021) mendapati bahawa golongan remaja yang mementingkan diri moral sebagai identiti mereka hidup lebih bahagia dan sentiasa melihat sesuatu masalah atau isu dengan cara yang positif. Senada dengan itu, pendekatan Blasi (1984) mencadangkan bahawa diri moral adalah kunci kepada perkembangan identiti diri terutamanya golongan remaja yang

bergelut dengan pelbagai krisis identiti terutamanya dalam dunia peralihan teknologi yang pantas. Dalam pada itu, diri moral yang kuat mengupayakan pelajar untuk memahami peranan diri mereka dalam situasi moral. Kualiti ini adalah penting untuk zaman kini untuk memastikan diri pelajar tidak mudah dipengaruhi oleh sebarang pengaruh negatif.

Walau bagaimanapun, jika diri moral pelajar tidak selari dengan integriti moral maka wujud konflik dalam perkembangan moral mereka (Black & Reynolds, 2016). Ini dapat dilihat dalam kajian ini yang mendapati tahap integriti moral pelajar adalah sederhana. Dapatan ini menggambarkan bahawa keinginan untuk membuat niat dan tindakan yang konsisten dengan kemoralan masih sederhana dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Ketidakseimbangan dapatan antara subskala diri moral dengan integriti moral mungkin disebabkan oleh kelemahan pelajar untuk bermotivasi moral (Hertz & Krettenauer, 2016) dan kurang penghayatan prinsip moral (Black & Reynolds, 2016). Hertz dan Krettenauer (2016) menganggap pandangan diri moral remaja tidak semestinya sepadan dengan niat tingkah laku mereka (integriti). Ini kerana pelajar mungkin tersilap mengenai perkara yang benar-benar penting bagi mereka atau membentuk identiti moral semata-mata untuk menunjukkan persepsi baik di mata orang. Ini mengakibatkan ketidakseimbangan antara identiti moral dengan tingkah laku sebenar mereka dan menyukarkan proses perkembangan moral yang diingini.

Ketidakseimbangan ini turut dibuktikan melalui kajian empirikal iaitu golongan belia dan remaja lebih bermotivasi untuk mengekalkan pandangan diri moral yang positif dan mencuba untuk mengelakkan untuk bertindak secara moral (Batson, 2011; Dong, 2021; Dong et al., 2019; Monin & Merrit, 2012; Sie, 2015). Dong (2021) berpendapat golongan ini didorong oleh hipokrasi moral berbanding integriti moral iaitu kegagalan untuk

mengamalkan prinsip moral yang dipercayai. Dalam pada itu, bagi memastikan identiti moral pelajar seimbang dengan pegangan dan niat, mereka perlu digalakkan sifat maju diri untuk bertingkah laku moral di hadapan orang ramai dan menunjukkan kebaikan daripada usaha tersebut di depan mata mereka. Galakan ini meneguhkan kedua-dua aspek iaitu diri moral dan juga integriti moral dalam diri pelajar sekolah menengah dan menyeimbangkan proses perkembangan moral secara holistik.

Sebagai rumusan, dengan adanya diri moral dan juga integriti moral yang konsisten, pelajar dapat membentuk identiti moral dan kemudiannya menyesuaikan dengan peredaran semasa atau situasi. Hal ini kerana identiti moral dipercayai mampu memupuk dan mengukuhkan nilai-nilai moral melalui pengalaman (Black & Reynolds, 2016) terutamanya dalam tempoh keremajaan. Justeru, identiti moral pelajar sekolah menengah boleh diteguhkan dengan melalui pelbagai usaha seperti penyuburan sifat maju diri untuk bertingkah laku, memupuk kemahiran kawalan diri yang komprehensif, sokongan berterusan melalui interaksi sosial dan melibatkan mereka dalam aktiviti sivik. Kesemua usaha ini berperanan untuk menghindarkan pelajar sekolah menengah daripada aktiviti antisosial dan kekal bermotivasi untuk mengamalkan identiti moral yang unggul.

5.2.3 Pertimbangan Moral

Bahagian ini bertujuan membincangkan konstruk pertimbangan moral yang melaporkan tahap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, pelajar sekolah menengah mempunyai tahap pertimbangan moral yang matang 2(1) iaitu pada tahap 3 berdasarkan teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019). Dalam erti kata lain, pelajar berkeupayaan membuat keputusan moral seperti yang dituntut oleh prinsip kemoralan (Boom, 2011). Gibbs (2019) menjelaskan bahawa rata-rata pelajar yang mencapai tahap 3 menunjukkan justifikasi moral terutamanya dalam

hubungan interpersonal mereka dengan mempertimbangkan pelbagai aspek dalam sesuatu situasi moral dan lebih mengutamakan kefahaman prososial yang mempunyai sentuhan emosi seperti empati, baik hati, prihatin dan berkelakuan baik. Justeru, dapatan ini jelas menunjukkan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah masih berasaskan prinsip kemoralan yang dipegang dan mengambil kira domain-domain moral lain (seperti identiti dan emosi) dalam membuat sebarang keputusan dan pertimbangan moral yang rasional dan wajar dalam mana-mana situasi atau isu moral.

Dapatan juga menunjukkan majoriti pelajar sekolah menengah (69.9%) telah melepasi tahap tidak matang dan berada di tahap matang. Selaras dengan itu, dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Brugman et al., (2021) yang mendapati bahawa majoriti (70%) remaja di Belanda dilaporkan mencapai tahap pertimbangan moral yang matang. Senada dengan itu, kajian Ovcharova (2019) terhadap pelajar sekolah menengah di negara Rusia turut mendapati kebanyakan pelajar mempunyai tahap pertimbangan moral yang tinggi dan lebih matang. Ini menunjukkan bahawa perkembangan pertimbangan moral pelajar di Malaysia seiring dengan negara Barat dan majoriti mereka mampu membentuk konsep sendiri, kepentingan personaliti dan juga keupayaan membuat keputusan untuk menjalankan kehidupan mereka dengan aktiviti-aktiviti yang membina prospek kehidupan yang baik dalam menjadi seorang agen moral yang rasional.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini juga mendapati sebanyak 30.1% pelajar masih berada di tahap tidak matang. Meskipun jumlah ini dikira minoriti, namun Gibbs (2019) dan Kohlberg (1984) menegaskan bahawa pelajar yang menerima pendidikan formal di sekolah menengah seharusnya sudah melepasi tahap tidak matang. Gibbs (2019) menegaskan pelajar yang berada pada tahap tidak matang adalah serius kerana mereka kurang berpengetahuan dan kefahaman untuk menyelesaikan isu atau konflik moral. Hal

ini berkemungkinan besar disebabkan oleh kematangan moral pelajar berbeza antara satu sama lain terhadap penerimaan sesuatu isu moral. Malah, penghadaman mereka terhadap nilai-nilai moral hanya sekadar pengetahuan dan tiada penghayatan (Gottfredson, 2012). Isu ini turut berlaku di Malaysia iaitu nilai moral yang dipelajari tidak seimbang dengan cara pelajar membuat pertimbangan moral (Muhammad Khairulrijal et al., 2020). Akibatnya, mereka mempunyai pemikiran yang berkacau bilau, terganggu dan tidak dapat membezakan baik buruk sesuatu keputusan (Kwok & Selman, 2013). Keadaan ini boleh mendorong pelajar untuk mudah terpengaruh dalam kegiatan antisosial kerana hilang kompas moral untuk membuat pertimbangan moral. Justeru, kumpulan ini perlu diberi perhatian bagi memastikan mereka tidak tersasar keluar daripada proses perkembangan moral yang seimbang dan juga mengelakkan mereka terlibat dalam sebarang tingkah laku antisosial.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dirumuskan bahawa majoriti pelajar sekolah menengah mencapai tahap pertimbangan moral yang matang dan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk membuat pertimbangan berdasarkan prinsip kemoralan. Namun begitu, perhatian harus diberikan kepada kumpulan pelajar yang mencapai tahap tidak matang kerana pertimbangan moral pelajar-pelajar ini rapuh dan masih menghadapi konflik yang serius dalam membuat pertimbangan moral yang sewajarnya. Justeru, agen sosialisasi seperti keluarga, sekolah dan komuniti harus menyemaikan kefahaman moral yang betul tentang tingkah laku prososial dalam kehidupan seharian pelajar dan juga membantu menjangka kesan (atau padah) mendatang hasil daripada keputusan moral. Ini adalah penting kerana konsep modal insan yang ditekankan dalam PPPM 2013-2025 bergantung kepada perkembangan moral pelajar yang seimbang dari segi emosi, kognitif dan psikomotor.

5.2.4 Tingkah Laku Prososial

Bahagian ini bertujuan membincangkan konstruk tingkah laku prososial yang melaporkan tahap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah secara keseluruhan dan juga setiap subskala yang terlibat. Secara umumnya, dapatan melaporkan bahawa pelajar sekolah menengah mempunyai tahap kecenderungan tingkah laku prososial yang sederhana. Hasil kajian memberi gambaran bahawa kebanyakan pelajar mempunyai kecenderungan yang sederhana untuk bertingkah laku prososial. Masih ada ruang untuk meningkatkan kecenderungan tingkah laku prososial untuk pelajar. Hal ini kerana Patrick et al. (2018) menerusi kajiannya mendapati bahawa walaupun pelajar mencapai tahap kecenderungan tingkah laku prososial yang sederhana, kesanggupan dan niat untuk bertingkah laku sudah mula wujud dalam diri mereka dan ia terus membantu memperbaiki dan mengukuhkan tingkah laku mereka ke arah prososial. Senada dengan itu, kajian Nurulhuda et al. (2020) juga turut menjelaskan bahawa pelajar remaja yang sederhana kecenderungan prososial masih menunjukkan penglibatan yang rendah dalam tingkah laku yang antisosial dan mengekalkan nilai positif dalam bertingkah laku mereka. Oleh itu, dapat dituntaskan walaupun pelajar sekolah menengah mencapai tahap kecenderungan sederhana untuk bertingkah laku prososial, mereka sekurang-kurangnya mempunyai kesedaran untuk menghindarkan diri daripada tingkah laku negatif dan motif mereka masih tertumpu untuk mengekalkan kesan positif dalam tingkah laku seharian mereka.

Jika ditinjau dari faktor luaran, pemprosesan informasi sosial dengan rakan sebaya, keluarga dan masyarakat menjadikan pelajar lebih strategik untuk menyelesaikan konflik moral dan mampu menilai strategi yang berisiko dan negatif dan menukarkannya ke arah prososial (Garrigan et al., 2018; Laible et al., 2014). Dari sudut dalaman pula, orientasi nilai dan juga kefahaman moral pelajar pada usia remaja dikatakan menjadi salah satu

faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial. Sebagai contoh, Maizura et al. (2021) menerusi kajiannya mendapati bahawa pelajar lebih cenderung untuk berprososial kerana nilai murni peribadi, nilai institusi sekolah dan nilai norma masyarakat kerap diamalkan melalui sokongan agen sosialisasi di sekitar mereka. Malah, dorongan tingkah laku prososial melalui aktiviti kokurikulum di sekolah dengan melibatkan pelajar secara aktif dalam pelbagai program kelab dan persatuan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab dan memperoleh kepercayaan rakan sebaya dan guru untuk melaksanakan tugas (Maizura et al., 2021). Ini secara langsung mendorong pelajar sekolah menengah untuk mempamerkan tingkah laku prososial di dalam dan luar sekolah. Justeru, faktor-faktor seperti pemrosesan informasi sosial, penghayatan nilai dan juga sokongan sosial mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar.

Secara spesifiknya, dapatan menunjukkan subskala kecenderungan tingkah laku prososial bermotifkan emosi adalah tinggi berbanding subskala lain yang dilaporkan sederhana. Ini bermakna, kecenderungan tingkah laku prososial pelajar menjurus kepada motif emosi iaitu membantu orang lain dalam keadaan yang menimbulkan emosi atau situasi yang penuh dengan emosi. Dapatan kajian lepas mendapati kecenderungan tingkah laku bermotifkan emosi berkait rapat dengan empati, simpati dan pertimbangan moral (Carlo et al., 2003; Chaikovska et al., 2020; Patrick et al., 2018; Rodrigues et al., 2017). Menerusi kajian Chaikovska et al. (2020), rasa empati dan simpati yang mendalam mengupayakan pelajar membantu orang lain yang memerlukan sokongan emosi tanpa mementingkan diri sendiri dan sentiasa mengutamakan kesejahteraan orang lain serta tingkah laku yang ditunjukkan lebih ikhlas. Mereka lebih bertingkah laku prososial dalam situasi emosi yang timbul berbanding norma moral dalaman mereka. Justeru, dapatan kajian ini menggambarkan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Malaysia lebih menjurus kepada motif emosi dan tingkah laku ini dilihat sebagai positif kerana

pelajar sentiasa mengutamakan tret-tret afektif yang positif dalam mempamerkan tingkah laku prososial mereka.

Tambahan pula tingkah laku prososial yang bermotifkan pematuhan turut dilaporkan tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Tingkah laku sebegini lebih kerap berlaku atas faktor permintaan orang lain berbanding bantuan yang terhasil secara spontan kerana mereka terikat dengan peraturan dan norma yang menuntut mereka membantu orang hanya diminta sahaja (Rodrigues et al., 2017). Walau bagaimanapun, kajian Lampridis dan Papastylianou (2017) menyifatkan tingkah laku prososial bermotifkan pematuhan sebagai perkara yang positif. Hal ini kerana pematuhan adalah hasil daripada pembelajaran sosialisasi moral yang terhasil di sekitar pelajar tersebut yang menjadikan mereka lebih berwaspada untuk membantu tanpa spontan dan lebih mengutamakan peraturan awam. Selaras dengan itu, Gülseven et al. (2020) juga mendapati pelajar yang mengambil perspektif orang lain dengan memahami situasi dalaman dan luaran mereka, menjadikan pelajar lebih cenderung untuk responsif terhadap permintaan bantuan orang lain. Justeru, tingkah laku prososial ini turut dianggap tingkah laku yang positif dan menjadikan pelajar lebih prihatin kepada ketenteraman sosial dan memupuk kepercayaan dan kerjasama dalam kalangan individu. Apabila pelajar terlibat dalam tingkah laku prososial yang patuh, mereka menyumbang kepada budaya yang bertanggungjawab dan hormat pada peraturan yang boleh memberi kesan riak positif kepada orang lain di sekeliling mereka.

Selain itu, kecenderungan tingkah laku prososial lain seperti keperluan, tanpa pengetahuan, altruisme dan awam dilaporkan sederhana. Kesemua motif tingkah laku prososial ini mempunyai kesan positif kepada diri pelajar kerana pelajar mengambil kira pelbagai domain moral untuk berkembang secara moral (Patrick et al., 2018). Walau

bagaimanapun, tingkah laku prososial bermotifkan awam yang sederhana dalam diri pelajar adalah sesuatu yang dianggap serius kerana pelajar cenderung bertingkah laku prososial demi mendapatkan penghargaan dari orang lain seperti ibu bapa, rakan sebaya, guru mahupun dari masyarakat yang bertujuan untuk meningkat nilai diri dan menjaga kepentingan diri mereka (Patrick et al., 2018). Tingkah laku sebegini perlu dielakkan bagi kerana ia merencatkan proses penghayatan nilai prososial dalam diri pelajar dan menyukarkan pelajar untuk bertingkah laku secara ikhlas. Sehubungan dengan itu, pelajar perlu digalakkan untuk membantu tanpa mengharapkan ganjaran atau pujian daripada mana-mana pihak dan mendorong mereka untuk bertanggungjawab sosial, meningkatkan komunikasi interpersonal dengan masyarakat, berempati mengenai situasi orang lain dan terlibat dalam kegiatan sosial (Lu et al., 2021). Oleh itu, mendekati pelajar kepada masyarakat boleh merangsang kecenderungan mereka untuk bertingkah laku prososial.

5.3 Hubungan Konstruk dalam Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)

Perbincangan bahagian ini memberi tumpuan kepada hubungan konstruk emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dengan menggunakan ujian Korelasi Pearson.

5.3.1 Hubungan antara Emosi Moral dengan Pertimbangan Moral

Bahagian ini bertujuan untuk membincangkan hubungan antara emosi moral (kecenderungan rasa bersalah dan malu) dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Secara rumusnya, dapatan kajian menunjukkan terhadap hubungan positif yang signifikan antara emosi moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Dapatan berjaya membuktikan bahawa peningkatan tahap kecenderungan rasa bersalah dan malu dalam diri pelajar memberi kesan positif ke atas pertimbangan moral

pelajar sekolah menengah. Penemuan hubungan positif ini membantu mengisi jurang teoretikal yang dikenal pasti dalam kajian ini. Erikson (1994) menekankan pemberian autonomi dan inisiatif untuk menyelesaikan krisis rasa bersalah dan malu di peringkat kanak-kanak. Apabila krisis ini tidak selesai dan masih wujud di peringkat remaja, peranan moral kognitif melalui kematangan pertimbangan moral yang ditekankan melalui teori Kohlberg (1984) dapat mengawal kesan emosi moral ini. Dalam sudut kemoralan, emosi rasa bersalah dan malu adalah keperluan untuk perkembangan moral pelajar kerana ia berhubungkait dengan proses kognitif termasuk perhatian, ingatan, pemprosesan maklumat dan pengambilan keputusan yang secara langsung (Lewis, 1971; Tangney et al., 2007). Dapatan ini jelas menunjukkan peranan penting pertimbangan moral dalam mengawal kesan berterusan rasa bersalah dan malu terutamanya di peringkat pelajar sekolah menengah.

Dalam pada itu, kecenderungan rasa bersalah dan malu yang tinggi berkeupayaan mewujudkan keseimbangan kematangan pemikiran moral terutamanya untuk golongan pelajar (Dempsey, 2017). Ini kerana ia bukan sahaja memberi kesedaran dan refleksi terhadap diri mereka sendiri, malah mengelakkan mereka daripada membuat sebarang keputusan yang tidak bermoral dan memotivasikan mereka untuk memperbetulkan pertimbangan moral selaras dengan norma masyarakat (de Hooge et al., 2010). Lantaran itu, pelajar sekolah menengah harus dididik untuk memahami kepentingan, kesan dan kaedah mengawal kecenderungan rasa bersalah dan malu bagi membantu mereka membuat pertimbangan moral yang rasional dan memotivasikan tingkah laku yang konsisten dengan prinsip moral (Bajovic & Rizzo, 2021; Killen & Rutland, 2011). Justeru, kemahiran pertimbangan moral pelajar boleh ditingkatkan menerusi sokongan kecenderungan rasa bersalah dan malu yang seimbang dan terkawal untuk menghadapi cabaran dunia luar.

Selain itu, keupayaan mengawal kedua-dua emosi moral ini secara positif bukan sahaja mengelakkan pelajar menghadapi situasi yang tidak bermoral, malah ia mendorong pelajar untuk mencari makna positif dalam setiap tingkah laku negatif dan mula berkembang daripada situ untuk memperbaiki semula pertimbangan moral mereka pada masa depan (Szentagotal-Tatar & Miu, 2017). Menurut Svensson et al. (2017), kematangan remaja dalam membuat keputusan moral dapat diimbangkan dengan kehadiran emosi rasa bersalah dan malu dan dirasionalkan oleh kesedaran untuk memperbaiki tingkah laku mendatang. Justeru, kecenderungan rasa bersalah dan malu memainkan peranan penting dalam konteks perkembangan moral pelajar kerana ia berupaya sebagai semak dan imbang dalam membuat pertimbangan moral yang rasional.

Dari aspek empirikal, penemuan hubungan positif yang signifikan antara kecenderungan rasa bersalah dan malu dengan pertimbangan moral adalah selari dengan kajian lepas yang menunjukkan kecenderungan rasa bersalah dan malu memberi impak kepada kematangan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah (Han et al., 2021, Min, 2019; Zhou & Xiang, 2022). Secara spesifiknya, tinjauan mendapati bahawa kecenderungan rasa bersalah adalah penting dan amat diperlukan dalam kalangan pelajar kerana emosi ini berkeupayaan untuk memperbaiki dan menggalakkan pelajar untuk lebih prihatin untuk membuat pertimbangan moral pada masa depan akibat penyesalan yang dialaminya (Min, 2019; Zhou & Xiang, 2022). Tambahan pula, kajian Zhou dan Xiang (2022) membuktikan kecenderungan rasa bersalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di China bukan sahaja meningkatkan pertimbangan moral, malah meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu moral yang berlaku di sekitar mereka. Bagi emosi rasa malu, kajian Perdani (2019) menunjukkan bahawa rasa malu dalam kalangan belia di Malaysia tidak semestinya memberi kesan negatif kepada pemikiran, sebaliknya meningkatkan kefahaman moral untuk berfikir rasional dan berwaspada dalam bertingkah laku.

Perhubungan positif antara kedua-dua konstruk ini berkemungkinan disebabkan oleh agen sosialisasi seperti ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya. Agen-agen moral ini memainkan peranan penting untuk menggalakkan refleksi yang positif dalam setiap keputusan yang mereka buat (Svensson et al., 2017). Hal ini kerana tanpa pelajar sekolah menengah bergantung kepada penilaian, kesedaran dan pertimbangan daripada agen sosialisasi ini untuk melihat kecenderungan rasa bersalah dan malu secara positif. Justeru, kecenderungan rasa bersalah dan malu perlu diberi perhatian memandangkan konstruk ini berupaya memberi impak positif kepada pertimbangan moral pelajar sekolah menengah dalam memastikan proses perkembangan moral bukan sahaja mengambil kira aspek positif semata-mata, malah semak dan imbang kesan positif daripada situasi negatif. Justeru, hubungan antara kedua-dua konstruk ini amat membantu dalam membentuk perkembangan moral dengan memperkukuhkan domain afektif dan kognitif pelajar sekolah menengah.

5.3.2 Hubungan antara Emosi Moral dengan Tingkah Laku Prosocial

Bahagian ini bertujuan untuk membincangkan hubungan antara emosi moral (kecenderungan rasa bersalah dan malu) dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian melaporkan emosi moral rasa bersalah dan malu mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Ini dapat dirumuskan bahawa peningkatan tahap kecenderungan rasa bersalah dan malu yang tinggi berhubung kait dengan peningkatan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Sejalan dengan Teori Perkembangan Psikososial, jika individu membina autonomi yang kuat dan mengambil inisiatif yang efektif, mereka akan berasa yakin dengan tingkah laku mereka (Erikson, 1994). Keyakinan yang wujud dalam diri pelajar memberi kawalan diri, personaliti yang sihat dan kemahuan dan tujuan untuk bertingkah laku positif (Wenner & Randall, 2016). Menerusi, teori Gibbs (2019),

perhubungan positif emosi ini membimbing pelajar untuk menghasilkan tingkah laku prososial. Ini adalah penting kerana pelajar boleh meningkatkan keyakinan untuk bertingkah laku positif dengan dorongan rasa bersalah dan malu yang positif. Oleh itu, dengan adanya kecenderungan rasa bersalah dan malu yang tinggi, pelajar dapat bertingkah laku seperti yang dikehendaki oleh masyarakat serta mendapat keyakinan untuk menghadapi cabaran masa depan. Dengan merapatkan jurang teoretikal antara emosi moral dan tingkah laku prososial, kajian ini memberi penerangan tentang interaksi kompleks antara proses moral dalaman dan manifestasi tingkah laku luaran, sekali gus menawarkan pemahaman penting tentang mekanisme yang mendasari perkembangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Penemuan ini juga turut disokong oleh kajian-kajian lalu yang dijalankan dalam konteks perkembangan moral pelajar sekolah menengah (Barón et al., 2018; Cucuani et al., 2022; Perdani, 2019; Rullo et al., 2021). Pelajar yang mempunyai kecenderungan untuk rasa bersalah dan malu yang positif kerap mengutamakan tingkah laku mereka ke arah prososial untuk kebaikan masa depan mereka (Rullo et al., 2021). Ini kerana rasa bersalah dan malu berupaya menggalakkan pelajar untuk lebih berempati, prihatin terhadap diri sendiri, menghargai diri, bersifat terbuka untuk menerima kesalahan dan mencuba untuk memperbaiki kesalahan tersebut dengan bertingkah laku prososial (Barón et al., 2018; Schalkwijk et al., 2016). Galakan ini amat penting kerana rasa bersalah dan malu memerlukan keupayaan empati yang tinggi sama ada secara kognitif (mengambil perspektif orang lain) mahupun afektif (prihatin) untuk merasai kesusahan orang lain dan berusaha untuk membetulkan bertingkah laku bagi menebus kesalahan mereka (Barón et al., 2018). Dalam pada itu, apabila rasa bersalah dan malu menjadi sebahagian daripada hati nurani moral pelajar, ia menjadi pendorong afektif autonomi dan inisiatif untuk bertingkah laku prososial dan meningkatkan perkembangan moral pelajar. Ini jelas

membuktikan hubungan antara emosi moral rasa bersalah dan malu dengan tingkah laku prososial pelajar adalah disokong.

Dari aspek empirikal pula, penemuan hubungan positif ini selari dengan kajian Fu dan Zhang (2022) yang mendapati bahawa golongan remaja di China lebih cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku prososial di bawah pengaruh rasa bersalah dan menghindarkan diri daripada pelanggaran moral. Senada dengan itu, dapatan kajian oleh Gülseven et al. (2022) di Amerika Syarikat mendapati tahap rasa malu yang tinggi dalam diri remaja dan belia memotivasikan mereka untuk bertingkah laku prososial awam yang didorong dengan kehadiran khalayak ramai. Ini adalah kerana sifat penebusan yang dianggap sebagai '*moral compensation*' bertindak sebagai kawalan diri yang mendorong pelajar untuk menebus tingkah laku mereka dengan kehadiran orang ramai yang disokong oleh ibu bapa, guru dan rakan sebaya (Carlo et al., 2012; Gülseven et al., 2022). Ini adalah penting terutamanya untuk pelajar yang bergelut dengan rasa bersalah dan malu. Pelajar-pelajar ini perlu diberi galakan untuk bertingkah laku prososial tidak kira sama ada di hadapan orang ramai mahupun peribadi, yang penting mereka diberi sokongan dan kesedaran daripada agen sosialisasi. Justeru, agen sosialisasi perlu memberi peluang dan sokongan kepada pelajar untuk memastikan tingkah laku mereka menjurus kepada prososial dan membantu mereka mengelakkan perasaan negatif yang melanggar prinsip moral orang lain demi kesejahteraan sosial mereka.

Walau bagaimanapun, dapatan ini bercanggah dengan beberapa kajian terdahulu yang telah menunjukkan hubungan negatif antara kecenderungan rasa bersalah dan malu dengan tingkah laku prososial (Blythin et al., 2020; Kernan & Sullins, 2022; Roos et al., 2014). Terdapat andaian bahawa kecenderungan rasa bersalah dan malu boleh mengganggu proses afektif dan psikomotor dan lebih banyak kesan negatif kepada diri

sendiri (Kernan & Sullins, 2022). Namun begitu, kajian tersebut lebih memfokuskan kepada budaya barat yang sering mengelakkan rasa malu dalam kehidupan seharian. Justeru, kajian ini membuktikan kepentingan kecenderungan rasa bersalah dan malu yang positif dalam perkembangan tingkah laku pelajar. Kecenderungan rasa bersalah dan malu yang terkawal dan efektif memberi keyakinan untuk pelajar untuk bertingkah laku positif dan menimbulkan kecenderungan prososial dalam diri mereka. Sebagai rumusan, dengan adanya emosi moral rasa bersalah dan malu yang adaptif, pelajar bukan sahaja dapat menggalakkan perkembangan psikososial yang sihat tetapi juga perkembangan moral yang seimbang dan hasilnya dapat dilihat melalui tingkah laku prososial.

5.3.3 Hubungan antara Identiti Moral dengan Pertimbangan Moral

Bahagian ini bertujuan untuk membincangkan hubungan antara identiti moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Secara rumusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara identiti moral dengan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Dapatan berjaya membuktikan peningkatan tahap identiti moral dalam diri pelajar sekolah menengah mempunyai perkaitan dengan peningkatan kematangan pertimbangan moral mereka. Hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini disokong oleh Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994). Berdasarkan teori ini, krisis identiti adalah menjadi cabaran kepada perkembangan diri remaja dan penyelesaian krisis ini menjadikan remaja lebih yakin untuk tampil ke hadapan dalam menyelesaikan masalah-masalah sosial mahupun moral (Lapsley, 2015). Pernyataan hubungkait dengan moral kognitif Kohlberg (1984) yang menekankan bahawa apabila kesan positif faktor psikologi moral dapat memperbetulkan landasan moral individu sekali gus memperbaiki pertimbangan moral mereka. Dalam konteks perkembangan moral, identiti moral yang kuat meningkatkan keupayaan pelajar sekolah menengah untuk berfikir secara rasional

dan memastikan prinsip moral yang dipegang oleh mereka dapat ditonjolkan melalui keputusan dan pertimbangan moral (Schipper & Koglin, 2021). Oleh itu, dengan adanya identiti moral, pelajar dapat meneguhkan pertimbangan moral mereka dengan menilai darjah kebaikan dan keburukan sesuatu keputusan dan mampu menjangka kesan mendatang.

Selain itu, penemuan ini disokong oleh kajian-kajian lalu yang dijalankan dalam konteks perkembangan moral pelajar sekolah menengah (Paramita et al., 2022; Schipper & Koglin, 2021; Schipper et al., 2023; Xu & Ma, 2016). Sebagai contoh, kajian Schipper dan Koglin (2021) yang mendapati remaja yang kuat identiti moralnya mampu mempertimbangkan dimensi moral dalam situasi moral dan lebih mengutamakan isu moral berbanding isu lain. Keadaan ini menjadikan remaja lebih sensitif terhadap norma dan prinsip moral berbanding yang lain (Paramita et al., 2022) dan meningkatkan rasa tanggungjawab moral dalam situasi moral (Sonntag et al., 2019). Hubungan ini selari dengan pendekatan Blasi (1984) yang menekankan bahawa diri moral, tanggungjawab moral dan integriti moral adalah sumber motivasi untuk membuat pertimbangan moral. Ini secara langsung membantu pelajar mengelakkan keputusan moral yang bersifat mementingkan diri sendiri dan juga hipokrasi moral yang sering menjadi isu dalam kalangan remaja dan kekal berintegriti moral dalam setiap keputusan moral. Sehubungan dengan itu, identiti moral amat penting kerana ia memastikan pelajar kekal berintegriti moral dan bertanggungjawab moral dalam membuat sebarang keputusan moral.

Dari segi empirikal pula, penemuan hubungan positif yang signifikan antara identiti moral dengan pertimbangan moral adalah selari dengan kajian Patrick et al (2019) yang mendapati bahawa golongan remaja yang kuat identiti moral dari Amerika Syarikat menunjukkan kematangan dalam membuat keputusan moral apabila berhadapan dengan

dilema moral dan kurang terlibat dalam kegiatan antisosial seperti buli. Ini adalah kerana walaupun terdapat peluang untuk bertingkah laku antisosial, kepentingan identiti moral yang wujud dalam diri remaja menyekat remaja tidak terpesong daripada landasan moral dan memastikan pertimbangan moral mereka sentiasa mengikut kompas moral. Dapatan kajian Schipper et al. (2023) di Jerman terhadap pelajar sekolah menengah juga mendapati pertimbangan moral mereka lebih rasional dan matang dalam situasi bahaya dengan adanya dorongan identiti moral yang kuat dalam diri mereka. Ini kerana nilai toleransi untuk berhadapan dengan situasi berisiko dan negatif menghalang golongan muda daripada membuat penilaian keputusan yang negatif. Malah, kajian meta-analisis oleh Hertz dan Krettenauer (2016) membuktikan bahawa individu yang mempunyai identiti moral yang kuat sememangnya jarang terpesong daripada landasan moral dan jika ada pun mereka akan mencari jalan penyelesaian untuk memperbaiki pertimbangan moral mereka. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian bahawa identiti moral berhubungkait dengan pertimbangan moral disokong.

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa kematangan pertimbangan moral dapat diseimbangkan dengan sokongan identiti moral untuk kemenjadian pelajar sekolah menengah. Bagi memaksimumkan kematangan pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah, sifat keperibadian seperti mengambil berat, kejujuran, berbaik hati, penyayang dan mesra yang ada dalam diri individu perlu diberi penekanan di dalam mahupun di sekolah. Ini kerana nilai keperibadian membantu menggambarkan diri dan identiti moral mereka. Memang tidak dinafikan bahawa pelajar yang tinggi tahap identiti moral berada dalam landasan moral yang baik, namun pelajar yang rendah tahap identiti moral harus diberi perhatian dengan memastikan nilai-nilai keperibadian ini diberi keutamaan oleh ibu bapa dan juga pihak sekolah untuk memastikan keupayaan pemikiran mereka seimbang dengan prinsip moral. Ini juga penting kerana kematangan moral

pelajar sering dipersoalkan kerana timbulnya pelbagai isu-isu moral disebabkan oleh mereka. Justeru, jurang ini dapat dirapatkan dengan peranan identiti moral yang sentiasa mengutamakan prinsip moral sebagai pegangan identiti mereka (Blasi, 1984). Justeru, hubungan signifikan antara identiti moral dan pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah menggalakkan ketekalan diri yang baik dalam mengawal keputusan mereka, menilai darjah keburukan dan kebaikan sesuatu keputusan dan menghasilkan profil pelajar yang seimbang identiti dan kognitif.

5.3.4 Hubungan antara Identiti Moral dengan Tingkah Laku Prososial

Bahagian ini bertujuan untuk membincangkan hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hubungan ini turut disokong oleh Teori Perkembangan Psikososial dan pendekatan Blasi. Menurut Erikson (1968), pembentukan identiti diri yang sebenar dalam tempoh keremajaan adalah penting untuk pembentukan tingkah laku dalam menghadapi cabaran dunia. Ini kerana identiti yang diintegrasikan dengan kapasiti moral mendorong remaja untuk mempunyai komitmen yang tinggi terhadap isu-isu moral serta bertingkah laku secara konsisten terhadap komitmen mereka (Blasi, 1984; Davis & Streit, 2018).

Dapatan ini mengisi jurang teori yang penting dengan menonjolkan kepentingan identiti moral dalam mempengaruhi tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kewujudan identiti moral bukan sahaja mewajibkan pelajar untuk bertindak secara moral malah ia menjadikan mereka lebih bertanggungjawab kepada masyarakat, sosial dan negara yang secara langsung mendorong mereka untuk terlibat dalam tingkah laku altruistik dan tolong-menolong (Carlo, 2014; Patrick et al., 2018). Tambahan pula,

kesinambungan antara identiti moral dan tingkah laku prososial ini mengukuhkan perspektif Gibbs (2019) yang menyatakan bahawa domain moral yang berkesan dalam perkembangan moral remaja melengkapkan mereka dengan kapasiti untuk mempamerkan tingkah laku prososial. Oleh itu, hubungan positif yang signifikan yang ditinjau dalam kajian ini menekankan peranan penting identiti moral dalam membentuk kecenderungan pelajar sekolah menengah untuk bertingkah laku prososial, sekali gus merapatkan jurang teoretikal yang sedia ada.

Dari segi empirikal, penemuan hubungan signifikan yang positif antara identiti moral dengan kecenderungan tingkah laku prososial telah mengukuhkan pemahaman tentang kepentingan identiti moral seperti mana kajian-kajian lalu. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa identiti moral yang kuat dihubungkan dengan penglibatan aktiviti sivik (Sunil & Verma, 2018), khidmat komuniti (Hudson & Brandenberger, 2023), aktiviti sukarelawan (Molchanov et al., 2021), kegiatan kerja amal jariah atau menderma (Reed et al., 2007; Winterich et al., 2013) dan aktiviti sosial positif (Kaur, 2020). Hubungan positif sedemikian berlaku kerana pelajar lebih bertanggungjawab dan berintegriti dengan diri mereka untuk bertingkah laku prososial walaupun tiada orang yang memerhati mereka (Li et al., 2021). Walau bagaimanapun, dalam realiti sebenar pelajar kurang terlibat dalam aktiviti-aktiviti prososial, malah lebih banyak terlibat dalam gejala negatif (PDRM, 2021). Namun dengan dorongan identiti moral daripada pihak sekolah mahupun ibu bapa, pendedahan sebegini sedikit sebanyak membuka peluang kepada mereka untuk meneroka kualiti kehidupan moral melalui aktiviti prososial. Malah, masa lapang mereka dapat dialihkan kepada kerja-kerja yang berfaedah dan menjadikan mereka bermanfaat kepada komuniti, masyarakat dan negara.

Dari sudut lain pula, kecenderungan tingkah laku prososial pelajar dipercayai dapat diimbangkan dengan mekanisme kawalan sendiri yang terdapat dalam identiti moral (Blasi, 2005; Ding et al., 2018), terutamanya bagi pelajar yang menghadapi masalah disiplin mahupun delinkuen. Ini boleh dikaitkan dengan Kajian Hardy et al., (2015) mendapati bahawa identiti moral bukan sahaja memotivasikan pelajar untuk bertingkah laku prososial, malah membantu meminimumkan kesan pembebasan moral (*moral disengagement*) dan menyeimbangkan kawalan sendiri remaja dalam bertingkah laku antisosial. identiti moral memainkan pelbagai peranan dalam meneguhkan tingkah laku pelajar dan memberi daya motivasi dan kawal selia yang secukupnya untuk mengimbangi kesan maladaptif (Patrick et al., 2019). Justeru, identiti moral memainkan peranan penting dalam konteks perkembangan moral pelajar sekolah menengah kerana keupayaannya dalam mengawal keterlibatan pelajar dalam kegiatan antisosial.

Rumusannya, dapatan membuktikan bahawa identiti moral mempunyai hubungan signifikan yang positif terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Pelajar sekolah menengah mula terdedah kepada pelbagai bentuk prinsip moral dan juga kefahaman nilai yang berperanan untuk membentuk karakter, personaliti dan identiti diri mereka. Ini membawa kepada pemahaman moral yang bersifat interpersonal dan mewujudkan ideologi ketika berada di zaman keremajaan dan memberi impak yang berpanjangan kepada tingkah laku pelajar (Lapsley, 2015). Kesimpulannya, dengan adanya identiti moral, pelajar sekolah menengah dapat menonjolkan tingkah laku prososial dengan lebih berkesan dan ini membantu menyediakan pelajar dalam menghadapi cabaran dunia luar selepas alam persekolahan. Penerapan identiti moral dalam diri pelajar sekolah menengah penting bagi memastikan penghayatan moral turut dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

5.3.5 Hubungan antara Pertimbangan Moral dengan Tingkah Laku Prososial

Bahagian ini bertujuan untuk membincangkan hubungan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Secara rumusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Dapatan ini berjaya membuktikan peningkatan tahap pertimbangan moral dalam diri pelajar sekolah menengah berhubungkait dengan tingkah laku prososial mereka. Hubungan ini disokong oleh Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984) dan dirasionalkan oleh Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019). Menurut Kohlberg (1984), proses perkembangan moral remaja amat bergantung kepada pertimbangan moral. Namun, Gibbs (2019) menegaskan bahawa pertimbangan moral yang matang tidak hanya menghasilkan pemahaman, tetapi juga bertindak sebagai pemacu kepada tingkah laku prososial. Ini bermakna, keupayaan pelajar untuk membuat keputusan moral yang matang bukan sahaja mewujudkan kesedaran terhadap nilai-nilai moral (Eisenberg et al., 2015), malah menggalakkan perlakuan positif seperti membantu masyarakat, tolong menolong secara sukarela (Ding et al., 2018). Dengan erti kata lain, walaupun pertimbangan moral menjadi landasan untuk pembentukan sikap dan tindakan moral, tetapi tingkah laku prososial adalah tujuan akhir dari proses perkembangan moral. Justeru, dapatan kajian ini jelas mengisi jurang teoretikal antara teori Kohlberg dan Gibbs dan menyumbang kepada bidang perkembangan moral yang menekankan tingkah laku sebagai produk akhir.

Selain itu, hubungan positif antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial turut disokong oleh kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dalam bidang perkembangan moral pelajar (Ding et al., 2018; Mohd Zailani et al., 2022; Ovcharova, 2019; Patrick et al., 2018). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Zailani et al. (2022) yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai penguasaan kemahiran

pertimbangan moral yang baik meningkatkan kecenderungan mereka untuk bertingkah laku prososial. Ini kerana mereka sering mengambil inisiatif untuk menilai baik dan buruk kesan tingkah laku mereka dan juga orang lain untuk mengelakkan diri daripada terlibat tingkah laku antisosial (Laible et al., 2014). Oleh itu, pelajar yang matang pertimbangan moral sentiasa bertanggungjawab dengan tingkah laku mereka dan memastikan bertingkah laku mereka berlandaskan prinsip moral dan prososial. Tambahan pula, penguasaan kemahiran pertimbangan moral pelajar meningkatkan kestabilan tingkah laku moral mereka secara konsisten (Ovcharova, 2019). Kestabilan dalam tingkah laku ini wujud disebabkan oleh keprihatinan empati dan juga pengambilan perspektif pelajar yang meluas dengan interaksi sosial (Gülseven et al., 2020). Ini menjadikan pelajar lebih peka kepada isu-isu moral dan menyelesaikan masalah tersebut dengan tingkah laku yang memberi kesan prososial kepada orang di sekitar mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya kematangan pertimbangan moral untuk menerapkan tingkah laku prososial bagi profil pelajar yang seimbang dengan kognitif dan tingkah laku mereka.

Dari sudut empirikal, penemuan hubungan positif ini selari dengan kajian Ding et al. (2018) yang mendapati pertimbangan moral yang matang dalam kalangan belia di China memotivasikan mereka untuk membantu warga tua, menolong jiran, membuat kerja-kerja sukarela yang memanfaatkan orang lain. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak berlaku setiap kali kerana dapatan kajian ini bercanggah dengan beberapa kajian lepas yang melaporkan bahawa hubungan antara pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial tidak semestinya positif mahupun signifikan (Anyanwu et al., 2020; van der Graaff et al., 2018; Ugoji, 2014). Situasi ini timbul kerana pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami darjah keburukan tingkah laku antisosial (Anyanwu et al., 2020) dan sanggup ikut rakan sebaya untuk melakukan perlakuan yang melanggar norma sosial (van der Graaff et al., 2018). Namun begitu, Ayal et al. (2015) melalui kajiannya mempercayai

sekiranya golongan remaja diberi sokongan emosi dan identiti yang seimbang, kestabilan dalam membuat pertimbangan moral dapat diwujudkan dan seterusnya membimbing tingkah laku mereka ke arah positif. Justeru, amalan pertimbangan moral dapat dikukuhkan dengan sokongan afektif, kognitif, identiti, sosial dan juga psikomotor yang mendorong pelajar untuk berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif selain mampu menangani setiap masalah yang berlaku.

Rumusannya, dapatan kajian ini berjaya membuktikan bahawa pertimbangan moral yang matang mempunyai hubungan signifikan yang positif ke atas kecenderungan tingkah laku prososial pelajar. Selaras dengan perspektif teoretikal, tanpa pertimbangan moral tidak wujudnya tingkah laku moral atau prososial (Kohlberg, 1984; Gibbs, 2019). Namun kewujudan kelompangan teoretikal dan empirikal antara pertimbangan moral dan tingkah laku moral tidak dapat dinafikan dan ia boleh diatasi dengan sokongan daripada domain moral lain dan juga teori-teori kajian. Hubungan ini bukan sahaja membolehkan pelajar mempunyai kawalan sendiri kepada pertimbangan moral, malah mengembangkan kemahiran Abad ke-21 untuk tingkah laku prososial. Justeru, kemahiran pertimbangan moral adalah elemen yang penting dalam sistem pendidikan negara kerana ia mempunyai daya pengaruh yang tinggi dalam pembentukan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Justeru, pelajar perlu dididik untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip kemoralan untuk membuat pertimbangan moral yang seimbang dan rasional bagi membimbing tindakan mereka untuk bertingkah laku prososial.

5.3.6 Pengaruh Peramal Tingkah Laku Prososial dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Bahagian ini berperanan untuk membincangkan dapatan analisis pengaruh dan kesan identiti moral, emosi moral dan juga pertimbangan moral ke atas tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Penilaian dan penganalisan model berstruktur dengan menggunakan perisian grafik AMOS telah digunakan dalam kajian ini untuk meninjau pengaruh setiap konstruk yang terlibat ke atas tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Dapatan penilaian dan penganalisan model berstruktur mendapati kesepadanan model berstruktur yang baik. Kajian ini berjaya membuktikan identiti moral dan pertimbangan moral merupakan peramal dan mempunyai kesan pengaruh terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Walau bagaimanapun, konstruk emosi moral tidak menunjukkan pengaruh signifikan ke atas tingkah laku prososial pelajar. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan identiti moral, emosi moral dan pertimbangan moral memberi sumbangan sebanyak 22% dan juga kesan keseluruhan sebanyak 0.88 (kesan langsung dan tidak langsung) yang telah membuktikan kepentingan setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Bagi mengesahkan jangkaan kajian ini, setiap konstruk dalam model berstruktur ini memainkan peranan yang penting dalam menyumbang pengaruh masing-masing kepada kecenderungan tingkah laku prososial pelajar.

Kajian ini mendapati identiti moral merupakan pengaruh terbesar secara langsung dan tidak langsung. Hasil kajian ini selaras dengan kajian lepas (Kaur, 2020; Patrick et al., 2018) yang mendapati bahawa identiti moral merupakan penyumbang terbesar dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Kajian Patrick et al.

(2018) mendapati identiti moral menjadi faktor penting dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar. Dari perspektif teoretikal, Erikson (1968) mempercayai bahawa identiti dan kesetiaan adalah kunci untuk kekuatan etika. Akan tetapi, Blasi (2005) menganggap pengintegrasian identiti dengan moral menjadi sumber motivasi moral untuk bertingkah laku prososial. Ini dapat kaitkan dengan teori Gibbs (2019) bahawa kesinambungan identiti dengan tingkah laku bukan sahaja menghasilkan individu yang seimbang psikososialnya tetapi individu matang perkembangan moral. Dapatan kajian ini menyumbang kepada pengisian jurang teoretikal menekankan bahawa penyelesaian krisis identiti mendorong kepada penghasilan identiti moral, manakala identiti moral menggalakkan keberhasilan tingkah laku prososial remaja, terutamanya pelajar sekolah menengah.

Kepentingan identiti moral dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar turut jelas dalam kajian lepas. Sebagai contoh, Mahwish dan Hussain (2018) menjelaskan apabila iklim moral sekolah yang bersifat prihatin dan mesra komuniti, pelajar melaporkan yang tinggi tahap hubungan tinggi dengan sekolah dan menunjukkan keintegritian kuat dalam tingkah laku mereka. Malah, Maizura et al. (2021) mendapati pelajar lebih bersemangat untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan apabila mereka diberi tanggungjawab (identiti) di dalam bilik darjah. Malah, penglibatan pelajar dalam aktiviti prososial akan membuka lembaran identiti moral yang lebih meluas dan mengutuskan lagi identiti moral (Molchanov et al., 2021). Keadaan sedemikian hanya berlaku apabila kawalan diri, integriti moral dan keinginan moral dibimbing dengan cara perhubungan sosial yang utuh dengan guru, sekolah dan juga komuniti sekolah yang prihatin (Lapsley, 2015) untuk perkembangan prososial dan moral yang berterusan.

Dapatan kajian ini memainkan peranan mengisi kelompangan yang wujud di antara pertimbangan-tingkah laku moral. Walaupun kebanyakan kajian menghadkan peranan identiti moral hanya sekadar sebagai moderator (Ding et al., 2018; Rullo et al., 2021), namun dapatan kajian ini membuktikan bahawa identiti moral sememangnya mempunyai pengaruh dan kesan langsung dalam meningkatkan tingkah laku prososial terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pembuktian ini dapat menambah jurang empirikal yang wujud dalam tinjauan peranan identiti moral terhadap tingkah laku prososial. Malah dari sudut pendidikan, hubungan identiti moral dengan aktiviti prososial adalah amat menggalakkan. Hal ini kerana profil dan sikap pelajar sekolah mudah dibentuk menerusi aktiviti kurikulum dan kokurikulum dengan sokongan identiti moral. Dalam pada itu, dengan adanya identiti moral, pelajar sekolah menengah dapat menonjolkan tingkah laku prososial dengan lebih berkesan dan ini membantu menyediakan pelajar dalam menghadapi cabaran dunia luar selepas alam persekolahan. Justeru, penemuan ini memberi informasi yang penting bahawa tingkah laku pelajar sekolah menengah dapat diperhebatkan melalui pemupukan identiti moral yang diselitkan dengan elemen sosial dan kemasyarakatan.

Pengaruh kedua terbesar dalam mempengaruhi tingkah laku prososial adalah pertimbangan moral pelajar sekolah menengah yang matang. Pertimbangan moral secara signifikan dan positif mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar. Berdasarkan dapatan kajian lepas, keupayaan membezakan darjah kebaikan dan keburukan sesuatu tindakan dan menjangka kesan mendatang daripada tingkah laku tersebut mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial (Ovcharova, 2019; Patrick et al., 2018; 2019). Malah, kajian Patrick et al. (2019) turut mendapati pertimbangan moral yang tinggi mendorong pelajar untuk berani membela rakan sebaya dalam situasi tingkah laku berisiko. Tingkah seperti ini juga turut dianggap sebagai prososial kerana ia mempunyai

elemen kemoralan iaitu keadilan moral dalam menghadapi dilema moral (Pozzoli et al., 2016). Senada dengan itu, kajian tempatan yang dijalankan oleh Maizura et al. (2021) mendapati kepentingan keupayaan pelajar untuk menilai dan mempertimbangkan kesan baik dan buruk sesuatu keputusan memberi impak positif kepada amalan tingkah laku bermoral mereka yang mematuhi norma masyarakat khususnya semangat bermasyarakat. Ini menunjukkan bahawa apabila pertimbangan moral yang matang secara langsung merangsang kecenderungan pelajar untuk mempraktikkan amalan tingkah laku prososial di dalam mahupun di luar sekolah.

Dalam pada itu, peranan pertimbangan moral ini juga selari dengan perspektif teoretikal Kohlberg (1984) yang dipercayai pertimbangan moral memerlukan pemahaman moral yang lebih mendalam mengenai nilai-nilai moral dan kemahiran membuat keputusan moral, terutamanya pada awal dan pertengahan keremajaan. Kefahaman ini mendorong kepada penghasilan tingkah laku prososial seperti mana Gibbs (2019) menjelaskan dalam teorinya menerusi tahap fasa matang. Dalam pada itu, dapatan ini penting kepada perkembangan moral pelajar sekolah menengah kerana proses keremajaan kerap dilabelkan sebagai satu proses yang berisiko dan penuh tekanan yang (Zimmermann et al., 2022). Tambahan pula dengan pelbagai masalah disiplin dan antisosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah, kematangan pertimbangan moral untuk membezakan baik atau buruk, betul atau salah dan wajar atau tidak wajar adalah penting untuk keperluan dunia digital kini. Ini menunjukkan bahawa kematangan pertimbangan moral mampu mempersiapkan pelajar untuk mempunyai waras pemikiran yang seimbang dan memiliki perlakuan moral dalam menghadapi dunia luar. Justeru, pihak sekolah terutamanya guru-guru menggunakan kemahiran pertimbangan moral dengan sebaik mungkin untuk mengembangkan kecenderungan tingkah laku prososial dengan pelbagai aktiviti sosial yang menarik minat pelajar untuk berfikir secara kritis.

Walau bagaimanapun, emosi moral tidak menunjukkan sebarang pengaruh dan kesan signifikan terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Faktor kecenderungan rasa bersalah dan malu tidak menunjukkan pengaruh secara individu terhadap tingkah laku prososial pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menekankan bahawa emosi moral rasa bersalah dan malu tidak menyumbang secara signifikan kepada kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial (Blythin et al., 2020; Kautsar et al., 2017; Roos et al., 2014; Sheehy et al., 2019).

Malah, kajian Roos et al. (2014) mendapati emosi moral rasa malu dalam diri remaja mengelakkan mereka untuk bertingkah laku prososial. Hal ini berlaku kerana faktor emosi moral rasa malu dianggap kurang bermoral berbanding dengan rasa bersalah yang menjadikan pelajar lebih menumpukan tingkah laku mereka untuk menarik diri daripada situasi malu dan tidak mahu menebus diri mereka dengan tingkah laku moral mahupun prososial (Han et al., 2021). Pelajar yang mengalami kecenderungan rasa bersalah dan malu secara negatif akan menghadapi masalah tingkah laku dan ini akan memberi impak negatif ke atas kesihatan mental dan juga perkembangan moral. Dapatan ini memberi maklumat penting untuk diberi perhatian kerana ketidakseimbangan rasa bersalah dan malu dalam diri pelajar boleh membawa padah kesejahteraan diri dan juga perkembangan moral secara menyeluruh.

Namun begitu, dapatan ini bercanggah dengan beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa kecenderungan rasa bersalah dan malu yang bersifat positif mempunyai impak positif kepada kecenderungan tingkah laku prososial, terutamanya kepada golongan muda (Cucuani et al., 2022; Perdani, 2019). Apabila emosi moral pelajar dibimbing dengan kawalan sendiri yang seimbang, pelajar dapat menstabilkan kesan rasa bersalah dan malu dan menunjukkan kecenderungan untuk memperbaiki kesalahan melalui

tingkah laku reparatif (Cucuani et al., 2022; Perdani, 2019). Walau bagaimanapun, tindak balas emosi ini dipengaruhi agama dan jangkakan budaya kolektivisme seperti Malaysia yang mengutamakan rasa malu yang positif sebagai adalah penting ketenteraman sosial manakala kecenderungan rasa bersalah yang positif penting untuk tanggungjawab peribadi (Cucuani et al., 2022). Justeru, dengan adanya dorongan agama dan budaya Malaysia, kecenderungan rasa bersalah dan malu seharusnya diberi keutamaan dan perhatian agar tindak balas pelajar lebih bersifat positif dalam membentuk tingkah laku prososial.

Ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian ini berjaya membuktikan bahawa identiti moral dan pertimbangan moral merupakan peramal bagi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Pembuktian ini turut menyumbang kepada pengisian jurang teoretikal dan empirikal yang terdapat dalam kajian ini. Walaupun kecenderungan rasa bersalah dan malu tidak memberi pengaruh signifikan, namun ia perlu diberi perhatian kerana tindak balas kepada emosi ini boleh memberi impak negatif kepada tingkah laku pelajar dan menyukarkan amalan tingkah laku prososial.

5.3.7 Pengaruh Peramal Pertimbangan Moral dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Bahagian ini berperanan untuk membincangkan dapatan analisis pengaruh dan kesan emosi moral dan identiti moral terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Penilaian dan penganalisan model berstruktur berbantuan perisian grafik AMOS telah digunakan dalam kajian ini untuk meninjau pengaruh setiap konstruk yang terlibat dalam mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Dalam model berstruktur juga terdapat laluan pengaruh emosi moral dan identiti terhadap pertimbangan moral. Justeru, tinjauan laluan ini penting bagi menganalisis keberkesanan dan sumbangan

emosi moral dan identiti moral kepada pertimbangan moral pelajar. Dalam pada itu penganalisan model berstruktur bagi laluan ini mendapati kesepadanan model berstruktur yang baik. Justeru, kajian ini berjaya mengesahkan dan membuktikan emosi moral dan identiti moral adalah peramal dan mempunyai pengaruh terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Sumbangan kedua-dua konstruk ini ke atas pertimbangan moral adalah sebanyak 21% dengan kesan langsung keseluruhan sebanyak 0.536. Bagi mengesahkan dapatan ini, setiap konstruk dalam model ini memainkan peranan penting dan berpengaruh secara individu kepada kematangan pertimbangan moral.

Konsisten dengan kajian lepas, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa identiti moral adalah faktor peramal positif dalam meningkatkan pertimbangan moral secara signifikan (Golamzedehmir, 2015; Schipper et al., 2021; Schipper et al., 2023). Kajian Schipper et al. (2021) membuktikan bahawa identiti moral yang kuat dalam diri pelajar mempunyai pengaruh signifikan terhadap kematangan pertimbangan moral. Rasa bertanggungjawab meningkat selaras dengan identiti moral pelajar. Apabila kemoralan menjadi penting kepada diri dan identiti, ia meningkatkan rasa tanggungjawab pelajar untuk buat pertimbangan moral dalam proses membuat keputusan (Sonnentag et al., 2019). Seiring dengan dapatan ini, kajian Paramita et al (2022) menggambarkan peranan identiti moral sebagai pengaruh terbesar dalam mempengaruhi pertimbangan beretika. Identiti moral yang kuat dalam diri pelajar mengupayakan mereka untuk mengawal dan membimbing diri mereka ke arah matlamat moral secara konsisten serta cuba mengekalkan identiti mereka sebagai individu bermoral dalam pertimbangan moral mereka (Aquino et al., 2011). Sesungguhnya, kajian ini turut menambahkan sokongan kepada kajian lepas yang membuktikan identiti moral adalah pengaruh terbesar secara langsung terhadap pertimbangan moral pelajar. Saiz kesan ini juga sama seperti mana yang dilaporkan dalam

tinjauan metaanalisis oleh Hertz dan Krettenauer (2016) iaitu pengaruh kesan signifikan dengan saiz kesan yang kecil hingga sederhana. Ini jelas menunjukkan bahawa identiti moral berfungsi sebagai lensa moral yang membantu pelajar untuk menilai dan mengaplikasikan kriteria moral dalam membuat pertimbangan moral.

Dapatan kajian ini juga turut disokong dengan beberapa perspektif teoretikal yang menjadi asas kepada laluan pengaruh identiti moral terhadap pertimbangan moral. Dari sudut pandangan, walaupun pertimbangan moral adalah kriteria utama dalam penentuan tingkah laku seseorang (Kohlberg, 1984), namun ia bergantung keupayaan kepada struktur pembentukan identiti moral seseorang (Blasi, 2005). Dapatan kajian ini juga turut menambah sokongan empirikal kepada model kerangka pemrosesan maklumat sosial-penghasilan keputusan moral Garrigan et al. (2018). Garrigan et al. (2018) mengutamakan prinsip diri moral kerana ia memberi impak positif kepada kemahiran penaakulan abstrak dan penghayatan pertimbangan moral. Ini secara langsung merujuk kepada kepentingan identiti moral dalam mempengaruhi keputusan moral dalam apa jua situasi atau dilema moral. Keberkaitan antara sokongan teoretikal dan empirikal ini mengukuhkan lagi dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa identiti moral yang kuat dalam diri pelajar mampu meningkatkan kematangan pertimbangan moral mereka. Justeru, pemupukan identiti pelajar yang bercirikan prinsip moral merangsang pelajar untuk berfikir dari perspektif moral dan mengutamakan nilai-nilai dalam setiap pertimbangan mereka.

Sementara itu, emosi moral merupakan pengaruh kedua terbesar terhadap pertimbangan moral pelajar. Walaupun emosi moral tidak meramalkan tingkah laku prososial secara signifikan, namun dalam analisis ini ia mempengaruhi pertimbangan moral secara langsung. Menurut tinjauan kajian lepas, dapatan kajian ini disokong oleh kajian Zhou dan Xiang (2022) dan juga Murphy dan Kiffin-Petersen (2017) yang menunjukkan

bahawa kecenderungan rasa bersalah dan malu mempunyai daya pengaruh yang positif terhadap pertimbangan moral pelajar. Zhou dan Xiang (2022) mendapati pengalaman negatif yang dialami pelajar sekolah menengah di China akibat rasa bersalah telah mengundang pelajar untuk menebus diri mereka. Penebusan merangsang niat pelajar untuk bekerjasama, lebih sensitif kepada situasi moral dan meningkatkan kesediaan pelajar untuk membuat keputusan-keputusan yang membolehkan mereka untuk memperbaiki diri mereka. Sementara itu, Murphy dan Kiffin-Petersen (2017) turut mendapati rasa malu yang tinggi dalam diri pelajar mempengaruhi keputusan beretika dan meramalkan keputusan moral. Ini kerana rasa malu yang wujud dalam diri membantu menyemak dan mengimbang semula pemikiran mereka dengan memberikan maklum balas yang efektif untuk melaksanakan tanggungjawab untuk mengurangkan penyesalan mereka. Maklum balas ini memainkan peranan dalam membentuk pertimbangan moral yang reflektif kepada pelajar untuk berkelakuan baik di masa hadapan. Ini menunjukkan bahawa emosi moral mempunyai peranan yang signifikan dalam mempengaruhi moral kognitif pelajar dan ia perlu diteguhkan dengan kawalan yang sendiri seimbang dan positif bagi memastikan kesan kecenderungan rasa bersalah dan malu bersifat positif.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas yang membuktikan bahawa tiada pengaruh signifikan mahupun meramalkan emosi moral rasa bersalah dan malu secara negatif ke atas pertimbangan moral pelajar (Blythin et al., 2020; Kernan & Sullins, 2022). Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesan emosi moral rasa bersalah dan malu terhadap perkembangan moral pelajar dengan mengisi jurang teoretikal yang sering kali menekankan bahawa hanya domain kognitif penting dalam proses perkembangan moral, tanpa mengambil kira peranan emosi. Seiring dengan itu, Tangney et al. (2014) mempercayai bahawa kedua-dua emosi ini adalah emosi yang bersifat kesedaran diri yang mempunyai penilaian yang berbeza terhadap pertimbangan

moral. Penjelasan ini menunjukkan bahawa emosi dan juga moral kognitif dapat diintegrasikan secara holistik dalam memahami proses pembentukan perkembangan moral pelajar. Seiring dengan itu, teori Erikson juga menekankan penyelesaian krisis rasa bersalah dan malu melalui pemberian autonomi dan inisiatif bukan sahaja penting perkembangan psikososial remaja, malah untuk kematangan pertimbangan moral terutamanya pelajar sekolah menengah (Dempsey, 2017). Dalam pada itu, kajian ini membuktikan bahawa kedua-dua domain emosi dan kognitif memainkan peranan penting dalam meningkatkan perkembangan moral pelajar. Justeru, dapatan kajian ini jelas menunjukkan peranan emosi moral rasa bersalah dan malu relevan secara bersama dalam mempengaruhi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian ini berjaya membuktikan bahawa emosi moral dan identiti moral merupakan peramal bagi pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Kedua-dua faktor ini mempunyai pengaruh signifikan terhadap pertimbangan moral. Dapatan ini juga memberi maklumat penting bahawa walaupun kecenderungan rasa bersalah dan malu tidak memberi sebarang pengaruh signifikan kepada kecenderungan tingkah laku prososial, namun ia memberi impak secara langsung kepada perkembangan pertimbangan moral pelajar. Dengan menggabungkan teori dan hasil kajian empirikal, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada literatur tentang perkembangan moral remaja. Ia tidak hanya menegaskan kepentingan emosi dan identiti moral dalam pembentukan pertimbangan moral pelajar, tetapi juga memberikan panduan penting bagi praktis pendidikan dan pembangunan remaja dalam merancang strategi yang lebih berkesan untuk membantu pelajar memperkukuhkan pertimbangan moral yang matang dan progresif.

5.3.8 Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM)

Berdasarkan kepada Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM) yang menggabungkan keempat pemboleh ubah kajian (identiti moral, emosi moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial), dapatan kajian menunjukkan model cadangan ini diterima dan padan dengan data yang dicerap dengan kesan keseluruhan model pengantaraan sebanyak 0.88. Melalui model ini, dapatan kajian berjaya membuktikan peranan pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Dalam model PPMPSM, kajian ini berjaya membuktikan peranan pertimbangan moral sebagai pengantara penuh dalam hubungan antara emosi moral dan tingkah laku prososial. Dapatan ini memberikan maklumat amat berharga kerana walaupun emosi moral tidak mempengaruhi tingkah laku prososial secara signifikan, namun melalui pertimbangan moral sebagai pengantara telah mempengaruhi tingkah laku prososial secara tidak langsung. Dapatan ini konsisten dengan kajian Zhang dan Zhang (2021) yang mendapati tingkah laku prososial golongan muda di China berada pada tahap yang tinggi disebabkan oleh kematangan pemikiran moral yang didorong oleh emosi moral. Sementara itu, kajian oleh Han et al. (2021) mendapati niat untuk bertingkah laku moral mula terhakis dalam kalangan belia di Amerika Syarikat dan Kanada dek kerana tidak mahu meluahkan dan menahan rasa bersalah dan malu. Ini kerana golongan belia mahupun remaja tidak tahu dan mahu meneroka kebaikan yang boleh ditimba daripada kawalan emosi moral. Selari dengan itu, kajian-kajian lepas (Garrigan et al., 2018; Murphy & Kiffin-Petersen, 2017) mencadangkan bahawa pertimbangan moral sebagai satu kemahiran moral yang dinamik dalam memberi impak kepada pembentukan tingkah

laku pelajar dan keupayaan ini boleh dimaksimumkan dengan adanya emosi moral. Ringkasnya, pertimbangan moral merupakan satu kemahiran menilai baik dan buruk setiap keputusan yang bertindak sebagai perangsang dalam membantu pelajar mengawal emosi moral rasa bersalah dan malu dengan lebih berkesan dan akhirnya mampu meningkatkan tingkah laku prososial dalam diri mereka.

Dapatan pengantaraan ini memberikan sokongan kepada kerangka teoretikal yang dicadangkan dalam kajian ini, terutamanya teori Erikson, Kohlberg dan Gibbs. Menurut Erikson (1994), beliau mempercayai bahawa emosi rasa bersalah dan malu yang disokong dengan autonomi yang kuat membolehkan pelajar mengatasi krisis psikososial untuk bertingkah laku positif. Justeru, keperluan autonomi yang wujud dalam emosi ini secara langsung memberi kesan kepada kematangan pertimbangan yang berautonomi moral (Kohlberg, 1984). Maka, dengan pertimbangan autonomi moral ini, tingkah laku pelajar dapat dimotivasikan secara positif mengikut kehendak norma masyarakat dan prinsip moral (Gibbs, 2019). Malah, pendekatan Garrigan et al. (2018) melalui modelnya juga menekankan bahawa proses emosi seseorang terlebih dahulu mempengaruhi keupayaan pelajar untuk menilai dan membuat keputusan moral, seterusnya pertimbangan moral yang didayakan oleh emosi akan merangsang tingkah laku moral. Berdasarkan dapatan kajian ini, kepentingan pertimbangan moral dapat dipergunakan sepenuhnya dalam menghubungkan emosi moral dengan tingkah laku prososial. Ini juga menunjukkan kecenderungan rasa bersalah dan malu secara tidak langsung meningkatkan kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial melalui dorongan pertimbangan moral yang matang dan berautonomi.

Seterusnya, kajian ini turut mendapati pertimbangan moral bertindak sebagai pengantara secara separa dalam hubungan antara identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Tinjauan mendapati hasil kajian ini selaras dengan Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1968) yang menerangkan penyelesaian identiti vs kekeliruan identiti secara positif membolehkan pelajar mengintegrasikan imej persepsi diri ke dalam identiti peribadi yang stabil. Kestabilan identiti ini secara tidak langsung memberi impak kepada perkembangan pelajar sama ada kognitif mahupun tingkah laku. Dalam konteks perkembangan moral, identiti moral yang kuat mempertanggungjawabkan pelajar untuk membuat keputusan yang betul dan baik dari sudut moral (pertimbangan bertanggungjawab) dan kemudiannya, memastikan pelajar berintegriti dalam tingkah laku mereka (Blasi, 1984). Ini menunjukkan bahawa pertimbangan moral diperlukan untuk memastikan bahawa tingkah laku pelajar sekolah menengah mencerminkan identiti moral mereka yang sebenar. Ini adalah penting kerana matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan pelajar yang bertanggungjawab dengan setiap keputusan yang dibuat dan bertindak dengan integriti dalam semua aspek kehidupan mereka. Oleh itu, kemahiran pertimbangan moral perlu digalakkan kepada pelajar sekolah menengah agar identiti moral mereka bukan hanya sekadar pegangan sahaja, tetapi ditonjolkan melalui tingkah laku mereka juga dan meneruskan usaha baik untuk berkelakuan prososial dalam kehidupan seharian mereka.

Dari sudut empirikal, penemuan ini selari dengan kajian Paramita et al. (2022) yang mendapati hubungan tidak langsung antara identiti moral dengan niat tingkah laku sosial dalam kalangan belia di Indonesia diperantarakan oleh pertimbangan beretika secara signifikan. Malah, kajian di negara Iran mendapati dengan bantuan kendiri moral dalam diri pelajar, kematangan pertimbangan moral dapat meningkatkan kecenderungan mereka untuk bertingkah laku altruistik (Nikdel et al., 2017). Ini menunjukkan bahawa identiti

moral memberi impak positif kepada pertimbangan moral untuk memproses maklumat yang konsisten dengan prinsip moral atau kriteria moral (Rullo et al., 2021; Schipper & Koglin, 2021). Dalam pada itu, kriteria moral mengupayakan pelajar untuk membuat pertimbangan mengenai darjah kemoralan sesuatu tingkah laku. Justeru, pelajar yang mempunyai identiti moral yang kuat, mereka terlebih dahulu perlu dilatih untuk membuat penilaian tentang keputusan sesuatu situasi moral. Seterusnya, membimbing mereka untuk menggunakan keputusan tersebut untuk mengaturkan tingkah laku mereka berdasarkan nilai-nilai moral rasa hormat, kejujuran, kebaikan, keprihatinan terhadap orang lain, dan belas kasihan (Paramita et al., 2022). Justeru, penemuan ini yang disokong oleh tinjauan teoretikal dan empirikal menunjukkan bahawa pertimbangan moral memainkan peranan pengantara yang penting dalam menghubungkan identiti moral dengan kecenderungan tingkah laku prososial pelajar.

Kesimpulannya, model pengantaraan PPMPSM telah berjaya membuktikan bahawa pertimbangan moral memainkan peranan yang penting dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Oleh itu, kematangan pertimbangan moral sebagai pemboleh ubah pengantara perlu dimanfaatkan oleh pihak sekolah, guru-guru dan juga ibu bapa agar untuk memastikan emosi moral dan identiti moral yang seimbang dapat memberi kesan positif kepada amalan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Malah, tinjauan kajian terdahulu mendapati bahawa kurangnya kajian tentang penganalisisan peranan pertimbangan moral sebagai pengantara di Malaysia selain daripada kajian daripada Mohd Zailani et al. (2022) dan cadangan konseptual daripada Nurull Hayati et al. (2020). Sehubungan dengan itu, pengesahan model pengantaraan ini memberi sokongan empirikal baru yang penting kepada pelajar sekolah menengah, terutamanya kepada perkembangan moral melalui sistem pendidikan Malaysia.

5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati identiti moral dan pertimbangan moral merupakan faktor peramal bagi kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah, manakala emosi moral dan identiti moral turut didapati meramalkan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Walaupun kajian ini mendapati emosi moral tidak mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar secara signifikan, namun melalui pengantaraan penuh pertimbangan moral, emosi moral mempengaruhi kecenderungan tingkah laku prososial pelajar secara tidak langsung. Ini adalah satu penemuan penting dalam membantu pelajar sekolah menengah menyalurkan emosi moral mereka melalui kemahiran pertimbangan moral matang yang akhirnya memberi impak kepada tingkah laku prososial mereka. Malah, pertimbangan moral turut didapati mengantara hubungan identiti moral dengan tingkah laku prososial secara separa. Model PPMPSM yang dicadangkan dalam kajian ini bertepatan dengan data yang ditinjau dan penganalisan model ini diterima. Oleh itu, dapatan kajian ini dapat disimpulkan kepada beberapa aspek penting seperti kematangan pertimbangan moral, kecenderungan tingkah laku prososial, peranan emosi moral dan identiti moral dan juga sumbangan keseluruhan model PPMPSM.

5.4.1 Kematangan Pertimbangan Moral Pelajar

Kematangan pertimbangan moral pelajar sekolah menengah mencerminkan perkembangan moral remaja terutamanya dari aspek moral kognitif yang menjadi asas penentuan setiap keputusan dan pertimbangan yang dilakukan dalam situasi moral atau melibatkan isu-isu moral. Dapatan kajian majoriti pelajar sekolah menengah mempunyai tahap pertimbangan moral yang matang 2(1) iaitu pada tahap 3 berdasarkan teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019). Tahap kematangan ini adalah gambaran yang

positif yang menunjukkan majoriti pelajar menggunakan prinsip kemoralan dan kefahaman prososial dalam membuat justifikasi dan juga keputusan moral.

Walau bagaimanapun, sebanyak 30.1% pelajar masih berada di tahap tidak matang. Keadaan ini membimbangkan kerana kategori pelajar tidak matang ini mempunyai potensi yang tinggi untuk terpesong daripada kompas moral dek kerana pegangan moral yang rapuh dan mudah terpengaruh dengan tingkah laku antisosial (Brugman et al., 2021). Subset pelajar ini mempunyai potensi risiko yang tinggi untuk menyimpang daripada norma moral dan dipengaruhi oleh tingkah laku antisosial kerana keyakinan moral mereka yang rapuh. Tindakan sewajarnya perlu diambil oleh ibu bapa, pihak sekolah dan juga pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan kematangan pertimbangan moral pelajar tidak terencat daripada sistem perkembangan moral atau diganggu oleh perubahan gaya hidup pelajar di luar sekolah. Kemahiran pertimbangan moral adalah perisai kepada setiap pelajar dalam era baru ini bagi mempersiapkan pelajar untuk mempunyai waras pemikiran yang seimbang dan memiliki tingkah laku moral dalam menghadapi dunia luar (OECD, 2018).

Di samping itu, dapatan kajian telah menemukan bukti yang penting iaitu peranan pertimbangan moral sebagai pengantara. Ini jelas disimpulkan bahawa pertimbangan moral mampu mengantara hubungan di antara emosi moral dengan tingkah laku prososial. Dengan bertindak sebagai pengantara, pertimbangan moral membolehkan pelajar dapat menyalurkan kesan rasa bersalah dan malu mereka secara positif melalui tingkah laku reparatif dan adaptif, seterusnya meneruskan usaha baik untuk berkelakuan prososial dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan kajian ini menekankan kepentingan untuk menggabungkan kemahiran pertimbangan moral melalui pendidikan komprehensif yang melangkaui sempadan akademik dan relevan dengan senario dunia sebenar, terutamanya

bagi pelajar yang bergelut dengan emosi moral dan pertimbangan moral yang tidak matang. Ini amat penting kepada pelajar yang mempunyai bergelut dengan masalah rasa bersalah dan malu dan juga pertimbangan moral yang tidak matang kerana kumpulan pelajar ini sering menjadi sasaran untuk mudah terjebak dalam gejala sosial. Justeru, penemuan ini menawarkan penyelesaian untuk mengatasi masalah kawalan emosi dan tingkah laku antisosial dalam kalangan pelajar melalui pemupukan kemahiran pertimbangan moral yang seimbang.

Dapatan kajian ini juga menyimpulkan bahawa pertimbangan moral sebagai pengantara dapat memastikan identiti moral pelajar kekal berintegriti dalam amalan tingkah laku prososial mereka. Ini menunjukkan bahawa pertimbangan moral dapat mengekalkan nilai tanggungjawab dan integriti (identiti moral) dalam tingkah laku kehidupan seharian pelajar. Dapatan ini amat penting untuk mengelakkan isu seperti hipokrasi moral iaitu kegagalan untuk mengamalkan prinsip moral yang dipercayai dan juga isu pegangan moral pelajar tidak sepadan atau seiring dengan niat tingkah laku mereka. Justeru, pertimbangan moral berfungsi sebagai 'perantara integriti' dalam menghubungkan identiti moral dengan kecenderungan tingkah laku prososial.

Selain itu, peranan dan kemahiran pertimbangan moral telah diteroka secara meluas terutamanya di negara Barat (Han et al., 2021) berbanding di negara Asia (Zhang & Zhang, 2021). Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menerapkan kemahiran pertimbangan moral sebagai tunjang perkembangan moral pelajar, terutamanya di peringkat sekolah menengah. Justeru, dapatan kajian ini memberi maklumat berharga untuk meneroka fungsi dan impak pertimbangan moral yang bukan sahaja terhad kepada domain kognitif, bahkan meluas dalam menghubungkan domain lain seperti identiti, emosi dan juga psikomotor. Tambahan pula, dapatan kajian ini mengisi jurang teoretikal

dalam memahami fungsi pertimbangan moral sebagai domain moral kognitif dalam menggalakkan perkembangan moral secara menyeluruh. Dapatan ini secara langsung menyumbang kepada kemajuan rangka kerja teori dalam psikologi moral dan pendidikan, menawarkan implikasi praktikal untuk pendidik dan penggubal dasar yang berusaha untuk menggalakkan pembangunan moral dalam tetapan pendidikan.

5.4.2 Kecenderungan Tingkah Laku Prosocial Pelajar

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap kecenderungan tingkah laku prososial yang sederhana. Walau bagaimanapun, tahap yang sederhana ini tidak semestinya menggambarkan bahawa pelajar kurang berkecenderungan untuk berprosocial, sebaliknya ia menunjukkan kepentingan niat dan kesanggupan untuk bertingkah laku sedemikian sememangnya wujud dalam diri pelajar. Hal ini kerana tiada sebarang subskala dalam konstruk tingkah laku prososial yang mencapai tahap rendah. Justeru, niat, potensi dan kesanggupan yang pelajar sekolah menengah untuk bertingkah laku prososial ini boleh dipertingkatkan dengan menggalakkan pengambilan perspektif daripada sokongan sosial (Gülseven et al., 2020), penggalakan kegiatan prososial melalui aktiviti kokurikulum di sekolah (Maizura et al., 2021) dan pendedahan isu-isu sosial kepada pelajar secara pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) (Sunil & Verma, 2018). Melalui usaha ini, pelajar lebih berkeyakinan untuk tampil ke hadapan menawarkan bantuan mereka kepada mereka yang memerlukan pertolongan dan juga kerap terlibat dalam kegiatan prososial yang menjadikan mereka sebagai agen moral dan sosial yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Kajian ini juga menyimpulkan bahawa tingkah laku prososial pelajar boleh dipertingkatkan melalui kecenderungan rasa bersalah dan malu yang positif dan identiti

moral yang kuat serta pertimbangan moral yang matang. Penemuan ini juga selari dengan pendekatan empirikal yang menganggap kajian perkembangan moral didominasi oleh pertimbangan moral sebagai produk terakhir (output), akan tetapi, dalam kehidupan sebenar, tingkah laku moral adalah produk terakhir (Krebs & Denton, 2005). Namun begitu, pertimbangan moral bukanlah penentu muktamad untuk penyelesaian masalah tingkah laku kerana ia tidak menjelaskan tingkah laku moral dengan sepenuhnya (Gibbs, 2019; Blasi, 1984). Justeru, kajian ini turut menambah sokongan empirikal kepada pernyataan ini yang menunjukkan bahawa emosi moral dan identiti moral sememangnya mempunyai pengaruh langsung dan tidak langsung dalam meningkatkan kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pengintegrasian emosi moral, identiti moral dan juga pertimbangan moral dalam model PPMPSM telah memberikan impak positif yang signifikan kepada pembentukan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Gabungan keempat-empat dimensi ini dalam satu model adalah selari dengan pendekatan model-model dari negara barat (Bartels et al., 2015; Garrigan et al., 2018; Gibbs, 2019; Ovcharova, 2019) yang mengesahkan keberkesanannya dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan mempunyai kesan yang signifikan kepada perkembangan tingkah laku prososial pelajar untuk jangka masa panjang. Dapatan kajian ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman kita tentang proses perkembangan moral tetapi juga menekankan matlamat akhir perkembangan moral, iaitu kepentingan pemupukan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

5.4.3 Peranan Emosi Moral dan Identiti Moral

Dapatan kajian yang membuktikan emosi moral dan identiti moral bukan sahaja memberi pengaruh secara langsung terhadap pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah, malah turut memberi pengaruh tidak langsung menerusi pengantara pertimbangan moral. Ini jelas menunjukkan bahawa peranan faktor-faktor ini dalam membentuk perkembangan moral pelajar dan menekankan kepentingan memupuk rasa bersalah dan malu yang adaptif dan seimbang, serta identiti moral yang kuat penting untuk menggalakkan keberhasilan tingkah laku prososial.

Secara khususnya, kajian ini memberi penerangan tentang kepentingan identiti moral dan emosi moral rasa bersalah dan malu yang tinggi berfungsi sebagai sumber motivasi moral untuk memastikan penilaian dan pertimbangan moral pelajar sentiasa matang dan rasional serta dimanfaatkan melalui tingkah laku yang prososial untuk kebaikan masa depan mereka. Sebaliknya, identiti moral dan emosi moral rasa bersalah dan malu yang rendah berpotensi mewujudkan masalah pemisahan moral (*moral disengagement*) yang secara tidak langsung akan merencatkan proses perkembangan moral kognitif pelajar dan menyukarkan keberhasilan tingkah laku moral secara menyeluruh (Patrick et al., 2018). Oleh itu, peranan kedua-dua faktor ini sama ada positif mahupun negatif memberi kesan kepada pertimbangan moral dan tingkah laku prososial.

Dapatan kajian menunjukkan fungsi kedua-dua faktor dikenal pasti sebagai sistem kawal selia dalam mengawal dan mengelakkan pelajar daripada keputusan yang tidak bermoral dan tingkah laku antisosial. Hal ini dapat dibuktikan bahawa emosi moral dan identiti moral mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sama ada secara langsung dan juga tidak langsung. Malah, model PPMPSM merumuskan bahawa sumbangan emosi moral dan identiti moral ke atas pertimbangan moral dan tingkah laku

prososial masing-masing melebihi 20%. Ini jelas membuktikan bahawa kedua-dua faktor ini masih mempunyai peranan positif dalam mempengaruhi perkembangan moral pelajar secara menyeluruh.

Pelajar yang tinggi tahap kecenderungan rasa bersalah dan malu serta identiti moral dikatakan lebih proaktif kepada isu-isu moral berbanding isu lain dan sentiasa peka dengan sensitiviti moral. Selaras dengan itu, Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994) menekankan rasa bersalah dan rasa malu bertindak sebagai kesedaran sendiri untuk individu berdikari dan membuat keputusan sendiri dalam refleksi kehidupan mereka. Dalam pada itu, rasa malu yang dikawal dengan peneguhan autonomi dan juga penggalakan inisiatif untuk memperbaiki rasa bersalah mampu mendorong pelajar untuk lebih proaktif dan peka kepada persekitaran dan masyarakat. Tambahan pula, penyelesaian isu identiti menjadikan remaja menjadi agen sosial yang efektif dalam struktur masyarakat. Akan tetapi dengan bantuan moral kognitif iaitu pertimbangan moral kesan adaptif faktor emosi moral dan identiti moral dapat dibimbing untuk menghasilkan tingkah laku prososial. Ini selaras dengan kehendak teori Kohlberg yang mengutamakan pertimbangan moral sebagai asas perkembangan moral dan diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku seperti yang diharapkan oleh teori Gibbs (2019). Walaupun ketiga-tiga konsep ini adalah sebahagian daripada kehidupan manusia, namun kecenderungan rasa bersalah, rasa malu dan juga identiti moral yang kuat memberi impak kepada perkembangan dan kesejahteraan psikososial pelajar, lebih-lebih lagi perkembangan moral mereka.

Kepentingan emosi moral rasa bersalah boleh dibuktikan melalui tinjauan kajian lepas apabila kawalan kedua-dua emosi ini bukan sahaja merupakan penggalak tingkah laku prososial, malah bertindak untuk mengelakkan diri seseorang untuk terlibat gejala negatif

(Barón et al., 2018; Zhou & Xiang, 2022). Walaupun kedua-dua emosi ini bervalen negatif, tetapi ia mempunyai ciri-ciri kemoralan yang mempunyai hubungan positif dengan tingkah laku prososial dan pertimbangan moral. Senada dengan itu, identiti moral yang kuat dalam diri pelajar membantu mereka berkembang secara moral ke tahap yang lebih tinggi dan ini membolehkan pelajar meneroka pelbagai usaha moral untuk bertingkah laku prososial (Kautsar et al., 2017; Sunil & Verma, 2018). Kesimpulannya, emosi moral rasa bersalah dan malu tidak semestinya dilihat emosi yang memberi kesan negatif kepada perkembangan moral pelajar, sebaliknya kajian ini membuktikan bahawa ia mempengaruhi pertimbangan moral dan tingkah laku prososial secara positif. Manakala, identiti moral juga diperlukan terutamanya kepada pelajar sedang menempuhi alam keremajaan bagi memastikan mereka bertanggungjawab dan berintegriti terhadap keputusan dan tindakan mereka.

5.4.4 Sumbangan Keseluruhan Model PPMPSM

Sumbangan terpenting dalam kajian ini adalah pengesahan model yang dicadangkan iaitu Model Pengantaraan Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM). Pengantaraan model yang dicadangkan dalam kajian ini menjelaskan bahawa pengantara pertimbangan moral memainkan peranan secara bersama dalam memberi impak kepada hubungan di antara emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan bahawa keseluruhan model memberi sumbangan sebanyak 22% kepada tingkah laku prososial dan 21% kepada pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Dapatan ini berpotensi untuk mengisi jurang teoretikal dan empirikal yang dinyatakan dalam kajian ini.

5.31

Kedua, model PPMPSM menyumbang kepada literatur teori dalam bidang psikologi moral dengan menyediakan pengesahan empirikal untuk peranan pengantara pertimbangan moral dalam hubungan antara emosi moral, identiti moral, dan tingkah laku prososial. Ini mengisi jurang teori dengan menawarkan sokongan empirikal untuk cadangan bahawa pertimbangan moral bertindak sebagai mekanisme di mana emosi moral dan identiti moral mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar. Selain itu, model ini menekankan kepentingan identiti moral sebagai peramal penting tingkah laku prososial, menonjolkan peranannya dalam membentuk perkembangan moral pelajar.


Tambahan pula, pengintegrasian konstruk emosi moral, terutamanya rasa bersalah dan malu, sebagai komponen utama dalam model PPMPSM mengisi jurang teori dalam memahami pengaruh faktor afektif ini terhadap perkembangan moral dan tingkah laku prososial pelajar. Malah, identiti moral juga turut dikenal pasti sebagai faktor peramal yang mempunyai kesan yang tinggi dalam mempengaruhi tingkah laku prososial dalam kajian. Walaupun kajian lepas lebih tertumpu kepada perkembangan moral yang didominasi oleh moral kognitif, model PPMPSM menunjukkan kepentingan dan fungsi emosi moral dan identiti moral secara signifikan dan jelas dalam mempengaruhi pertimbangan moral, sekali gus menonjolkan potensi perkembangan moral menerusi keberhasilan tingkah laku prososial.

Tinjauan selain daripada peramal yang berhubung kait dengan perkembangan tingkah laku prososial pelajar seperti faktor budaya dan sosial pelajar, kawalan sendiri dan interaksi dan sokongan daripada institusi keluarga, sekolah dan masyarakat merupakan peramal yang berpotensi dalam mempengaruhi dan memberi sumbangan ke atas tingkah

laku prososial pelajar (Davis & Streit, 2018; Imbriaco, 2017; Svensson et al., 2017). Kesimpulannya, model PPMPSM ini menunjukkan bahawa peranan emosi moral rasa bersalah dan malu dan identiti moral yang kuat serta pertimbangan moral yang matang telah memberi sumbangan sebanyak 22% dalam meningkatkan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah dan 21% kepada pertimbangan moral pelajar. Rajah 5.1 menunjukkan ilustrasi model akhir PPMPSM.

Rajah 5.1

Model Pengantara Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Menengah (PPMPSM).



5.5 Implikasi Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menyelidik peranan dan kesan pengantara pertimbangan moral terhadap emosi moral dan identiti moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Di samping itu, bagi menyokong tujuan utama kajian ini, penyelidik juga meninjau hubungan dan pengaruh antara emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial. Hubungan hipotesis dalam kajian ini berlandaskan tiga teori penting iaitu Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984), Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019) dan Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994). Oleh itu, hasil dapatan kajian ini memberikan beberapa

sumbangan dan implikasi yang penting dalam bidang pendidikan dan penyelidikan yang dibincangkan dari sudut teoretikal dan juga praktikal.

5.5.1 Implikasi Teoretikal

Dapatan kajian ini telah memberi beberapa implikasi kepada teori. Pertama, kajian ini menyumbang kepada perkembangan teori dalam satu model kajian secara menyeluruh. Kajian ini telah mengintegrasikan tiga teori yang terlibat, iaitu Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984), Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019) dan Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994) untuk memberikan penjelasan dan pemahaman yang lebih holistik tentang peranan emosi moral (kecenderungan rasa bersalah dan malu), identiti moral dan pertimbangan moral dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Menurut saranan Kohlberg (1984) menerusi teorinya, moral kognitif adalah satu-satunya domain penting yang mampu menghasilkan tingkah laku moral. Namun begitu, perubahan antara pertimbangan moral dan tingkah laku moral yang drastik seiring dengan peredaran masa dan situasi yang lebih kompleks (Oser et al., 2008), telah mewujudkan kelompangan di antara pertimbangan moral dan tingkah laku moral (*judgement-action gap*) yang sering menjadi cabaran dalam dunia penerokaan ilmu baru. Justeru, bagi mengisi kelompangan ini, satu kajian yang relevan untuk masa kini diperlukan untuk mengintegrasikan domain moral utama yang menjelaskan keberkesanan tingkah laku moral secara jelas dan empirikal (Blasi, 1984; Garrigan et al., 2018).

Selaras keperluan semasa, tingkah laku prososial adalah penting mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran dunia sebenar. Justeru, konsep rasa bersalah, malu dan identiti yang ditekankan dalam Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994) diperlukan untuk memahami tingkah laku prososial pelajar dengan lebih jelas sekali gus mengisi

jurang kelompangan yang wujud. Malah dengan sokongan daripada Teori Perkembangan Psikososial (Gibbs, 2019) memudahkan proses aliran pemahaman perkaitan antara pertimbangan moral dan tingkah laku prososial yang mengutamakan tingkah laku moral adalah sebagai produk terakhir dalam kehidupan sebenar. Berdasarkan hujah yang diberikan, pengintegrasian teori-teori ini telah membawa kepada pembangunan hipotesis yang telah diuji dalam kajian ini. Rentetan daripada itu, satu model pengantaraan iaitu model PPMPSM yang komprehensif telah dihasilkan bagi meninjau pengaruh emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral. Justeru, hasil kajian ini didapati menampung jurang yang wujud dalam kajian perkembangan moral dan memberi sumbangan kepada keperluan semasa dengan menawarkan penyelesaian untuk masalah emosi, kelemahan identiti, kerencatan pertimbangan moral serta masalah tingkah laku antisosial yang kian meruncing dalam kalangan pelajar. Malah, kajian ini juga mengesahkan hubungan, kesan pengaruh dan seterusnya memberi sumbangan kepada literatur dalam bidang psikologi moral dan juga psikologi pendidikan dalam konteks pelajar sekolah menengah.

Kedua, kajian ini berjaya memberi sumbangan kepada impak dan kesan emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral kepada perkembangan tingkah laku moral pelajar. Kepentingan ketiga-tiga faktor dari segi emosi, identiti dan kognitif dibuktikan peranannya dalam memberi kesan kepada kecenderungan tingkah laku prososial khususnya pelajar sekolah menengah. Ini merupakan satu penemuan baru dalam kajian perkembangan moral dan psikologi kerana berdasarkan tinjauan literatur, setakat ini masih kurang kajian di Malaysia yang menggabungkan kesemua domain moral penting ini dengan menumpukan kepada perkembangan tingkah laku prososial yang khusus kepada pelajar sekolah menengah. Tinjauan mendapati emosi moral, identiti moral dan pertimbangan dalam mempengaruhi tingkah laku prososial pelajar hanya pernah

difokuskan secara empirikal dan komprehensif terutamanya di negara Barat dan Asia (Bajovic & Rizzo, 2021; Ding et al., 2018; Patrick et al., 2018, 2019) berbanding negara Malaysia yang lebih menumpukan setiap faktor peramal secara berasingan dalam pelbagai bidang lain yang lebih melibatkan golongan belia ataupun remaja dan tidak tertumpu kepada pelajar sekolah menengah. Justeru kajian ini menyumbang kepada konsep kesan positif dari aspek perkembangan moral pelajar malahan juga mengambil kira untuk menghindari diri daripada tingkah laku yang mengundang kegiatan berisiko dan antisosial. Selaras dengan itu, Gibbs (2019) menerusi teorinya menekankan bahawa kewujudan nilai prososial dalam tingkah laku adalah tanda perkembangan moral yang seimbang dan menyeluruh dalam diri seseorang.

Ketiga, kajian ini memperkaya karya literatur psikologi moral dengan menunjukkan bahawa pertimbangan moral sebagai pengantaraan sesuai untuk dikaji dalam konteks perkembangan moral yang melibatkan domain emosi, identiti, kognitif dan juga psikomotor. Ini dapat dilihat melalui pengesahan model cadangan kajian iaitu model PPMPSM yang menekankan kepentingan kesan pengantaraan pertimbangan moral. Ini telah menyokong tanggapan kajian-kajian lepas (Muhammad Khairulrijal et al., 2020; Nurull Hayati et al., 2020) dan menambah pembuktian bahawa pertimbangan moral adalah tunjang utama kepada emosi moral dan identiti moral yang mendorong pelajar untuk bertingkah laku prososial dalam kehidupan seharian mereka. Ini kerana pelajar kerap kali menghadapi masalah ketidakseimbangan identiti dengan moral dan juga kawalan emosi moral yang mendorong mereka untuk terlibat dalam tingkah laku yang berisiko (Krettenauer, 2020; Patrick et al., 2018). Justeru, dengan pemupukan kematangan pertimbangan moral yang seimbang, tingkah laku prososial pelajar dapat digalakkan secara efektif. Sehubungan dengan itu, penemuan ini menyokong andaian bahawa pertimbangan moral adalah faktor yang memainkan peranan penting sebagai

pengantara dan amat berkesan untuk dijadikan sebagai solusi dalam membentuk profil tingkah laku pelajar, terutamanya mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran dunia luar.

Keempat, kajian ini memberi sumbangan signifikan kepada pemahaman peranan emosi moral dalam perkembangan moral. Sokongan empirikal mengenai aliran pemikiran emosi moral rata-ratanya melabelkan bahawa emosi moral bervalen negatif iaitu rasa bersalah dan malu mempunyai fungsi yang negatif dalam menggerakkan tingkah laku moral. Justeru, kajian ini mula mengisi jurang keperluan tersebut. Dapatan menunjukkan emosi moral memberi impak kepada tingkah laku prososial pelajar secara tidak langsung melalui pertimbangan moral. Ini adalah penting kerana rasa kecenderungan bersalah dan malu yang positif membantu pelajar untuk membezakan ciri-ciri moral dalam konteks tertentu, untuk memotivasikan tingkah laku moral dan mengawal tingkah laku tidak bermoral (Perdani, 2019). Memang tidak dinafikan emosi moral yang bervalen positif (seperti belas kasihan, berempati, bersimpati, berterima kasih dan bersyukur) berkesan untuk perkembangan moral malah lebih diberi penekanan dalam sistem pendidikan. Namun, emosi moral yang bervalen negatif seperti rasa bersalah dan malu perlu diberi pendedahan yang sama penting agar tindak balas kepada emosi tersebut memberi kesan positif kepada tingkah laku pelajar. Pelajar boleh mempelajari cara untuk memperbaiki dan menebus kesalahan mereka secara positif untuk kepentingan diri mereka dan orang lain. Justeru, penemuan kajian ini membuktikan bahawa dengan adanya kecenderungan rasa bersalah dan malu yang positif, tingkah laku pelajar dapat dipertingkatkan dan mempraktikkan nilai prososial dalam kehidupan seharian mereka. Pengetahuan ini amat penting untuk merangka strategi pencegahan dan modul pembangunan sahsiah diri yang ditujukan khas untuk pelajar dalam menggalakkan perkembangan tingkah laku yang adaptif dan mempunyai daya ketahanan yang seimbang.

Kelima, kajian ini meneroka konsep perkembangan identiti remaja yang ditekankan oleh Erikson (1994) dengan menyelitikan pendekatan identiti moral (Blasi, 1984) dan membuktikan bahawa identiti moral sememangnya memberi impak besar kepada pertimbangan moral dan juga tingkah laku prososial pelajar dalam model PPMPSM. Dapatan kajian ini menyumbang kepada penyelesaian krisis identiti melalui dorongan moral untuk membantu pelajar mengatasi masalah dan cabaran dunia dengan lebih baik. Ini menunjukkan bahawa kajian ini berjaya menggalakkan profil identiti moral dalam perkembangan moral pelajar seperti yang dicadangkan oleh Schipper dan Koglin (2021) dan Patrick et al. (2018) bagi membantu mempersiapkan pelajar untuk mempunyai waras pemikiran yang seimbang dan berani berhadapan dengan cabaran luar. Walaupun kajian-kajian lepas lebih menumpukan peranan identiti moral sebagai moderator berbanding pengaruh langsung (Ding et al., 2018; Rullo et al., 2021), namun kajian ini memberi implikasi kepada bidang identiti moral bahawa ia masih relevan untuk konteks perkembangan moral kerana identiti moral adalah pengaruh terbesar dalam model kajian. Justeru, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada kepentingan identiti moral dalam kalangan pelajar malah peranannya yang signifikan dalam meneguhkan perkembangan moral pelajar secara menyeluruh.

Secara kesimpulannya, kajian ini memberi implikasi teoretikal yang memberi sumbangan signifikan kepada literatur dalam bidang perkembangan moral dan psikologi moral berdasarkan pengesahan hubungan yang dicadangkan antara konstruk yang berlandaskan kepada Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984), Teori Perkembangan Sociomoral (Gibbs, 2019) dan Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1994). Model PPMPSM menunjukkan bahawa emosi moral dan identiti moral memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada perkembangan pertimbangan moral dan kecenderungan tingkah laku prososial pelajar. Ini sekali lagi menekankan kepentingan


emosi dan identiti sebagai salah satu pemotivasi moral dalam perkembangan dan kesejahteraan psikologi moral pelajar. Kajian ini juga menekankan kepentingan pertimbangan moral sebagai pengantara amat penting dan wajib dididik untuk pelajar sekolah menengah untuk memastikan emosi dan identiti dapat memberi impak kepada tingkah laku prososial. Penemuan ini juga telah membawa kepada perluasan konsep keperluan kognitif dalam memastikan emosi dan identiti dapat memberi kesan penting kepada tingkah laku pelajar.

5.5.2 Implikasi Praktikal

Kajian ini didapati memberi implikasi kepada pelbagai pihak bertanggungjawab yang berkait dengan pelajar sekolah menengah sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membentuk perkembangan moral pelajar. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa hasil dapatan kajian ini bukan sahaja memberi kesan teoretikal, malah meluas secara praktikal dalam dunia sebenar. Justeru, rajah 5.1 menggambarkan implikasi praktikal kajian ini kepada beberapa pemegang taruh penting.

Rajah 5.2

Implikasi Praktikal Kajian



5.5.2.1 Implikasi kepada Dasar dan Polisi Negara

Dapatan kajian ini memberi sumbangan kepada agenda pembangunan sosial dan moral remaja, terutamanya pelajar sekolah menengah secara menyeluruh. Rancangan pembangunan belia termasuk remaja di Malaysia yang dimeteraikan menerusi RMK ke-12 bukan sahaja berperanan menyerlahkan keupayaan '*inquiring mind*' dan '*scientific mind*', malah pembangunan belia dan remaja minda kelas pertama (Nurul Huda, 2021). Pelan ini juga selari dengan kehendak OECD (2018) dan juga tuntutan PPPM (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah; 2013-2025) yang bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar sekolah menengah yang holistik dan membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran abad ke-21 dengan tujuan melahirkan modal insan yang berkualiti. Justeru, pelbagai perancangan telah dan sedang dilaksanakan di peringkat kementerian untuk memperkasa pembangunan modal insan remaja. Walau bagaimanapun, usaha tersebut tidak memberikan kesan yang diinginkan dan sentiasa wujud cabaran dan juga kelompangan dalam menghasilkan modal insan berkualiti.

Dalam pada itu, domain moral seperti identiti, emosi, kognitif dan psikomotor adalah satu integrasi perkembangan moral yang selari dan saling berkaitan. Oleh itu, sebarang program yang ingin direncanakan oleh mana-mana organisasi mahupun institusi bertanggungjawab seperti KBS hendaklah merangkumkan keempat-empat perkembangan moral ini. Sudah tiba masanya untuk kerajaan Malaysia turut memberi perhatian kepada perkembangan keempat-empat domain moral secara serentak untuk golongan remaja, terutamanya pelajar sekolah menengah. Keempat-empat domain moral ini sama sekali tidak boleh diabaikan kerana perkembangan pelajar bergantung kepada daya emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial. Jika salah satu daripada domain ini diketepikan, maka mustahil untuk menghasilkan pelajar yang holistik dan modal insan yang berkualiti. Justeru, dapatan kajian ini bertindak

sebagai pemberi maklumat kepada perancang dasar dan polisi untuk mengutamakan kefungisian emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran dunia sebenar.

Malah, dapatan kajian ini juga memberi implikasi kepada KPM terutamanya perancangan pendidikan sekolah menengah yang mengutamakan kemenjadian murid melalui akademik. Kajian ini memberi penjelasan mengenai pengaruh domain moral seperti identiti, emosi, kognitif terhadap tingkah laku pelajar. Justeru, pembentukan sukatan pelajaran dan pentaksiran perlu mengutamakan kesinambungan keempat-empat domain moral secara eksplisit mahupun implisit dan ia perlulah bersifat merentas dalam kesemua mata pelajaran. Dari sudut sahsiah, kajian ini menunjukkan bahawa emosi moral iaitu kecenderungan rasa bersalah dan malu tidak mempunyai sebarang pengaruh signifikan kepada kecenderungan tingkah laku prososial. Ini menunjukkan bahawa wujud jurang di antara fungsi emosi moral terhadap tingkah laku pelajar. Justeru, Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) yang dibangunkan oleh KPM perlu mengambil kira pemantauan dari segi aspek emosi agar pengukuran amalan baik yang diutamakan bukan mengambil kira aspek tingkah laku semata-mata. Bahkan, kefungisian emosi moral seperti rasa bersalah dan malu juga adalah salah satu domain memberi impak kepada tingkah laku pelajar. Melalui sistem ini, pemantauan dan pengawalan kesan rasa bersalah dan malu dapat diperbaiki.

5.5.2.2 Implikasi kepada Sekolah

Dapatan kajian secara langsung dan tidak langsung mempunyai perkaitan dengan persekitaran sekolah yang melibatkan pihak pengurusan sekolah dan guru-guru akademik serta kaunselor sekolah dalam memastikan emosi moral, identiti moral, kemahiran pertimbangan moral dan kecenderungan tingkah laku prososial dapat dididik dan ditingkatkan secara menyeluruh.

Pertama, maklumat tentang tahap kecenderungan tingkah laku prososial pelajar dalam kajian ini memberi pengetahuan lanjut dan kesedaran awal kepada pihak sekolah dalam merancang tindakan yang sewajarnya melalui kegiatan kokurikulum mereka. Kegiatan aktiviti kokurikulum bukan hanya sekadar pelaksanaan, sebaliknya mevariasikan konteks pembelajaran luar bilik darjah melalui kaedah '*experiential learning*' dapat mendedahkan mereka dengan aktiviti prososial dan mempelajari melalui aktiviti yang mereka terlibat. Ini membantu pelajar untuk merasai pengalaman prososial terlebih dahulu dan seterusnya belajar daripada pengalaman tersebut. Penggunaan bentuk-bentuk kecenderungan seperti emosi, keperluan, tanpa pengetahuan, pematuhan, altruisme dan awam dalam aktiviti kokurikulum mahupun kurikulum mengupayakan pelajar untuk lebih membuka peluang untuk amalkan tingkah laku prososial yang lebih dekat dengan pegangan prinsip kemoralan mereka. Malah, bimbingan tingkah laku menerusi konsep dan prinsip kemoralan membolehkan pelajar lebih jelas dalam mempraktikkan amalan bertingkah laku prososial dalam kehidupan seharian yang mencakupi kesan dan pelaksanaan amalan tersebut. Ini secara langsung memberi impak kepada pembentukan profil pelajar untuk lebih cenderung untuk mengamalkan bertingkah laku prososial.

Kedua, kajian ini memberi implikasi kepada guru-guru akademik yang memerlukan penekanan kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang merangsang keupayaan emosi, identiti, kognitif dan juga tingkah laku dari sudut kemoralan. Pemahaman tahap kecenderungan emosi moral, tahap identiti moral dan juga pengaruhnya kepada perkembangan moral pelajar membolehkan guru-guru menyesuaikan pendekatan pengajaran seperti orientasi penyayang (*caring teaching*) (Gholami & Tirri 2012), peneguhan positif dalam bilik darjah (Rumfola, 2017), amalan keprihatinan dalam bilik darjah (*mindfulness practices*) (Gutierrez et al., 2019) dan pendekatan simulasi dan main

peranan (Noraisah et al., 2017) dan penjelasan nilai (Mary & Suganya, 2017). Kaedah ini dapat membantu guru mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif yang menggalakkan pelajar mengurus dan mengawal tindak balas emosi dan juga mewujudkan budaya bilik darjah yang mementingkan watak moral dan menggalakkan pelajar membangunkan identiti moral mereka sendiri.

Malah, kajian ini memberi implikasi kepada guru tingkatan dan juga guru akademik dalam menggalakkan kemahiran pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selaras dengan kehendak kemahiran abad ke-21 yang menekankan kemahiran pertimbangan moral, pendekatan seperti penglibatan pelajar dalam perbincangan beretika dan membuat keputusan, menyediakan peluang untuk khidmat masyarakat dan kesukarelawanan, galakan model peranan positif dan pemupukan iklim moral yang positif boleh dipraktikkan oleh guru dalam kaedah pengajaran mereka untuk meningkatkan kematangan pertimbangan moral pelajar. Malah, pemupukan pertimbangan moral yang efektif juga perlu merentas dalam pengajaran setiap mata pelajaran agar belajar dapat menguasai kemahiran pertimbangan moral secara efektif. Kajian lepas juga turut menunjukkan kepentingan kawalan emosi, pendekatan diri kepada kemoralan, pendedahan nilai kesan baik dan buruk setiap keputusan dan tindakan dalam bilik darjah membolehkan pelajar memodelkan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian mereka (Patrick et al., 2019).

Ketiga, dapatan pengaruh pemboleh ubah kajian kepada kematangan pertimbangan moral dan kecenderungan tingkah laku prososial turut memberi implikasi kepada kaunselor sekolah untuk mengambil langkah progresif untuk melaksanakan program yang efektif dari segi emosi, identiti, kognitif dan psikomotor. Pelajar yang didapati tahap emosi moral dan identiti moral yang rendah perlu diberi keutamaan untuk dilibatkan program

intervensi secara berterusan. Malah, pelajar yang mempunyai pertimbangan moral yang tidak matang juga turut diberi perhatian kerana golongan pelajar ini berpotensi tinggi untuk terlibat dalam tingkah laku antisosial berbanding mereka yang matang dari segi pertimbangan moral. Pelajar yang berada dalam lingkungan tahap rendah ini amat memerlukan sokongan daripada pihak sekolah terutamanya kaunselor dan guru tingkatan.

Sebagai contoh, program EQUIP yang dihasilkan oleh Gibbs et al. (1995) adalah program intervensi kognitif-tingkah laku multi komponen terbukti keberkesannya dalam mengawal tingkah laku antisosial dalam kalangan pelajar dan berjaya merangsang pelajar untuk berfikir dan bertindak secara bertanggungjawab dengan menggunakan pendekatan bantuan rakan sebaya (Brugman & Gibbs, 2010, Helmond et al., 2014; Nas et al., 2005; van der Valden et al., 2010). Pelaksanaan program intervensi seperti ini sememangnya mendidik pelajar sekolah menengah untuk berpegang kepada kompas moral dalam setiap keputusan dan tingkah laku dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, pihak sekolah, guru dan kaunselor yang memahami budaya persekitaran pelajar dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kapasiti emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan juga tingkah laku prososial dengan lebih berkesan.

5.5.2.3 Implikasi kepada Penyelidik

Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada para penyelidik untuk masa depan memandangkan literatur untuk kajian psikologi moral, perkembangan moral dan juga pengintegrasian empat domain moral dalam satu model amat terhad terutamanya di negara Asia dan juga di Malaysia. Terlebih dahulu, hasil kajian ini memberikan implikasi kepada pakar psikologi pendidikan, kaunselor atau pakar terapi mengenai struktur kecenderungan emosi moral, pembentukan identiti moral, kematangan pertimbangan moral dan juga kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah

menengah yang sedang melalui alam keremajaan. Ini memberi gambaran yang jelas berserta dengan bukti empirikal mengenai keberkaitan antara keempat-empat domain dan daya pengaruh dalam merangsang perkembangan moral pelajar dalam konteks Malaysia. Hal ini kerana darjah kesan adaptif dan maladaptif sesuatu tingkah laku bergantung kepada perubahan emosi, identiti, kognitif dan juga tingkah laku pelajar itu sendiri. Namun, norma sosial dan budaya kolektivisme serta faktor-faktor lain yang melibatkan persekitaran pelajar turut memainkan peranan dalam memberi impak kepada perkembangan dan kesejahteraan moral pelajar. Justeru, adalah penting untuk pakar-pakar dan penyelidik untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek ini secara terperinci dalam memberi bimbingan kaunseling, rawatan mahupun merancang program intervensi perkembangan moral. Penumpuan ini penting untuk memastikan kesan dan impak emosi moral dan identiti moral dapat dibimbing dan dikawal secara positif dan seiring dengan prinsip moral ke atas pertimbangan moral dan juga tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah.

Di samping itu, penemuan kajian ini turut dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidikan yang melibatkan golongan pelajar mahupun remaja seperti perkembangan pertimbangan moral; kecenderungan tingkah laku prososial dan antisosial; emosi moral bersalah dan malu; identiti moral. Bukti-bukti empirikal dalam kajian ini berguna kepada penyelidik untuk meninjau peranan setiap domain moral dengan mengintegrasikan dalam satu model mahupun secara berasingan. Ini kerana model PPMPSM dalam kajian ini diterima dari aspek kesepadanan model pengukuran. Kajian ini juga memberi implikasi kepada penyelidik untuk menggunakan instrumen kajian yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, menjimatkan masa, sumber dan kos penyelidikan dalam mengukur keempat-empat pemboleh ubah kajian. Penggunaan instrumen yang diterjemahkan daripada penerbit asal diharapkan dapat membantu penyelidik

memberikan penyelesaian yang berguna dan praktikal dalam menilai keempat-empat domain moral. Penilaian yang holistik boleh dicapai apabila pengukuran emosi moral, identiti moral, moral kognitif dan tingkah laku prososial dianalisis secara seimbang.

5.5.2.4 Implikasi kepada Bidang Psikologi Moral

Dapatan kajian ini juga memberi sumbangan dalam bidang psikologi pendidikan yang melibatkan pelajar sekolah menengah. Kajian-kajian yang berasaskan aliran psikologi pendidikan tidak semestinya memberi tumpuan kepada penyelidikan dalam konteks pendidikan mahupun bilik darjah, malah ia merangkumi pemahaman dan peninjauan perubahan faktor psikologi moral dalam diri pelajar, terutamanya perubahan perkembangan moral. Pemahaman perubahan dalam proses peralihan alam keremajaan, masalah dan juga keperluan pelajar sekolah menengah mengupayakan guru, kaunselor dan juga penyelidik merangka satu sistem kaedah pentaksiran bilik darjah yang lebih realistik dan berkesan kepada perkembangan moral pelajar secara menyeluruh.

Malah, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa emosi moral rasa bersalah dan malu mempunyai hubungan yang positif ke atas kecenderungan tingkah laku prososial. Namun begitu, emosi moral rasa bersalah dan malu tidak memberi sebarang pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku prososial pelajar. Dapatan ini memberi implikasi kepada kajian bidang psikologi moral terutamanya peninjauan perbezaan penerimaan rasa bersalah dan malu di antara budaya barat dengan Malaysia. Dalam bidang psikologi moral, emosi moral bervalen negatif dilabelkan sebagai emosi yang kurang bermoral dan tidak sihat diamalkan oleh remaja mahupun pelajar sekolah menengah. Hal ini kerana kebanyakan kajian barat mendapati tiada hubungan mahupun pengaruh yang positif antara rasa bersalah dan malu terhadap tingkah laku prososial pelajar. Walau bagaimanapun, rasa bersalah dan malu yang dipengaruhi budaya, agama dan norma

tempatan Malaysia menjadikan emosi tersebut sebatian dalam kehidupan seharian pelajar dan kekal penting walaupun tidak memberi sebarang pengaruh kepada tingkah laku prososial pelajar. Ini memberi maklumat tambahan kepada pemahaman emosi moral dari sudut psikologi moral yang merentas budaya.

Secara keseluruhan, pemegang taruh akademik seperti KPM, penyelidik, pakar-pakar psikologi pendidikan, pihak sekolah, guru tingkatan dan kaunselor dapat memanfaatkan dapatan kajian ini meningkatkan keberhasilan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Sehubungan dengan itu, kesemua pemegang taruh boleh merancang polisi, dasar, kurikulum dan program yang efektif dan sesuai dengan perkembangan dan kesejahteraan moral pelajar.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah memberikan beberapa sumbangan dan implikasi teoretikal dan praktikal, namun terdapat beberapa cadangan untuk kajian lanjutan yang memberi peluang kepada penyelidik masa depan untuk meneroka secara lanjut. Cadangan kajian lanjutan dibincangkan dari aspek reka bentuk kajian, demografi kajian, pemboleh ubah kajian, lokasi kajian, instrumen kajian dan penganalisan data.

5.6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif untuk mengkaji kesan dan pengaruh emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah. Oleh demikian, untuk pelaksanaan kajian pada masa hadapan dicadangkan turut memberi fokus kepada reka bentuk gabungan kuantitatif dan juga kualitatif. Walaupun terdapat sokongan empirikal yang secukupnya daripada tinjauan literatur untuk pendekatan kuantitatif, kaedah kualitatif juga boleh dilaksanakan di

peringkat kemudian dalam melengkapi laporan penilaian sendiri (*self-assessment* atau *self-report*). Kadangkala laporan sendiri lebih bersifat objektif dan bukannya berdasarkan pengalaman dan situasi sebenar yang dilalui oleh pelajar. Justeru, kajian kualitatif boleh dijalankan untuk mendapatkan kesedaran yang lebih terperinci tentang isu-isu yang berkaitan dengan emosi moral rasa bersalah dan malu, pembentukan identiti moral, kematangan pertimbangan moral dan kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Melalui temu bual dan atau kumpulan fokus, pelajar sekolah menengah boleh diminta untuk membincangkan secara mendalam dengan luahan kata-kata mereka sendiri mengenai pengalaman rasa bersalah dan malu, pengamalan identiti moral, keupayaan membuat pertimbangan moral dan kecenderungan tingkah laku prososial.

Pengkaji juga mencadangkan kajian lanjutan mempertimbangkan reka bentuk kajian longitudinal yang mempunyai potensi tinggi untuk merumuskan pengaruh konstruk dengan lebih baik. Meskipun kajian ini dijalankan dengan kerangka teori yang kuat dan disokong dengan kajian-kajian empirikal untuk menunjukkan sebab-akibat, namun amat bermanfaat jika menjalankan kajian jangka masa panjang dalam mengukur sebab-akibat emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar. Kajian longitudinal diperlukan untuk mengkaji sama ada faktor emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral meramalkan tingkah laku prososial dalam jangka masa yang panjang kerana kebanyakan kajian berkaitan topik ini dijalankan dengan menggunakan kaedah keratan rentas.

5.6.2 Pemboleh Ubah Kajian

Bagi aspek cadangan pemboleh ubah kajian, tinjauan literatur secara komprehensif diperlukan untuk mencadangkan peramal selain daripada emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral memandangkan model PPMPSM yang dicadangkan hanya menyumbang sebanyak 22% kepada kecenderungan tingkah laku prososial, manakala 21% kepada kematangan pertimbangan moral. Dapatan ini menunjukkan mungkin terdapat faktor peramal lain yang turut berpotensi untuk memberi impak kepada kecenderungan tingkah laku prososial mahupun pertimbangan moral pelajar sekolah menengah. Oleh itu, faktor peramal lain seperti emosi moral bervalen positif (Casey, 2014), sokongan sosial (Gülseven et al., 2020), orientasi nilai moral (Muhammad Asrori, 2018), pemprosesan informasi sosial (Garrigan et al., 2018), sosioekonomi (Davis & Streit, 2018), gender (Hine, 2017), iklim moral sekolah (Mahwish & Hussain, 2018), gaya asuhan ibu bapa (Gülseven et al., 2022) dan rakan sebaya (Patonah, 2018) dan lain-lain yang boleh ditinjau secara lanjut untuk menjelaskan kefungsiian kecenderungan tingkah laku prososial dan pertimbangan moral pelajar.

Malah, pengkaji juga mencadangkan untuk turut mengukur tingkah laku antisosial secara serentak dengan tingkah laku prososial kerana dimensi yang dibina untuk setiap konstruk adalah berbeza secara teoretikal dan konseptual (Barón et al., 2018; Fitriana & Nur Hamizah, 2018). Cadangan faktor peramal ini adalah berdasarkan pembuktian empirikal yang telah wujud untuk sekian lama dalam memberi impak kepada perkembangan pertimbangan moral pelajar dan kecenderungan tingkah laku prososial pelajar.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan penerokaan faktor identiti moral sebagai penyederhana dalam memudahkan hubungan di antara emosi moral dan pertimbangan moral dengan tingkah laku prososial. Hal ini kerana terdapat pembuktian empirikal yang

menunjukkan bahawa konstruk identiti moral mampu bertindak sebagai moderator dalam hubungan kedua-dua konstruk ini (Ding et al., 2018; Rullo et al., 2021). Identiti moral mempunyai pelbagai peranan yang unik dalam meningkatkan kematangan pertimbangan moral pelajar dan juga menggalakkan tingkah laku prososial pelajar (Patrick et al., 2019). Justeru, kajian ini mencadangkan penerokaan lanjut mengenai peranan identiti moral secara empirikal dalam meningkatkan keberhasilan tingkah laku prososial untuk kepentingan perkembangan moral pelajar.

5.6.3 Lokasi Kajian

Cadangan lanjutan untuk lokasi kajian juga boleh dipertimbangkan dan diperluaskan kepada negeri selain daripada negeri Selangor. Walaupun laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2020) menunjukkan golongan remaja di negeri Selangor terlibat dalam kes juvana adalah tertinggi berbanding lain-lain negeri, tinjauan harus dijalankan untuk negeri-negeri untuk digeneralisasikan dengan lebih luas. Sebagai contoh, selain negeri Selangor, didapati negeri Johor, Kelantan, Sabah dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menduduki carta tertinggi dalam kes jenayah melibatkan golongan remaja sejak 5 tahun berturut-turut (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2016-2020). Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pangkalan data yang lebih menyeluruh mengenai kematangan pertimbangan moral dan kecenderungan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Malaysia.

5.6.4 Penganalisan Data

Maklumat demografi yang tidak terlibat dalam analisis inferensi dalam kajian ini turut dicadangkan sebagai cadangan untuk perhatian penyelidik masa hadapan. Kajian yang melibatkan pengukuran tahap pertimbangan moral kebiasaannya berbeza mengikut

peringkat umur dan jantina. Malah, Teori Perkembangan Moral Kognitif (Kohlberg, 1984) dan juga Teori Perkembangan Sosiomoral (Gibbs, 2019) menekankan peranan umur dan jantina kerana pertimbangan moral pelajar seiring dengan peningkatan usia dan juga berbeza tahap mengikut jantina. Malah, tinjauan empirikal juga menunjukkan perkaitan umur dan jantina dalam mempengaruhi kematangan pertimbangan moral mahupun kecenderungan tingkah laku prososial adalah signifikan (Barón et al., 2018; Beerthuisen, 2012).

Selain itu, ciri-ciri demografi seperti sosioekonomi (Davis & Streit, 2018), status kawasan seperti bandar dan luar bandar (Parveen et al., 2018) dan agama (Mohd Zailani et al., 2022) turut memberi impak kepada pendedahan perkembangan moral dari segi emosi, identiti, kognitif dan juga tingkah laku pelajar. Dalam menjelaskan hubungan sebab-akibat di antara pemboleh ubah kajian, penganalisan ciri-ciri demografi melalui ujian inferensi mampu menjelaskan fungsi dan daya pengaruh faktor secara komprehensif. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan melibatkan pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dengan menggunakan ciri-ciri demografi pelajar amat penting kerana pangkalan data untuk memahami peranan emosi moral, identiti moral, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah masih terhad di Malaysia.

Akhirnya, pengkaji juga ingin mencadangkan kepada penyelidik masa depan untuk meninjau dan menganalisis laluan hubungan dan pengaruh untuk setiap dimensi yang terdapat dalam setiap konstruk. Hal ini kerana terdapat cadangan daripada penerbit instrumen asal seperti Cohen et al. (2011) yang menggalakkan konstruk emosi moral ditinjau secara spesifik kepada dua dimensi iaitu kecenderungan rasa bersalah dan rasa malu. Berdasarkan dua dimensi tersebut, terdapat dua subskala untuk setiap dimensi dengan jumlah keseluruhan empat subskala untuk konstruk emosi moral. Malah, Black

dan Reynolds (2016) turut mencadangkan identiti moral dianalisis secara spesifik kepada subskala diri moral dan integriti moral. Hal ini kerana pengukuran hubungan dan pengaruh setiap dimensi konstruk emosi moral dan identiti moral dalam model laluan sebab-akibat lebih bersifat terarah dengan menilai konstruk tingkah laku prososial berdasarkan setiap subskala bentuk kecenderungan. Memang tidak dinafikan peningkatan jumlah bilangan indikator yang banyak dalam model mengurangkan kesepadanan model, namun Hair et al. (2022) mencadangkan kaedah Pemodelan Persamaan Berstruktur Kuasa Dua Terkecil Separa (*Partial Least Square-Structural Equation Modelling*, PLS-SEM) adalah lebih sesuai. Justeru, penganalisan data kajian berdasarkan dimensi setiap konstruk kajian boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis yang bersesuaian dengan tujuan kajian.

5.7 Penutup

Kajian ini memberikan maklumat dan informasi yang penting dan berguna kepada konteks pelajar sekolah menengah di Malaysia kerana penganalisan hubungan dan pengaruh emosi moral, identiti moral dan pertimbangan moral terhadap tingkah laku prososial adalah penambahan sokongan empirikal yang kepada bidang penyelidikan psikologi moral di Malaysia. Malah, kajian ini juga memberi informasi penting bahawa kemahiran pertimbangan moral seharusnya perlu diberi penekanan yang tinggi kerana pertimbangan moral terbukti mengantara hubungan emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar. Justeru, kajian ini memberi pemahaman yang komprehensif berserta bukti empirikal kepada orang ramai mengenai impak emosi, identiti, kognitif dan tingkah laku kepada perkembangan moral secara menyeluruh.

Pengaruh emosi moral secara langsung ke atas pertimbangan moral dan tidak langsung terhadap tingkah laku prososial sekali lagi mencerminkan kepentingan kawalan kecenderungan rasa bersalah dan malu yang positif bagi memastikan kematangan pertimbangan moral dapat ditingkatkan dan seterusnya membimbing tingkah laku pelajar ke arah prososial. Emosi moral yang stabil memberi impak kepada perubahan perkembangan moral dengan mendorong pelajar untuk mencari makna positif dalam setiap tingkah laku dan merasionalkan keupayaan untuk membuat keputusan moral dan memperbaiki semula tingkah laku mereka ke arah prososial.

Malah, kajian ini juga turut menunjukkan peranan identiti moral adalah sama penting, malah merupakan peramal utama sebagai agen penggerak dalam model kajian yang memberi kesan langsung dan tidak langsung dalam meningkatkan kematangan pertimbangan moral dan juga kecenderungan tingkah laku prososial pelajar. Tahap identiti moral yang tinggi adalah penting dalam kerana pelajar lebih sensitif dan peka kepada prinsip moral dan norma sosial dalam setiap masa dan meningkatkan tanggungjawab moral mereka kepada diri mereka sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Kestabilan identiti moral yang kuat merangsang kemahiran pertimbangan moral dan menggalakkan lagi tingkah laku yang bersifat prososial.

Selain itu, peranan pertimbangan moral bukan sahaja memberi kesan kepada kecenderungan pelajar untuk bertingkah laku prososial, malah ia berperanan sebagai pengantara dalam hubungan emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar. Ini adalah satu maklumat berharga dalam kajian ini kerana pelajar memerlukan kemahiran pertimbangan moral yang boleh digalakkan melalui emosi moral dan identiti moral agar mereka dapat dipersiapkan untuk menempuhi setiap cabaran yang mendatang dengan memiliki pemikiran yang waras dan juga tingkah laku yang bermoral.

Dalam pada itu, model PPMPSM yang disahkan dalam kajian ini turut menyumbang kepada cabang ilmu psikologi moral terutamanya bidang pertimbangan moral. Dapatan kajian ini menambah dan memperkayakan ilmu pengetahuan baru kepada teori-teori psikologi moral dan psikologi pendidikan khususnya kajian perkembangan moral yang melibatkan domain moral emosi, identiti, kognitif dan tingkah laku moral. Pengintegrasian model PPMPSM ini memberi peluang kepada pemegang taruh seperti KPM, penyelidik, pakar-pakar psikologi pendidikan, pihak sekolah, guru tingkatan dan kaunselor untuk memperkenalkan program intervensi perkembangan moral terutamanya kepada pelajar yang mencapai tahap rendah atau tahap tidak matang agar proses kemenjadian pelajar seiring dengan pelajar lain. Ini secara langsung dapat mengurangkan keciciran pelajar daripada kompas moral dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dunia luar. Dengan adanya maklumat yang komprehensif mengenai pencapaian kecenderungan emosi moral, pembentukan identiti moral, kematangan pertimbangan moral dan juga kecenderungan tingkah laku prososial, institusi sekolah mampu memberi bimbingan yang efektif kepada pelajar demi kesejahteraan moral pelajar.

Secara keseluruhannya, pertimbangan moral dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah perlu diberikan penumpuan khusus bagi memastikan pelajar terus kekal berprinsip moral dalam setiap keputusan dan tindakan mereka dan mempersiapkan mereka untuk mengimbangi cabaran dan keperluan moral dalam dunia teknologi ini. Sehubungan dengan itu, model PPMPSM boleh dijadikan sebagai sumber rujukan untuk penyelidik masa depan. Maklumat dan informasi yang diperoleh daripada hasil dapatan dan perbincangan kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada semua pemegang taruh.

RUJUKAN

- Abbasi-Asl, R., & Hashemi, S. (2019). Personality and morality: Role of the big five personality traits in predicting the four components of moral decision making. *PsyArXiv*. <https://doi.org/10.31234/osf.io/6azqs>
- Abdul Shatar Che Abd. Rahman. (2007). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru pendidikan moral tingkatan empat di sebuah sekolah* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaya.
- Abdullah, A. A., Hamsan, H. H., & Ma'rof, A. A. (2020). How do Personality Factors Associate with Prosocial Behavior? The Mediating Role of Empathy. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(16), 206-219.
- Abdullah, H., Ortega, A., Ahmad, N., & Chazali, S. (2015). Aggressive and delinquent behaviour among high risk youth in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(16), 62-73.
- Absha Atiah, A. B. & Mohd Isa, H. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Abu-Kaf, S., & Priel, B. (2008). Dependent and self-critical vulnerabilities to depression in two different cultural contexts. *Personality and Individual Differences*, 44(3), 689-700.
- Afful, A., Namale, M. K. & Gyapong, M. (2021). Factors influencing adolescent self-identity development of senior high school students in Effutu Municipality in Central Region, Ghana. *Journal of Education and Practice*, 5(2), 18-29.
- Afiq Ariffin. (2019, Februari 10). Bermula jenayah kecil, pelajar terlibat kes ekstrem - Penganalisis. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/>
- Ahmad Asmadi, I. (2022, Ogos 4). Berang rambut dipotong, pelajar pukul guru. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/>
- Ahmad Ismadi, I. (2022, Ogos 4). Berang rambut dipotong, pelajar pukul guru. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/>
- Ahmad Marzuki, M., Nur Naqibah, B. & Siti Fauziyani, M. S. (2017). Pembangunan Sosial Remaja. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Pembangunan Kemahiran Diri Remaja Menurut Islam* (Vol. 3, pp. 67-87). Penerbit UTM Press.
- Alabèrnia-Segura, Feixas, G. & Gallardo-Pujol, D. (2022). Guilt and Shame Proneness Scale Adaptation and Psychometric Properties in Spanish Population. *Psychological Test Adaptation and Development* 0(0), 1-9. <https://doi.org/10.31234/osf.io/f8kdn>
- Alabèrnia-Segura, M., Gallardo-Pujol, D., & Feixas, G. (2018). Moral Identity Questionnaire (MIQ) Adaptation and Psychometric Properties in Spanish Population, *PsyArXiv*. <https://doi.org/10.31234/osf.io/f8kdn>

- Albertsen, E. J., O'Connor, L. E., & Berry, J. W. (2006). Religion and interpersonal guilt: Variations across ethnicity and spirituality. *Mental Health, Religion & Culture*, 9(1), 67-84.
- Alessandri, G., Zuffianò, A., Fabes, R., Vecchione, M., and Martin, C. (2014). Linking positive affect and positive self-beliefs in daily life. *Journal of Happiness Studies*, 15, 1479-1493.
- Aminuddin, P. P., Muslimin, I., Huldani, Bayu, I. S., Fauziah, & Harun, A. (2020). Are there levels of students morales? The effects of biological problem solving on moral development. *International Education Studies*, 13(6), 32-47.
- Anyanwu, F. C., Akinsola, H. A., Tugli, A. K., & Obisie-Nmehielle, N. (2020). A qualitative assessment of the influence of family dynamics on adolescents' sexual risk behaviour in a migration-affected community. *International Journal of Qualitative Studies on Health and Well-Being*, 15(1), 1717322.
- Aquino, K., & Reed, A. II. (2002). The self-importance of moral identity. *Journal of Personality and Social Psychology*, 83(6), 1423-1440.
- Aquino, K., Freeman, D., Reed, A., II, Lim, V. K. G., & Felps, W. (2009). Testing a social cognitive model of moral behavior: The interaction of situational factors and moral identity centrality. *Journal of Personality and Social Psychology*, 97, 123-141.
- Aquino, K., McFerran, B., & Laven, M. (2011). Moral identity and the experience of moral elevation in response to acts of uncommon goodness. *Journal of personality and social psychology*, 100(4), 703-718.
- Archer, R. P., Stredny, R. & Wheeler, E. M. A. (2013). Introduction to forensic uses of clinical assessment instruments. In R.P., Archer, & , E.M.A Wheeler. (Eds.), *Forensic uses of clinical assessment instruments* (2nd ed., pp. 4-24). Routledge.
- Arsenio, W. F. (2014). Moral attributions and aggression. In M. Killen & J. G. Smetana (Eds.), *Handbook of moral development* (2nd ed., pp. 235-255). Psychology Press.
- Avramova, Y. R. & Inbar, Y. (2013). Emotion and moral judgement. *Wiley Interdisciplinary Rev. Cognitive Science*, 4, 169-178.
- Ayal, S., Gino, F., Barkan, R., & Ariely, D. (2015). Three principles to REVISE people's unethical behavior. *Perspectives on Psychological Science*, 10(6), 738-741.
- Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahaman, A. S. (2016). *Enhancing extension education research using structural equation modeling: Enriching evidence-based extension work practices*. University Putra Malaysia Press.
- Bajovic M., & Rizzo K. (2021). Meta-moral cognition: Bridging the gap among adolescents' moral thinking, moral emotions and moral actions. *International Journal of Adolescence and Youth*, 26(1), 1-11.

- Balakrishnan, V. (2009). *Teaching moral education in secondary schools using real life dilemmas* [Unpublished doctoral dissertation]. Victoria University of Wellington.
- Baldwin, J. M. (1902). *Development and evolution*. Macmillan.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1991). Social cognitive theory of moral thought and action. In W. M. Kurtines, & J. L. Gewirtz (Eds.). *Handbook of moral behaviour and development* (45-103). Hillsdale.
- Bandura, A. (1991a). Social cognitive theory of moral thought and action. In W. M. Kurtines & J. L. Gewirtz (Eds.), *Handbook of moral behavior and development* (Vol. 1, pp. 45-103). Lawrence Erlbaum Associates.
- Bandura, A. (1991b). Social cognitive theory of self-regulation. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 248-287.
- Bandura, A. (1999). Social cognitive theory of personality. In L. A. Pervin & O. P. John (Eds.), *Handbook of personality: Theory and research* (pp. 154-196). Guilford Press.
- Bandura, A. (2002). Selective moral disengagement in the exercise of moral agency. *Journal of Moral Education*, 31(2), 101-119.
- Barón, M. J. O., Bilbao, I. E., Urquijo, P. A., López, S. C., and Jimeno, A. P. (2018). Moral emotions associated with prosocial and antisocial behavior in school-aged children. *Psicothema* 30, 82-88.
- Baron, R. A. (1997). The sweet smell of... helping: Effects of pleasant ambient fragrance on prosocial behavior in shopping malls. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 23(5), 498-503.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator–mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(6), 1173-1182.
- Bartels, D. M., Bauman, C. W., Cushman, F. A., Pizarro, D. A. & A. McGraw, P. (2015). Moral Judgment and Decision Making. In G. Keren & G. Wu (Eds.), *The Wiley Blackwell handbook of judgment and decision making* (1st ed., pp. 478-515). Wiley.
- Basinger, K. S. & Gibbs, J. C. (1987). Validation of the Sociomoral Reflection Objective Measure - Short Form. *Psychological Reports*, 61, 139-146.
- Batson, C. & Powell, A. (2003). Altruism and prosocial behavior. In T. Millon, & M. Lerner (Eds.), *Handbook of psychology volume 5: personality and social psychology* (pp. 463-484). John Wiley & Sons, Inc.

- Batson, C. D. (1991). *The altruism question: Toward a social psychological answer*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Batson, C. D. (2006). Sit or stand? *Psychological Inquiry*, 17, 30-38.
- Batson, C. D., & Collins, E. C. (2011). Moral hypocrisy: A self-enhancement/self-protection motive in the moral domain. In M. D. Alicke & C. Sedikides (Eds.), *Handbook of self-enhancement and self-protection* (pp. 92-111). The Guilford Press.
- Baumeister, R. F., Vohs, K. D., Nathan DeWall, C., & Zhang, L. (2007). How emotion shapes behavior: feedback, anticipation, and reflection, rather than direct causation. *Personality and Social Psychology Review*, 11(2), 167-203.
- Baumsteiger, R., & Siegel, J. T. (2019). Measuring prosociality: The development of a Prosocial Behavioral Intentions Scale. *Journal of Personality Assessment*, 101(3), 305-314.
- Beerthuizen, M. G. C. J. (2012). *The impact of morality on externalizing behaviour: Values, reasoning, cognitive distortions and identity* [Unpublished doctoral dissertation]. Utrecht University.
- Beerthuizen, M. G. C. J., & Brugman, D. (2016). The relationship of moral value evaluation with externalizing behaviour across value domains in adolescents. *European Journal of Developmental Psychology*, 13(1), 84-98.
- Bergman, R. (2002). Why be moral? A conceptual model from developmental psychology. *Human Development*, 45, 104-124.
- Bergman, R. (2004). Identity as motivation: Toward a theory of the moral self. In D. K. Lapsley & D. Narvaez (Eds.), *Moral development, self, and identity* (pp. 21-46). Lawrence Erlbaum Associates.
- Bergman, R. (2006) Gibbs on Kohlberg on Dewey: An essay review of John C. Gibbs's moral development and reality. *European Journal of Developmental Psychology*, 3(3), 300-315.
- Black, J. E. (2018). *The story of moral character: Morality, narrative, and the value of striving* [Unpublished doctoral dissertation]. University of Oklahoma.
- Black, J. E. & Reynolds, W. M. (2016). Development, reliability, and validity of the Moral Identity Questionnaire. *Personality and Individual Differences*, 97, 120-129.
- Blakemore, S-J. (2008). Development of the social brain during adolescence. *Quarterly Journal of Experimental Psychology*, 61(1), 40-49.
- Blasi, A. (1980). Bridging moral cognition and moral action: A critical review of the literature. *Psychological Bulletin*, 88, 1-45.
- Blasi, A. (1983). Moral cognition and moral action: A theoretical perspective. *Developmental Review*, 3, 178-210.

- Blasi, A. (1984). Moral identity: Its role in moral functioning. In W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.), *Morality, moral behavior and moral development* (pp. 128-139). Wiley.
- Blasi, A. (1988). Identity and the development of the self. In D. K. Lapsley & F. C. Power (Eds.), *Self, ego, and identity: Integrative approaches* (pp. 226-242). Springer.
- Blasi, A. (1993). The development of identity: Some implications for moral functioning. In G. G. Noam & T. E. Wren (Eds.), *The moral self* (pp. 99-122). MIT Press.
- Blasi, A. (1999). Emotions and moral motivation. *Journal for the Theory of Social Behavior*, 29, 1-19.
- Blasi, A. (2001). Moral motivation and society: Internalization and the development of the self. In G. Dux & F. Welk (Eds.), *Moral und Recht im Diskurs der Moderne. Zur Legitimation gesellschaftlicher Ordnung* (pp. 313-329). Leske + Budrich.
